



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2023

www.moh.gov.my



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2023

www.moh.gov.my

KANDUNGAN

iv **SIDANG PENGARANG**

v **CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

vi **VISI & MISI**

1	BAB 1	STATUS KESIHATAN
9	BAB 2	PENGURUSAN
43	BAB 3	KEWANGAN
59	BAB 4	KESIHATAN AWAM
111	BAB 5	PERUBATAN
173	BAB 6	PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL
241	BAB 7	KESIHATAN PERGIGIAN
253	BAB 8	FARMASI
267	BAB 9	KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN
285	BAB 10	PEMBANGUNAN
291	BAB 11	AUDIT DALAM
295	BAB 12	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
307	BAB 13	DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA
315	BAB 14	PENASIHAT UNDANG-UNDANG
319	BAB 15	INTEGRITI
323	BAB 16	PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
327	BAB 17	MAJLIS PELANCONGAN KESIHATAN MALAYSIA (MHTC)
333	BAB 18	PROTECTHEALTH
341	BAB 19	MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)
345	BAB 20	CLINICAL RESEARCH MALAYSIA (CRM)
351	GLOSARI	
365	JAWATANKUASA EDITORIAL	

SIDANG PENGARANG

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN (PENGERUSI)

Ketua Pengarah Kesihatan

DATO' ZAINAL ALHAKAB BIN SEMAN

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

DATO' SRI NORAZMAN BIN AYOB

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

DATO' INDERA DR. NOR AZIMI BINTI YUNUS

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

DATUK DR. NORHAYATI BINTI RUSLI

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATUK DR. NOR FARIZA BINTI NGAH

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

DR. NOORMI BINTI OTHMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

PN. NORHALIZA BINTI A. HALIM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

PN. NORRANI BINTI EKSAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)


DR. ENNA BINTI MOHD HANAFIAH

Pengarah, Bahagian Perancangan

DR. NURAIDAH BINTI MOHD MARZUKI (SEKRETARIAT)

Timbalan Pengarah, Pusat Informatik Kesihatan

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



TARIKH KEMASKINI : 24 JUN 2024

Sila rujuk laman web rasmi KKM untuk carta organisasi terkini


VISI

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
 - o mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - o menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - o mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu:
 - o mengutamakan pelanggan
 - o saksama
 - o tidak membebankan
 - o cekap
 - o wajar mengikut teknologi
 - o boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - o inovatif
- Dengan menekankan:
 - o sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - o sifat menghormati maruah insan
 - o penglibatan masyarakat



BAB 01

STATUS KESIHATAN

PENGENALAN

Rakyat Malaysia hari ini secara umumnya adalah lebih sihat dan berkemampuan untuk lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang dicapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang sejahtera dan bermakna. Tambahan pula, kesihatan yang baik menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.

STRUKTUR PENDUDUK

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2023 dianggarkan seramai 33.4 juta orang dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 2.13%. Jumlah penduduk pada 2023 menunjukkan peningkatan seramai 0.7 juta berbanding 32.7 juta pada 2022. Taburan penduduk mengikut negeri menunjukkan bahawa Selangor mencatatkan jumlah penduduk paling ramai iaitu seramai 7.2 juta, manakala Wilayah Persekutuan (WP) Labuan merekodkan jumlah penduduk paling rendah seramai 0.1 juta. Sabah mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan tertinggi sebanyak 5.19%, sementara Perlis mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan terendah iaitu 1.06% seperti dalam **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1 Bilangan dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan mengikut Negeri di Malaysia Tahun 2022-2023

Negeri	Bilangan Penduduk ('000)		Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Johor	4,028.3	4,107.2	0.21	1.94
Kedah	2,163.1	2,189.3	0.53	1.20
Kelantan	1,830.6	1,859.8	1.00	1.58
Melaka	1,008.6	1,028.3	0.41	1.93
Negeri Sembilan	1,207.9	1,224.9	0.31	1.40
Pahang	1,614.3	1,643.2	0.80	1.77
Pulau Pinang	1,740.9	1,772.6	0.05	1.80
Perak	2,514.4	2,541.2	-0.06	1.06
Perlis	289.8	293.1	0.76	1.13
Selangor	7,050.3	7,209.7	0.51	2.24
Terengganu	1,186.6	1,210.0	1.36	1.95
Sabah	3,414.9	3,596.7	0.07	5.19
Sarawak	2,473.5	2,502.3	0.32	1.16
WP Kuala Lumpur	1,961.2	2,005.7	-0.14	2.24
WP Labuan	96.9	99.0	0.93	2.14
WP Putrajaya	117.0	118.8	1.55	1.53
MALAYSIA	32,698.1	33,401.8	0.37	2.13

Nota:

- Anggaran penduduk pertengahan tahun 2022 dan 2023 adalah berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020)
- Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada 2023, penduduk lelaki di Malaysia melebihi perempuan iaitu masing-masing 17.5 juta dan 15.9 juta dengan nisbah jantina sebanyak 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Penduduk yang berada dalam umur bekerja, iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun ialah seramai 23.3 juta atau 69.90% daripada jumlah keseluruhan penduduk, manakala penduduk umur muda dan tua masing-masing ialah 7.6 juta (22.66%) dan 2.5 juta (7.44%) seperti dalam **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2 Statistik Utama Penduduk Malaysia Tahun 2023

Penduduk	2023	
	Bilangan ('000)	% daripada Jumlah Penduduk
Lelaki	17,472.3	52.31
Perempuan	15,929.5	47.69
Nisbah jantina	110 lelaki bagi 100 perempuan	
Kumpulan umur bekerja (15-64 tahun)	23,347.4	69.90
Kumpulan umur muda (bawah 15 tahun)	7,569.2	22.66
Kumpulan umur tua (65 tahun & ke atas)	2,485.2	7.44
Nisbah tanggungan jumlah	43.06	
Nisbah tanggungan umur muda	32.42	
Nisbah tanggungan umur tua	10.64	

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun adalah berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020)
2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

Nisbah tanggungan ialah bilangan penduduk dalam kumpulan umur muda dan umur tua yang perlu ditanggung bagi setiap 100 orang dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah tersebut terbahagi kepada nisbah tanggungan jumlah, nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua. Pada tahun 2023, nisbah tanggungan jumlah ialah 43.06, nisbah tanggungan umur muda ialah 32.42 manakala nisbah tanggungan umur tua ialah 10.64.


STATUS KESIHATAN

Status kesihatan diukur melalui keadaan kesihatan individu dan penduduk secara keseluruhannya. Ianya boleh diukur melalui beberapa petunjuk kesihatan seperti status jangkaan hayat ketika lahir, kematian dan morbiditi.

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR

Jangkaan hayat merupakan umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu. Jangkaan hayat ketika lahir merupakan bilangan tahun seorang bayi yang baru lahir akan hidup, jika corak kematian pada masa kelahirannya tetap sama sepanjang hayat.

Pada tahun 2023, jangkaan hayat bayi ialah 74.8 tahun, meningkat daripada 73.8 tahun berbanding tahun sebelumnya. Situasi yang sama juga dilihat bagi jangkaan hayat lelaki dan perempuan ketika lahir iaitu masing-masing 72.5 tahun dan 77.4 tahun. Peningkatan jangkaan hayat ini disebabkan oleh jumlah kematian menurun pada tahun 2023 berbanding 2021 dan 2022 semasa pandemik COVID-19 seperti dalam **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1 Jangkaan Hayat Ketika Lahir Malaysia, 2012-2023

Nota:

1. ^p Data permulaan

2. ^e Data anggaran


Sumber: Jadual Hayat Ringkas 2021-2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

KEMATIAN

Data kematian merupakan sumber yang berguna dalam pengukuran tahap kesihatan. Data ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti secara komprehensif kerana ia melibatkan setiap individu.

Trend kadar kematian kasar (CDR), kadar kematian neonatal (NMR), kadar kematian bayi (IMR) dan nisbah kematian ibu bersalin (MMR) di Malaysia bagi tempoh 1990 hingga 2022 adalah seperti dalam **Rajah 1.2**. CDR telah merekodkan penurunan daripada 6.9 pada tahun 2021 kepada 6.3 bagi setiap 1,000 penduduk pada 2022. MMR juga menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 68.2 kepada 26.0 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup.

Walau bagaimanapun, NMR dan IMR menunjukkan trend yang berbeza dengan peningkatan pada tahun 2022, masing-masing meningkat daripada 4.1 kepada 4.2 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dan 6.1 kepada 6.8 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup berbanding tahun 2021. Trend bagi kadar kematian lain ditunjukkan dalam **Jadual 1.3**.



Rajah 1.2 Kadar Kematian di Malaysia, 1990-2022

Sumber: Perangkaan Penting Malaysia 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.3 Kadar Kematian di Malaysia, 2015-2022


Petunjuk	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kadar kematian kasar (setiap 1,000 penduduk)	5.0	5.1	5.3	5.3	5.3	5.1	6.9	6.3
Kadar kelahiran mati (setiap 1,000 kelahiran)	4.4	5.2	5.4	5.5	5.4	5.1	5.0	5.0
Kadar mortaliti perinatal (setiap 1,000 kelahiran)	7.7	8.3	8.7	8.9	8.4	8.0	8.2	8.2
Kadar mortaliti neonatal (setiap 1,000 kelahiran hidup)	4.3	4.2	4.4	4.6	4.1	3.9	4.1	4.2
Kadar mortaliti bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.9	6.7	6.9	7.2	6.4	5.9	6.1	6.8
Kadar mortaliti kanak-kanak (setiap 1,000 penduduk berumur 1-4 tahun)	0.4	0.4	0.4	0.4	0.3	0.3	0.3	0.4
Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun (setiap 1,000 kelahiran hidup)	8.4	8.1	8.4	8.8	7.7	7.3	7.4	8.6
Nisbah mortaliti ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup)	23.8	29.1	25.0	23.5	21.1	24.8	68.2	26.0

Sumber: Perangkaan Penting, Malaysia 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

MORBIDITI

Status kesihatan sesebuah komuniti diukur berdasarkan kepada morbiditi yang memfokuskan kepada insiden atau penularan penyakit.

Kemasukan ke hospital menunjukkan tahap keseriusan penyakit yang memerlukan rawatan lanjut, penstabilan pesakit atau keperluan pengasingan pesakit untuk mencegah penularan penyakit. Jumlah kemasukan pesakit ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan 2,744,681 pada 2023. Daripada jumlah tersebut, kategori *pregnancy, childbirth and the puerperium* merupakan sebab utama kemasukan ke hospital KKM iaitu 19.19%, diikuti dengan *diseases of the respiratory system* (15.30%) dan *certain conditions originating in the perinatal period* (9.48%). 10 sebab utama kemasukan ke hospital KKM bagi tahun 2023 adalah seperti dalam **Rajah 1.3**.




Rajah 1.3 10 Sebab Utama Kemasukan ke Hospital KKM, 2023 Peratus daripada Jumlah Discaj (%)

Nota:

Senarai penyakit adalah berdasarkan chapter grouping, International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD - 10), Version 2010

Jumlah kematian yang direkodkan di hospital KKM pada 2023 ialah 72,149 kematian yang mana *diseases of the circulatory system* merupakan sebab kematian yang tertinggi iaitu sebanyak 21.49%. Ini diikuti oleh *diseases of the respiratory system* (20.78%) dan *certain infectious and parasitic diseases* (11.47%) seperti dalam **Rajah 1.4**.



Rajah 1.4 10 Sebab Utama Kematian* di Hospital KKM, 2023 Peratus daripada Jumlah Kematian (%)

Nota:

1. Senarai penyakit adalah berdasarkan chapter grouping, *International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD - 10), Version 2010*
2. *Mulai tahun 2014, penentuan penyebab kematian di hospital KKM adalah berdasarkan kepada underlying cause of death seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

FASILITI KESIHATAN DAN PENGGUNAAN FASILITI

Bilangan hospital KKM yang menyediakan perkhidmatan pesakit dalam pada tahun 2023 ialah 149 dengan jumlah 45,964 katil. Jumlah ini terdiri daripada 138 hospital pelbagai jenis dan 11 institusi perubatan khas dengan bilangan katil masing-masing sebanyak 40,348 dan 5,616 katil. *Bed Occupancy Rate (BOR)* untuk hospital dan institusi perubatan khas KKM pada tahun 2023 ialah 73.25% seperti dalam **Jadual 1.4**.

Terdapat 1,095 Klinik Kesihatan (KK), 1,716 Klinik Desa (KD) dan 80 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) pada tahun 2023. Mulai 1 Januari 2019, nama Klinik 1Malaysia (K1M) telah ditukar kepada Klinik Komuniti (KKom) dan sehingga 31 Disember 2023, terdapat sebanyak 228 KKom yang beroperasi di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan perubatan asas bagi masalah kesihatan dan kecederaan ringan yang sering dihidapi oleh komuniti.

Jadual 1.4 Fasiliti Kesihatan mengikut Jenis, Bilangan Katil Rasmi dan Kadar Penggunaan Katil (BOR) di KKM, 2018-2023

Fasiliti	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Hospital	144	144	146	146	148	149
i. Hospital	135	135	135	135	137	138
ii. Institusi Perubatan Khas	9	9	11	11	11	11
Bilangan Katil Rasmi ¹	42,434	42,936	44,117	44,849	45,167	45,964
i. Hospital	37,619	38,131	38,543	39,263	39,581	40,348
ii. Institusi Perubatan Khas	4,815	4,805	5,574	5,586	5,586	5,616
BOR (%) ¹	68.75	70.01	64.72	77.52	69.01	73.25
Bilangan KK	1,000	1,027	1,051	1,057	1,077	1,095
Bilangan KD	1,791	1,771	1,752	1,749	1,722	1,716
Bilangan KKIA	90	87	87	86	83	80
Bilangan K1M/KKom	343	286	257	255	239	228

Nota:

¹Merujuk kepada bilangan katil rasmi dan BOR di hospital dan Institusi Perubatan Khas KKM

BAB
02
PENGURUSAN

PROGRAM PENGURUSAN

Sektor pengurusan di bawah KKM bertanggungjawab dalam merancang dan membangunkan sumber manusia yang kompeten serta memastikan tadbir urus organisasi yang cekap, teratur dan berkesan. Sektor ini terdiri daripada lima bahagian utama di bawah pemantauan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) seperti berikut:

- i. Bahagian Sumber Manusia (BSM)
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)
- iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK)
- iv. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
- v. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)

Pengurusan sumber manusia merangkumi perancangan tenaga manusia, pelantikan, pengurusan hal ehwal perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat, pengurusan hubungan majikan-pekerja, pembangunan organisasi, pengurusan saraan, pengurusan disiplin dan tatatertib serta hal ehwal persaraan. Peranan peneraju ini dilaksanakan oleh BSM menerusi cawangan berikut:

i. Cawangan Dasar, Saraan dan Perjawatan

Melibatkan kajian dasar berkaitan organisasi, sumber manusia dan perjawatan, semakan fungsi program, kapasiti penyampaian perkhidmatan dan agihan semula perjawatan, pengurusan dasar mengenai prestasi, pengurusan elaun serta kajian penambahbaikan, perluasan serta rasionalisasi elaun dan insentif serta pengurusan hubungan majikan-pekerja.

ii. Cawangan Pengurusan Perkhidmatan dan Sokongan


Melibatkan pengurusan pengambilan menerusi hubungan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), pengurusan penempatan dan pertukaran, semakan kelayakan gaji dan elaun, pengurusan cuti, naziran perkhidmatan serta isu-isu berbangkit mengenai disiplin dan aduan.

iii. Cawangan Naik Pangkat, Penilaian dan Prestasi

Melibatkan pengurusan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pengurusan tertinggi KKM, pengurusan pemangkuan dan kenaikan pangkat serta pengurusan prestasi.

KAPASITI SUMBER MANUSIA


KKM merupakan kementerian yang memiliki sumber manusia kedua tertinggi selepas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehingga 31 Disember 2023, jumlah keseluruhan sumber manusia yang berkhidmat di KKM adalah seramai 298,397 pegawai. Jumlah ini merangkumi 265,221 (88.90%) pegawai lantikan tetap dan 33,176 (11.10%) pegawai lantikan kontrak seperti **Rajah 2.1**.



Rajah 2.1 Lantikan Tetap dan Kontrak Tahun 2023

KEPELBAGAIAN SKIM PERKHIDMATAN

Kecekapan dan keberkesanan pengoperasian fasiliti kesihatan KKM dicapai menerusi komitmen dan kerjasama kolektif dari pelbagai peringkat sumber manusia dan latar belakang skim perkhidmatan. Terdapat 116 skim perkhidmatan di KKM yang masih aktif, merangkumi 95 skim perkhidmatan aktif dan 21 skim perkhidmatan yang telah dijumlahkan, namun masih memiliki penyandang sedang berkhidmat seperti **Rajah 2.2**.




Rajah 2.2 Skim Perkhidmatan

Nota:

**Skim Perkhidmatan Jumud akan dimansuhkan apabila penyandang jawatan bersara atau meletak jawatan*

PERTAMBAHAN PERJAWATAN TETAP

Dalam tempoh 2021 hingga 2023, KKM telah menerima sebanyak 19,426 jawatan baharu. Pertambahan ini diterima berikutan terdapat keperluan tambahan perjawatan di fasiliti kesihatan sedia ada dan juga fasiliti kesihatan yang dinaik taraf dan baharu siap dibina. Pada tahun 2023 KKM telah memiliki sebanyak 294,413 perjawatan tetap, peningkatan sebanyak 2.80% berbanding dengan tahun 2022, dengan pencapaian pengisian perjawatan tetap seramai 265,221 (90.10%) pegawai. Pengisian melibatkan jawatan di gred lantikan diteruskan menerusi kerjasama dengan SPA. Manakala bagi jawatan di gred kenaikan pangkat, pengisian dibuat berdasarkan kepada perakuan pemangku dan kenaikan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat mengambil kira faktor atrisi seperti peletakan jawatan dan persaraan. **Rajah 2.3** menerangkan perincian pengisian di KKM mengikut kumpulan perkhidmatan.



Rajah 2.3 Pengisian Perjawatan Tetap di KKM Mengikut Kumpulan Perkhidmatan pada Tahun 2023

Nota:

- Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah pegawai di gred 41 dan ke atas termasuk yang dalam Kumpulan Pengurusan Atas (Gred Pengurusan Tertinggi dan Gred Khas) dan skim perkhidmatan bersepadu.*
- Jumlah jawatan tetap di KKM tidak termasuk 2,588 jawatan kader yang telah diisi di kementerian atau agensi kerajaan lain.*

PENEMPATAN PERSONEL KKM DI KEMENTERIAN LAIN

KKM juga mempunyai komitmen untuk membantu kementerian lain menerusi perkhidmatan sokongan kesihatan yang dilaksanakan oleh agensi atau institusi di bawah kementerian tersebut antaranya adalah:

- Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Kementerian Pertahanan (MINDEF)
- Kementerian Pendidikan (KPM)
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
- Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)


Sehingga 31 Disember 2023, KKM telah menempatkan seramai 2,588 petugas kesihatan di jawatan kader di Kementerian lain merangkumi 132 pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional, 1,315 dalam kumpulan paramedik dan auksiliari serta 1,141 dalam kumpulan pelaksana.

Jadual 2.1 Penempatan Personel Kader KKM di Kementerian Lain Tahun 2023

Kementerian	Pegawai Perubatan	Jururawat	Jururawat Masyarakat	Penolong Pegawai Perubatan	Pembantu Perawatan Kesihatan	Lain-Lain Skim Perkhidmatan	Jumlah
MINDEF	-	475	149	111	199	83	1,017
KPWKM	-	25	66	6	843	56	996
KDN	47	12	1	210	52	57	379
KESUMA	20	28	-	-	-	1	49
JPM	1	-	-	-	-	46	47
KPM	-	5	-	5	7	25	42
KPKT	-	-	-	-	-	25	25
KPT	-	-	-	16	-	-	16
KBS	-	-	-	4	3	1	8
NRECC	-	-	-	-	-	5	5
MOSTI	-	-	-	-	-	1	1
KKDW	-	-	-	-	-	3	3
Jumlah	68	545	216	352	1,104	303	2,588

PENGISIAN JAWATAN SKIM PERKHIDMATAN UTAMA

Skim perkhidmatan di KKM merangkumi pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi, pegawai sains, pegawai kesihatan persekitaran, jururawat, penolong pegawai perubatan, juru x-ray, penolong pegawai persekitaran, pegawai pemakanan, jurutera, juruteknologi makmal perubatan dan lain-lain. Pada tahun 2023, jumlah sumber manusia dalam lima (5) skim perkhidmatan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan adalah seramai 136,657 (51.53%) daripada keseluruhan 265,221 pengisian jawatan tetap di KKM seperti **Rajah 2.4**.



Rajah 2.4 Skim Perkhidmatan Utama KKM Tahun 2023

PELANTIKAN PETUGAS KONTRAK UNTUK KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2023 KKM berjaya mengekalkan petugas kesihatan kontrak menerusi perakuan pelantikan semula secara kontrak. Keadaan ini sangat membantu tatkala KKM masih lagi berhadapan dengan isu COVID-19, jumlah pesakit dan pelanggan meningkat tinggi yang hadir ke fasiliti KKM khususnya di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital.

Seramai 33,176 personel daripada pelbagai skim perkhidmatan telah dilantik secara kontrak. Pelantikan secara kontrak ini dibuat kerana obligasi KKM mengikut akta profesion bagi latihan siswazah atau khidmat wajib, atas keperluan perkhidmatan kepakaran dan kesinambungan perkhidmatan seperti **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2 Pelantikan Personel KKM Secara Kontrak pada Tahun 2023

Skim Perkhidmatan	Jumlah Lantikan
Pelantikan kerana Keperluan Perkhidmatan Kepakaran	
Pakar Perubatan	22
Pelantikan atas Keperluan Akta untuk Latihan Siswazah dan Khidmat Wajib	
Pegawai Perubatan	14,511
Pegawai Pergigian	3,084
Pegawai Farmasi	3,351
Pelantikan kerana Membantu Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan	
Pegawai Sains	113
Pegawai Kesihatan Persekitaran	65
Pegawai Optometri	13
Pegawai Psikologi (Kaunseling)	200
Penolong Pegawai Perubatan	4,377
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	1,016
Penolong Jurutera	49
Juruteknologi Makmal Perubatan	997
Juruteknologi Pergigian	109
Juru X-ray Perubatan (Diagnostik)	254
Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	155
Jurupulih Perubatan (Carakerja)	209
Pembantu Pembedahan Pergigian	430
Pembantu Perawatan Kesihatan	23
Pembantu Awam	11
Pegawai <i>Contract of Service</i> di IPKKM	1
Personel MySTEP	4,186
Jumlah	33,176

LIBAT URUS KESATUAN DAN PERSATUAN SEKERJA

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan, KKM perlu sentiasa memastikan komunikasi dua hala dilaksanakan secara berkala bagi menyantuni isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh pegawai. Platform hubungan majikan-pekerja menerusi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan sesi libat urus dengan wakil persatuan dan kesatuan dilaksanakan dengan BSM selaku urus setia, pengurusan tertinggi dan anggota pentadbiran.

Platform hubungan majikan-pekerja yang berkesan antara pengurusan dan petugas kesihatan penting bagi membolehkan pengurusan KKM dan pegawai menyuarakan pandangan dan menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan organisasi KKM. Antara sesi libat urus utama melibatkan persatuan dan kesatuan sekerja adalah:

- i. Konvensyen Kesatuan Sekerja KKM 2023 pada 26-27 Julai 2023 di Holiday Inn Melaka
- ii. Sesi Perjumpaan Menteri Kesihatan bersama Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja KKM (MAPSU KKM) pada 3 Ogos 2023
- iii. Bengkel Kajian Sistem saraan Perkhidmatan Awam dan Isu Berbangkit semasa *Town hall* bagi Anggota Sains Kesihatan Bersekutu pada 4 September 2023
- iv. Kunjungan Hormat Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan pada 19 Oktober 2023
- v. Bengkel Pemetaan Perjawatan dan Waktu Bekerja Syif bagi Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat pada 22-24 November 2023
- vi. Bengkel Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengenai Kesesakan di Fasiliti KKM pada 28 November 2023
- vii. Empat (4) kali MBJ di Ibu Pejabat KKM (IPKKM), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ)



Imej 2.1 Sesi Libat Urus Kajian Kesatuan dan Persatuan Sekerja KKM

KAJIAN SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) UNTUK KLUSTER KESIHATAN

KKM telah melaksanakan sesi libat urus SSPA bagi kluster kesihatan pada 31 Julai 2023 bertempat di Auditorium Perdana Institut Kesihatan Negara (NIH). Sesi ini melibatkan wakil daripada 38 persatuan, wakil daripada 29 kesatuan, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), KPT, MINDEF dan KPKT dan wakil skim-skim perkhidmatan di bawah KKM. KKM telah mengemukakan 5,261 input kajian SSPA kepada JPA. Perincian input tersebut adalah seperti berikut:

- i. 839 input (16%) diterima bagi skop pengurusan bakat
- ii. 1,433 input (27%) bagi skop perjawatan dan organisasi
- iii. 2,989 input (57%) bagi skop saraan (gaji, elaun dan kemudahan)




Imej 2.2 Sesi Libat Urus Kajian SSPA Kluster Kesihatan

KENAIKAN PANGKAT DAN PENGURUSAN PRESTASI

KKM sentiasa menghargai komitmen dan sumbangan pegawai dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan di setiap peringkat. Pada setiap tahun KKM akan memastikan Ketua Jabatan melaksanakan penilaian prestasi tahunan terhadap semua pegawai untuk disaring bagi perakuan pemangkuan, kenaikan pangkat serta pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Bagi tahun 2023, 8% daripada keseluruhan pegawai KKM telah diberikan APC, manakala seramai 30,989 pegawai terlibat dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat seperti **Rajah 2.5**.




Rajah 2.5 Urusan Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan pada Tahun 2023

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)

HRMIS merupakan sistem pengurusan sumber manusia teras yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menguruskan maklumat sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Sistem ini mengandungi modul-modul teras iaitu Perolehan Sumber Manusia, Pembangunan, Pengurusan Prestasi, Pengurusan Kerjaya, Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran.

HRMIS menyediakan platform terkini, terbuka dan fleksibel bagi memenuhi keperluan pengurusan sumber manusia di KKM. Justeru, KKM sentiasa komited memastikan HRMIS diaplikasikan di semua peringkat IPKKM hingga ke PTJ di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi tahun 2023, pencapaian pelaksanaan HRMIS di KKM adalah 99.02% seperti **Rajah 2.6**.

Kriteria	Pencapaian (%)
Pengemaskinian Data Perjawatan	100
MyPortfolio	95
Perisytiharan Harta	100
Sasaran Kerja Utama: MyPerformance	98
Penglibatan dan Sumbangan: My Performance	98
Permohonan Pertukaran	100
Permohonan Penangguhan Kerja	100
Program Pembangunan Kompetensi	100
MBJ	100
Penamatan Perkhidmatan	100
Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri	99.3
Tuntutan Kerja Lebih Masa	99.4
Tuntutan Pelbagai (5 Jenis)	99.4
Pengurusan Cuti melalui HRMIS	97
Pengurusan Gaji melalui HRMIS	99.8
Pengurusan Penyata KEW.8	100
Pemurnian Data (126 Elemen Data)	97.5



Rajah 2.6 Pencapaian HRMIS KKM Tahun 2023

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI (BPK)

BPK terus komited dalam membangunkan kompetensi generik warga KKM dalam mendepani cabaran masa kini serta memenuhi aspirasi kerajaan dalam memberikan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan yang efektif. Pelaksanaan kursus yang tersusun sepanjang tahun amat penting bagi memastikan kompetensi warga KKM sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Bagi tahun 2023, BPK telah melaksanakan sebanyak 112 kursus dengan penyertaan seramai 3,914 orang peserta. Pecahan penganjuran kursus adalah seperti berikut:


Jadual 2.3 Penganjuran Kursus oleh BPK Tahun 2023

Unit	Bilangan Kursus		Bilangan Peserta
	Secara Fizikal	Secara Maya	
Dasar dan Pembangunan (DP)	8	3	363
Pembangunan Eksekutif (PE1)	5	9	263
Profesional dan Etika (PE2)	7	6	505
Kepimpinan dan Pengurusan (KP)	6	6	342
Governan dan Integriti (GI)	14	2	716
Inovasi dan Kualiti (IK)	3	3	480
Digital dan Teknologi (DT)	10	9	876
Peperiksaan Jabatan (PJ)	12	-	172
Pentadbiran dan Kewangan (PK)	9	-	197
Jumlah	74	38	3,914

PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT (TDP)

TDP telah dimulakan sejak tahun 2018 yang dikhususkan untuk semua pegawai KKM gred 41-52. Pelaksanaan TDP ini bertujuan meningkatkan ketahanan diri warga KKM dalam menghadapi cabaran dan kekangan dalam menyampaikan perkhidmatan awam yang berkualiti. TDP bertujuan melahirkan pegawai yang mempunyai kepimpinan yang berdaya tahan, bersikap fleksibel, tangkas, adaptif, inovatif dalam menghadapi pelbagai cabaran, berfikiran aras tinggi dan ke hadapan serta di luar kotak dengan berteraskan nilai-nilai murni dan profesionalisme.

Digital Leadership: Changing Paradigm for The Future merupakan tema TDP bagi tahun 2023 selaras dengan kepentingan digitalisasi dalam perkhidmatan awam. Program ini telah dilaksanakan secara hibrid pada 15 Mei hingga 10 November 2023 dengan penglibatan seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai gred 41-44 daripada 16 skim perkhidmatan. Sebanyak lima (5) modul telah dilaksanakan seperti berikut:



Rajah 2.7 Modul TDP Kohort 5


Sehingga kini, program tahunan ini telah dilaksanakan sebanyak lima (5) kohort yang melibatkan seramai 136 orang peserta gred 41-52. Daripada jumlah tersebut, seramai 80 peserta terdiri daripada gred 41-44 (Kohort 1, 3 dan 5) manakala 56 peserta merupakan pegawai-pegawai gred 48-52 (Kohort 4 dan 5). Sejumlah lebih daripada 20 skim perkhidmatan di KKM telah terlibat sepanjang program ini dilaksanakan.



Imej 2.3 Pelaksanaan TDP Kohort 5

PEMBANGUNAN DAN PEMURNIAN KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN (KKF)

BPK telah bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk membangunkan KKF bagi KKM. KKF merupakan salah satu elemen prestasi yang akan dinilai melalui sistem *Human Resource Management Information System* (HRMIS) dalam elemen MyPerformance. Penilaian berikut merangkumi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pembangunan KKF di kementerian ini melibatkan 74 profesion daripada 109 profesion dengan penglibatan seramai 305 pegawai telah hadir.



Rajah 2.8 Garis Masa KKF KKM

Secara prinsipnya KKF yang dibangunkan ini penting bagi memudahkan urusan penempatan pegawai, pengukuran penilaian prestasi pegawai berdasarkan kompetensi masing-masing serta sebagai sandaran kepada kenaikan gaji tahunan warga KKM. Hasil daripada bengkel tersebut serta perbincangan lanjut dengan JPA, KKM akan mengguna pakai 25 kompetensi baharu setelah mengambil kira kompetensi yang diperlukan oleh warga KKM dan kompetensi yang dibangunkan oleh kementerian atau agensi yang lain.

CERTIFIED PROFESSIONAL COACH (CPC)

Kursus CPC merupakan salah satu inisiatif baharu BPK pada tahun 2023 dalam membangunkan kompetensi pegawai KKM. Objektif kursus CPC ini adalah untuk melahirkan *professional coach* dalam kalangan penjawat awam yang akan menerajui program *coaching* di kementerian atau agensi masing-masing dan dapat mewujudkan pembudayaan *coaching* di tempat kerja.

Seramai 25 orang pegawai KKM telah terpilih dan seramai 23 orang pegawai telah berjaya ditauliahkan sebagai *Professional Coach* pada 31 Januari 2024 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara. Pegawai-pegawai KKM bagi Kohort 1 ini menjadi perintis dalam KKM dan merupakan Duta *Coaching* di organisasi masing-masing. Pegawai-pegawai ini juga dilantik sebagai *Professional Coach* dalam perkhidmatan awam di bawah INTAN, yang merupakan *Centre of Excellence* (COE) dalam bidang *coaching*.



Imej 2.4 Kursus CPC di INTAN Bukit Kiara

KURSUS SIJIL PENTAULIAHAN PEROLEHAN KERAJAAN (SPPK)

Pengurusan perolehan kerajaan merupakan salah satu bidang strategik yang penting dalam pengurusan kewangan awam. Kerajaan memperuntukkan sebahagian besar daripada belanjawan negara bagi tujuan pengoperasian kementerian, jabatan atau agensi kerajaan serta pembangunan sektor ekonomi, sosial dan keselamatan negara yang mana majoritinya melibatkan proses perolehan kerajaan. Perolehan kerajaan perlu diurus secara cekap, telus, berintegriti dan kebertanggungjawaban yang tinggi. Oleh itu, amalan tadbir urus terbaik dalam pengurusan perolehan kerajaan perlu dilaksanakan dengan mematuhi dan mengamalkan lima (5) prinsip perolehan kerajaan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah terbaik, persaingan terbuka serta adil dan saksama.

Selaras dengan itu, BPK telah berkolaborasi dengan INTAN untuk melaksanakan Kursus SPPK. Kursus ini direka khusus untuk membangunkan penjawat awam yang kompeten untuk melaksana dan mengurus perolehan kerajaan. Kursus ini telah dilaksanakan di Hotel Pearl Kuala Lumpur pada 3-7 Julai 2023. Seramai 40 orang peserta terdiri daripada pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan perolehan yang terpilih menyertai kursus SPPK. Penceramah terdiri daripada Kementerian Kewangan (MOF) dan INTAN. Kesemua peserta telah berjaya mendapat pentauliahan daripada INTAN.



Imej 2.5 Kursus SPPK Tahun 2023

TAKLIMAT KONSEP MALAYSIA MADANI PERKHIDMATAN AWAM (MMPA)

Taklimat Konsep MMPA telah diadakan secara maya pada 27-28 November dan 6-7 Disember 2023. Seramai 4,471 orang warga KKM telah menyertai taklimat tersebut dengan perincian peserta adalah seperti berikut:

Jadual 2.4 Bilangan Peserta MMPA Tahun 2023

Fasiliti	Jumlah Peserta
Ibu Pejabat KKM (IPKKM)	505
Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) (termasuk Hospital/Pejabat Kesihatan Daerah/Klinik Kesihatan/Klinik Pergigian)	3,752
Institut Kesihatan	214
Jumlah	4,471

Objektif taklimat ini adalah untuk:

- Menerapkan konsep Malaysia MADANI
- Menyenaraikan enam (6) nilai teras Malaysia MADANI
- Menerangkan lima (5) dimensi pasca normal dalam pembentukan dasar
- Menyenaraikan lapan (8) elemen utama Malaysia MADANI

BENGKEL STRATEGIK KETUA SETIAUSAHA BERSAMA PENGARAH KESIHATAN NEGERI, PENGARAH HOSPITAL DAN TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PENGURUSAN)

Bengkel strategik ini merupakan sesi percambahan fikiran serta perkongsian idea untuk membincangkan isu-isu strategik untuk mendapatkan solusi kreatif dan inovatif bagi mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian dan mutu perkhidmatan fasiliti kesihatan KKM. Seramai 210 peserta yang terdiri daripada Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dari 23-24 Jun 2023 di Putrajaya.

Isu-isu strategik yang dibincangkan adalah melibatkan lima (5) perkara utama iaitu pengurusan sumber manusia, kewangan dan perolehan, pengurusan aset (perubatan dan bukan perubatan), pengurusan hospital serta Sistem Maklumat Hospital.



Imej 2.6 Bengkel Strategik KSU bersama Pengarah JKN, Pengarah Hospital dan Timbalan Pengarah JKN (Pengurusan)

PROGRAM KECEMERLANGAN KESIHATAN DAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN (HEAL)

Bagi mendepani cabaran yang semakin sukar dan kompleks, KKM perlu mengorak langkah awal dalam membina keupayaan dan membangunkan pemimpin dalam organisasi dengan cara memberikan pengetahuan, kemahiran dan pendedahan kepada para pegawai mengenai kepimpinan berkesan berdasarkan situasi. Bagi tujuan itu, BPK telah menghantar pegawai-pegawai kanan kementerian bagi menyertai Program HEAL yang telah diadakan oleh *Melbourne Business School* (MBS) Australia pada bulan Oktober dan November 2023 di Port Dickson, Negeri Sembilan seramai 24 orang peserta KKM yang terdiri daripada gred 54-56.



Imej 2.7 Program HEAL Tahun 2023

PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN

BPK telah melaksanakan sebanyak dua (2) siri Peperiksaan Subjek Jabatan bagi tahun 2023. Secara keseluruhannya, seramai 172 orang calon daripada 14 skim perkhidmatan telah menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, seramai 138 orang calon telah lulus dalam peperiksaan tersebut dengan kadar kelulusan sebanyak 80.23%.



Imej 2.8 Peperiksaan Subjek Jabatan Tahun 2023

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

PENGURUSAN KEWANGAN

BKP bertanggungjawab ke atas peruntukan Program Pengurusan IPKKM di mana sejumlah RM1.89 billion telah diperuntukkan bawah peruntukan Belanja Mengurus. Prestasi perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah 103.3%. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengikut aktiviti adalah seperti **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti bawah Program Pengurusan bagi Tahun Kewangan 2023

Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Pengurusan IPKKM	680,530,541.30	727,154,951.56
Sumber Manusia	14,214,924.88	15,466,134.94
Kewangan	728,636,894.01	730,106,594.93
Latihan	421,421,565.12	433,642,536.57
Teknologi Maklumat	47,692,963.38	48,226,486.17
Pembangunan Kompetensi	4,408,942.93	5,342,345.22
Jumlah	1,896,905,831.62	1,959,939,049.39

UNIT PENGURUSAN ASET

Unit Pengurusan Aset bertanggungjawab dalam urusan berkaitan pengurusan aset, penyelenggaraan bangunan dan perolehan. Pencapaian mengikut setiap aktiviti bagi tahun 2023 adalah seperti di **Rajah 2.9**.

1. Perolehan:

- i. Tender - 1 (RM98,349,394.56)
- ii. Sebut Harga - 10 (RM2,355,013.50)
- iii. Lantikan Terus - 36 (RM4,964,648.97)

2. Pengurusan Aset:

- i. Pendaftaran Aset IPKKM - 2,653 unit
- ii. Pemeriksaan Aset IPKKM - 99.2%

3. Penyelenggaraan Bangunan:

- i. Bilangan aduan di IPKKM (Kompleks E dan Jalan Cenderasari) - 1,861
- ii. Kontrak Penyelenggaraan di IPKKM:
 - Pengurusan Fasiliti di IPKKM, Kompleks E, Putrajaya
 - Penyelenggaraan dan Operasi Sistem Penyaman Udara serta Sistem Pencegah Kebakaran di IPKKM, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Sistem Pepasangan Elektrikal Secara Berkala di IPKKM, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
 - Perkhidmatan Landskap di IPKKM, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
 - Perkhidmatan *Pest Control* dan Cucian Pejabat di IPKKM, Jalan Cenderasari
 - Perkhidmatan *Pest Control* dan Cucian Pejabat di Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB), Presint Diplomatik, Putrajaya
 - Perkhidmatan Cucian Pejabat IPKKM, Menara Prisma, Putrajaya
 - Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem Kehadiran Berkomputer (eTAMS) di IPKKM, Kompleks E, Putrajaya

Rajah 2.9 Ringkasan Aktiviti di bawah Unit Pengurusan Aset bagi Tahun 2023

PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

BKP turut bertanggungjawab ke atas pengurusan keselamatan perlindungan di KKM termasuk pengurusan dokumen rahsia rasmi kerajaan selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan pekeliling, surat pekeliling, garis panduan serta arahan yang berkaitan seperti **Rajah 2.10**.

PENGIKTIRAFAN	Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan Negara: Kategori Kementerian Terbaik Sijil Perakuan Semula BOMBA Tahun 2023
PELANTIKAN	173 Pegawai Pengelas di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi bagi KKM 37 Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan 237 Pendaftar Kecil Rahsia 294 pemegang Jawatan Keselamatan Berjadual
PENYELARASAN KESELAMATAN	426 Pengaktifan Kad Pengenalan Jabatan 965 Pengaktifan Kad Akses Keselamatan 314 Penyahaktifan Kad Akses Keselamatan 72 Kutipan Penguncian Tayar Kenderaan

Rajah 2.10 Pengurusan Keselamatan Perlindungan pada Tahun 2023

PENGURUSAN AM

Cawangan Pengurusan Am menguruskan hal ehwal pengurusan sumber manusia di IPKKM dan urusan pentadbiran logistik serta menyediakan khidmat nasihat dari aspek protokol, psikologi dan hal ehwal Islam berdasarkan kepada keperluan semasa di KKM. Ringkasan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Pengurusan Am sepanjang tahun 2023 adalah seperti **Rajah 2.11**.

Unit Pengurusan Sumber Manusia

- o Pemilihan 518 penerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2022 KKM (APC 2022)
- o Pengurusan:
 - 216 pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen
 - 81 persaraan (wajib/pilihan/terbitan)
 - 711 kenaikan pangkat
 - 12,978 penyediaan dan perekodan Kew.8

Unit Pentadbiran

- o 100% penyelesaian isu dalam Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- o Pelantikan:
 - 1,811 Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) bagi tempoh lantikan 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2026
 - 308 Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri (ALPHP) bagi tempoh lantikan 4 Ogos 2023 hingga 3 Ogos 2026
- o Pelaksanaan:
 - Majlis Perasmian Hospital Tanjong Karang, Selangor pada 9 Februari 2023 oleh DYMM Sultan Selangor
 - Majlis Perasmian Hospital Cyberjaya, Selangor pada 9 Mac 2023 oleh DYMM Sultan Selangor
 - Majlis Perasmian dan Penjenamaan Semula Hospital Serdang, Selangor pada 8 Mei 2023 oleh DYMM Sultan Selangor
 - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KKM 2023 pada 17 Mei 2023 di MAEPS Serdang dengan kehadiran Perdana Menteri
 - Majlis Pelancaran Skim Perubatan MADANI dan Program MADANI Afiat Peringkat Kebangsaan pada 1 Oktober 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak oleh Perdana Menteri

Unit Pengurusan Psikologi

- Pelaksanaan:
 - Empat (4) Program *Continuous Management Education* (CME)
 - Empat (4) Program Pembangunan Personal
 - Tiga (3) Program Kewangan
 - Dua (2) Program Intervensi
 - Dua (2) Program Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat IPKKM
 - Dua (2) Program *Corporate Social Responsibility* (CSR)
 - Dua (2) Program Sambutan Bulan Kemerdekaan
 - Dua (2) Program Pengurusan Emosi
- Penyelarasan:
 - Tiga (3) Program Kolaborasi bersama kementerian lain
 - Dua (2) Program bersama AKRAB IPKKM

Unit Hal Ehwal Islam

- Pelaksanaan:
 - Majlis Tilawah al-Quran Peringkat KKM Kali Ke-32 pada 6-8 Ogos 2023
 - Sepuluh (10) fasilitasi permohonan pensijilan Halal Malaysia bagi dapur hospital
 - Lapan (8) program dakwah dan penerapan nilai Islam serta Sambutan Hari Kebesaran Islam
- Penyelarasan pengurusan hal ehwal Islam di KKM:
 - 60 pendaftaran Pengamal Pengubatan Islam sebagai Pengamal berdaftar di bawah Akta 755
 - 30 Perkhidmatan Penjagaan Spiritual Pesakit (PPSp) untuk kakitangan, pesakit dan keluarga di semua hospital/fasiliti kesihatan di bawah KKM
 - 16 pengauditan Hospital Mesra Ibadah (HMI) dan pengeluaran Sijil Pengesahan HMI bagi hospital di bawah KKM
 - Tujuh (7) Program Hospital Mesra Ibadah (HMI)
 - Lima (5) Taklimat Saringan i-Syifa' dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)
 - Lima (5) program Latihan PPSp di hospital di bawah KKM

Rajah 2.11 Program dan Aktiviti Cawangan Pengurusan Am Tahun 2023

PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT

BKP menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat untuk kemudahan warga KKM. Aktiviti dan pencapaian Pengurusan Sumber Maklumat adalah seperti **Jadual 2.6**

Jadual 2.6 Aktiviti dan Pencapaian Pengurusan Sumber Maklumat Tahun 2023

Aktiviti	Pencapaian
Pengurusan Maklumat dan Pendigitalan	• Langganan enam (6) pangkalan data untuk Portal <i>Virtual Library</i> iaitu <i>AccessMedicine</i>, <i>ClinicalKey for Nursing</i> (e-buku <i>BibliU & Wiley</i>), <i>Emerald Insight</i> (e-jurnal <i>Emerald Health and Social Care</i>), OVID (e-jurnal terbitan <i>Wolter Kluwers</i>), <i>LawNet</i> dan <i>eLaw</i>. • Portal <i>Virtual Library Discovery Services</i> (VLDS) https://vlib.ovidds.com/ • Akses kepada Portal VLDS: 148,088 pengunjung. • Jumlah keahlian terkumpul Portal VLDS: 2,436 ahli. • Sesi perkongsian dan kesedaran penggunaan Portal <i>Virtual Library</i> dan pangkalan data yang dilanggan.
Pembangunan Koleksi dan Khidmat Nasihat	• Menguruskan pendokumentasian bahan yang diterima melalui pembelian atau hadiah dan sumbangan. • Memberi khidmat nasihat kepada 78 perpustakaan perubatan bawah KKM. • Mengadakan lawatan khidmat nasihat dan naziran ke tiga buah perpustakaan perubatan KKM terpilih. • Mengadakan Mesyuarat dan Bengkel Pemantapan Pengurusan Perpustakaan Perubatan Tahun 2023.
Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat	• Menguruskan pelbagai aktiviti promosi dan 18 program galak guna perpustakaan.

PENGURUSAN REKOD

Bertanggungjawab dalam pengurusan rekod di KKM termasuk memantau pelaksanaan *Digital Document Management System* (DDMS) serta fail peribadi kakitangan KKM. Ringkasan program dan aktiviti di bawah unit ini adalah seperti **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7 Program dan Aktiviti Pengurusan Rekod Tahun 2023

Digital Document Management System (DDMS)

- » Penggunaan sistem DDMS ke atas 6,087 kakitangan dan 43 bahagian di IPKKM.
- » 161,071 unit dokumen dimuat naik ke dalam sistem DDMS.

Pengurusan Fail Peribadi di KKM

- » 9,456 pendaftaran fail melalui Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP).
- » Pengurusan 21,475 Fail Peribadi kepada Bahagian Sumber Manusia, IPKKM.

Pelaksanaan Program Pengurusan Rekod

- » Pelaksanaan 35 kursus atau latihan pengurusan rekod kepada PTJ.
- » Khidmat nasihat bagi pengurusan fail dan surat menyurat kepada 43 bahagian di IPKKM.
- » Naziran Pengurusan Rekod:
 - JKN Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)
 - JKN Zon Selatan (Melaka dan Johor)
 - Tujuh (7) bahagian di IPKKM
 - i. Bahagian Kawalan Penyakit
 - ii. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
 - iii. Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
 - iv. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
 - v. Bahagian Perkembangan Perubatan
 - vi. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
 - vii. Bahagian Amalan Perubatan
- » Pelupusan rekod di kementerian:
 - Pelupusan 43,734 unit fail
 - Penghantaran 16 unit buku terbitan ke Arkib Negara
 - Penghantaran 2,220 keping gambar ke Arkib Negara

Pengurusan Surat Menyurat dan Registri IPKKM

- » Pengurusan 86,199 surat masuk
- » Penghantaran 97,706 surat keluar

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Penilaian Prestasi Berasaskan KPI bagi Menteri Kesihatan

BKP menyelaras pelaksanaan penilaian prestasi 100 hari bagi Menteri Kesihatan dan KPI Tahunan yang dilaporkan secara berkala kepada Pejabat Menteri berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.

Penilaian Prestasi Berasaskan KPI bagi Tier 1, Tier 2 dan Tier 3 KKM Tahun 2023

BKP merupakan penyelaras dalam pelaksanaan KPI berdasarkan penilaian prestasi bagi dua (2) kategori berikut:

- PTPA Tier 1 hingga Tier 3 (Sektor Pengurusan)
- PPTPA Tier 1 hingga Tier 7 (Sektor Teknikal) bagi KPI Generik

PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI


BKP bertanggungjawab sebagai Sekretariat Induk Peringkat KKM (KKM) bagi Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang diadakan pada 8-10 Disember 2023. Objektif program ini adalah untuk menyebarkan luas dan mempromosikan dasar-dasar dan inisiatif baharu yang diperkenalkan kepada rakyat, meningkatkan kesedaran umum dan kefahaman terhadap hala tuju dan matlamat kerajaan dan membina kepercayaan serta keyakinan antara Kerajaan dengan rakyat. Program ini memberi fokus kepada tiga komponen iaitu *Showcase* Pencapaian Setahun Kerajaan MADANI, perkhidmatan *touchpoint* rakyat dan Inisiatif Kesejahteraan Rakyat.

RETREAT PENYELARASAN BELANJAWAN, PEROLEHAN DAN PENETAPAN KPI

BKP bertanggungjawab sebagai penganjur dan Sekretariat Induk bagi *Retreat* Penyelarasan Belanjawan, Perolehan dan Penetapan KPI yang telah diadakan pada 15-16 Disember 2023 di Hotel Lexis, Port Dickson. *Retreat* yang dihadiri oleh 120 orang pegawai Kanan KKM bersama Pengurusan Tertinggi KKM bertujuan untuk menyelaras perancangan belanjawan, perolehan, pembangunan di samping menyediakan dan memuktamadkan KPI Menteri Kesihatan dan KPI Tier 1 serta *road map* bagi hala tuju KKM dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang sehingga tahun 2038.

PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DAN EKSA KENDIRI KKM

BKP adalah Sekretariat Induk dalam pelaksanaan EKSA di KKM. Sepanjang tahun 2023, 37 fasiliti kesihatan pelbagai peringkat telah berjaya memperolehi pensijilan EKSA oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



Rajah 2.12 Pensijilan EKSA di Fasiliti Kesihatan Tahun 2023

INOVASI & KUALITI

Anugerah Perdana Inovasi (API) KKM

Sesi Pembentangan API KKM Tahun 2023 yang melibatkan dua belas (12) kumpulan projek inovasi dari pelbagai fasiliti di bawah KKM telah dilaksanakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi (JPPI) KKM.

Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA)

Sebanyak lima (5) projek KKM iaitu SafeNeeD, CODIQ My, Label Ubat Mesra OKU Penglihatan, Cof'e; dan *Virtual Clinic* telah menyertai Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 anjuran MAMPU. Projek Cof'e dari Institut Kesihatan Negara (NIH), KKM telah terpilih menerima anugerah AIPSA Tahun 2023 bagi Trek Sosial yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri.

Expo SMART NATION 2023


Program SMART NATION 2023 bertemakan *Connecting Smart Innovations* telah diadakan pada 19-21 September 2023 di Pusat Pameran & Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur. KKM turut terlibat sebagai rakan kerjasama dengan menyertai pameran, sesi *Pocket Talk* dan kunjungan berkumpulan semasa sesi *Smart Healthcare Expo 2023*.

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

BKP menyelaras Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Program Pengurusan IPKKM (PIPKKM) dan menjadi urus setia bagi pelaksanaan MS ISO 9001:2015 SPK PIPKKM untuk sepuluh (10) bahagian di bawah Program Pengurusan KKM. PIPKKM telah berjaya memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi sepuluh (10) bahagian tersebut sehingga 5 Januari 2027.



Imej 2.9 Sijil MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi PIPKKM



Rajah 2.13 Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 PPIPKM

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

PERANAN BPM SEBAGAI PENGGERAK PENDIGITALAN DI KKM

BPM merupakan penggerak dalam perubahan progresif menerusi inovasi teknologi dan ekosistem digital bagi memacu pendigitalan di KKM. Ini termasuk peranan sebagai rakan strategik dalam industri dengan memberi khidmat nasihat teknikal kepada semua agensi dan bahagian. BPM menggalas tanggungjawab yang besar bagi mencorak aspirasi pendigitalan perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

BPM memberi fokus kepada tiga (3) peranan utama iaitu:

- i. Dasar dan Perancangan Strategik ICT
- ii. Pelaksanaan Projek ICT (Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem)
- iii. Pengurusan Teknikal ICT

Sepanjang tahun 2023, BPM telah berjaya mengekalkan pencapaian KPI lebih daripada sasaran yang ditetapkan, di samping berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang berpandukan Pelan Strategik Pendigitalan KKM (PSP KKM). BPM memberi penekanan kepada pengurusan pelaksanaan pembangunan dan penyelenggaraan sistem ke arah persekitaran pengkomputeran awan (*cloud*) dan penyediaan infrastruktur ICT untuk menampung keperluan sistem-sistem aplikasi tersebut.

ANUGERAH INOVASI KKM (AIKKM) TAHUN 2023

BPM merupakan unsur utama bagi kategori teknologi untuk Anugerah Inovasi KKM (AIKKM) dengan tema *KKM yang Kreatif Inovatif dan Berdaya Cipta Pemangkin Generasi MADANI*.

Desktop Assessment telah diadakan pada 11 Julai 2023 dan sebanyak 14 penyertaan daripada tujuh (7) negeri telah diterima dan disaring untuk ke peringkat seterusnya. Saringan Kedua AIKKM 2023 kategori teknologi telah diadakan pada 15 Ogos 2023 secara dalam talian. Panel juri terdiri daripada tiga (3) orang pegawai yang berpengalaman di BPM. Sebanyak sepuluh (10) projek inovasi telah disenarai pendek ke peringkat akhir AIKKM 2023 kategori teknologi yang berlangsung pada 26 September 2023 secara dalam talian. Keputusan pemenang akhir bagi kategori teknologi AIKKM adalah seperti berikut:

Jadual 2.8 Keputusan Pemenang AIKKM 2023

Pemenang	Negeri/Institusi	Tajuk Projek
Pertama	Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang Selangor	Farms - Pemantauan Secara <i>Real-Time</i> Penyediaan Laporan Bedah Siasat Medikolegal
Kedua	Jabatan Farmasi, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	<i>E-Antibiotic Guardian</i>
Ketiga	Klinik Kesihatan Segambut, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	<i>Digitalizing M-Chat To Improve Autism Screening Among Children</i>
Anugerah Khas Juri	Pakar Perubatan Keluarga Negeri Selangor	<i>MyNNJ Apps</i>

PEMBERIAN GANJARAN OLEH KUMPULAN WANG AMANAH ICT (KWAICT) KEPADA PASUKAN PROJEK SISTEM ENVIRONMENTAL HEALTH RISK INVENTORY (EHRI)

Permohonan Ganjaran Pasukan Projek Sistem EHRI telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (JKWAICT) Bil. 3 Tahun 2023 pada 17 November 2023. Pasukan Pembangunan Sistem EHRI seramai 26 orang pegawai yang terdiri daripada 15 orang pegawai daripada BPM, tiga (3) orang pegawai daripada Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan lapan (8) orang daripada Agensi Angkasa Malaysia telah berjaya menerima wang tunai sebanyak RM88,534.00 serta sijil penghargaan.

KWAICT merupakan satu pengiktirafan dalam bentuk ganjaran kepada ahli Pasukan Projek ICT yang berjaya melaksanakan Projek ICT secara *in-house* yang memberi penjimatan kos kepada kerajaan.



Imej 2.10 Sesi Pemurnian Dokumen KWAICT dan Pembentangan Sistem EHRI kepada JKWAICT

KAJIAN SEPARUH PENGAL PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KKM 2021-2025 (PSP KKM)

PSP KKM 2021-2025 telah dibangunkan untuk merancang hala tuju strategik ICT KKM bagi meningkatkan sistem perkhidmatan digital ke arah perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan bisnes KKM. PSP KKM ini merangkumi empat (4) teras strategik, 13 strategi dan 30 program pendigitalan.

Pada tahun 2023, kajian separuh penggal PSP KKM 2021-2025 telah dilaksanakan sejajar dengan Malaysia MADANI, Pelan Strategik Kementerian dan RMK12 serta penyelarasan hala tuju pendigitalan dengan dasar dan tumpuan utama bisnes. Kajian separuh penggal PSP KKM telah dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PERSPSA) yang diterbitkan oleh Jabatan Digital Negara (JDN). Selain itu, *Landscape Map Viewpoint* (LMV) aplikasi telah dikemaskini untuk menunjukkan arkitektur peringkat strategik yang menggambarkan perkhidmatan keseluruhan organisasi.



Imej 2.11 Bengkel Kajian Separuh Penggal PSP KKM 2021-2025 di Marina, Putrajaya

Bengkel Kajian Separuh Penggal PSP KKM 2021-2025 telah diadakan pada 8-9 November 2023 di Marina, Putrajaya. Tujuan bengkel adalah untuk mengemaskini pencapaian program dan melaksanakan kajian separuh penggal berdasarkan templat yang telah diberikan kepada pemilik projek. Laporan kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) pada bulan Mac 2024 untuk kelulusan.

PELUASAN SISTEM MAKLUMAT HOSPITAL (HIS)

Dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan perawatan dan penjagaan kesihatan yang lebih efisien dan *end-to-end*, HIS@KKM dan sub sistem telah diperluaskan secara berperingkat di fasiliti KKM.

BPM telah mengambil langkah proaktif menggunakan kepakaran dan bakat teknikal dalam sepenuhnya untuk melaksanakan peluasan secara *coaching* bagi HIS@KKM versi *Lite* di Hospital Melaka (HMel) dan *Central Sterile Supply Services Information System* (CenSSIS) di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang, Selangor. Hospital Melaka telah melaksanakan tranformasi pendigitalan melalui penggantian Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD) kepada HIS@KKM versi *Lite*. Penggunaan HIS@KKM di HMel telah bermula pada 1 Julai 2023 yang merangkumi wad-wad, Jabatan Rekod Perubatan, Bilik Daftar Masuk dan Unit Hasil.

Manakala, peluasan CenSSIS telah dilaksanakan di *Central Sterile Services Unit* (CSSU), HSIS. Mesyuarat Kick Off telah diadakan pada 2 Oktober 2023. Sistem ini dijangkakan akan *go live* pada awal tahun 2024. HIS@KKM juga telah diperluaskan penggunaannya ke Hospital Sultan Ismail, Johor dan Mesyuarat Kick-Off telah diadakan pada 27 Disember 2023. Hasil kerjasama KKM dan JDN, migrasi HIS@KKM versi Lite ke MyGovCloud@PDSA bagi Hospital Bera, Pahang dan Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan telah berjaya dilaksanakan pada 29 November 2023.

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, Pahang turut mendapat manfaat pendigitalan melalui pelaksanaan *Radiology Information System* (RIS@KKM) versi *Standalone*. Jabatan Radiologi HTAA telah mula menggunakan RIS@KKM pada 16 November 2023.

Selain itu, sistem *Picture Archiving and Communication System* (PACS) telah diperluaskan ke empat (4) buah hospital di dalam Kluster Ipoh Perak yang mana Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh sebagai *Lead Hospital* bagi Kluster Ipoh Perak bersama-sama tiga (3) buah hospital *non-Lead* iaitu Hospital Sungai Siput, Hospital Kampar dan Hospital Batu Gajah. Mesyuarat *Kick Off* telah diadakan pada 24 Ogos 2023. Perkongsian maklumat radiologi yang merangkumi laporan and imej perubatan secara digital bagi Kluster Ipoh Perak akan dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat, selain dapat menjimatkan kos percetakan bagi pengurusan hospital.

Seterusnya, BPM bersama Bahagian Perundingan ICT, JDN telah melaksanakan Jaminan Kualiti Perisian (SQA) ke atas sub sistem *Lab Information System* (LIS@KKM) pada awal tahun 2023 bagi meningkatkan kualiti dan prestasi sistem hak milik KKM.



Sesi Tandatangan Piagam LIS@KKM bersama Bahagian Perundingan ICT, JDN




Coaching HIS@KKM di Hospital Melaka

Imej 2.12 Peluasan HIS Tahun 2023

Sejajar dengan halatuju KKM untuk melaksanakan peluasan sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) secara bersepadu ke seluruh negara, lawatan tapak bagi EMR HIS@KKM di tujuh (7) hospital Negeri Sembilan telah diadakan pada 20-25 September 2023. Sistem rekod kesihatan bersepadu ini akan memudahkan akses kepada maklumat di mana-mana fasiliti dikunjungi (*point of care*) bagi membantu pemantauan dan perancangan sistem kesihatan yang teratur.

Secara keseluruhannya, HIS@KKM dan sub sistem telah berjaya meningkatkan tahap kecekapan pengurusan dan perawatan pesakit serta selari dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan *Lifetime Health Record* (LHR) bagi mencapai kesejahteraan rakyat. Ringkasan bagi peluasan Sistem Maklumat Hospital pada tahun 2023 adalah seperti pada **Rajah 2.15**.



Rajah 2.15 Peluasan HIS

PEMODENAN ePLACEMENT MENGGUNAKAN PENDEKATAN DevOps

Sistem Penempatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan baharu di KKM telah diwujudkan pada tahun 2015 bertujuan bagi menyokong pentadbiran penempatan pegawai. Sistem tersebut dibangunkan secara *in-house* dan terbahagi kepada tiga (3) sub sistem iaitu eHousemen, eDentist dan ePharmacist. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, terdapat keperluan bagi membangunkan semula sistem ini sebagai satu sistem yang berpusat iaitu sistem Penempatan Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi (ePlacement).

Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan pembangunan aplikasi moden yang menggunakan aplikasi kitar hayat DevOps. DevOps merupakan penerapan prinsip dan budaya yang membolehkan komunikasi dan kerjasama di antara pihak-pihak berkepentingan menjadi lebih baik terutamanya dalam menentukan hala tuju, membangunkan dan mengendalikan sistem aplikasi serta melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam semua aspek kitaran hayat. JDN telah bersetuju untuk membantu ahli pasukan pembangun yang terdiri daripada pegawai BPM dan BSM melalui sesi *coaching* DevOps yang telah bermula pada 6 November 2023 yang lalu dan akan berakhir pada April 2024.



Imej 2.13 Sesi Coaching dan Perbincangan Daily Scrum

KURSUS DAN LATIHAN KOMPETENSI PEGAWAI-PEGAWAI BPM

BPM telah menganjurkan beberapa kursus dan latihan bersesuaian untuk meningkatkan kompetensi pegawai. Kursus dan latihan ini selaras dengan keperluan menggunakan teknologi yang terkini dan pengurusan projek yang efektif seperti berikut:

i. Sesi Profesionalisme *Chief Digital Officer* (CDO) Bersama Ketua IT Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Fasiliti KKM

Sesi ini diadakan pada 15-16 Mac 2023, bertujuan untuk menyelaraskan pengurusan ICT serta membantu sebarang permasalahan yang dihadapi di fasiliti IPKKM dan negeri. Sesi ini diadakan secara berkala setiap dua (2) kali setahun dan dihadiri oleh pengurusan kanan BPM, wakil Bahagian daripada IPKKM, wakil JKN dan juga fasiliti KKM.

ii. Kursus *Design Thinking Teknologi Cloud*

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pengurusan projek ICT menggunakan teknologi cloud. Kursus ini telah diadakan pada 11-12 Oktober 2023 dan dianjurkan oleh Unit Aplikasi HIS.

iii. Kursus *Design Thinking Master Class* Bersama INTAN

Kursus ini diadakan pada 27-28 Oktober 2023 bagi semua pegawai gred F48 ke atas. Kursus ini bertujuan untuk meneroka pelbagai kaedah dan prinsip berkaitan *Design Thinking* sebagai pendekatan kepada inovasi dalam penambahbaikan tugas.


iv. Kursus Strategik Pemantapan Organisasi

BPM sentiasa memastikan perkhidmatan yang berkualiti dipertingkatkan setiap masa. Kesemua pengurusan kanan BPM perlu mempunyai daya inovasi dan kreativiti yang tinggi untuk memastikan BPM sentiasa relevan dan menjadi *activator* pendigitalan perkhidmatan kesihatan Malaysia. Oleh itu, kursus seperti ini diadakan setiap tahun dengan pengisian yang baharu dan terkini selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN (BPL)

PROGRAM PRA-PERKHIDMATAN


Program Pra-Perkhidmatan merupakan latihan separa perubatan untuk 13 program perkhidmatan paramedik dan auksiliari kesihatan. Maklumat pengambilan pelatih Program Pra-Perkhidmatan pada tahun 2023 adalah seperti pada **Rajah 2.16**.




Rajah 2.16 Pengambilan Pelatih Program Pra-Perkhidmatan Tahun 2023

PROGRAM LANJUTAN

Program Lanjutan pula adalah program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang ditawarkan kepada anggota paramedik dan auksiliari kesihatan dari agensi kerajaan, badan berkanun dan juga institusi kesihatan swasta. Maklumat bilangan permohonan dan pengambilan pelatih Program Lanjutan pada tahun 2023 adalah seperti pada **Rajah 2.17**, **Rajah 2.18** dan **Rajah 2.19**.



Rajah 2.17 Permohonan Mengikuti Program Lanjutan Tahun 2023



Rajah 2.18 Pengambilan Pelatih Program Lanjutan Tahun 2023



Rajah 2.19 Pecahan Pengambilan Pelatih Program Lanjutan Mengikut Sektor Perkhidmatan Tahun 2023

PROGRAM KEPAKARAN PERUBATAN

Sejumlah 1,335 Pegawai Perubatan telah ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi mengikuti Program Kepakaran Sarjana Perubatan dengan pengkhususan dalam pelbagai bidang pada tahun 2023, seperti di **Jadual 2.9**. Bilangan Pegawai Perubatan yang ditawarkan HLP pada tahun 2023 menurun sebanyak 2.6% berbanding tahun 2022 berikutan kekurangan bilangan calon yang melepasi saringan kelayakan di peringkat Jawatankuasa Kepakaran Bidang.

Jadual 2.9 Bilangan Pegawai Perubatan yang Ditawarkan Biasiswa 2022-2023

Disiplin	2022			2023		
	HLP	PLK	JUMLAH	HLP	PLK	JUMLAH
Anestesiologi	120	7	127	110	16	126
Kesihatan Awam/Masyarakat	153	1	154	124	3	127
Klinikal Onkologi	13	1	14	19	0	19
Neurosurgeri	20	0	20	16	1	17
Obstetrik & Ginekologi	95	5	100	75	11	86
Oftalmologi	58	2	60	59	9	68
Ortopedik	68	5	73	87	10	97
Otorinolaringologi	40	0	40	37	4	41
Patologi	54	3	57	55	4	59
Pediatrik	75	10	85	62	20	82
Perubatan Dalaman	107	12	119	84	34	118
Perubatan Kecemasan	107	4	111	73	10	83
Perubatan Keluarga	97	5	102	93	13	106
Perubatan Nuklear	7	0	7	7	0	7
Perubatan Pemulihan	16	0	16	16	0	16
Perubatan Sukan	8	1	9	6	0	6
Perubatan Transfusi	10	0	10	9	1	10
Plastik Surgery	6	0	6	6	0	6
Psikiatri	50	4	54	41	12	53
Radiologi	91	4	95	86	22	108
Surgeri Am	95	1	96	69	17	86
Surgeri Pediatrik	3	0	3	4	0	4
Forensik	13	0	13	9	1	10
Jumlah	1,306	65	1,371	1,147	188	1,335


Sesi taklimat kepada 1,335 Pegawai Perubatan telah diadakan pada 23 hingga 25 Mei 2023 di Auditorium Perdana, Kompleks Setia Perdana, Jabatan Perdana Menteri bertujuan memberi penerangan yang lebih jelas kepada pegawai mengenai pelaksanaan Program Sarjana Perubatan.



Imej 2.14 Sesi Taklimat bersama Pegawai Perubatan

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

BPL menguruskan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi kursus generik dan fungsional dalam dan luar negara. BPL juga menjalankan kursus bagi warga KKM di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) serta melaksanakan Program Transformasi Minda (PTM) bagi Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi lantikan baharu. Pada tahun 2023, sebanyak 12 kursus LDP Dalam Negara telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan seramai 646 orang pegawai di BPL dan ILKKM.



Rajah 2.20 Bilangan Penyertaan Mengikut Kursus Anjuran BPL

PROGRAM SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH/AREA OF SPECIAL INTEREST BAGI PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL KKM

Bagi tahun 2023, sejumlah 247 pegawai KKM dari pelbagai skim perkhidmatan kesihatan telah ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), 24 pegawai CBBP tanpa HLP dan satu (1) pegawai Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) tanpa HLP untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, Doktor Falsafah dan *Area of Special Interest* (AOSI) dalam bidang kesihatan.

Jadual 2.10 Sarjana, Doktor Falsafah dan *Area of Special Interest* (AOSI) 2023

Peringkat Pengajian	2023 CBBP dengan HLP	2023 CBBP tanpa HLP	2023 CBTG tanpa HLP
Sarjana	198	22	1
Doktor Falsafah	43	2	
AOSI	6		
Jumlah	247	24	1


Bilangan penajaan CBBP Dengan HLP bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana, Doktor Falsafah dan AOSI yang ditawarkan pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 41.1% berbanding tahun 2022. Sesi taklimat telah diadakan pada 7 Jun 2023 di Auditorium Perdana, Kompleks Setia Perdana, Jabatan Perdana Menteri bertujuan memberi penerangan yang lebih jelas mengenai Cuti Belajar, HLP, ikatan kontrak berkhidmat dan sebagainya yang berkaitan dengan pelaksanaan Program Sarjana/Ph.D/AOSI.



Imej 2.15 Majlis Taklimat Cuti Belajar

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KKM

Bagi tahun 2023, sebanyak 34 permohonan telah diterima daripada pegawai Kumpulan Pelaksana bagi kemudahan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa. Daripada jumlah tersebut, seramai 17 pegawai melepasi saringan dan ditawarkan kemudahan ini yang melibatkan 12 Penolong Pegawai Perubatan, 2 Penolong Pegawai Farmasi, 2 Jururawat dan 1 Pembantu Perawatan Kesihatan.



Rajah 2.21 Permohonan Pegawai Kumpulan Pelaksana Tahun 2023

ISTIADAT KONVOKESYEN ILKKM TAHUN 2023

Istiadat Konvokesyen Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) diadakan setiap tahun bagi meraikan dan memberi pengiktirafan kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian di semua 19 ILKKM seluruh Malaysia. Ia diadakan di tiga (3) zon iaitu Zon Semenanjung, Zon Sarawak dan Zon Sabah. Seramai 3,264 graduan daripada keseluruhan graduan tahun 2023 yang berjumlah 6,679 telah hadir ke Istiadat Konvokesyen ILKKM Tahun 2023 yang bertemakan *Graduan ILKKM Cemerlang Pendukung Kesihatan MADANI*.



Imej 2.16 Majlis Istiadat Konvokesyen ILKKM 2023

BAB
03
KEWANGAN

BAHAGIAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditadbir urus oleh Bahagian Kewangan yang bertanggungjawab mengurus belanjawan dan hasil serta kepatuhan kepada polisi dan dasar kewangan kementerian. Bahagian Kewangan terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dasar Kewangan, Cawangan Pengurusan Hasil dan Cawangan Pengurusan Belanjawan.

PENGURUSAN BELANJAWAN

KKM telah diperuntukkan dengan RM36.33 bilion pada tahun 2023 merangkumi RM31.50 bilion untuk Bajet Mengurus (B42) dan RM4.83 bilion untuk Bajet Pembangunan (P42).

PRESTASI BAJET MENGURUS 2023

Pada 2023, KKM telah membelanjakan RM32.19 bilion (102.20%) daripada jumlah keseluruhan bajet yang diperuntukkan. Peruntukan bagi Program Perubatan merupakan agihan peruntukan tertinggi sebanyak RM11.96 bilion (37.97%) dan diikuti peruntukan bagi Program Khusus sebanyak RM6.81 bilion (21.63%). **Jadual 3.1** menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan mengikut program pada 2023.

Jadual 3.1 Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Mengurus mengikut Program Tahun 2023

Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Perubatan	11,960,070,390	13,147,980,510
Program Khusus	6,813,106,080	7,291,769,819
Kesihatan Awam	5,534,712,000	5,966,445,101
Pengurusan	2,117,587,090	2,294,748,909
Dasar Baru	1,722,420,000	-
Komitmen Kewangan	1,600,000,000	1,618,652,715
Kesihatan Pergigian	1,055,819,660	1,167,043,962
Penyelidikan & Sokongan Teknikal	371,149,600	369,975,978
Perkhidmatan Farmasi	219,057,200	227,923,919
Keselamatan & Kualiti Makanan	106,077,980	108,682,109
Jumlah	31,500,000,000	32,193,223,023

Nota:

Perbelanjaan sebenar melebihi 100% disebabkan oleh peruntukan tambahan untuk bayaran emolumen, bayaran rawatan pesara, bayaran bil Institut Jantung Negara, biasiswa dan Perintah Gaji Minimum. Pelarasan untuk perbelanjaan akan dibuat pada tahun berikutnya (data sehingga 31 Disember 2023).

KEMUDAHAN PERUBATAN PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN VETERAN BERPENECEN

Bermula 1 Jun 2017, KKM telah mengambil alih fungsi dan peranan pengurusan berkaitan kemudahan perubatan pesara awam persekutuan dan veteran berpenecen serta ahli keluarga yang berkecayaan. Pengambilalihan fungsi ini turut melibatkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang melibatkan fungsi serta peranan berikut:

- i. Penyelarasan peruntukan rawatan perubatan pesara awam persekutuan
- ii. Pemprosesan tuntutan bayaran balik ubat, alat perubatan dan rawatan kecemasan
- iii. Pelantikan panel dialisis untuk pesara
- iv. Lain-lain urusan berkaitan kemudahan rawatan perubatan pesara awam persekutuan dan veteran berpenecen


Bagi 2023, peruntukan berjumlah RM528.66 juta telah diagihkan bagi menampung perbelanjaan rawatan perubatan pesara di fasiliti kesihatan KKM, hospital universiti, Hospital Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Sebanyak 452 panel dialisis (baharu dan lanjutan) telah dilantik pada 2023 dan ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 674 panel dialisis yang telah dilantik oleh KKM untuk rawatan dialisis pesara.

PENGURUSAN HASIL

Pada 2023, KKM telah merekodkan kutipan hasil keseluruhan sebanyak RM957.62 juta. Kutipan fi perubatan adalah penyumbang terbesar kutipan hasil dengan RM526.04 juta atau 54.93% daripada jumlah keseluruhan hasil kutipan. **Jadual 3.2** menunjukkan kutipan hasil mengikut klasifikasi manakala **Rajah 3.1** menunjukkan jumlah kutipan hasil dan tunggakan fi perubatan bagi tempoh 2019-2023.

Jadual 3.2 Kutipan Hasil mengikut Klasifikasi Tahun 2023

Kod	Kod Klasifikasi	Amaun (RM)	(%)
71000	Lesen Bayaran Pendaftaran & Permit	32,371,166.07	3.38
72000	(i) Kutipan Fi Perubatan	526,038,039.30	54.93
	(ii) Lain-lain (fi bukan perubatan)	64,447,987.63	6.73
73000	Perolehan dari Jualan Barang-barang	6,836,315.66	0.71
74000	Sewaan	45,800,345.47	4.78
75000	Faedah & Perolehan dari Pelaburan	419,307.51	0.04
76000	Denda & Hukuman	87,421,539.81	9.13
77000	Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	8,180,076.07	0.85
80000	Pelbagai Terimaan	186,107,039.85	19.43
	Jumlah	957,621,817.37	100.00



Rajah 3.1 Jumlah Kutipan Hasil dan Tunggakan Fi Perubatan Tahun 2019-2023

Pada 2023, jumlah keseluruhan tunggakan fi perubatan ialah RM49.21 juta atau 9.36% daripada kutipan hasil fi perubatan berjumlah RM526.04 juta. 81.45% daripada jumlah keseluruhan tunggakan fi perubatan adalah tunggakan fi bagi pesakit bukan warganegara Malaysia. Rekod kutipan hasil dan tunggakan fi perubatan mengikut status kewarganegaraan adalah seperti dalam **Jadual 3.3**.


Jadual 3.3 Jumlah Kutipan dan Tunggakan Fi Perubatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) mengikut Status Kewarganegaraan Tahun 2023

Kewarganegaraan	Tunggakan Fi		Kutipan Fi	
	(RM)	(%)	(RM)	(%)
Warganegara Malaysia	9,130,658.58	18.55	268,878,844.65	51.11
Bukan Warganegara Malaysia	40,083,102.07	81.45	257,159,194.65	48.89
Jumlah	49,213,760.65	100.00	526,038,039.30	100.00

KEMPEN GO CASHLESS KKM

Inisiatif Kempen Pembayaran Tanpa Tunai KKM telah bermula pada Oktober 2022 dan dipertingkatkan lagi pada 2023. KKM telah melancarkan Kempen *Go Cashless* KKM pada Jun 2023 dengan pelbagai aktiviti promosi dan sesi libat urus bersama orang awam dan fasiliti KKM di seluruh negara. Hasilnya, KKM telah mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam transaksi pembayaran tanpa tunai di semua fasiliti KKM pada akhir 2023.

Rajah 3.2 menunjukkan peningkatan transaksi terimaan bayaran tanpa tunai (*ePayment*) berbanding transaksi konvensional (contoh: tunai dan cek) di sepanjang 2023. Jumlah transaksi *ePayment* telah meningkat daripada 446,558 transaksi pada Januari 2023 kepada 1.21 juta transaksi pada Disember 2023 iaitu meningkat daripada 37.76% kepada 59.79%.



Rajah 3.2 Transaksi Pembayaran Tanpa Tunai Tahun 2023


BANTUAN KEWANGAN DAN GERAN

TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

TBP telah bermula sejak 2005 dan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta ditadbir urus berdasarkan Surat Ikatan Amanah, Garis Panduan TBP dan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Objektif TBP adalah untuk membantu pesakit kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan peralatan perubatan termasuklah ubat-ubatan di hospital KKM dan hospital universiti awam. **Rajah 3.3** menunjukkan jumlah peruntukan TBP, bilangan pesakit dan jumlah kelulusan TBP dari tahun 2005-2023. Jumlah kelulusan TBP adalah berdasarkan baki peruntukan semasa Kumpulan Wang Amanah. Pada 2023, jumlah penerima manfaat TBP ialah 4,588 melibatkan 23 disiplin berbeza.



Rajah 3.3 Peruntukan TBP Tahun 2005-2023



Rajah 3.4 Peratus Kelulusan Bantuan TBP mengikut Disiplin 2023

PROGRAM SUBSIDI KOS RAWATAN HEMODIALISIS DAN SUNTIKAN ERYTHROPOIETIN (EPO)

Subsidi kos rawatan hemodialisis dan suntikan EPO diberikan kepada pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan bagi mendapatkan rawatan di pusat hemodialisis milik badan bukan kerajaan (NGO) telah diperkenalkan pada 1 April 2001. Bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis diberikan sebanyak RM100 bagi setiap rawatan hemodialisis. Suntikan EPO berjumlah RM18.50 untuk setiap suntikan juga diberikan kepada pesakit yang miskin dan kurang berkemampuan. Jumlah subsidi rawatan keseluruhan bagi seorang pesakit yang merangkumi rawatan hemodialisis dan suntikan EPO ialah berjumlah RM1,640.50 sebulan. Jumlah kumulatif pesakit yang telah menerima bantuan subsidi rawatan pasa 2023 ialah seramai 1,894 pesakit manakala jumlah pesakit yang diluluskan pada 2023 ialah seramai 543 daripada 582 yang memohon. Jumlah peruntukan pada 2023 ialah sebanyak RM24.68 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM24.63 juta. Jumlah bilangan NGO yang telah berdaftar di bawah subsidi ini ialah sebanyak 62 NGO melibatkan 135 pusat dialisis seperti dalam **Rajah 3.5**.




Rajah 3.5 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Program Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis dan Suntikan EPO Tahun 2023

Nota:

Jumlah perbelanjaan RM24.63 juta dicatatkan melibatkan sejumlah 1,894 pesakit bagi program subsidi rawatan hemodialisis NGO berdasarkan rekod pada 31 Disember 2023.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA NGO

Peruntukan bantuan kewangan kepada NGO ialah sebanyak RM2.31 juta, dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM2.308 juta. Ini melibatkan pemberian bantuan kepada 19 NGO untuk penjagaan paliatif, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.55 juta, 14 NGO untuk rawatan tuberkulosis, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM0.47 juta dan 25 NGO untuk promosi kesihatan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM0.29 juta. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bantuan kewangan kepada NGO bagi tahun 2023 seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.6**.



Rajah 3.6 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Bantuan Kewangan kepada NGO Tahun 2023

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan bagi TBP, Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis dan bantuan kewangan kepada NGO bagi 2018 hingga 2023 adalah seperti dalam **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4 Perbelanjaan dan Bilangan Penerima Manfaat di bawah Bantuan Perubatan KKM Tahun 2018-2023

Jenis Bantuan	Perbelanjaan dan Bilangan Pesakit/NGO					
	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	RM51.7 juta (5,739 pesakit)	RM46.5 juta (4,615 pesakit)	RM40.5 juta (3,330 pesakit)	RM44.2 juta (3,459 pesakit)	RM48.9 juta (3,812 pesakit)	RM63.5 juta (4,588 pesakit)
Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis	RM25.45 juta (2,348 pesakit)	RM35.45 juta (2,015 pesakit)	RM33.38 juta (2,339 pesakit)	RM36.44 juta (2,615 pesakit)	RM26.97 juta (2,881 pesakit)	RM24.63 juta (1,894 pesakit)
Bantuan Kewangan Kepada NGO	RM2.41 juta (60 NGO)	RM4.76 juta (66 NGO)	RM3.43 juta (40 NGO)	RM3.13 juta (44 NGO)	RM4.83 juta (81 NGO)	RM2.31 juta (58 NGO)

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN

Bahagian Perolehan dan Penswastan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan melaksanakan perolehan, program penswastan serta pengurusan aset dan stor untuk KKM. Proses perolehan bekalan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan berpandukan kepada lima (5) prinsip iaitu:

- i. Akauntabiliti Awam
Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan dengan bertanggungjawab selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan.
- ii. Ketelusan
Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan.
- iii. Nilai Faedah yang Terbaik
Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
- iv. Persaingan Terbuka
Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing.
- v. Adil dan Saksama
Sesuatu perolehan itu hendaklah dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

Bahagian ini berperanan sebagai urus setia induk bagi Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia (LPKKM). Ahli LPKKM yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada agensi pusat serta agensi teknikal. Selain itu, bahagian ini berfungsi

sebagai urus setia bagi Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK), yang mengawal selia pengurusan aset alih dan stor KKM. Bahagian ini juga berperanan sebagai urus setia Penerimaan Hadiah Bukan Tunai bagi Kegunaan Jabatan di mana Kuasa Melulus adalah di bawah Ketua Setiausaha KKM.

Bahagian ini juga bertanggungjawab mengurus program penswastan yang melibatkan perkhidmatan logistik bekalan perubatan, perolehan dan penyelenggaraan peralatan perubatan di klinik KKM, Perkhidmatan Sokongan Hospital dan juga Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA). Program-program penswastan ini adalah selaras dengan Dasar Penswastan Negara. Justeru, program-program ini dipantau rapi dan sentiasa ditambah baik supaya ia mencapai objektif dan output yang dikehendaki. Bahagian ini juga mengawal selia pengurusan stor, inventori dan aset KKM bagi memastikan semua peraturan terpakai sentiasa dipatuhi.

PRESTASI PEROLEHAN KKM

KKM telah melaksanakan perolehan tender berjumlah RM2,531,727,672.60 dan memperoleh penjimatan sebanyak RM320,255,972.57 atau 12.65% pada 2023 yang meliputi perolehan farmaseutikal, peralatan perubatan, perkhidmatan, pakaian seragam (kain), gas perubatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kenderaan dan bekalan toner. **Jadual 3.5** menunjukkan pencapaian perolehan KKM pada 2023 mengikut kategori.

Selaras dengan dasar pengoptimuman sumber kerajaan, KKM telah memperoleh penjimatan dalam urusan perbelanjaan perolehan bagi memastikan peruntukan yang diterima mencukupi untuk menampung perkhidmatan utama dan keperluan penjagaan pesakit. Ini juga untuk memastikan perkhidmatan kesihatan tidak terjejas. Nilai penjimatan adalah berdasarkan kepada perbandingan antara anggaran harga jabatan dan nilai kontrak yang ditawarkan serta harga rundingan dengan syarikat.

Jadual 3.5 Pencapaian Perolehan KKM Tahun 2023

Kategori	Nilai Perolehan (RM)	Penjimatan (RM)
Farmaseutikal	982,289,956.38	170,360,665.69
Peralatan Perubatan & Kenderaan	334,858,366.40	56,447,288.20
Perkhidmatan	752,855,280.66	24,876,251.76
ICT	218,190,566.82	17,390,753.48
Toner	11,498,187.06	2,691,790.91
Penghantaran Barangan Import (MTO)	9,758,309.13	421,795.87
Gas Perubatan	72,920,000.00	55,740.00
Pakaian Seragam (kain)	98,349,394.56	46,755,862.26
Lain-lain Perolehan Bekalan & Perkhidmatan	51,007,611.59	1,255,824.40
Jumlah	2,531,727,672.60	320,255,972.57

Nota:

Data Sehingga 31 Disember 2023

PENGURUSAN PENSWASTAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Bahagian Perolehan dan Penswastaan bertanggungjawab untuk mengurus empat (4) projek penswastaan dan satu (1) projek penyumberluaran perkhidmatan seperti berikut:

Projek Penswastaan Perkhidmatan

- Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH)
- Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET)
- Konsesi Makmal Ubat dan Stor - Konsesi MUS (sehingga 30 Jun 2023)
- Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan - Konsesi Logistik yang menggantikan Konsesi MUS (bermula 1 Julai 2023)

Projek Penyumberluaran

- Konsesi Perkhidmatan Pengawasan dan Penyeliaan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FWMES) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan

Projek penswastaan perkhidmatan dan penyumberluaran telah memberikan pelbagai manfaat kepada kerajaan. Pelaksanaan projek PSH dan MEET telah membolehkan pengurusan fasiliti dan peralatan biomedikal dapat dilaksanakan secara komprehensif dan menyeluruh. Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan KKM pula telah memudahkan pengurusan logistik bagi pembekalan produk ubat dan bukan ubat ke fasiliti KKM. Pelaksanaan projek FWMES telah membantu KKM memastikan pekerja asing yang sihat sahaja bekerja di Malaysia.

SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Sistem eP yang dibangunkan pada tahun 2000 berfungsi sebagai platform dalam talian untuk membolehkan agensi kerajaan memperoleh bekalan dan perkhidmatan daripada vendor yang berdaftar dengan kerajaan. Sistem eP adalah salah satu pasaran maya *Government-to-Business* (G2B) yang terbesar di ASEAN dengan dua (2) juta katalog dalam talian. Mulai Januari 2018, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah memperkenalkan Sistem eP yang ditambah baik dan digunakan sepenuhnya bagi melaksanakan proses perolehan secara *end-to-end*. Berdasarkan kepada rekod penggunaan, KKM merupakan pengguna sistem eP yang terbesar dan telah menggunakan sistem eP secara optimum. **Jadual 3.6** menunjukkan pencapaian kementerian dalam penggunaan Sistem eP dari 2020-2023.

Jadual 3.6 Pencapaian KKM dalam Penggunaan Sistem eP Tahun 2020-2023

Tahun	Jumlah Transaksi	Nilai Transaksi (RM)	Peruntukan (RM)	Pencapaian (%)
2020	715,345	5,731,877,322.29	7,000,000,000.00	81.89
2021	695,556	6,601,673,230.00	7,000,000,000.00	94.31
2022	776,779	7,465,679,863.00	6,000,000,000.00	124.43
2023	818,881	7,534,635,105.00	6,000,000,000.00	125.58

Nota:

Data sehingga Disember 2023

Sumber: Sistem eP, MOF

Terdapat peningkatan penggunaan Sistem eP pada 2023 berbanding tahun sebelumnya. MOF telah menetapkan supaya perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding untuk semua nilai (pembelian terus, sebut harga dan tender) dilaksanakan sepenuhnya menggunakan Sistem eP. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perolehan seperti perolehan PSH yang telah mendapat pengecualian daripada MOF untuk dilaksanakan secara manual. Lain-lain perolehan yang memerlukan pengecualian Sistem eP perlu mendapat kelulusan daripada MOF terlebih dahulu.

PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR


Sehingga 31 Disember 2023, jumlah kedudukan semasa aset alih KKM ialah sebanyak 2,972,492 unit dengan nilai perolehan asal berjumlah RM15,593,152,297.74. Nilai keseluruhan baki stok yang disimpan pada 31 Disember 2023 ialah RM880,163,848.90 dengan prestasi pengurusan stor tahun 2023 mencapai 6.49 Kadar Pusingan Stok (KPS). Pembentangan Pelaporan Pengurusan Aset Alih dan Stor KKM dilakukan pada setiap suku tahun untuk disahkan semasa Mesyuarat JKPAK bagi memastikan pematuhan kepada tatacara yang dikeluarkan oleh MOF. Bersempena dengan Persidangan Pegawai Aset Tahun 2023 anjuran MOF, KKM telah menerima Sijil Pencapaian Kadar Pusingan Stok (KPS) melebihi 4.0 bagi 2022 (**Imej 3.1**).



Imej 3.1 Persidangan Pegawai Aset Tahun 2023

BAHAGIAN AKAUN (BA)


BA bertanggungjawab memberi khidmat perakaunan yang cekap dan berkualiti dalam memastikan semua urus niaga Pusat Tanggungjawab (PTJ) diambil kira dengan tepat dan lengkap dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Visi dan Misi BA seperti dalam **Rajah 3.7**.



Rajah 3.7 Visi dan Misi Bahagian Akaun


PENGURUSAN KEWANGAN

BA bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan Kementerian (PKK) berasaskan lejar akrual setiap bulan dan penyata tahunan untuk dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). PKK ini disediakan bertujuan bagi melaporkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Nilai Bersih dan Nota kepada Penyata Kewangan. PPK juga mengandungi maklumat prestasi perbelanjaan dan kutipan hasil kementerian. Ringkasan Kedudukan dan Prestasi Kewangan KKM 2023 (Interim) adalah seperti dalam **Rajah 3.8**.



Rajah 3.8 Ringkasan Kedudukan dan Prestasi Kewangan KKM 2023 (Interim)

Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan Kementerian, aset merekodkan jumlah tertinggi sebanyak RM52.14 bilion, yang mana komponen aset Hartanah, Loji & Peralatan merekodkan urus niaga tertinggi iaitu RM50.69 bilion (97.22%). Perbelanjaan pula merekodkan jumlah tertinggi di Penyata Prestasi Kementerian iaitu RM36.34 bilion. Komponen perbelanjaan tertinggi adalah Gaji, Upahan & Manfaat sebanyak RM21.67 bilion (59.63%). Kedudukan Aset dan Prestasi Perbelanjaan KKM bagi 2023 adalah seperti dalam **Rajah 3.9**.




Rajah 3.9 Kedudukan Aset dan Prestasi Perbelanjaan KKM 2023

Secara keseluruhan, sehingga 31 Disember 2023, Kedudukan Kewangan Kementerian dengan keseluruhan aset terkumpul ialah berjumlah RM52.14 bilion merangkumi liabiliti berjumlah RM1.99 bilion dan ekuiti bernilai RM50.15 bilion. Prestasi Kewangan Kementerian menunjukkan perbelanjaan melebihi hasil iaitu sebanyak RM35.41 bilion. Perbelanjaan terkumpul sehingga 31 Disember 2023 ialah sebanyak RM36.34 bilion, manakala hasil terkumpul berjumlah RM929.81 juta.

PENGURUSAN PRESTASI BIL

Prestasi keseluruhan tahun 2023 bagi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari ialah 99.99%, iaitu 2,091,022 bil dengan jumlah pembayaran RM14.15 bilion. Baki 0.01% merupakan 136 bil lewat dibayar melebihi 14 hari dengan jumlah RM2.90 juta. Prestasi pembayaran bil KKM dalam tempoh 14 hari pada 2023 mencatatkan peratusan yang sama seperti pada 2022, iaitu sebanyak 99.99%. Namun, bilangan bil yang dibayar melebihi 14 hari menunjukkan penurunan daripada 290 pada 2022 ke 136 pada 2023, iaitu peratusan penurunan sebanyak 53.10%. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari bagi 2022 dan 2023 adalah seperti dalam **Rajah 3.10**.



Rajah 3.10 Prestasi Pembayaran Bil Dalam Tempoh 14 Hari, 2022 dan 2023

Bagi memastikan pembayaran bil di PTJ dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dengan teratur dan sempurna, satu sesi Taklimat Prestasi Pembayaran Bil KKM secara dalam talian telah diadakan pada 22 Februari 2023 (**Imej 3.2**). Selain itu, Bengkel Pemantapan Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 14 hari bagi Zon Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 14-15 Mac 2023, dengan penekanan diberikan kepada PTJ yang mempunyai isu kelewatan pembayaran bil dan berulang (**Imej 3.3**).



Imej 3.2 Taklimat Prestasi Pembayaran Bil KKM



Imej 3.3 Bengkel Pemantapan Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 14 Hari Zon Sabah dan Sarawak

TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

Lawatan naziran telah dilaksanakan ke atas 168 daripada 453 PTJ KKM di seluruh Malaysia (**Imej 3.4**). Verifikasi dokumen terimaan hasil bulanan juga dilaksanakan ke atas 438 Pejabat Pemungut Utama KKM. Pemantauan ini dilaksanakan untuk memastikan prosedur sedia ada mematuhi polisi dan standard perakaunan serta memastikan kawalan dalaman yang menyeluruh untuk mengukuhkan tadbir urus dan pengurusan perakaunan di PTJ KKM. Skop semakan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan yang dilaksanakan di lapangan merangkumi empat (4) komponen iaitu Naziran Pengurusan Aset, Belanja, Liabiliti dan Hasil. Ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu matan yang perlu dilaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan.



Imej 3.4 Lawatan Naziran Pematuhan yang Dilaksanakan di PTJ

AKTIVITI LIBAT URUS BERSAMA PTJ DAN PEGAWAI PERAKAUNAN KKM

Persidangan Pegawai Perakaunan KKM 2023 telah diadakan pada 10-12 September 2023 bertempat di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM secara dalam talian dan telah dihadiri seramai 88 peserta dari PTJ seluruh Malaysia. BA juga mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Perakaunan dan Kewangan PTJ KKM di Zon Sabah pada 25 September 2023 bertempat di UTC Sabah. Sesi libat urus ini menghimpunkan pegawai dari 53 PTJ di negeri Sabah dan dua (2) PTJ di Wilayah Persekutuan Labuan bagi membincangkan isu-isu perakaunan dan kewangan di PTJ masing-masing. Pada 30 November 2023, BA telah mengadakan Taklimat Proses Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 kepada semua PTJ Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) bertempat di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam. Taklimat ini bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir proses dokumen kewangan bagi melancarkan proses penutupan akaun 2023. Selain itu, sebanyak 26 siri latihan yang dihadiri oleh 3,450 pegawai telah dilaksanakan sepanjang 2023. Senarai aktiviti adalah seperti dalam **Imej 3.5, 3.6, 3.7 dan 3.8**.



Imej 3.5 Persidangan Pegawai Perakaunan KKM 2023



Imej 3.6 Sesi Libat Urus Pengurusan Perakaunan dan Kewangan bersama PTJ Zon Sabah



Imej 3.7 Taklimat Proses Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan 2023



Imej 3.8 Kursus Pengurusan Akaun Deposit dan Bengkel Pemurnian Kamus Pengekasan & Garis Panduan Hospital KKM

BAB
04

KESIHATAN AWAM

PROGRAM KESIHATAN AWAM

Program Kesihatan Awam bertanggungjawab membantu individu dan komuniti untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui perkhidmatan pencegahan, saringan dan kawalan penyakit, kuratif dan penjagaan rehabilitasi secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan. Ia juga mempromosikan cara hidup yang sihat supaya menjadi amalan dalam kalangan setiap individu dan masyarakat. Bahagian-bahagian di bawah Program Kesihatan Awam adalah seperti berikut:

- i. Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
- ii. Bahagian Kawalan Penyakit
- iii. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
- iv. Bahagian Pemakanan
- v. Bahagian Pendidikan Kesihatan

BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM (BPKA)

Antara peranan BPKA adalah seperti berikut:

- i. Merancang, menyelarar serta memantau penyampaian perkhidmatan kesihatan masyarakat Orang Asli pedalaman melalui Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) dan Pasukan Doktor Udara (PDU).
- ii. Memastikan pemantauan prestasi pelaksanaan, Sistem Pengurusan Kualiti bagi Program Kesihatan Awam.
- iii. Memastikan perancangan latihan dalam dan luar negara bagi Program Kesihatan Awam.
- iv. Memastikan pematuhan dan kesepaduan polisi yang efektif dan mampan diantara dasar kesihatan kebangsaan dengan ketetapan penanda aras (*benchmark*) dasar kesihatan antarabangsa di arena *World Health Organisation* (WHO), ASEAN, *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) dan lain-lain.
- v. Meneliti cadangan keperluan peruntukan dan perolehan bagi vaksin yang bukan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan, bukan ubat dan reagen di Kesihatan Awam.
- vi. Memastikan aktiviti penguatkuasaan di lapangan dilaksanakan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN ORANG ASLI (OA)

Sejak pengambilalihan perkhidmatan kesihatan dan perubatan OA oleh KKM daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada tahun 2012, perkhidmatan kesihatan kepada OA sentiasa ditambahbaik bagi memastikan status kesihatan mereka setara dengan masyarakat umum di Malaysia. Ia adalah selaras dengan agenda Perlindungan Kesihatan Sejagat (UHC) dalam kalangan penduduk yang terpinggir seperti masyarakat OA.

Perkhidmatan kesihatan yang disediakan adalah melalui fasiliti klinik statik dan perkhidmatan klinik bergerak yang dikenali sebagai PBOA. Terdapat sejumlah 20 klinik statik yang terletak di perkampungan OA dan 27 PBOA yang memberikan perkhidmatan kepada 339 perkampungan OA di kawasan pedalaman negeri Pahang, Kelantan, Perak dan Johor. Perkhidmatan PDU juga disediakan kepada masyarakat OA pedalaman yang tidak boleh dicapai melalui jalan darat, melibatkan 13 buah kampung di Gua Musang, Kelantan dan dua (2) buah kampung di Hulu Perak, Perak. **Rajah 4.1** menunjukkan taburan perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat OA terutamanya di pedalaman.

Perkhidmatan Klinik Statik dan PBOA di Perkampungan Orang Asli

- Pasukan PDU di 15 buah kampung di **Gua Musang** dan **Hulu Perak**.

- Penerbangan pertama 2013
(K. Kangsar, Cameron Highland, Gua Musang = 62 kampung)



- 1 Bot untuk perkhidmatan **PBOA** di **Hulu Perak**



- 12 Daerah dengan
- 27 Pasukan PBOA di 4 Negeri
(Perak, Johor, Pahang, Kelantan)



- Perkhidmatan Klinik Statik
- 8 Klinik Kesihatan
- 11 Klinik Desa

- Melibatkan 10 Daerah di 3 Negeri
(Perak, Kelantan dan Pahang)



Liputan perkhidmatan PBOA: Bermula pada tahun 2019, sekurang-kurangnya 1 atau 2 kali sebulan ke setiap kampung yang terlibat.

Rajah 4.1 Perkhidmatan Kesihatan yang disediakan di Perkampungan OA

Bagi menilai status kesihatan OA, satu Tinjauan Kesihatan Orang Asli (OAHS) telah dilaksanakan pada 2022 oleh Institut Kesihatan Umum (IKU). Skop tinjauan ini meliputi prevalens penyakit utama serta isu kesihatan yang tertentu dalam kalangan OA. Berdasarkan hasil tinjauan tersebut, Pelan Strategik Kebangsaan Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli (NSPOA) bagi tahun 2024-2028 telah dibangunkan bagi menangani isu yang dikenalpasti.

NSPOA 2024-2028 merupakan pelan strategik yang pertama dibangunkan dengan objektif untuk meningkatkan status kesihatan masyarakat OA di Semenanjung Malaysia. NSPOA 2024-2028 merupakan dokumen yang dirangka untuk dilaksanakan dan dipantau selama lima (5) tahun selaras dengan aspirasi Kertas Putih Kesihatan (HWP). NSPOA ini diilhamkan seiring dengan perkembangan kesihatan dunia dan transformasi perkhidmatan kesihatan seiring dengan perubahan era teknologi dan pemodenan dengan tujuan untuk meningkatkan status kesihatan OA agar setara dengan masyarakat umum di Malaysia.



PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ORANG ASLI 2024-2028

Rajah 4.2 Tonggak Utama Pelan Strategik Kebangsaan Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli (NSPOA)



Imej 4.1 Mesyuarat Pembangunan NSPOA di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 9-11 Oktober 2023

PEWUJUDAN UNIT KUALITI DI PEJABAT KESIHATAN DAERAH (PKD)

Pada 5 Oktober 2021, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah melancarkan satu polisi berkaitan kualiti iaitu *National Policy for Quality in Healthcare* (NPQH) 2022-2026. Polisi ini telah dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHRS). Secara umumnya NPQH mempunyai tujuh (7) matlamat strategi, 22 objektif dan 47 indikator. Salah satu indikator tersebut adalah *Establish a Quality Department/Unit or Committee at district level* dengan sasaran pada tahun 2023 adalah 50% unit kualiti telah diwujudkan di PKD. Pada tahun 2023 sebanyak 87 unit kualiti telah berjaya diwujudkan daripada 117 PKD bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu 74.35%.

PERANCANGAN LATIHAN KESIHATAN AWAM

Cawangan ini memantau perancangan latihan yang diperlukan dan yang dilaksanakan bagi anggota di Program Kesihatan Awam. Pada 2023, sebanyak 6,331 kursus dalam negara telah diadakan atau disertai dengan perbelanjaan RM6,823,030.20 berbanding 3,470 kursus dengan perbelanjaan RM4,473,928.94 pada 2022. Terdapat tujuh (7) anggota telah mengikuti latihan jangka pendek luar negara pada 2023 dengan jumlah perbelanjaan RM123,586.64. Prestasi keseluruhan Program Latihan Dalam Perkhidmatan adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1 Prestasi Program Latihan Dalam Perkhidmatan bagi Program Kesihatan Awam Tahun 2022-2023

Latihan	Prestasi			
	2022		2023	
	Bil. Kursus yang Dihadiri	Perbelanjaan (% daripada peruntukan tahunan)	Bil. Kursus yang Dihadiri	Perbelanjaan (% daripada peruntukan tahunan)
Dalam Negara	3,470	RM4,473,928.94 (99.50%)	6,331	RM6,823,030.20 (99.47%)
Luar Negara	0	RM0.00 (0%)	7	RM123,586.64 (91.89%)

Cawangan ini turut bertanggungjawab bagi memantau permohonan dan penggunaan fasiliti kesihatan yang melibatkan PKD, Klinik Kesihatan (KK) dan Makmal Kesihatan Awam (MKA) bagi tujuan latihan lapangan. Pada 2023, sebanyak 26 permohonan telah diluluskan sama ada permohonan pembaharuan Memorandum Persetujuan (MoA) atau permohonan penambahan yang melibatkan 13 Program Kejururawatan, tujuh (7) Program Sains Kesihatan Bersekutu dan enam (6) Program Perubatan.

152ND SESSION OF THE WHO EXECUTIVE BOARD

Menteri Kesihatan telah mengetuai delegasi Malaysia diiringi oleh KPK dan delegasi dari Cawangan Global Health serta Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) ke mesyuarat ini yang telah diadakan di Geneva, Switzerland pada 30 Januari hingga 7 Februari 2023.

Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi 1 dalam Lembaga Eksekutif ini, memainkan peranan yang penting dan terlibat secara aktif dalam semua agenda teknikal dan tadbir urus serta telah membentangkan 25 intervensi.

HARI KESIHATAN SEDUNIA 2023

KKM dengan kerjasama Pejabat Perwakilan WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura telah menganjurkan sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2023 bertemakan *Kesihatan untuk Semua* yang telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia pada 7 April 2023 sempena memperingati ulang tahun ke-75 WHO. Forum kesihatan bertajuk *The Past, Present and Future* telah diadakan semasa sambutan ini yang memberi fokus kepada pembiayaan penjagaan kesihatan, cabaran dan peluang untuk membina sistem penjagaan kesihatan yang berdaya tahan dan mampan. Di samping itu, galeri foto memaparkan hasil kerjasama KKM-WHO dipamerkan semasa acara tersebut.

LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI KKM KE IBU PEJABAT WHO DI GENEVA, SWITZERLAND

Setiap tahun, Cawangan Global Health menyelaras latihan sangkutan jangka pendek ke Ibu Pejabat WHO di Geneva. Latihan ini telah diadakan pada 17-19 Mei 2023 melibatkan empat (4) orang pegawai kanan KKM dan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Latihan KKM. Latihan sangkutan ini melibatkan pegawai daripada program Kesihatan Awam, Perubatan, Farmasi dan Kesihatan Pergigian. Pegawai-pegawai ini diberi pendedahan berkaitan operasi dua (2) unit teknikal di WHO iaitu *Social Determinants of Health* dan *Health Workforce*.

PERSIDANGAN KESIHATAN SEDUNIA KE-76 (WHA76)

Delegasi Malaysia, yang diketuai oleh Menteri Kesihatan dan diiringi oleh Ketua Pengarah Kesihatan serta Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, menghadiri persidangan di Geneva, Switzerland, dari 21-30 Mei 2024. Tema persidangan ini adalah *Saving lives, driving health for all* dengan mempertingkatkan komitmen untuk ekuiti kesihatan. Malaysia menyampaikan beberapa intervensi berkaitan isu-isu kesihatan global seperti *Global Strategy for Women's, Children's and Adolescent Health*, *Universal Health Coverage*, *Non-communicable Diseases*, *Substandard & Falsified Medical Products*, *Strengthening Rehabilitation in Health Systems* dan draf *global strategy on infection prevention control, poliomyelitis*, *Social Determinants of Health* dan *United Nations Decade of Action on Nutrition*. Kemuncak kejayaan bagi Malaysia semasa WHA76 adalah resolusi *Behavioural Sciences for Better Health* yang diusulkan oleh Malaysia pada tahun 2022 telah diterima oleh negara-negara ahli WHO.

INTERGOVERNMENTAL NEGOTIATING BODY FOR THE PANDEMIC ACCORD KE-7 (INB7) DAN MESYUARAT WORKING GROUP TO THE AMENDMENTS OF THE IHR (2005) (WGIHR6) KE-6

Pasukan rundingan bagi Malaysia telah diketuai oleh pegawai kanan daripada Cawangan Global Health, diiringi oleh pegawai daripada pejabat Penasihat Undang-Undang KKM dan BDHA. Malaysia diberi mandat untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat ini pada 4-8 Disember 2023 untuk merangka dan berunding mengenai instrumen antarabangsa mengenai pencegahan, kesiapsagaan dan respons terhadap pandemik. Selain itu, Malaysia juga merupakan salah satu daripada 16 Negara Anggota WHO yang mengemukakan cadangan pindaan kepada Peraturan Kesihatan Antarabangsa (2005). Kedudukan nasional dalam rundingan ini adalah untuk mempertahankan prinsip ekuiti, perpaduan dan kedaulatan.

ASEAN SENIOR OFFICIALS' MEETING ON HEALTH DEVELOPMENT (SOMHD) KE-17 DAN MESYUARAT BERKAITAN

Semasa mesyuarat ASEAN SOMHD ke-17 di Vientiane, Lao PDR yang diadakan dari 19-23 Jun 2023, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Kesihatan Awam (TKPK KA) KKM, menggalas tugas

sebagai Naib Pengerusi ASEAN SOMHD diiringi oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Kawalan Penyakit (BKP) yang merupakan Penyelaras Negara Kluster Kesihatan 1 ASEAN di Malaysia. Para delegasi dibantu dari Malaysia oleh Pegawai dari Cawangan Global Health, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. Malaysia membentangkan maklumat terkini mengenai inisiatif penting yang diterajui negara iaitu Keselamatan Dadah dan Kebergantungan Diri ASEAN (ADSSR), Pengesyoran ASEAN tentang Penjagaan Kesihatan Berkualiti, Perjanjian Rangka Kerja Peraturan Keselamatan Makanan ASEAN (AFSRF) dan Pusat Penilaian Risiko Keselamatan Makanan ASEAN (ARAC). Dalam mesyuarat itu, Program Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca 2015 (APHDA) turut dibincangkan serta perkembangan terkini kerjasama ASEAN dengan Rakan Dialog dan Rakan Pembangunan.

KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DAN DIPLOMASI KEBUDAYAAN

Cawangan Global Health, BPKA dengan kerjasama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) telah menganjurkan kursus selama dua (2) hari mengenai Komunikasi Antarabangsa dan Diplomasi Budaya untuk Pegawai *Focal Points* Kluster Kesihatan ASEAN daripada KKM pada 1-2 Ogos 2023. Kursus ini penting kerana pegawai tersebut mewakili negara dan kementerian dalam interaksi profesional dengan pegawai dari negara ASEAN lain. Objektif kursus ini adalah untuk membolehkan pegawai KKM memperoleh pengetahuan dalam Komunikasi Rentas Budaya & Diplomasi Budaya serta meningkatkan komunikasi profesional dengan rakan sejawat ASEAN melalui pembentangan dan aktiviti praktikal secara langsung. Kecekapan pegawai KKM dipertingkatkan bagi menjalin kerjasama dan dialog antarabangsa yang lebih baik untuk Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa, terutamanya dalam sektor kesihatan.

PELANTIKAN PEGAWAI DIBERI KUASA DAN PENURUNAN KUASA

Subunit Otoriti dan Kompetensi bertanggungjawab dalam menguruskan pelantikan Pegawai Diberi Kuasa (PDK) di bawah perundangan kesihatan awam bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Bilangan pelantikan bagi PDK di bawah perundangan kesihatan awam seperti dalam **Rajah 4.3**.



Rajah 4.3 Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa dan Penurunan Kuasa Tahun 2020-2023

PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM


Semakan perundangan berkaitan kesihatan awam adalah salah satu tonggak utama Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP). Ia dijalankan untuk meningkatkan dan memastikan semua prosedur serta aktiviti penguatkuasaan mematuhi prosedur ditetapkan dan kekal relevan setiap masa. Pada tahun 2023, sebanyak 27 SOP telah dibuat semakan dan pindaan yang melibatkan semua proses kerja penguatkuasaan di bawah perundangan kesihatan awam. Selain itu, Subunit Perundangan turut memberikan khidmat nasihat berkaitan penyediaan draf Akta Kawalan Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] khususnya tentang penguatkuasaan sehingga pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk diluluskan dan diwartakan.

AKTIVITI RISIKAN PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM


Risikan merupakan komponen penting dalam aktiviti penguatkuasaan. Kejayaan aktiviti penguatkuasaan juga bergantung kepada aktiviti risikan yang telah dilakukan oleh anggota di lapangan. Terdapat dua (2) jenis risikan iaitu Risikan Aktif dan Risikan Pasif. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 1,762 Risikan Aktif dan 109 Risikan Pasif telah dijalankan di seluruh negara.

PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN AWAM

Tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang kesihatan awam secara keseluruhan dipantau oleh Subunit Kawal Selia Operasi. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya selari dengan peralihan pandemik COVID-19 ke fasa endemik (Rajah 4.4 dan 4.5). Ia memberi fokus kepada penguatkuasaan bagi kesalahan gagal melaporkan penyakit berjangkit.




Rajah 4.4 Bilangan Premis Diperiksa dan Bilangan Premis Ditutup dalam Penguatkuasaan [Akta 342] Tahun 2020-2023



Rajah 4.5 Bilangan Kampaun Dikeluarkan dan Jumlah Amaun Kampaun Dibayar dalam Penguatkuasaan [Akta 342] Tahun 2020-2023

Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154] ini memberi tumpuan kepada pencegahan dan kawalan penyakit Demam Denggi. Pada 2023 sejumlah 36,426 tawaran kampaun telah dikeluarkan dengan purata RM500.00 setiap kampaun berbanding 28,889 tawaran kampaun dikeluarkan pada 2022. Sejumlah 4,264 kes telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah berbanding 2,953 kes pada 2022.


Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) merupakan undang-undang subsidiari di bawah Akta Makanan 1983 [Akta 281] yang merangkumi penguatkuasaan bagi kesalahan merokok di kawasan larangan, penjualan rokok dalam paket terbuka, penjualan hasil tembakau dalam talian dan lain-lain. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan PPKHT tahun 2020-2023 adalah seperti dalam **Rajah 4.6**.




Rajah 4.6 Penguatkuasaan PPKHT pada 2020-2023

PENDAKWAAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN AWAM


Pendakwaan kesalahan di mahkamah adalah elemen terakhir dalam proses penguatkuasaan di bawah perundangan Kesihatan Awam. Pada 2023, sejumlah 2,531 kes telah didaftarkan dan dikendalikan di mahkamah majistret. Hasilnya, sebanyak 2,463 kes telah diputuskan hukuman denda dengan jumlah nilai denda RM4,073,069.00. Sebanyak 64 kes telah diputuskan hukuman denda dan penjara. Manakala sebanyak empat (4) kes telah diputuskan hukuman penjara. Komposisi prestasi pengendalian kes pendakwaan mengikut akta/peraturan berbanding hukuman yang telah diputuskan oleh mahkamah seperti dalam **Rajah 4.7** hingga **4.9**.



Rajah 4.7 Bilangan Kes Dipenjara



Rajah 4.8 Bilangan Kes Didenda




Rajah 4.9 Bilangan Kes Dipenjara dan Didenda

PEWASAPAN

Pada 2023, Subunit Pewasapan telah mendaftarkan 256 Pengendali Berlesen, menganjurkan peperiksaan pewasapan bagi 70 orang pengendali racun makhluk perosak dan melatih 59 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran atau Pegawai Kesihatan Persekitaran sebagai Juruaudit Kompeten. Subunit ini juga menjalankan libat urus bersama Perbadanan Produktiviti

Malaysia (MPC) bagi meminda Akta Hidrogen Sianida 1953 [Akta 260] dan perundangan berkaitan bagi meningkatkan standard keselamatan dan produktiviti. Melalui penguatkuasaan yang ketat dan penambahbaikan berterusan amalan pewasapan, subunit ini komited untuk menjaga kesihatan awam dan alam sekitar seperti dalam **Imej 4.2** dan **4.3**.



Imej 4.2 Pemantauan Kerja Pewasapan



Imej 4.3 Peperiksaan Pewasapan, KKM Bil.1/2023

PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPD) SECARA MAYA

CPD merupakan usaha bersepadu bagi memperkukuh profesionalisme serta kemahiran semua profesion. Pelaksanaan pembelajaran berterusan adalah penting kerana anggota kesihatan perlu dilengkapi dengan pengetahuan yang sepadan dengan kemajuan semasa memandangkan bidang kesihatan sentiasa berkembang dengan hasil penyelidikan dan teknologi terkini. Selari dengan matlamat bagi memperkukuh pengetahuan dan kemahiran personel farmasi di kesihatan awam dengan mengambil kira amalan perbelanjaan berhemah dan kekangan situasi semasa, sepuluh (10) sesi latihan secara atas talian telah dilaksanakan pada 2023. Seramai 3,678 orang anggota kesihatan pelbagai profesion telah menyertai keseluruhan sesi pembelajaran berterusan atas talian ini iaitu 2,284 orang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional manakala 1,394 orang daripada kumpulan pelaksana. Sesi pembelajaran berterusan yang kos efektif seperti ini akan diteruskan pada tahun 2024 kepada personel farmasi di kesihatan awam.

Jadual 4.2 Sesi Latihan Secara Atas Talian bagi Tahun 2023

Tajuk Latihan	Tarikh Latihan
Bengkel Klinik <i>Virtual Quality Assurance</i> Penolong Pegawai Farmasi Kesihatan Awam - Sesi 1	7-8 Februari 2023
<i>Pharmacy Virtual Seminar: Updates in Common Infectious Diseases in Primary Care</i>	11 April 2023
Taklimat Pelaksanaan Audit <i>Antimicrobial Stewardship</i> (AMS) bagi Skop Perkhidmatan Farmasi di Fasiliti Kesihatan Primer	12 April 2023
<i>Management of Asthma & COPD in Primary Care</i>	3 Mei 2023
Bengkel Klinik <i>Virtual Quality Assurance</i> Penolong Pegawai Farmasi Kesihatan Awam - Sesi 2	7-8 Jun 2023
Warga Emas: Penggunaan Ubat & Risiko Jatuh	8 Jun 2023
Sesi Latihan Pelaksanaan <i>Enhanced Primary Health Care</i> (EnPHC) bagi Skop Farmasi	17 Ogos 2023
<i>Medication Error in Primary Care</i>	13 September 2023
<i>Webinar: Understanding and Interpreting Antimicrobial Drug Utilization Research (DUR) In Primary Care</i>	25 Oktober 2023
<i>SGLT2 Inhibitors in Primary Care Diabetes Patients: Cardio, Renal and Metabolic Benefits</i>	21 November 2023

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT (BKP)

BKP bertanggungjawab untuk kesiapsiagaan, surveilan, pengesanan awal dan respon terhadap kejadian krisis kesihatan awam termasuk penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit (endemik, baru muncul atau muncul semula) yang boleh membahayakan kesihatan awam. Semua aktiviti ini melibatkan kolaborasi dengan pelbagai agensi sehingga di peringkat antarabangsa.

CAWANGAN KESIAPSIAGAAN, SURVELAN DAN RESPONS

Cawangan ini memainkan peranan penting dalam melindungi kesihatan awam dan meminimalkan penyebaran dan kesan penyakit berjangkit serta kejadian bencana atau kecemasan kesihatan. Pelbagai aktiviti kesiapsiagaan kesihatan awam telah dijalankan meliputi pemantauan ancaman kesihatan melalui aktiviti surveilan, menyelaraskan tindakan dengan tepat, pantas dan efektif bagi menghadapi kecemasan kesihatan. Semua aktiviti ini bertujuan untuk mengurangkan kejadian wabak atau bencana yang dihadapi.

BENGKEL PENGEMASKINIAN MANUAL PENGENDALIAN ANCAMAN ANTHRAXS

Bengkel ini diadakan di Institut Kesihatan Negara pada 8-10 November 2023 bertujuan bagi mengemaskini Manual Pengendalian Ancaman Anthraxs 2019. Bengkel ini dihadiri 55 orang peserta dari KKM dan pelbagai agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

BENGKEL PENILAIAN KAPASITI TERAS IHR (2005) DI PINTU MASUK ANTARABANGSA (PMA)

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pegawai negeri dalam kesiapsiagaan dan tindak balas yang berkesan terhadap kecemasan kesihatan di PMA. Bengkel ini telah mendapat tajaan daripada WHO di bawah program *Outbreak Crisis Response and Scalable Operations* dan telah diadakan pada 22-25 Mei 2023 di Pulau Pinang.



Imej 4.4 Bengkel dan Lawatan Tapak

INTERNATIONAL HEALTH REGULATION (IHR) EXERCISE CRYSTAL

BKP telah melaksanakan IHR *Exercise Crystal* pada 5 Disember 2023, bertemakan insiden kebocoran bahan radioaktif. Latihan ini turut dihadiri oleh pegawai KKM, PDRM, Bomba, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), NADMA, Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Alam Sekitar & Air dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Ianya bertujuan untuk menguji fungsi komunikasi IHR *National Focal Point* (NFP) termasuk perkongsian maklumat, penilaian risiko dan pembuatan keputusan (*decision making*).



Imej 4.5 IHR Exercise Crystal

LATIHAN SIMULASI GEBENG 2023 (KEJADIAN BAHAN KIMIA)

Latihan simulasi ini memfokuskan kepada kejadian pencemaran bahan kimia akibat daripada kemalangan jalan raya yang melibatkan lori pengangkut bahan kimia dan sebuah bas. Latihan ini telah diadakan di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang pada 10-12 Julai 2023 dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, melibatkan 234 peserta dari Malaysia dan lapan (8) negara ASEAN. Program ini merupakan aktiviti Rangkaian Pusat Operasi Kecemasan ASEAN (ASEAN EOC Network) melibatkan kolaborasi bersama Sekretariat ASEAN dan Hal Ehwal Global Kanada (GAC).

LATIHAN KERJASAMA SERANTAU KALI KE-5 (KEJADIAN BANJIR)

Malaysia menjadi tuan rumah bagi penganjuran Latihan Kerjasama Serantau Kali ke-5 pada 25-28 September 2023 di Kuala Lumpur, melibatkan senario banjir besar di Lembah Klang. Program ini disertai oleh 300 peserta dari sembilan (9) negara ASEAN termasuk Malaysia. Program ini adalah kolaborasi bersama Sekretariat ASEAN, Pusat Penyelarasan untuk Bantuan Kemanusiaan Pengurusan Bencana ASEAN (AHA Centre), Jawatankuasa Penasihat Jepun (JAC), Bantuan Bencana Jepun (JDR), Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan Pasukan Projek Memperkukuh Kapasiti Serantau ASEAN Mengenai Pengurusan Kesihatan Bencana (ARCH).

PERSIDANGAN PENILAIAN RISIKO DAN KOMUNIKASI RISIKO PERINGKAT ASEAN 2023

Persidangan ini diadakan di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur pada 23-26 Oktober 2023 dengan tema *RARC in Disaster, Outbreak, Crisis and Emergency* melibatkan seramai 130 orang peserta daripada sepuluh (10) buah negara ASEAN serta dari *Civil Society Organization* (CSO) dengan kerjasama UK Health Security Agency (UKHSA) dan WHO.



Imej 4.6 Persidangan Penilaian Risiko dan Komunikasi Risiko Peringkat ASEAN 2023

BENGKEL TESTING AND REVIEWING THE JOINT MULTISECTORAL OUTBREAK INVESTIGATION & RESPONSE GUIDELINES (JMOIR) 2023

Malaysia menjadi tuan rumah kepada bengkel JMOIR yang diadakan pada 13-15 Jun 2023 di Hotel Parkroyal Collection Kuala Lumpur. Bengkel ini merupakan anjuran Program Perisikan Epidemiologi (EIP) Malaysia dengan kerjasama ASEAN+3 Field Epidemiology Training Network (FETN), ASEAN Veterinary Epidemiology Group (AVEG), Canada Weapons Threat Reduction

Program, Sekretariat ASEAN, World Organisation for Animal Health (WOAH) dan Food and Agriculture Organization (FAO) of the United Nations Regional Office for Asia & the Pacific. Bengkel ini bertujuan sebagai latihan pembinaan kapasiti peserta, selain untuk menganalisa jurang (*gap analysis*) antara JMOIR dan garis panduan kesihatan manusia-dan-haiwan, melalui latihan simulasi tabletop untuk mencadangkan dokumen tambahan untuk mengatasi jurang tentang pengurusan kawalan wabak penyakit zoonosis yang merentas sempadan negara. Bengkel ini telah dihadiri oleh 31 anggota sektor kesihatan manusia-dan-haiwan dari sepuluh (10) negara ASEAN.




Imej 4.7 Bengkel *Testing and Reviewing JMOIR 2023*


INTERGOVERNMENTAL NEGOTIATING BODY (INB) FOR THE WHO CA+ (PANDEMIC AGREEMENT) & TARGETED AMENDMENTS TO IHR (2005)

IHR (2005) berfungsi sebagai kerangka antarabangsa yang diguna pakai oleh 196 negara anggota termasuk semua 194 negara anggota WHO untuk mencegah dan bertindak balas terhadap penularan penyakit merentasi sempadan serta memastikan gangguan minima terhadap pergerakan dan perdagangan global. IHR bermula pada tahun 1951 dan telah menjalani beberapa pindaan; terutamanya berikutan wabak SARS pada tahun 2005. Susulan Pandemik COVID-19, terdapat lebih penekanan tentang keperluan untuk tindakan secara kolektif. Ini menyebabkan terjadinya perjanjian berkaitan semasa sesi Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) pada tahun 2021 dan 2023 untuk memperkukuhkan kesiapsiagaan terhadap pandemik.

INB - Intergovernmental Governing Body



Rajah 4.10 Garis Masa Persediaan INB WHO CA+ (Perjanjian Pandemik)




Rajah 4.11 Garis Masa Targeted Amendments to IHR (2005)

Semua negara anggota, dengan kerjasama WHO, menubuhkan dua (2) platform rundingan utama iaitu INB untuk membuat INB WHO CA+ (perjanjian pandemik) dan kumpulan kerja mengenai Pindaan kepada Peraturan Kesihatan Antarabangsa (WGIHR) untuk memperhalusi IHR (2005). Malaysia terlibat secara aktif dalam perbincangan ini dan menegaskan komitmen untuk memperkukuhkan keselamatan kesihatan global, berasaskan prinsip kedaulatan, keadilan, kesaksamaan dan ketelusan. Penyertaan Malaysia sejajar dengan objektif yang lebih luas seperti yang dipersetujui bersama negara anggota WHO.

FASA PERANCANGAN BAGI PEMBANGUNAN SISTEM ELEKTRONIK PUSAT KAWALAN PENYAKIT NEGARA (eNCDC)

Sistem eNCDC yang komprehensif ini bertujuan untuk menyokong pelan kesiapsiagaan kawalan penyakit negara. Fasa perancangan telah bermula dari hujung tahun 2022 dan diteruskan ke tahun 2023, melibatkan pelbagai aktiviti dan sektor/unit dalam BKP serta Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK). Sistem eNCDC akan mempunyai sebelas (11) modul utama dengan 51 submodul yang meliputi semua aktiviti dalam kedua-dua bahagian ini. Kelulusan peruntukan bagi membangunkan sistem ini telah diterima pada 2023 melalui peruntukan pembangunan Rolling Plan (RP4), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Seterusnya sistem ini akan melalui Fasa Pembangunan pada tahun 2024. Ianya akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT), Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) serta Jawatankuasa Pemandu ICT Sektor Awam (JTSA) sebelum melalui proses tender.



Rajah 4.12 Garis Masa Pembangunan eNCDC

CAWANGAN PENYAKIT BERJANGKIT

Cawangan ini bertanggungjawab dalam kawalan penyakit berjangkit seperti penyakit bawaan vektor, HIV, tibi, kusta, jangkitan seksual (STI), Hepatitis C, penyakit zoonosis, penyakit cegahan vaksin serta penyakit bawaan makanan dan air. Selaras dengan inisiatif WHO dan sasaran *Sustainable Development Goal* (SDG), beberapa program telah dirancang menjurus kepada program eradikasi penyakit, program eliminasi penyakit dan inisiatif penamatan penyakit seperti berikut:

- A. Inisiatif Eradikasi Penyakit
 - i. *Eradicate Polio 2030*
- B. Inisiatif Penamatan Penyakit
 - i. *Ends AIDS 2030*
 - ii. *Ends STI 2030*
 - iii. *End TB 2035*
- C. Inisiatif Eliminasi Penyakit
 - i. *Mother-to-Child Transmission of HIV and Syphilis*
 - ii. *Mother-to-Child Transmission Hep B 2030*
 - iii. *Malaria Elimination 2025*
 - iv. *Lymphatic Filariasis Elimination 2025*
 - v. *Hepatitis C Elimination 2030*
 - vi. *Measles & Rubella Elimination 2025*
 - vii. *Rabies Elimination 2030*
 - viii. *Leprosy: Zero Case Autochthonous by 2030*

MEMPERKASA KOMUNITI DALAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN DENGGI

Denggi merupakan penyakit endemik di Malaysia. Kes denggi di Malaysia memuncak setiap 4-5 tahun dengan berlakunya epidemik denggi pada tahun 2015 dan 2019. Pada tahun 2023, sebanyak 123,111 kes denggi dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 86.24% berbanding tahun 2022 (66,102 kes). Walau bagaimanapun, kes yang dilaporkan pada tahun 2023 menunjukkan penurunan kes sebanyak 5.4% berbanding tahun 2019 (pra-pandemik COVID-19). Sebanyak 100 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan pada tahun 2023 dengan kadar kematian 0.08% iaitu bawah sasaran kebangsaan 0.2%. Acara Gotong-royong Mega Perangi Aedes yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan diadakan dua (2) kali setiap tahun. Ianya dianjurkan dengan penglibatan pelbagai agensi dan komuniti setempat untuk melaksanakan aktiviti pembersihan kawasan bagi memupuk pengwujudan persekitaran bebas Aedes.

PEMERKASAAN AKTIVITI ENTOMOLOGI DI KAWASAN LOKALITI WABAK DENGGI

Hala tuju pada masa depan akan memfokuskan kepada peningkatan aktiviti kawalan denggi ke arah pengurangan populasi Aedes di kawasan *hotspot* denggi melalui pendekatan *Entoforce*. Aktiviti secara intensif ini merangkumi analisis *spatial* dan situasi, siasatan entomologi, analisis data dan cadangan penambahbaikan aktiviti kawalan berdasarkan konsep Pengurusan Vektor Bersepadu (IVM). Selain itu, KKM turut menyasarkan peluasan pengoperasian pelepasan nyamuk Aedes ber*Wolbachia* di Malaysia melalui penambahan sepuluh (10) lokaliti baharu setiap tahun.



Imej 4.8 Program Madani Afiat dan Gotong-royong Mega Perangi Aedes 2.0 di Johor

MELANGKAUI FASA ELIMINASI MALARIA

Malaysia telah berjaya mengekalkan pencapaian sifar malaria manusia *indigenous* pada tahun 2023, iaitu pencapaian enam (6) tahun berturut-turut sejak tahun 2018. Pada tahun 2023, sejumlah 3,628 kes malaria telah dilaporkan yang terdiri daripada 749 (20.64%) kes malaria manusia dan 2,879 (79.36%) kes malaria zoonotik. Manakala, dalam kalangan kes malaria manusia terdapat 667 (89.05%) kes diklasifikasikan sebagai kes import dan selebihnya 82 (10.95%) kes *introduced*. Terdapat 16 kematian malaria dilaporkan pada tahun 2023, berbanding 12 kematian pada tahun 2022. Program juga telah berjaya membangunkan *National Strategic Framework for Prevention of Malaria Re-establishment* (NSFPOR) 2021-2026 bagi memperkukuhkan strategi yang dilaksanakan semasa fasa eliminasi. Walau bagaimanapun, cabaran menangani jangkitan malaria masih tertumpu di lokaliti berisiko melibatkan populasi penduduk di pedalaman. Masyarakat ini turut terdedah kepada risiko jangkitan malaria import dari negara endemik malaria sama ada melibatkan pekerja asing atau warga Malaysia yang pulang dari negara endemik.

KE ARAH ELIMINASI FILARIASIS LIMFATIK

Program Eliminasi Limfatik Filariasis Kebangsaan (PEFLK) telah berjaya mencapai sasaran kadar prevalen filariasis limfatik (LF) kurang daripada 2% di 81 (100%) mukim endemik di Semenanjung Malaysia. Sementara itu, di Sabah dan Sarawak, lima (5) lagi mukim endemik daripada jumlah 46 (89%) mukim endemik yang masih menjalani aktiviti survalen dan Pemberian Ubat Berskala Besar (MDA) menggunakan *triple drug regime* iaitu ivermectin, diethylcarbamazine (DEC) dan albendazole bagi mengurangkan prevalens LF kepada kurang daripada 2% menjelang tahun 2025.

HIV DAN GOLONGAN MUDA: SERUAN UNTUK TINDAKAN

Pada tahun 2023, 75% daripada jangkitan HIV baharu dilaporkan dalam kalangan individu berusia antara 20 hingga 39 tahun, 90% adalah lelaki dan 96% dijangkiti melalui hubungan seksual. KKM telah melaksanakan beberapa strategi:

- i. Program PROSTAR 2.0, ialah inisiatif yang berasaskan sekolah, bertujuan untuk meningkatkan daya tahan dan kesedaran remaja mengenai HIV, STI serta aspek *biopsychosocial-spirituality*. *Training of Trainers* telah dijalankan melibatkan 46 pekerja kesihatan dari setiap negeri.
- ii. Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual bagi golongan muda yang berisiko, KKM telah melancarkan edisi pertama Panduan Ujian HIV Kendiri dan laman web *TestNow* pada 2023. Laman *TestNow* menyediakan maklumat mengenai HIV, penilaian risiko dan akses kepada kit ujian sendiri.
- iii. Projek rintis PrEPGov telah dilaksanakan di 21 KK, bertujuan untuk menilai kebolehlaksanaan dan impak kesihatan awam dalam menyediakan *Prophylaxis* Pra-pendedahan (PrEP) kepada mereka yang berisiko. Program ini bakal diperluaskan ke 31 klinik pada tahun 2024.
- iv. Menyelaras prosedur pengesanan dan pengurusan kes, Panduan Rujukan Pasangan telah dibangunkan. Ini bertujuan untuk memudahkan pengesanan awal, rujukan kontak dan tindakan undang-undang untuk mencegah penyebaran HIV.



Imej 4.9 Majlis Pelancaran Panduan Ujian Kendiri HIV dan Laman *Web TestNow* Sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia 2023

KE ARAH *END TB* 2035

Penyakit Tuberkulosis masih lagi merupakan masalah kesihatan awam di Malaysia. Jumlah kes Tibi yang dilaporkan pada tahun 2023 adalah 26,781 kes dengan kadar notifikasi 80.2 bagi setiap 100,000 penduduk, peningkatan 1,390 kes (5.47%) berbanding 25,391 kes dengan kadar notifikasi 77.8 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2022. Jumlah kematian Tibi pada tahun 2023 adalah 2,623 dengan kadar kematian 7.86 setiap 100,000 penduduk berbanding 2,572 dengan kadar kematian 7.88 setiap 100,000 penduduk pada tahun 2022. Jumlah kes kerintangan ubatan anti-TB isoniazid dan rifampicin (MDR-TB) dan kerintangan ubatan anti-TB rifampicin pada tahun 2023 adalah 175 kes berbanding 170 kes pada tahun 2022. Liputan imunisasi BCG bagi bayi baru lahir pada tahun 2023 adalah 98.65%.

Pengesanan dan rawatan awal adalah komponen utama bagi mengurangkan penularan dalam masyarakat. Sehubungan itu, Pelan Strategik *End TB* (2021-2030) telah dibangunkan bagi memperkukuhkan strategi pencegahan dan kawalan. Pada tahun 2023, 192,900 kontak telah disaring dan 1,083 (0.56%) kes Tibi telah dikesan. Tambahan pula, pengesanan *Latent TB Infection* (LTBI) dan *TB Preventive Treatment* (TPT) telah dilaksanakan. Pada tahun 2023, sejumlah 11,241 individu yang layak untuk rawatan TPT dengan 8,295 (73.79%) sahaja bersetuju untuk rawatan ini.

KE ARAH SIFAR KUSTA TEMPATAN BAHARU MENJELANG 2030

Malaysia telah mencapai sasaran eliminasi kusta sebagai beban kesihatan awam pada tahun 1994 dengan kadar prevalen 0.9 kes bagi setiap 10,000 penduduk. Bilangan kes telah menurun secara konsisten sejak tahun 1994 dan sehingga kini kadar prevalen <1 bagi setiap 10,000 penduduk. WHO kini memfokuskan kepada eliminasi transmisi kusta dengan sasaran sifar kes kusta baharu tempatan menjelang tahun 2030. Pada tahun 2023, bilangan kes kusta yang dilaporkan adalah sebanyak 256 kes, peningkatan 73 kes (39.89%) berbanding 183 kes yang dilaporkan pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, 141 kes merupakan kes baharu tempatan dewasa dan 13 kes kanak-kanak. Bilangan kes kusta baharu dengan kecacatan Gred 2 yang didaftarkan adalah sebanyak 33 kes dengan kadar 1 bagi setiap 1 juta penduduk. Sebanyak 75% daripada pesakit kusta yang menerima rawatan pada tahun 2021 (*multibacillary*) dan 2022 (*paucibacillary*) telah sempurna rawatan.

ELIMINASI RABIES 2030

Terdapat 21 kes Rabies dalam kalangan manusia (Human Rabies) telah dilaporkan pada tahun 2023 termasuk 19 kematian (kadar kematian: 90%). Sebanyak 95% kematian (n=18) berlaku di Sarawak (kes tempatan) manakala satu (1) kematian berlaku di Selangor yang merupakan kes jangkitan import. Kumulatif kes Rabies dalam kalangan manusia yang telah dilaporkan sejak wabak Rabies diisytiharkan pada tahun 2017 di Sarawak adalah sebanyak 75 kes dengan 68 kematian (kadar kematian: 91%).

PENGURANGAN INSIDEN PENYAKIT TANGAN, KAKI & MULUT (HFMD)

Bagi HFMD, sebanyak 136,543 kes telah dilaporkan pada tahun 2023 berbanding 149,578 pada tahun 2022; iaitu penurunan sebanyak 8.7%. Peningkatan kes sebanyak 53% pada minggu epidemiologi 19 (n=1,327) berbanding minggu epidemiologi 18 (n=870) berpunca pergerakan antara negeri dan daerah ketika sambutan perayaan. Agen penyebab utama ialah Cocksackie A6 (44%; 940 daripada 2,131 sampel positif).

STATUS PENYAKIT ZONOSIS LAIN

Terdapat peningkatan sebanyak 16% bagi notifikasi Meliodosis tahun 2023 iaitu 749 kes berbanding 644 kes pada tahun 2022. Kadar kematian bagi Meliodosis adalah sebanyak 15% (112 kematian). Bagi notifikasi Leptospirosis, terdapat 1,498 kes telah disahkan melalui keputusan makmal dengan 25 kematian dilaporkan (Kadar kematian: 1.7%). Terdapat 21 kes Brucellosis telah dilaporkan dan disahkan melalui keputusan ujian makmal pada tahun 2023 dengan dua (2) episod kejadian wabak di Terengganu melibatkan empat (4) kes yang mendapat jangkitan melalui pengambilan susu kambing yang tidak dipasteur. Sebanyak sembilan (9) kes Mpox telah dilaporkan dan kesemua kes mempunyai sejarah aktiviti berisiko. Terdapat satu (1) kes *Q fever* dilaporkan pada tahun 2023 di Kelantan. Tiada kes dilaporkan bagi Avian Influenza, Ebola, Nipah dan MERS-CoV.

STATUS BEBAS POLIO SEPANJANG 2023

Malaysia kekal bebas polio sepanjang 2023. WHO telah menjalankan penilaian program pencegahan dan kawalan polio pada 13 Februari hingga 3 Mac 2023. Hasil penilaian, aktiviti surveilan *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) serta Program Survelan Persekitaran untuk Virus Polio perlu diperkukuhkan. Sesi *Training of Trainers on Polio Surveillance* oleh pakar polio antarabangsa telah dijalankan pada 18-22 September 2023 melibatkan wakil dari JKN, hospital dan makmal.

MENURUNKAN BEBAN MEASLES

Insiden kes measles meningkat pada tahun 2023 kepada 53.90 kes berbanding 6.40 kes per 1,000,000 penduduk pada tahun 2022. Penilaian risiko wabak measles telah dijalankan bersama pihak WHO pada 16-20 Januari 2023. Berdasarkan risiko penularan wabak measles yang tinggi, kempen imunisasi measles-rubella dijalankan di lokaliti wabak measles sepanjang tahun 2023, dan kempen di seluruh negara dirancang pada tahun 2024.

PENCEGAHAN PERTUSIS

Insiden batuk kokol (pertusis) juga meningkat pada tahun 2023 kepada 3.60 kes berbanding 0.29 kes per 100,000 penduduk pada tahun 2022. Pemberian vaksin pertusis dalam bentuk vaksin kombinasi tetanus-difteria-pertusis (Tdap) kepada ibu hamil akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2024 setelah bekalan vaksin tersedia di fasiliti kesihatan.

KERACUNAN MAKANAN DI SEKOLAH

Bilangan episod kejadian keracunan makanan meningkat daripada 392 episod pada tahun 2022 kepada 496 episod pada tahun 2023, kebanyakannya berlaku di sekolah. Peningkatan episod ini disebabkan oleh pembukaan semula sekolah secara bersemuka berbanding pada tahun 2022 di mana kebanyakan sesi pengajaran dibuat secara maya. Daripada 496 episod yang dilaporkan, 146 (29.44%) melibatkan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 46 (9.27%) sekolah bukan KPM, 58 (11.69%) institusi lain, 111 (22.38%) rumah persendirian dan 135 (27.22%) daripada lain-lain kategori.

LAIN-LAIN PENYAKIT BAWAAN AIR DAN MAKANAN

Terdapat peningkatan insiden penyakit tifoid dan paratifoid, kolera dan hepatitis A, namun ianya masih kurang daripada 1.00 per 100,000 penduduk. Insiden disenteri pula meningkat kepada 1.48 per 100,000 penduduk, merupakan insiden tertinggi dalam tempoh sepuluh (10) tahun.

AKTIVITI PENYIASATAN ENTOMOLOGI (EI)

Sepanjang tahun 2023, aktiviti penyiasatan entomologi (EI) *Aedes*, telah dilaksanakan di 3,703 lokaliti melibatkan Wabak Terkawal (2,778 lokaliti), Wabak Tidak Terkawal (439 lokaliti) dan *Hotspot* (486 lokaliti). Hasil EI mendapati sebanyak 1,287 (34.8%) lokaliti wabak masih berisiko untuk berlaku jangkitan berterusan. KKM telah melaksanakan pelepasan nyamuk *Aedes* Ber*Wolbachia* di 32 lokaliti dan terdapat 19 lokaliti yang layak dinilai. Semua 19 lokaliti tersebut menunjukkan penurunan kes denggi dari 45% hingga 100%.

EI juga telah dijalankan di 15 lokaliti yang melaporkan kes malaria, bagi memastikan tiada kes malaria manusia jangkitan tempatan (*indigenous*) berlaku. Didapati 2 lokaliti mencatatkan nilai *receptivity* “Tinggi”, 10 lokaliti “sederhana” dan 3 lokaliti *receptivity* “rendah”. Semua lokaliti yang mencatatkan *receptivity* “tinggi” akan diberikan keutamaan dari segi pemantauan.

Bagi pengawasan nyamuk *Mansonia*, sebanyak 87 (59%) aktiviti EI telah dijalankan yang menumpukan kepada kes jangkitan *Brugia malayi*. Spesies utama *Mansonia* yang direkodkan adalah *M. bonneae*, *M. uniformis* dan *M. dives*. Sebanyak 35 lokaliti telah dilaksanakan pengesanan parasit dan didapati dua lokaliti adalah positif dengan parasit filariasis.

KONSULTASI BERKAITAN SERANGGA PEROSAK BERKEPENTINGAN KESIHATAN AWAM

Sektor Entomologi dan Pest (E&P) juga memberikan konsultasi dan tindakan kawalan ke atas aduan mengenai kacau ganggu makhluk perosak berkepentingan kesihatan awam seperti anai-anai, tikus, pinjal (flea) dan lain-lain. Sebanyak 430 aduan kacau ganggu telah diterima oleh Unit E&P di negeri dan daerah melibatkan fasiliti kesihatan (52%), premis kerajaan (30%) dan kediaman (10%).

CAWANGAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)

NCD merupakan cabaran besar kepada sistem penjagaan kesihatan Malaysia, selain memudaratkan kesihatan penduduk, ia turut menjejaskan ekonomi negara. Pelan Strategik Kebangsaan NCD (NSP-NCD) 2016–2025, menekankan aspek pencegahan, pengesanan awal dan pengurusan NCD serta faktor risikonya. Pelan ini bertujuan untuk mengurangkan beban NCD, melalui promosi gaya hidup sihat, meningkatkan akses kepada perkhidmatan perubatan dan memperkukuhkan sistem kesihatan.

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah satu aspek yang amat penting dalam sesebuah organisasi. Menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, majikan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan anggota. Manakala anggota pula mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi arahan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan mereka bertanggungjawab untuk memaklumkan majikan sekiranya terdapat persekitaran kerja yang tidak selamat.

Program kesihatan persekitaran dan perubahan iklim adalah untuk mencegah dan mengawal penyakit berkaitan perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar. Aktiviti yang dijalankan termasuk pengurusan penyakit akibat fenomena perubahan iklim seperti banjir, jerebu dan cuaca panas serta adaptasi dan mitigasi terhadap perubahan iklim. Peranan lain termasuk memberi input teknikal kesihatan melibatkan Penilaian Impak Persekitaran (EIA), Penilaian Kesihatan Persekitaran (HIA), penilaian toksikologi persekitaran serta advokasi berkaitan isu atau kesan kesihatan akibat pencemaran alam sekitar dari pelbagai bahaya persekitaran.

INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN (NHSI)

Pada tahun 2023, seramai 1,531,537 individu telah berjaya disaring (102.1% daripada sasaran tahunan 1.5 juta) di mana 1,053,060 adalah saringan KKM, 340,257 individu saringan PeKaB40 dan 138,220 pekerja saringan PERKESO. Hasil saringan diringkaskan seperti berikut:

- Hasil saringan BMI mendapati 246,901 individu normal BMI (23.4%) , 53,328 kurang berat badan (5.0%) , 368,830 individu adalah berlebihan berat badan (34.9%) dan 387,976 individu adalah obes (36.7%),
- 86,676 (8.2%) individu adalah sihat dan tiada faktor risiko NCD.
- 497,687 (47.1%) individu telah disahkan menghidap NCD semasa saringan.
- 413,404 (39.1%) individu dikesan mempunyai faktor risiko NCD (masalah berat badan, merokok, mempunyai bacaan tekanan darah, paras gula atau paras kolesterol yang melebihi paras normal).
- 54,123 (5.3%) individu yang tiada penyakit NCD namun merokok, mengambil minuman beralkohol dan mempunyai sejarah penyakit NCD dalam keluarga

Langkah-langkah promosi dan pencegahan perlu dijalankan untuk memastikan rakyat Malaysia menjalani saringan kesihatan supaya faktor risiko NCD dapat dikesan awal dan intervensi dapat disegerakan.

RUMAH BEBAS ASAP ROKOK (RBAR)

KPI yang dipantau oleh Program KOSPEN ialah RBAR. Inisiatif RBAR bertujuan untuk mewujudkan persekitaran bebas asap rokok untuk perokok pasif. Polisi ini dilaksanakan dengan kebenaran pemilik rumah untuk mengisytiharkan rumah sebagai zon larangan merokok secara rasmi dan meletakkan papan tanda RBAR di pintu hadapan. Sebanyak 766 lokaliti (92%) di KOSPEN memenuhi sasaran sekurang-kurangnya sepuluh (10) buah rumah menyertai program RBAR. Semua negeri mencapai sasaran 60% lokaliti yang mengambil bahagian dalam RBAR.



Imej 4.10 Papan Tanda Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR)

INTERVENSI KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

Sehingga 2023, seramai 190,119 personel telah disaring daripada 2,100 agensi yang menyertai program KOSPEN WOW. Hasil saringan mendapati 12,375 personel (7%) dengan bacaan tekanan darah $\geq 140/90$ mmHg dan 21,873 personel (12%) mempunyai bacaan glukosa kapilari ≥ 5.6 mmol/L (*fasting*) atau ≥ 7.8 mmol/L (*random*). Seramai 9,549 personel (77%) yang dikesan dengan bacaan tekanan darah $\geq 140/90$ mmHg serta 9,732 personel (44%) bacaan glukosa kapilari ≥ 5.6 mmol/L (*fasting*) atau ≥ 7.8 mmol/L (*random*) dirujuk ke fasiliti kesihatan untuk pemeriksaan lanjut.

KOSPEN WOW turut menjalankan Program Pengurusan Berat Badan, melibatkan 547 personel, dengan 111 personel (20%) berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 5% daripada berat badan asal mereka, dalam masa tiga (3) bulan. Manakala seramai 305 personel telah kekal sehingga bulan keenam, dan 113 personel (37%) berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 10% daripada berat asal.



Imej 4.11 Program KOSPEN WOW

SHARPS INJURY SURVEILLANCE (SIS)

Sebanyak 1,930 kes kecederaan alatan tajam telah dinotifikasi kepada Sektor Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi tahun 2023. Jumlah kes yang dilaporkan meningkat sebanyak 39.2% berbanding dengan 1,173 kes pada tahun 2022. Pada tahun 2023, daripada jumlah kes kecederaan alatan tajam, 1,473 kes adalah daripada tusukan jarum. Justeru itu, sektor KKP telah bercadang untuk memohon perolehan peruntukan pembekalan *safety needle* bagi semua fasiliti kesihatan pada tahun 2024 bagi mengurangkan kejadian tusukan jarum dalam kalangan anggota KKM.

SURVELAN KEMALANGAN DAN KECEDERAAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

Jumlah kes kemalangan dan kecederaan (tidak termasuk kecederaan oleh alatan tajam klinikal) yang dilaporkan dalam kalangan pekerja penjagaan kesihatan pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 50.2%. Kes keracunan pekerjaan menunjukkan peningkatan sebanyak 89.4%. Manakala bagi kes penyakit paru-paru pula, sejumlah 315 kes telah dinotifikasi pada tahun 2023 berbanding 116 kes pada tahun 2022.

KURSUS OCCUPATIONAL HEALTH DOCTOR (OHD)

Kursus *OHD* bagi anggota KKM dijalankan pada setiap tahun bagi meningkatkan bilangan *OHD* dalam kalangan pegawai perubatan KKM supaya dapat menjalankan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di fasiliti kesihatan KKM. Pada tahun 2023, kursus ini telah dijalankan di Institut Kesihatan Negara (NIH) melibatkan seramai 48 peserta dari seluruh negara pada tahun 2023. Kursus ini diadakan sebanyak tiga (3) sesi iaitu Sesi 1 (14-16 Julai 2023), Sesi 2 (18-20 Ogos 2023) dan Sesi 3 (22-25 September 2023).

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (OSH) WEEK

Sambutan OSH Week telah diadakan dari 20 Julai hingga 3 Ogos 2023 dan dilancarkan oleh Menteri Kesihatan. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)*, aktiviti *Automated External Defibrillator (AED) and Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)*, ceramah berkenaan kesihatan pekerjaan dan *Commuting Awareness – Defensive Driving*, pertandingan Tiktok, aktiviti pendakian Bukit Batu Putih, Tanjung Tuan dan saringan kesihatan.



Imej 4.12 Sambutan Minggu OSH

UNITED NATIONS FRAMEWORK CONVENTION ON CLIMATE CHANGE (UNFCCC)

Unit Kesihatan Alam Sekitar (EHU), BKP telah terlibat dalam penyediaan *National Communication (NC)* keempat dan *Biennial Update Report (BUR)* bagi memenuhi keperluan persidangan UNFCCC berkaitan isu kesihatan awam dan perubahan iklim. Mesyuarat *Climate & Health Ministerial* telah diadakan semasa persidangan *Conference of the Parties (COP)* ke-28 bagi UNFCCC di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Disember 2023. Delegasi diketuai oleh Menteri Kesihatan bersama Ketua Pengarah Kesihatan dan seorang pegawai dari EHU. Malaysia telah memberi sokongan kepada Deklarasi Perubahan Iklim dan Kesihatan yang dilancarkan semasa mesyuarat tersebut.



Imej 4.13 Mesyuarat *Climate & Health Ministerial* COP28 UNFCCC 2023

PENGURUSAN BANJIR (KESIHATAN) DAN SURVELAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS & JEREBU

EHU telah membuka Bilik Gerakan Banjir CPRC Kebangsaan sebanyak dua (2) kali untuk pengurusan banjir Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 dari 1-23 Mac 2023 dan Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 bermula 26 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024. Pemantauan penyakit berkaitan cuaca panas merekodkan sebanyak 65 kes dengan tiga (3) kematian dari Minggu Epidemiologi (ME) 16-45, tahun 2023. Manakala, pemantauan penyakit berkaitan jerebu telah dilaksanakan secara harian di kawasan yang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat melibatkan 17 fasiliti kesihatan sentinel dan empat (4) hospital sentinel. Tren kes berkaitan jerebu menunjukkan peningkatan bagi penyakit *Upper Respiratory Tract Infection* (4.5%) dan asma (19.6%) pada tempoh jerebu semasa Monsun Barat Daya (ME 40-42) berbanding tempoh tiada jerebu semasa Monsun Barat Daya (ME 20-39) pada tahun yang sama.

PEWARTAAN AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [AKTA 852]

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 30 November 2023 diikuti oleh Dewan Negara pada 14 Disember 2023 dan seterusnya diwartakan pada 2 Februari 2024. Akta ini meliputi kawalan menyeluruh dikenakan ke atas semua jenis produk merokok, termasuk rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape. Kawalan ini juga melibatkan larangan penjualan, pembelian, dan penggunaan oleh golongan orang belum dewasa (OBD). KKM akan terus melaksanakan Pelan Advokasi lima (5) tahun yang memfokuskan aktiviti pendidikan kesihatan melibatkan advokasi dan pencegahan merokok bagi melindungi generasi muda agar mereka kekal tidak merokok. Program ini bermula daripada sekolah rendah hingga ke peringkat universiti bagi mencapai misi negara bebas tanpa sebarang bentuk amalan merokok pada tahun 2040.



Imej 4.14 Pewartaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] di Dewan Negara

MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN (MKAK)

MKAK terbahagi kepada empat (4) bahagian utama iaitu Bahagian Kualiti, Bahagian Makanan, Bahagian Penyakit dan Bahagian Epidemiologi. Bahagian Kualiti bertanggungjawab untuk memperkukuhkan pengurusan kualiti dan operasi makmal, sejajar dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa. Bahagian Makanan, MKAK berperanan dalam menjalankan analisis makanan bagi memastikan makanan yang dipasarkan adalah selamat melalui pelaksanaan Akta Makanan 1983. Manakala fungsi utama Bahagian Penyakit adalah surveilans makmal, penyiasatan wabak atau pandemik, aktiviti jaminan kualiti termasuk Ujian Profisiensi Penyedia untuk *External Quality Assurance* (EQA), perkhidmatan, penilaian kit ujian dan program latihan teknikal. Bahagian Epidemiologi membantu jabatan bagi merancang, melaksana, menganalisa, mengeluarkan laporan teknikal, memantau pelaksanaan, memberi bimbingan profesional dan khidmat nasihat teknikal ke arah pengukuhan program surveilans makmal dan pengurusan wabak. Aktiviti yang telah dijalankan bagi menyokong fungsi di atas adalah seperti berikut:

BENGKEL SWOT ANALISA PEMBANGUNAN NATIONAL LABORATORY STRATEGIC PLAN (NLSP)

Bengkel yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 8-10 November 2023 bertujuan untuk menjalankan SWOT analisa bagi pembentukan *National Laboratory Strategic Plan* (NLSP) 2023-2027. Bengkel ini melibatkan kerjasama empat (4) buah negara iaitu Thailand, Timor Leste, Indonesia dan Malaysia. Ianya dihadiri oleh pelbagai wakil agensi meliputi sektor perkhidmatan klinikal, veterinar dan makanan.



Imej 4.15 Peserta Bengkel SWOT Analisa Pembangunan *National Laboratory Strategic Plan* (NLSP)

WHO BENCHMARKING OF THE NATIONAL MEDICINE AND VACCINE REGULATORY SYSTEM

WHO *Benchmarking of the National Medicine and Vaccine Regulatory System* telah berlangsung pada 20-24 November 2023. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam *Global Benchmarking Tool* (GBT) untuk menentukan tahap pengawalseliaan ubat-ubatan secara menyeluruh yang dilaksanakan oleh sesebuah negara. Penilaian telah dijalankan di *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) dan Makmal Potensi Vaksin MKAK, bertujuan untuk memberi penanda aras pencapaian makmal vaksin di Malaysia. Penilaian telah dijalankan oleh dua (2) orang penilai dari Korea Selatan dan seorang penilai dari Kanada.



Imej 4.16 Penilaian WHO *Benchmarking of the National Medicine and Vaccine Regulatory System*

LATIHAN TEKNIKAL MIKOTOKSIN MAKMAL RUJUKAN KEBANGSAAN

Bahagian Makanan MKAK dengan kerjasama MARDI Serdang telah berjaya menganjurkan Latihan Teknikal Mikotoksin bertempat di Ibu Pejabat MARDI, Serdang pada 11 Julai 2023. Program ini telah disertai oleh 20 orang wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Latihan ini bertujuan untuk memperkenalkan kit pengesanan pantas mikotoksin (MARDI Sense) oleh kumpulan penyelidik MARDI yang diketuai oleh Dr. Nur Azura binti Mohd Said, Pegawai Penyelidik Prinsipal, Pusat Penyelidikan Bioteknologi & Nanoteknologi yang mampu mengesan mikotoksin, analit AFB1 pada jagung bijian di lapangan, secara *in situ*, *real time* dan lebih pantas. Wakil daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Professor Madya Dr. Nik Iskandar Putra bin Samsudin juga telah membentangkan tiga (3) projek penyelidikan daripada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan.



Imej 4.17 Latihan Teknikal Mikotoksin Anjuran MKAK

ANALISA UJIAN SURVELAN PERSEKITARAN BAGI VIRUS POLIO (ESPV) DAN COVID-19

Pada tahun 2023, sebanyak 381 spesimen ESPV telah diterima dari seluruh negara ke makmal rujukan iaitu MKAK, MKA Kota Kinabalu dan IMR. 48.6% adalah positif bagi Non-Polio Enterovirus (NPEV). Manakala sebanyak 496 ujian surveilan persekitaran bagi virus SARS-CoV-2 di dalam komuniti telah menerima. Varian Omicron dikesan di dalam 447 sampel (90.1%). Ujian surveilan persekitaran bagi virus SARS-CoV-2 juga dijalankan di PMA, KLIA di mana 102 sampel diterima dan 98 (96.1%) sampel positif SARS-CoV-2. Dari 98 sampel positif, 60 sampel dikesan merupakan campuran *Variant of Interest* (VOI) dan *Variant Under Monitoring* (VUM) by *Whole Genome Sequencing* (WGS).

SURVELAN PATHOGEN KEUTAMAAN

Pada tahun 2023, 13 laporan surveilan makmal telah diedarkan kepada semua jabatan dan agensi yang berkepentingan seperti yang ditetapkan. Selain itu, MKAK telah mempertingkatkan laporan SARS-CoV-2 dan Measles dengan menyertakan data surveilan genomik dengan kerjasama Seksyen Virologi Bahagian Penyakit. Buletin Survelan Makmal dan Laporan Wabak telah diterbitkan untuk edaran kepada semua yang berkenaan. Bagi tahun 2023, Seksyen Epidemiologi telah mengadakan bengkel selama tiga (3) hari untuk membangunkan Protokol Makmal *Event Based Surveillance* (EBS) dengan kolaborasi bersama WHO *Country Office* dan Pakar WHO daripada pejabat WPR di Manila dan Ibu Pejabat Makmal WHO, Perancis.



Imej 4.18 Bengkel EBS

PEMBANGUNAN KAPASITI

Pada tahun 2023, latihan dan kursus untuk mempertingkatkan kemahiran anggota yang terlibat dalam *Rapid Response Team* (RRT) telah diadakan khususnya merangkumi komunikasi risiko, *Incident Management System*, proses pengurusan sampel (perancangan, pengambilan, penyimpanan dan pengangkutan) serta amalan biokeselamatan yang betul. Selain itu, bengkel untuk mengkaji semula Buku Panduan RRT MKAK telah juga dilaksanakan. Pada bulan November 2023, empat orang pegawai dari MKAK telah menghadiri latihan sangkut di Singapura kaitan teknik mengambil sampel air kumbahan bagi ujian virus SARS-CoV-2 dan enterovirus yang lain.



Imej 4.19 Bengkel Pembangunan Kapasiti

BENGKEL SEMAKAN GARISPANDUAN

Bahagian Epidemiologi juga telah mengadakan bengkel semakan beberapa garis panduan interim khususnya Mpox, Nipah virus, MERSCOV serta garis panduan *Laboratory Rapid Response Manual* MKAK. Akhir sekali, Laporan EWAR telah dimulakan dan diedarkan sejak bulan September 2023 hingga kini.

LABORATORY INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM (LIMS)

Pada tahun 2023, seksyen teknologi maklumat telah memimpin dan memulakan satu (1) siri bengkel perbincangan bagi menyediakan keperluan pengguna untuk modul makmal Projek *Electronic National Center for Disease Control* (eNCDC) dengan kolaborasi bersama Bahagian Kawalan Penyakit KKM. Modul makmal iaitu *Laboratory Information Management System* (LIMS) dibangunkan khas berdasarkan keperluan spesifik Makmal Rujukan Kesihatan Awam iaitu satu (1) komponen projek eNCDC.

Selain itu, Seksyen Teknologi Maklumat juga telah dengan berjayanya menghasilkan tiga (3) modul tambahan yang dibangunkan secara dalaman bagi mempertingkatkan proses pengurusan makmal sedia ada:

- i. *Leprosy Modules in SIMKA V3* (Oktober 2023)
- ii. *Leprosy Results in SIMKA-Result* (November 2023)
- iii. *Sistem eMalaria* (Mac 2023)

Semua modul ini telah dilaksanakan dengan lancar di seluruh negara, dengan memastikan integrasi dan keberkesanan yang meluas. Seajar dengan komitmen terhadap penambahbaikan berterusan dan memastikan prestasi optimum dalam pengurusan makmal, seksyen teknologi maklumat dengan berjayanya telah menaik taraf platform rangkaian daripada MyGovNet 1.0 kepada MyGovNet 2.0. Naiktaraf ini merupakan pencapaian yang penting dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpercayaan, meminimumkan masa henti dan meningkatkan pengalaman pengguna di seluruh organisasi. Sekiranya berlaku gangguan atau kegagalan dalam sambungan talian utama, rangkaian akan secara automatik mengubah hala trafik ke talian aktif yang tersedia seterusnya. Pendekatan proaktif ini meminimumkan masa henti dan memastikan akses berterusan kepada perkhidmatan dan sumber penting.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA (BPKK)

BPKK menyediakan penjagaan kesihatan utama melalui pelbagai klinik dan perkhidmatan luar, memastikan perkhidmatan komprehensif untuk semua, termasuk promosi kesihatan, pencegahan penyakit, pengesanan dan rawatan awal, rawatan penyakit kronik, perkhidmatan rehabilitasi, rawatan domisilari dan perubatan paliatif bermula dari ibu hamil hingga populasi warga emas. Bagi memastikan penjagaan kesihatan berkualiti, bahagian ini merancang dan melaksanakan perkhidmatan sokongan, pembangunan sumber manusia dan pelaksanaan tele-jagaan primer.

INFRASTRUKTUR PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

Terdapat dua (2) fasiliti baharu telah dibuka bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan selari dengan keperluan pembangunan yang pesat serta pertambahan populasi. Selain itu, 13 fasiliti kesihatan primer telah dinaik taraf kepada klinik kesihatan (KK) iaitu melibatkan dua (2) klinik kesihatan ibu dan anak (KKIA) dan sebelas (11) klinik desa (KD) bagi menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada masyarakat setempat. Sementara itu, sebanyak 62 fasiliti kesihatan primer telah ditutup kerana mengambil kira aspek keselamatan dan kualiti perkhidmatan penjagaan pesakit.

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL DI FASILITI PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

Pada 2023, perkhidmatan sokongan klinikal di peringkat penjagaan kesihatan primer menunjukkan peningkatan perkhidmatan radiologi sebanyak 3.24% daripada 247 KK pada 2022 kepada 255 KK di seluruh Malaysia. Bilangan makmal penjagaan kesihatan primer di fasiliti kesihatan juga telah meningkat daripada 765 pada 2022 kepada 777 makmal pada tahun ini. Bagi perkhidmatan dietetik pula, jumlah perjawatan meningkat kepada 118 perjawatan dengan liputan perkhidmatan dietetik sebanyak 575 KK.

Terdapat 449 perjawatan ahli fisioterapi pelbagai gred telah ditempatkan di 298 KK dan seramai 450 ahli terapi cara kerja ditempatkan di 278 KK. Hanya tiga (3) perjawatan pegawai terapi pertuturan bahasa yang telah ditempatkan di tiga (3) KK.


Bagi perkhidmatan kerja sosial perubatan pula, terdapat 27 pegawai kerja sosial perubatan yang memberi perkhidmatan di 241 KK. Bagi perkhidmatan optometri, terdapat dua (2) pegawai optometri lantikan tetap dan 15 orang lantikan kontrak telah ditempatkan di 17 KK. Perkhidmatan kaunseling dijalankan oleh 26 orang pegawai psikologi lantikan tetap dan 199 orang pegawai psikologi kontrak.

INISIATIF MENGURANGKAN KESESAKAN DI KLINIK KESIHATAN

Dari 25 Mac hingga 31 Disember 2023, satu inisiatif rintis telah dimulakan di KK Bandar Botanik dan diperluaskan ke lima (5) KK untuk mengurangkan kesesakan di zon hijau Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital berhampiran. Inisiatif rintis yang diterajui oleh Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) ini melibatkan pelanjutan waktu operasi di enam (6) KK sehingga 9.30 malam setiap hari termasuk cuti mingguan dan cuti umum. Ia tidak hanya mengurangkan kesesakan tetapi juga membolehkan rakyat mendapatkan rawatan akut selepas waktu pejabat.

KEDATANGAN PESAKIT KESIHATAN PRIMER

Pada 2023, sejumlah 70,319,938 pesakit telah menerima rawatan di fasiliti kesihatan primer seluruh Malaysia. Tren kedatangan pesakit di fasiliti kesihatan primer didapati terus meningkat setiap tahun kecuali semasa pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021. Selangor mencatatkan kedatangan pesakit yang paling ramai dari tahun 2018 hingga 2023, diikuti oleh Johor dan Perak seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.13**.



Rajah 4.13 Jumlah Kedatangan Pesakit ke Fasiliti Kesihatan Primer 2018-2023

PERKHIDMATAN KLINIK BERGERAK (KB)

Bagi meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan primer, pelaksanaan perkhidmatan KB dan konsultasi secara maya telah dipertingkatkan. Pada 2023, sebanyak 311,654 kedatangan dicatatkan bagi perkhidmatan KB, di mana 40% adalah dari etnik Orang Asal, 25% pribumi Sabah, 18% pribumi Sarawak, 13% Melayu, 2% Cina dan masing-masing 1% dalam kalangan lain-lain etnik serta bukan warganegara.

PENJAGAAN KESIHATAN IBU HAMIL DAN PERANCANG KELUARGA

Penjagaan kesihatan ibu merangkumi perkhidmatan penjagaan antenatal (ANC), penjagaan intrapartum, penjagaan posnatal (PNC) dan perkhidmatan perancang keluarga. Penjagaan pra-kehamilan bertujuan untuk mengoptimalkan kesihatan wanita dalam usia reproduktif yang mempunyai masalah perubatan sebelum mereka hamil. Pada 2023, lebih daripada 98% wanita hamil telah menerima sekurang-kurangnya satu lawatan perkhidmatan penjagaan kesihatan ibu, 99.6% kelahiran selamat dan 99.8% ibu telah hadir ke lawatan klinik postnatal pada 1 (satu) bulan. Secara purata setiap wanita hamil telah menghadiri lebih daripada 12 lawatan ANC. Aktiviti saringan untuk mengesan kencing manis ketika mengandung atau *gestational diabetes mellitus* (GDM) pada 2023 menunjukkan 23% ibu antenatal dikesan GDM dan 2.4% ibu GDM postnatal telah disahkan diabetes. Sekurang-kurangnya 64% wanita yang mempunyai masalah perubatan telah mengamalkan perancang keluarga yang berkesan.

Nisbah Kematian Ibu (MMR) menurun daripada 68.2 (2021) kepada 26.0 setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2022. Penurunan ini dilihat sebagai satu kejayaan membendung wabak jangkitan COVID-19, memandangkan jangkitan ini merupakan penyebab utama kematian ibu hamil pada tahun sebelumnya.

Pelan Tindakan Menurunkan Kematian Ibu Tahun 2023-2030 bertujuan untuk mencapai sasaran MMR selaras dengan usaha *Sustainable Development Goals* (SDG) telah dibangunkan. Pendekatan penjagaan pra-kehamilan wanita berisiko tinggi telah diperluaskan di hospital pakar, melalui kerjasama antara BPKK dan Bahagian Perkembangan Perubatan untuk membangunkan garis panduan ini.

Program kesihatan mental perinatal diperkukuhkan dengan memperkenalkan saringan kesihatan mental perinatal disamping aktiviti lain yang berkaitan. Sehubungan itu, Manual Saringan dan Pengendalian Kemurungan Perinatal di Fasiliti Kesihatan Primer sedang dibangunkan bersama pelbagai kepakaran.

PENJAGAAN KESIHATAN KANAK-KANAK

Imunisasi Kanak-Kanak

Pada 2023, pencapaian liputan imunisasi telah melebihi sasaran, iaitu 95% bagi semua jenis imunisasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan (NIP). **Jadual 4.3** menunjukkan pencapaian liputan bagi indikator utama peringkat kebangsaan bagi tahun 2023.

Jadual 4.3 Pencapaian Liputan bagi Indikator Utama Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2023

Indikator	Jenis Imunisasi	Pencapaian (%)
Sustainable Development Goal (SDG)	Dos 3 DTaP-IPV-HepB-Hib	103.60
	PCV Dos 1	100.58
Outcome-Based Budget (OBB)	MMR Dos 1	102.80

Perluasan Program Imunisasi *Catch-up* Pneumokokal (CHUPP) telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024 kepada kanak-kanak yang lahir pada tahun 2018 dan 2019. Objektif peluasan ini adalah untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak yang tidak termasuk dalam kohort asal pemberian vaksin Pneumokokal dalam program imunisasi rutin.

Saringan Awal Ketidakupayaan

Fokus perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak kurang upaya (OKU) adalah saringan awal ketidakupayaan, pengesanan dan rehabilitasi. Pencapaian saringan kanak-kanak OKU 0-1 tahun bagi tahun 2023 adalah 0.18% melebihi sasaran KKM iaitu 0.12%. Selain itu, kesemua 371,145 kanak-kanak berumur 18-24 bulan telah menjalani saringan M-CHAT. Hasil saringan mendapati seramai 1,453 (0.39%) kanak-kanak telah gagal saringan di mana 167 (11.5%) telah disahkan mengidap *Autisme Spectrum Disorder* (ASD).

SARINGAN KESIHATAN

Saringan Risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di bawah Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI)

Sejumlah 1,247,537 saringan telah dijalankan di fasiliti kesihatan primer di bawah NHSI pada 2023. Seramai 1,053,399 klien disaring menggunakan Saringan Risiko NCD manakala 194,138 klien lagi telah mendapat Pakej Manfaat 1: Saringan Kesihatan PeKa B40.

Bagi Saringan Risiko NCD, 143,863 individu (13.66%) didapati mempunyai kadar glukos tinggi, 245,391 individu (23.30%) mempunyai tekanan darah tinggi, 64,411 (36.50%) daripada 176,615 individu yang menjalani ujian paras kolesterol dalam darah mempunyai kadar kolesterol tinggi, 386,534 individu (36.69%) obes dengan BMI ≥ 30 , 39,312 perokok (3.73%) serta 11,865 individu (1.13%) mempunyai risiko ketagihan alkohol.

Manakala melalui Saringan Kesihatan PeKa B40, majoriti klien yang disaring di bawah saringan ini didapati berpenyakit dengan 63,996 individu (38.5%) adalah pesakit diabetes, 105,040 individu (63.2%) adalah pesakit hipertensi dan 99,402 individu (59.8%) adalah pesakit hypercholesterolemia. Sebanyak 25,249 individu (15.2%) telah dikesan sebagai kes baharu Diabetes, 9,721 individu (5.8%) kes baharu hipertensi dan 30,091 individu (18.1%) kes baharu

hypercholesterolaemia. Sebanyak 38,747 individu (10.3%) adalah obes dengan BMI ≥ 30 , 17,153 individu adalah perokok dan 5,915 individu (3.6%) adalah yang mempunyai risiko ketagihan alkohol.

Kesihatan Remaja

Data awalan 2023 menunjukkan seramai 281,302 remaja (5.22%) telah disaring daripada populasi remaja Malaysia berumur 10-19 tahun yang berjumlah 5,393,800. Lima (5) masalah utama yang dikenal pasti adalah masalah pemakanan 26,476 (9.41%), masalah tingkah laku berisiko 6,462 (2.30%), masalah kesihatan fizikal 3,045 (1.08%), masalah kesihatan mental 2,386 (0.85%) dan masalah kesihatan seksual dan reproduktif 2,255 (0.80%). Bilangan kes ibu hamil baharu dalam kalangan remaja yang berdaftar di fasiliti kesihatan primer KKM menurun daripada 10,349 pada tahun 2019 kepada 8,464 pada tahun 2023. Di antara mereka, 3,464 remaja (40.93%) tidak berkahwin dan 7,185 remaja (84.89%) tidak bersekolah. Bilangan remaja hamil berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan tertinggi pada 2023 ialah di Sarawak (2,026 kes), diikuti Sabah (1,065 kes) dan Selangor (799 kes).

Kesihatan Dewasa

Program saringan kanser reproduktif wanita merangkumi saringan kanser serviks dan payudara. Kini, saringan kanser serviks mensasarkan wanita berumur 30-65 tahun yang pernah melakukan hubungan seksual. Saringan ini dilaksanakan melalui dua (2) kaedah utama, iaitu ujian pap smear/*liquid-based cytology* atau ujian *Human Papilloma Virus* (HPV) DNA .

Data awalan bagi tahun 2023 menunjukkan seramai 400,749 (20.5%) wanita telah menjalani saringan kanser serviks. Daripada jumlah tersebut, 305,744 (13.5%) wanita telah disaring menggunakan kaedah sitologi dan 95,005 (7%) wanita telah menjalani ujian HPV DNA.

Pemeriksaan klinikal payudara ditawarkan kepada wanita yang berusia 20 tahun ke atas di semua fasiliti kesihatan. Wanita yang berumur 40 tahun dan ke atas serta didapati berisiko untuk mendapat kanser payudara perlu menjalani saringan mamogram setahun sekali. Bagi wanita yang berumur 50 tahun ke atas tanpa faktor risiko kanser payudara utama, saringan mamogram perlu dijalankan setiap dua (2) tahun sekiranya keputusan mamogram tersebut normal.

Seramai 1,701,449 (28.7%) wanita berumur 20 tahun dan ke atas telah menjalani pemeriksaan klinikal payudara. Saringan mendapati seramai 15,622 wanita telah dikesan berisiko untuk mendapat kanser payudara dan telah menjalani saringan mamogram. Berdasarkan laporan mamogram yang diterima, seramai 122 wanita telah dikesan menghidapi kanser payudara di mana kadar pengesanan kanser payudara ialah 0.78%.

Kesihatan Warga Emas

Pelan Tindakan Dementia 2023-2030 telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) pada bulan April 2023. Pelan tindakan ini disediakan merujuk kepada *WHO Global Action Plan on The Public Health Response to Dementia 2017-2025*. Ia menekankan kepada pengukuhan sistem penjagaan kesihatan dan sokongan sosial yang mampan untuk orang yang menghidap demensia dan penjaga melalui perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berintegrasi dan *patient-centred care*.

Mesyuarat Khas KPK juga telah meluluskan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 (PTPKWE 2023-2030) pada bulan September 2023. Pelan tindakan ini disediakan selari dengan Pelan Strategik KKM (2021-2025) dan juga Kertas Putih Kesihatan

(HWP). Ia bertujuan untuk memperkukuh perkhidmatan kesihatan warga emas berterusan melalui perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berintegrasi dan *patient-centred care* yang akan melibatkan semua peringkat komuniti, primer dan tertiar. Selain itu, ia menekankan kerjasama dan penyelarasan tindakan antara pelbagai kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan dalam memantapkan UHC.

BPKK mengambil pendekatan proaktif untuk memastikan penjagaan bersepadu untuk warga emas di peringkat penjagaan kesihatan primer yang berpusatkan pada individu melalui GeCares. Matlamat utama GeCares adalah mengoptimumkan daya intrinsik dan keupayaan berfungsi semasa seseorang itu menua. Warga emas yang disaring akan dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga untuk penilaian yang terperinci dan ditawarkan penyediaan pelan penjagaan yang khusus.

Kelab Warga Emas yang ditubuhkan di bawah penyelarasan KK, bertujuan untuk menggalakkan penglibatan komuniti dan badan bukan kerajaan dalam penjagaan kesihatan warga emas. Sehingga Disember 2023, seramai 13,897 ahli bernaung di bawah 266 buah kelab warga emas yang aktif.

Peluasan peranan Jururawat Masyarakat di KD adalah satu inisiatif untuk meluaskan perkhidmatan melalui *Community Based Primary Healthcare*. Ia dilaksanakan secara berfasa sejak 2019, dan hingga kini, terdapat 289 KD yang melaksanakan inisiatif ini.

PERKHIDMATAN JANGKAU LUAR

Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

Pelan Kesihatan Sekolah telah diperkenalkan pada tahun 1967 untuk memastikan kesihatan optimal kanak-kanak sekolah. Perkhidmatan kesihatan sekolah diberikan kepada kanak-kanak prasekolah sehingga pelajar Tingkatan 4 mengikut jadual yang ditetapkan. Perkhidmatan ini terutamanya merangkumi pendidikan kesihatan, saringan penilaian kesihatan, imunisasi, rawatan, rujukan dan lain-lain aktiviti yang mana diberikan setiap tahun di sekolah. Pada tahun 2023, liputan perkhidmatan kesihatan sekolah untuk murid Tahun 1, Tahun 6 dan murid Tingkatan 3 telah melebihi 97%.

Berkenaan dengan status pemakanan pada tahun 2023, Sarawak menunjukkan peratus tertinggi murid sekolah dengan berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan murid Tahun 1 iaitu 19.14%. Perlis dan Perak mencatatkan peratus tertinggi berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan murid Tahun 6 iaitu 29.30%. Melaka pula menunjukkan peratus murid Tingkatan 3 tertinggi dengan masalah berlebihan berat badan dan obes sebanyak 23.94%.

Perkhidmatan imunisasi kesihatan sekolah disediakan bagi murid Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 3. Imunisasi DT diberikan kepada murid Tahun 1, manakala imunisasi HPV bagi murid perempuan Tingkatan 1 dan imunisasi ATT pula bagi murid Tingkatan 3. Pada tahun 2023, pencapaian imunisasi DT dan ATT masing-masing adalah 94.68% dan 92.77%. Walau bagaimanapun tiada imunisasi HPV diberikan kepada murid perempuan Tingkatan 1 kohort 2023 kerana tiada bekalan vaksin HPV. Terdapat limitasi dalam pengumpulan data kerana kitaran pengumpulan data kesihatan murid adalah bermula Mac 2023 dan akan berakhir pada Mac 2024.

Program Saringan Thalassaemia Murid Tingkatan 4

Pada tahun 2023, seramai 247,178 murid Tingkatan 4 telah ditawarkan saringan Thalassaemia bagi menentukan status pembawa. Seramai 226,240 murid (91.52%) telah mendapatkan

kebenaran bertulis ibu bapa atau penjaga untuk menjalani saringan. Seramai 218,343 murid (96.50%) mendapat kebenaran bertulis yang menjalani saringan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.0% berbanding tahun sebelumnya. Sejumlah 130,830 murid (59.92%) yang menjalani saringan didapati bukan pembawa Thalassaemia, manakala, 54,339 murid (24.89%) telah disyaki pembawa Thalassaemia. Selain itu, terdapat 29,920 murid (13.70%) yang dikesan mengalami anaemia akibat kekurangan zat besi dan 3,254 murid (1.49%) mengalami lain-lain sebab anaemia.

Lawatan Pemulihan dalam Komuniti (PDK)

Sejumlah 567 buah PDK telah dilawati untuk pemeriksaan kesihatan dan intervensi awal kesihatan bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), dengan 18,130 daripada 18,320 kanak-kanak OKU (98.96%) telah mendapat pemeriksaan kesihatan dan diberi intervensi awal mengikut keperluan.

Perkhidmatan Domisilari dan Domisilari Paliatif

Fokus perkhidmatan kesihatan untuk OKU dewasa adalah Perkhidmatan Perawatan Domisilari (PPD) dan Skop Perubatan Paliatif. Sehingga Disember 2023, sebanyak 416 KK telah menjalankan PPD dan 225 KK telah melaksanakan perubatan paliatif. Sejumlah 26,505 pesakit terlanjar telah menerima PPD dan 1,259 pesakit skop perubatan paliatif telah dirawat. Pada tahun 2023, skop perubatan paliatif telah diperluaskan ke Johor dan Sabah.

PERKHIDMATAN KECEMASAN DAN AMBULANS DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Pada 2023, masa respon kes kecemasan di fasiliti kesihatan primer telah mencapai sasaran, iaitu 100% kes yang datang ke unit kecemasan dalam waktu pejabat direspon dalam masa satu (1) minit dan 95% kes selepas waktu pejabat direspon dalam masa 15 minit. Bilangan ambulans yang berfungsi telah berkurangan dari 817 unit kepada 787 unit berbanding dengan tahun 2022, disebabkan oleh kekurangan agihan ambulans baharu pada tahun 2023. Selain itu, sebanyak 68 unit ambulans yang berstatus *Beyond Economic Repair* (BER) didapati masih digunakan semasa proses BER.

Pada 14-16 Ogos 2023, latihan *Basic Life Support* (BLS) kepada Penolong Pegawai Perubatan telah dilaksanakan dengan kerjasama JKN Kedah melibatkan seramai 30 orang peserta daripada semua daerah di Kedah dan Perlis. Di samping itu, seramai 33 orang anggota kesihatan yang terdiri daripada Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan daripada Program Kesihatan Awam telah menghadiri latihan *Training of Trainer Basic Life Support Instructor Course* yang telah diadakan mengikut zon di bawah *National Committee on Resuscitation Training* (NCORT).

PENJAGAAN PERUBATAN PRIMER

Antara aktiviti utama yang telah dijalankan untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan primer KKM dipertingkatkan adalah pengukuhan pelaksanaan Inisiatif *Enhanced Primary Health Care* (EnPHC) melalui semakan semula prosedur dan dokumen rujukan agar selari dengan hala tuju semasa KKM. Bengkel telah diadakan pada 23-25 Mei 2023 dan telah dihadiri oleh wakil dari negeri yang terlibat serta pakar daripada pelbagai bahagian dan jabatan. Sehingga 2023, sebanyak 73 KK telah melaksanakan inisiatif EnPHC yang melibatkan lima (5) negeri iaitu Johor, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan pertambahan sebanyak 18 KK berbanding 2022. Pencapaian bagi indikator kawalan hipertensi di fasiliti EnPHC yang merupakan KPI Pengarah dan Timbalan Pengarah iaitu sebanyak 61.30%.

Selain itu, pelaksanaan *Pain as 5th Vital Sign* (P5V5) telah diperluaskan ke semua KK. Sebanyak 1,032 KK telah melaksanakan P5V5 pada tahun 2023. Perkhidmatan penjagaan luka moden juga diperkukuhkan dan diperluaskan ke seluruh KK secara berperingkat. Sebanyak 844 KK telah menjalankan perkhidmatan penjagaan luka moden pada tahun 2023.

PENDIGITALAN KESIHATAN PRIMER

Sistem *Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information* (TPC-OHCIS) merupakan sistem Rekod Kesihatan Elektronik KKM. Ia mula dirintis pada 2017 dan kini telah diperluas kepada 106 KK di sembilan (9) negeri seluruh Malaysia. Ia digunakan di semua jenis KK daripada jenis super I hingga ke jenis VII di kawasan bandar dan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2023, TPC-OHCIS telah mencapai purata penggunaan sistem yang tinggi iaitu 88.3% dalam unit pesakit luar dan 83.3% dalam unit MCH. Peratusan penggunaan yang tinggi ini telah menghasilkan pangkalan data TPC-OHCIS yang besar bersaiz 4.07 terabit dengan 3.6 juta pesakit dan 21.6 juta lawatan klinik. Pangkalan data yang besar ini telah membolehkan KKM untuk membuat keputusan berasaskan data untuk mencapai objektif dan pelaksanaan program yang kos efektif.

Pengekstrakan data TPC-OHCIS dilakukan hampir setiap minggu, memainkan peranan penting dalam membuat keputusan dalam projek STAR yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan jabatan kecemasan hospital. Pengurangan waktu kerja KK dalam projek STAR ini telah dikurangkan kepada tempoh yang lebih kos efektif menggunakan data TPC-OHCIS. Data TPC-OHCIS adalah penting dalam merangka pakej manfaat kesihatan untuk pembiayaan kesihatan negara. Pada 2023, 69 kajian penyelidikan telah dijalankan menggunakan data TPC-OHCIS. Pada masa ini, International Medical University (IMU) menggunakan data TPC-OHCIS untuk melatih set data bagi melaksanakan *Precision Medicine* dalam kajian kohort Diabetes Seremban (SeDia) di KK Seremban. Data TPC-OHCIS juga digunakan untuk menjalankan audit diabetes dan hipertensi. Wakil dari setiap champion negeri telah membentangkan analisis data daripada TPC-OHCIS pada mesyuarat TPC-OHCIS peringkat kebangsaan pada 19-21 September 2023.

SISTEM JANJI TEMU

Sistem janji temu MyVAS dan Aplikasi MySejahtera diperkenalkan pada Januari 2023. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memudahkan akses klien kepada perkhidmatan yang disediakan di fasiliti kesihatan primer. Sistem janji temu ini juga membantu fasiliti kesihatan mengatur jadual perkhidmatan berdasarkan kapasiti fasiliti masing-masing untuk mengelakkan kesesakan di tempat pendaftaran dan tempat menunggu. Walau bagaimanapun, bagi kes kecemasan, pelanggan boleh terus ke fasiliti kesihatan seperti biasa tanpa memerlukan janji temu.

Jadual 4.4 Pencapaian Inisiatif Sistem Janji Temu Tahun 2023

Perkara	Bilangan
Jumlah klinik kesihatan yang menggunakan sistem janji temu MyVAS dan aplikasi MySejahtera	914
Jumlah slot janji temu yang dibuka dan tersedia untuk ditempah oleh klien	14,629,310
Jumlah slot janji temu yang ditempah melalui aplikasi MySejahtera Apps	2,360,959

KLINIK VIRTUAL

Pada tahun 2023, sejumlah 367 KK telah melaksanakan konsultasi secara maya yang telah berjaya memberi manfaat kepada 109,763 pesakit.

KUALITI & INOVASI PRIMER

Pencegahan dan Kawalan Infeksi

Sejumlah 707 Audit Kepatuhan Amalan *Standard Precautions* dilaksanakan pada 2022. Peratus kepatuhan mencapai 96.4%, menunjukkan penurunan sebanyak 0.6% berbanding tahun 2021 tetapi masih mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 95%. Audit Kepatuhan Amalan Kebersihan Tangan dilaksanakan di 358 KK di mana 92% amalan kebersihan tangan dilaksanakan daripada 161,000 *hand hygiene opportunities* yang diaudit.

Program Keselamatan Pesakit

Pada tahun 2023, hanya 572 daripada 675 insiden yang dilaporkan adalah insiden berkaitan keselamatan pesakit di fasiliti kesihatan primer. Pelaporan tertinggi adalah dari Selangor, diikuti oleh Perak dan Johor. Kesilapan berkaitan ubat merupakan insiden paling kerap dilaporkan diikuti insiden pesakit jatuh dan kesilapan dalam pengurusan klinikal pesakit.

BAHAGIAN PEMAKANAN

PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN MEMERANGI MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN (BBM) DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA, 2023-2030

Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah BBM dalam Kalangan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030 telah dibangunkan dan dipersetujui pelaksanaannya secara dasar melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak (JKK BBMCK) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 4 April 2023. Jawatankuasa ini terdiri daripada 16 menteri kabinet serta pengurusan tertinggi kementerian dan berfungsi memantau status pelaksanaan pelan strategik ini.

Pelan strategik ini memberikan penekanan kepada lima (5) teras strategik yang merangkumi 31 inisiatif utama selari dengan misi Dasar Pemakanan 2.0 dan Rancangan Malaysia Ke-12 melalui Bidang Keutamaan B: Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan.

Pencapaian indikator utama ini akan diperolehi melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) dan pelaksanaan setiap inisiatif dipantau pada setiap tiga (3) atau enam (6) bulan dalam setahun. Status pelaksanaan pelan strategik ini akan dilaporkan dalam Mesyuarat JKK BBMCK yang diadakan sebanyak dua (2) kali setahun.



Imej 4.20 Mesyuarat JKK BBMCK Dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri di Parlimen pada 4 April 2023



Rajah 4.14 Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030

ADVOKASI MENGURANGKAN GULA DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

Perdana Menteri Malaysia telah menyarankan agar semua kementerian untuk melaksanakan kempen kurangkan gula dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan membudayakan amalan pengambilan makanan dan minuman kurang gula dalam kalangan rakyat di samping mengurangkan prevalens penyakit diabetes di Malaysia.

Kempen Kurangkan Gula Peringkat KKM Tahun 2023

Majlis Pelancaran Kempen Kurangkan Gula Peringkat KKM 2023 telah diadakan pada 29 Oktober 2023 bertempat di Medan Selera Presint 16, Putrajaya dan dirasmikan oleh Menteri Kesihatan. Logo dan *tagline* kempen *Gula: 1 Sudu Teh Dah Cukup, Kurang Lebih Baik, Tiada Terbaik!* turut dilancarkan semasa majlis ini. Antara pengisian semasa majlis ini ialah penyerahan plak komitmen mengurangkan gula dalam minuman kepada pengusaha medan selera dan *food truck* di Putrajaya serta penyerahan watak kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri bagi melaksanakan kempen kurangkan gula di peringkat negeri masing-masing.

Pembentukan Pelan Strategik Mengurangkan Gula dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2026 dan Pelan Advokasi Mengurangkan Gula di Peringkat Kementerian

Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2026 memfokuskan kepada usaha-usaha ke arah amalan pengurangan gula dalam kalangan rakyat Malaysia yang melibatkan kolaborasi pelbagai kementerian, agensi dan pemain industri. Pelan ini mengandungi lima (5) strategi utama dan disokong oleh 54 aktiviti. Dalam masa yang sama, Pelan Advokasi Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2023-2026 dibentuk bagi menyokong amalan pengurangan gula secara lebih spesifik di peringkat KKM sendiri. Pelan ini dirancang mengikut lapan (8) *setting* meliputi pelbagai pendekatan yang diharap dapat memberikan impak kepada masyarakat.

Sesi Libat Urus Bersama Kementerian dan Agensi

Kerjasama dan sinergi antara pelbagai pihak adalah sangat diperlukan bagi memastikan maklumat berkaitan kepentingan pengurangan gula terhadap kesihatan dapat disampaikan kepada rakyat. Sesi libat urus ini dijalankan di peringkat kementerian dan negeri. Antara sesi libat urus yang telah dijalankan ialah libat urus bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Perbadanan Putrajaya (PPJ), Majlis Pengguna Negara, Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan pasar raya.

Pelaksanaan Aktiviti Advokasi Kurangkan Gula

Aktiviti advokasi yang dijalankan adalah untuk meningkatkan kesedaran ke arah membudayakan amalan pengambilan kurang gula dalam kalangan rakyat Malaysia. Salah satu strategi yang diambil ialah dengan mendidik dan memberi maklumat berkaitan penyediaan minuman yang kurang gula kepada pelanggan. Pelbagai aktiviti di peringkat komuniti juga turut dilaksanakan seperti demonstrasi teh tarik kurang manis, ceramah kesedaran gula, pertandingan dan pameran berkaitan gula. Selain itu, advokasi bagi mendidik amalan penyediaan hidangan sihat semasa mesyuarat juga dilaksanakan di peringkat kementerian serta agensi di negeri. Advokasi melalui platform media sosial juga dijalankan bagi menyebarkan mesej melalui infografik, video dan bahan-bahan lain secara berterusan terutamanya melalui Facebook, TikTok, Instagram dan YouTube.



Imej 4.21 Majlis Pelancaran Kempen Kurangkan Gula Peringkat KKM 2023



Imej 4.22 Aktiviti Advokasi Kurangkan Gula di Peringkat Negeri

PELANCARAN DAN PENERBITAN SIRI PANDUAN DIET MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Pada tahun 2020, KKM telah menerbitkan Panduan Diet Malaysia (PDM 2020) dan Piramid Makanan Malaysia 2020 (PMM 2020). PDM 2020 fokus kepada kumpulan sasar berusia 18-59 tahun, manakala PMM 2020 fokus kepada kumpulan umur 7 tahun dan ke atas. PDM dan PMM 2020 merupakan rujukan pemakanan sihat di peringkat kebangsaan yang perlu digunakan oleh profesional kesihatan dan pihak yang terlibat dalam menyampaikan mesej pemakanan sihat sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat.

Selari dengan penerbitan PDM dan PMM 2020, empat (4) siri Panduan Diet Malaysia yang spesifik kepada kumpulan sasar telah dibentuk iaitu:

- i. Panduan Diet Malaysia untuk Kanak-kanak dan Remaja (MDGCA)
- ii. Panduan Diet Malaysia untuk Warga Emas (MDGOP)
- iii. Panduan Diet Malaysia untuk Maternal (MDGM)
- iv. Panduan Diet Malaysia untuk Vegetarian (MDGV)

Kesemua siri Panduan Diet Malaysia ini telah dilancarkan secara rasmi pada 2 Oktober 2023, oleh KPK dalam satu majlis pelancaran yang dibuat secara hibrid. Kesemua siri panduan diet berkenaan boleh diakses melalui laman sesawang Bahagian Pemakanan iaitu <https://hq.moh.gov.my/nutrition/>.

Penghasilan siri Panduan Diet Malaysia ini diharap dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat secara meluas dan perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh semua pihak ke arah mencapai status pemakanan dan kesihatan yang lebih baik.



Imej 4.23 Pelancaran Siri Panduan Diet Malaysia oleh KPK pada 2 Oktober 2023

2ND MOH NUTRITIONISTS' SYMPOSIUM: LEADING INNOVATION IN NUTRITION

Simposium ini telah diadakan pada 13-14 Februari 2023 di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA, Sepang melibatkan 250 orang Pegawai Sains Pemakanan (PSP) KKM seluruh negara. Simposium kali kedua ini bertemakan *Leading Innovation in Nutrition* telah dirasmikan oleh TKPK KA. Tema ini dipilih bertujuan menggalakkan inovasi dan cetusan kreativiti dalam kalangan PSP serta membudayakannya dalam tugas harian. Langkah ini diambil seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan dan menggalakkan aktiviti inovasi ke arah penambahbaikan perkhidmatan.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang simposium ini adalah pertandingan poster inovasi dan *best practices*, pembentangan oral dan *State Nutrition Potpourri*. Selain itu, sesi perkongsian ilmu berkaitan inovasi oleh penceramah daripada agensi kerajaan, swasta dan antarabangsa turut diadakan.




Imej 4.24 Perasmian 2nd MOH Nutritionists' Symposium 2023

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAHAGIAN PEMAKANAN 2023

78.5%
(2,065 / 2,631)

Sasaran: 73%

Peratus kanak-kanak kurang berat badan dalam Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan yang meningkat berat badan berdasarkan standard pertumbuhan WHO 2006



Peratus hospital yang mengekalkan status Hospital Rakan Bayi

96.9%
(93 / 95)



Sasaran: ≥90%

Peratus bayi yang berumur enam bulan hadir ke Klinik Kesihatan yang menyusu susu ibu secara eksklusif

75.1%
(64,712 / 86,182)



Sasaran: ≥70%

Peratus anemia (Hb <11gm%) dalam kalangan ibu hamil pada 36 minggu kehamilan

4.1%
(9,366 / 226,870)



Sasaran: ≤5.0%

Peratus sekolah yang mematuhi senarai makanan dan minuman yang ditetapkan untuk dijual di kantin sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

63.9%
(2,111 / 3,302)




Sasaran: ≥50%

68.3%
(123 / 180)

Sasaran: 50%

Peratus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang mempunyai Jurulatih Utama (JU) C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) melaksanakan aktiviti pemakanan dan kesihatan



E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM (EPSA)

Sebagai menyokong usaha pemantapan latihan menerusi inisiatif digital, Bahagian Pemakanan telah mengambil peluang dari ketersediaan teknologi untuk menyediakan kemudahan latihan berkaitan pemakanan secara dalam talian. Sistem ini boleh diakses melalui pelbagai platform sama ada komputer peribadi, komputer riba, telefon pintar atau tablet. Bahan kursus EPSA ini telah dibangunkan oleh *Subject Matter Expert* (SME) dan pereka pembelajaran.

Pembangunan Bahan Kursus EPSA

Panduan Diet Malaysia 2020

Kursus ini memberi pengenalan kepada PDM 2020 yang merupakan satu panduan pemakanan sihat jangka masa panjang (10 tahun) di peringkat kebangsaan.

Pengurusan Peningkatan Berat Badan Wanita Hamil (Gwg) di Klinik Kesihatan

Kursus ini merupakan kursus tertutup yang disasarkan kepada profesional kesihatan KKM iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Sains Pemakanan, Jururawat Terlatih dan Pelatih Pos Basik untuk memberi panduan kepada anggota kesihatan kaedah menjalankan pemantauan peningkatan berat badan dalam kalangan wanita hamil (*Gestational Weight Gain, GWG*) agar mencapai kenaikan berat badan optimum seperti yang disarankan oleh KKM.

Pinggan Sihat Malaysia

Kursus ini membincangkan tentang langkah-langkah untuk merancang hidangan menggunakan Pinggan Sihat Malaysia, lima (5) saranan utama, kepentingan dan cara mencapai saranan untuk menyokong lagi perancangan hidangan mengikut Pinggan Sihat Malaysia.

Pemakanan Sihat Wanita (HER)

Kursus ini menerangkan mengenai amalan pemakanan sihat dan gaya hidup sihat dalam kalangan wanita yang merupakan satu inisiatif HER bagi menggalakkan wanita supaya bertanggungjawab ke atas amalan pemakanan dan gaya hidup sihat bagi kesihatan yang lebih baik.



Rajah 4.15 Bahan Kursus EPSA yang Dibangunkan pada 2023

Jadual 4.5 Senarai Bahan Kursus EPSA yang Dibangunkan pada 2023

Kursus	Kod Kursus	Nilai Jam Berkursus	Tempoh Pembelajaran Minima	Status Penawaran	Tarikh Ditawarkan di Portal INTAN
Panduan Diet Malaysia 2020	EZA0287	2 jam	30 minit	Terbuka	11 Mei 2023
Pengurusan Peningkatan Berat Badan Wanita Hamil (GWG) di Klinik Kesihatan	EZA0290	2 jam	30 minit	Tertutup (untuk anggota kesihatan sahaja)	20 Mei 2023
Pinggan Sihat Malaysia	EZA0301	1 jam	30 minit	Terbuka	27 September 2023
Pemakanan Sihat Wanita (HER)	EZA0311	2 jam	30 minit	Terbuka	19 Januari 2024

BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN (BPK)

BPK merupakan peneraju utama dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan kebangsaan sejak tahun 1991. Selama tiga (3) dekad penubuhannya, BPK telah melalui beberapa evolusi dalam penyampaian perkhidmatan promosi kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan rakyat Malaysia mengenai penyakit menerusi penyebaran maklumat kesihatan di pelbagai platform media, modifikasi tingkah laku kesihatan, advokasi dan pemerkasaan komuniti. Fungsi-fungsi BPK telah dilaksanakan menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dengan memberi fokus kepada empat (4) Teras iaitu:


- Memantapkan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat
- Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan
- Memperkasakan Kawalan Kesihatan Kendiri
- Memantapkan Kebersihan Persekitaran.

TERAS 1: MEMANTAPKAN PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT MENERUSI MEDIA DAN AKTIVITI

Pembudayaan hidup sihat dan persekitaran yang menyokong adalah penting untuk kesejahteraan kesihatan. Bagi mempromosi pembudayaan hidup sihat dan meningkatkan akses rakyat kepada maklumat kesihatan, pelbagai platform media diguna pakai dan aktiviti promosi kesihatan dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat mesej kesihatan yang tepat dan cepat.

PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT MENERUSI MEDIA SOSIAL, MEDIA KONVENSIONAL DAN MEDIA LUAR

BPK melancarkan Kempen Pembudayaan Hidup Sihat sebagai salah satu strategi bagi meningkatkan kesedaran, pemahaman dan memperkasakan rakyat untuk membudayakan hidup sihat. Sepanjang tahun 2023, sejumlah 21,867 bahan promosi dan pendidikan kesihatan berkaitan pembudayaan hidup sihat telah diterbitkan dan 808,267 bahan telah diedarkan yang terdiri daripada pelbagai bahan seperti infografik, video, e-majalah, buku, poster, risalah dan lain-lain seperti dalam **Rajah 4.16**. Pelbagai saluran media sosial juga digunakan untuk mempromosikan pembudayaan hidup sihat kepada kumpulan sasar seperti Facebook, TikTok, X (Twitter), Instagram, Telegram dan YouTube dengan pencapaian keseluruhan 39,038 *post*, 38,113,780 *reach* dan 365 sesi *live*. Bagi memperkukuh penyampaian mesej kepada kumpulan sasar, media konvensional pula melalui televisyen dan radio, sebanyak 1,222 slot telah disiarkan manakala media luar dengan pencapaian sebanyak 2,499 paparan iklan seperti dalam **Rajah 4.17**.



Rajah 4.16 Penerbitan Bahan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat



Rajah 4.17 Promosi di Pelbagai Saluran Media

PROGRAM KOLABORASI ANTARA JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS), PROGRAM *ONE HOUR MALAYSIA CLEAN UP* DAN PROGRAM MADANI AFIAT

Pada 2023, pelaksanaan program kolaborasi antara Jelajah ANMS, *One Hour Malaysia Clean Up Programme* dan Program MADANI Afiat telah dilaksanakan sebagai satu pendekatan pemasaran komunikasi kesihatan dengan objektif bagi meningkatkan literasi kesihatan melalui pembudayaan hidup sihat dan kebersihan persekitaran, memperkasakan orang ramai untuk bertindak ke arah mengamalkan kawalan kesihatan sendiri dan mengukuhkan jaringan kerjasama dengan rakan strategik dalam mencapai kesejahteraan kesihatan. Pelaksanaan program kolaborasi ini di sembilan (9) negeri telah berjaya merekodkan penyertaan sebanyak 8,998 pengunjung dalam tinjauan kesihatan dan 96% pengunjung bersetuju saringan kesihatan penting dalam pencegahan dan rawatan awal penyakit.



Imej 4.25 Jelajah ANMS, *One Hour Malaysia Clean Up Programme* dan Program MADANI Afiat 2023

SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA (BMSS) DAN KICK-OFF KEMBARA BMSS SEKOLAH

BMSS merupakan inisiatif kerajaan yang telah diperkenalkan pada 2022 dengan hasrat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sihat sejahtera menerusi pembudayaan hidup sihat. Sambutan BMSS adalah pada bulan September setiap tahun. Bagi tahun 2023, Sambutan BMSS Peringkat Kebangsaan telah dilancarkan secara bersama oleh Timbalan Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Pendidikan pada 8 September 2023 bertempat di perkarangan Bulatan Sihat Kompleks E, Putrajaya. Sambutan ini merekodkan 402,090 penyertaan dengan 9% daripada jumlah tersebut adalah murid sekolah dengan melibatkan sejumlah 107 buah sekolah dari seluruh negara. Selain itu, sebanyak 10 Pasaraya Lotus's di seluruh negara juga telah menjadi rakan kongsi BMSS dengan penganjuran pelbagai aktiviti yang menyokong pembudayaan hidup sihat. BMSS 2023 juga telah berjaya menarik penglibatan sebanyak 476 rakan strategik daripada pelbagai sektor dengan pelaksanaan sebanyak 893 aktiviti. Tinjauan yang dilaksanakan sepanjang BMSS mendapati sebanyak 99% pengunjung bersetuju BMSS meningkatkan kesedaran tentang kesihatan dan kepentingan saringan kesihatan serta mendorong rakyat Malaysia mengamalkan budaya hidup sihat.



Imej 4.26 BMSS 2023

SAMBUTAN WORLD PHYSICAL ACTIVITY DAY (WOPAD)

Every Step Counts merupakan tema sambutan WoPAD yang disambut secara global pada setiap 6 April. Tema ini membawa maksud, usaha untuk sentiasa bergerak aktif, dalam apa jua cara, walau sekecil mana pun, amat bermakna bagi kesihatan. Sempena WoPAD tahun 2023, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti *BookDoc Virtual Steps Challenge* WoPAD 2023, sesi FB Live, video TikTok dan perkongsian infografik WoPAD 2023. Sambutan WoPAD peringkat kebangsaan telah dirasmikan secara dalam talian oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan pada 6 April 2023. Secara keseluruhan, jumlah penyertaan WoPAD 2023 adalah seramai 3,738 orang dengan jumlah langkah adalah sebanyak 518,298,831.



Rajah 4.18 Pelancaran WoPAD 2023

KONVENSYEN MYCHAMPION@KKM PERINGKAT KEBANGSAAN

Konvensyen MyCHAMPION@KKM Peringkat Kebangsaan 2023 telah diadakan pada 13-15 Oktober 2023 di Hotel Summit USJ, Selangor dan disertai oleh 700 sukarelawan MyCHAMPION@KKM yang terdiri daripada pasukan Sukarelawan *Communication for Behavioural Impact* (COMBI), Sukarelawan Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN), Sukarelawan Duta Kenali Ubat Anda (DKUA), Sukarelawan Ikon Gigi (IGG), Sukarelawan Panel Penasihat Klinik Pergigian (PPKK) dan Sukarelawan Wakil Kesihatan Kampung (WKK). Konvensyen ini memberi peluang kepada sukarelawan untuk mendapatkan idea yang dapat dijadikan panduan untuk pelaksanaan program dalam komuniti. Antara aktiviti sepanjang konvensyen adalah Pertandingan Projek Inovasi Perkhidmatan dan Produk Pasukan MyCHAMPION, sesi perkongsian maklumat kesihatan dan kebersihan persekitaran oleh rakan strategik dan sesi tunjuk cara projek penanaman kebun bandar. Turut diadakan pada konvensyen tersebut ialah Penyampaian Pemenang Anugerah Institut Pendidikan Tinggi (IPT) Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan.



Imej 4.27 Konvensyen MyCHAMPION@KKM

PELAKSANAAN PROGRAM PROMOSI KESIHATAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN (HePiLI)

Program HePiLI telah diperkenalkan pada tahun 2018. Program-program HePiLI dilaksanakan seawal peringkat prasekolah atau tabika sehingga institusi pengajian tinggi bertujuan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda dengan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan ke arah pembudayaan hidup sihat. Sepanjang tahun 2023, antara aktiviti yang telah diadakan ialah Himpunan Virtual HePiLI yang telah mencatatkan *Malaysia Book of Records* dengan penyertaan tertinggi (1,005,023 penyertaan dalam kalangan murid sekolah rendah, menengah dan pelajar institusi pengajian tinggi), Kembara BMSS Sekolah 2023 (penglibatan 102 sekolah dan 33,820 penyertaan murid sekolah rendah), Kembara Sihat Sejahtera HePiLI Bersama *Didi & Friends* 2023 Zon Tengah dengan lebih 50,000 ribu pengunjung hadir memeriahkan aktiviti selama 5 hari di IOI City Mall Putrajaya, Program Doktor Muda Sekolah Rendah dan Menengah (104,077 ahli), Program Siswa Sihat (PROSIS) dengan 2,309 keahlian, Pertandingan Video Si Cilik Bercerita (65 penyertaan) dan Kuiz Atas Talian HePiLI (80,585 penyertaan). Bagi pencapaian indikator murid Tunas Doktor Muda yang mencapai tahap 'Telah Menguasai' lima (5) daripada tujuh (7) tingkah laku kesihatan merekodkan Prasekolah KPM (83.8%), Tabika Perpaduan (80.4%) dan Tabika KEMAS (77.4%).



Rajah 4.19 Program HePiLI 2023

TERAS 2: MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN

Perkhidmatan kesejahteraan kesihatan merupakan faktor pemungkin (*enabling*) kepada persekitaran yang menyokong pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat menerusi pengukuhan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan melalui *Wellness Hub* dan *Wellness on Wheels* (WoW).

PERKHIDMATAN *WELLNESS HUB* DAN *WELLNESS ON WHEELS* (WoW)

Wellness Hub merupakan fasiliti yang menyediakan perkhidmatan bersepadu kepada komuniti setempat. Perkhidmatan *Wellness Hub* memfokuskan kepada perkhidmatan kesejahteraan kesihatan bagi pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan. Perkhidmatan *Wellness Hub* juga dimantapkan dengan inisiatif *Wellness on Wheels* (WoW) iaitu perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara mobile kepada komuniti melalui program *outreach*. Pada tahun 2023, terdapat 31 *Wellness Hub* di seluruh negara manakala bilangan WoW pula adalah sebanyak 22. Jumlah kehadiran bagi perkhidmatan yang dijalankan oleh *Wellness Hub* secara fizikal, maya dan *outreach* adalah sebanyak 304,913

dan 88% pelanggan baharu *Wellness Hub* telah dirujuk ke sekurang-kurangnya dua (2) pakej kesejahteraan kesihatan. Bagi perkhidmatan *WoW* pula jumlah pelaksanaan adalah sebanyak 1,063 lokaliti dengan penyertaan sebanyak 244,144 orang. Sebanyak tiga (3) *Wellness Hub* baharu juga telah dibangunkan pada tahun 2023 iaitu *Wellness Hub* Terengganu, *Wellness Hub* Kluang dan *Wellness Hub* Lahad Datu.



Imej 4.28 *Wellness Hub* dan *Wellness on Wheels (WoW)*

TERAS 3: MEMPERKASAKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan individu, keluarga, komuniti dan rakan strategik dalam pembudayaan hidup sihat bagi membolehkan mereka menguruskan kesihatan sendiri untuk kesejahteraan.

PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN / *FIT EAT RIGHT* (IFitEr)

Program IFitEr merupakan satu inisiatif KKM untuk membantu komuniti yang menghadapi masalah berat badan berlebihan dan obesiti. Selain membantu peserta dalam pengurusan berat badan dan meningkatkan tahap kecergasan, program ini juga memperkasakan komuniti dalam pembudayaan hidup sihat. Pelaksanaan IFitEr pada tahun 2023 adalah terdiri daripada pelaksanaan IFitEr secara fizikal (6 bulan) dan IFitEr secara dalam talian yang dikenali juga sebagai MyVIFitEr. Secara keseluruhan, sebanyak 130 sesi program IFitEr telah berjaya dilaksanakan dengan bilangan penyertaan sebanyak 3,500 orang. 71% daripada peserta yang kekal hingga akhir program telah berjaya menurunkan berat badan di akhir intervensi dan 13% peserta berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 10% daripada berat badan asal di akhir intervensi.



Rajah 4.20 IFitEr 2023

LIBAT URUS DAN BINA UPAYA RAKAN STRATEGIK ANMS

Pada 2023, BPK telah melaksanakan sesi libat urus ANMS bersama 1,573 rakan strategik yang terdiri daripada 25 Kementerian, 678 Sektor Awam, 252 Sektor Swasta dan 618 Badan Bukan Kerajaan (NGO). Hasil daripada libat urus ini, sebanyak 49% rakan strategik ini telah berjaya melaksanakan sekurang-kurangnya empat (4) inisiatif ANMS dengan pelaksanaan aktiviti sebanyak 7,802.



Imej 4.29 Libat Urus Rakan Strategik ANMS 2023

BINA UPAYA *MALAYSIAN COMMUNITY HEALTH AGENT (MYCHAMPION)*

Salah satu komponen penting di bawah ANMS adalah pembangunan keupayaan ejen atau sukarelawan kesihatan iaitu MyCHAMPION. MyCHAMPION terdiri daripada ejen dan sukarelawan komuniti daripada pelbagai kementerian, agensi swasta dan NGO yang berperanan bukan sahaja menyokong pelaksanaan ANMS tetapi memainkan secara proaktif sebagai jurucakap dan pemudah cara pada peringkat komuniti selain bertindak sebagai ejen perubahan tingkahlaku agar komuniti mengamalkan budaya hidup sihat. Sehingga 2023, keahlian MyCHAMPION berdaftar adalah seramai 6,978. Bagi MyCHAMPION (KKM) pula, seramai 3,995 telah berjaya dilatih dan 77% berjaya melaksanakan sekurang-kurangnya empat (4) inisiatif ANMS.

PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI MYCHAMPION COMBI


COMBI adalah singkatan bagi *Communication for Behavioural Impact* yang merupakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi dan memperkasakan individu, keluarga dan komuniti ke arah budaya hidup sihat dan kebersihan persekitaran. Pada 2023, MyCHAMPION COMBI telah melaksanakan pelbagai aktiviti bersama-sama komuniti yang merangkumi promosi pembudayaan hidup sihat melalui media sosial (2,217) dan media konvensional (182,773), aktiviti mobilisasi komuniti pendidikan (2,270) dan aktiviti *outreach* (275,743). Pada tahun 2023 juga, jumlah ahli MyCHAMPION COMBI seluruh negara adalah seramai 31,997 dan sebanyak 132 lokaliti COMBI baharu berjaya ditubuhkan dengan jumlah lokaliti keseluruhan adalah sebanyak 3,385 seperti dalam **Rajah 4.21**.



Rajah 4.21 Lokaliti COMBI di Malaysia 2023

PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK (PKBM) DI HOSPITAL

PKBM menyediakan khidmat nasihat berhenti merokok menggunakan teknik perubahan tingkah laku. Perkhidmatan yang dikendalikan oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan ditawarkan di 52 hospital dan institusi di seluruh negara. Perbandingan pencapaian PKBM bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti dalam **Rajah 4.22**.



Rajah 4.22 Perbandingan Pencapaian PKBM 2021-2023

TERAS 4: MEMANTAPKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

Penjagaan kebersihan persekitaran merupakan tanggungjawab bersama segenap lapisan masyarakat. Keadaan sesuatu persekitaran memberi implikasi kepada kesejahteraan kesihatan Keluarga Malaysia. Justeru, langkah untuk memupuk rasa kepunyaan dan tanggungjawab bersama dalam aspek kebersihan serta melestarikan kebersihan persekitaran bagi menyokong kesejahteraan kesihatan perlu diberi perhatian.

AKTIVITI KEBERSIHAN PERSEKITARAN OLEH KOMUNITI

Pada tahun 2023, terdapat sebanyak 4,999 komuniti yang telah diperkasa dengan amalan cara hidup sihat melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan kebersihan persekitaran. Bagi liputan rumah berpenghuni dalam lokaliti COMBI terlatih, terdapat 159,118 daripada 444,448 rumah berpenghuni telah berjaya melaksanakan melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat berpotensi pembiakan nyamuk khususnya untuk pencegahan demam denggi seperti dalam **Imej 4.30**.



Imej 4.30 Aktiviti Cari & Musnah Tempat Pembiakan Nyamuk dan Kebersihan Persekitaran 2023

BAB
05
PERUBATAN

PROGRAM PERUBATAN

Program Perubatan bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan perkhidmatan perubatan yang disediakan di hospital. Ia diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan). Program ini terdiri daripada lima (5) bahagian iaitu:

- i. Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP)
- ii. Bahagian Amalan Perubatan (BAP)
- iii. Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB)
- iv. Bahagian Kejururawatan
- v. Bahagian Perubatan Tradisional & Komplimentari (BPT&K)

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN (BPP)

BPP menyediakan perkhidmatan perubatan secara menyeluruh dengan penyediaan polisi, perkembangan dan implementasi perkhidmatan perubatan. Fungsi ini merangkumi empat (4) cawangan dan dua (2) unit iaitu:

- i. Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
- ii. Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan
- iii. Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
- iv. Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan
- v. Unit Penilaian Teknikal Tabung Bantuan Perubatan dan Unit Penilaian Teknikal Saraan Perubatan (Saraubat)

PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

PERSIDANGAN *LEAN HEALTHCARE* PERINGKAT ANTARABANGSA

Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan perasmian Persidangan *Lean Healthcare* Peringkat Antarabangsa 2023 pada 15 Ogos 2023 di Hotel Everly, Putrajaya. Persidangan ini merupakan platform untuk semua petugas dan pengamal perubatan dari pelbagai bidang untuk berkongsi amalan pelaksanaan *Lean* di fasiliti masing-masing. Pelaksanaan *Lean* telah membantu menambahbaik proses kerja antaranya masa menunggu mendapatkan rawatan kecemasan di jabatan kecemasan, klinik-klinik pakar dan makmal diagnostik seterusnya meningkatkan tahap efisiensi dan produktiviti hasil proses kerja dan perawatan kesihatan kepada pesakit di hospital KKM.



Imej 5.1 Majlis Perasmian Persidangan *International Lean Healthcare*

Jadual 5.1 Pencapaian Perkhidmatan Perubatan Tahun 2023

Pencapaian	Bilangan
Penganjuran Konferen/Seminar Peringkat Antarabangsa	10
Penganjuran Konferen/Seminar Peringkat Kebangsaan	12
Pembangunan Polisi/Garis Panduan/Manual dan Protokol	51
Penerbitan	17
Bilangan Bengkel Teknikal/Kursus/Latihan	117
Bilangan Projek PPP (<i>Public Private Partnership</i>) dan Agensi Luar KKM	30
Bilangan Lawatan Pemantauan	164
Bilangan Kolaborasi Antarabangsa	11
Penglibatan Dalam <i>Research</i>	19
Mesyuarat Teknikal/Kepakaran	754
Sambutan Hari Kesihatan	14

THE 1ST GLOBAL SURGERY CONFERENCE: THE NEW DAWN

Persidangan ini dirasmikan oleh Menteri Kesihatan pada 19 Mac 2023 yang melibatkan jemputan daripada WHO *Representative and Head of the WHO Country Office* di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Harvard Medical School. Penganjuran persidangan adalah untuk membuka peluang jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak antarabangsa dengan fokus utama untuk merapatkan jurang dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan serta menyediakan akses kepada perkhidmatan pembedahan asas dan kritikal kepada pesakit.

KERJASAMA AWAM SWASTA (PPP) BERSAMA IHH HEALTHCARE UNTUK PERKHIDMATAN RADIOTERAPI BAGI PESAKIT KANSER OTAK

IHH *Healthcare* dan KKM telah menandatangani MoU bagi menaja 500 pesakit KKM terutamanya pesakit dari kategori B40 untuk menjalani radioterapi di tujuh (7) hospital rangkaian IHH di Malaysia. Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) ini, melibatkan prosedur stereotaktik dengan *Gamma Knife* atau LINAC, yang dikelola oleh pakar onkologi, bedah saraf dan radiologi intervensi (IR) daripada KKM. MoU ini berlangsung hingga 29 Februari 2024, telah memanfaatkan 481 pesakit sehingga 31 Disember 2023.

KERJASAMA STRATEGIK KKM, SRI SATYA SAI SANJEEVANI HOSPITAL (SSSSH), INDIA DAN UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR) UNTUK PROGRAM *MIRACLE BABY*

Sepanjang lawatan pasukan bedah daripada SSSSH, seramai 16 pesakit jantung kanak-kanak telah menjalani pembedahan dan sejumlah 20 prosedur telah dijalankan di Hospital Pulau Pinang (HPP). Program ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pembedahan jantung kanak-kanak kompleks di HPP dengan sokongan pusat jantung terkenal dunia.

PERKEMBANGAN PROFESION PERUBATAN

PEMILIHAN ROMBONGAN PETUGAS HAJI (PERUBATAN)

BPP melalui Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan secara rasminya telah diamanahkan sebagai sekretariat utama yang menguruskan Pemilihan Rombongan Petugas Haji (Perubatan) bermula Oktober 2023. Buat pertama kalinya pemilihan petugas haji (perubatan), KKM menyediakan platform secara maya bagi melicinkan proses pemilihan agar lebih telus dan pantas melalui *Medical Programme Information System* (MPIS). Melalui pelaksanaan kaedah maya, pemilihan pada tahun 2023 telah dibuat di peringkat KKM tanpa melalui proses saringan di peringkat negeri seperti yang dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya. Permohonan kepada semua fasiliti KKM telah dibuka mulai 27 Oktober 2023 dan ditutup pada 9 November 2023. Senarai calon petugas haji (perubatan) bagi musim haji 1445H/2024M telah disenarai pendek dengan penglibatan seramai 150 petugas baharu dan 129 petugas berpengalaman.



Imej 5.2 *Selection of Hajj Medical Mission through MPIS Platform*

LAWATAN VERIFIKASI PERJAWATAN BAGI FASILITI NAIK TARAF DI BAWAH PROGRAM PERUBATAN

Pada tahun 2023, sembilan (9) hospital dan institusi di bawah Program Perubatan KKM telah terlibat secara langsung dalam Lawatan Verifikasi Perjawatan. Fasiliti tersebut ialah:

- i. Institut Urologi Nefrologi, Hospital Kuala Lumpur
- ii. Hospital Kajang, Selangor
- iii. Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (naik taraf makmal patologi)
- iv. Hospital Bachok, Kelantan
- v. Hospital Besut, Terengganu
- vi. Hospital Baling, Kedah
- vii. Hospital Pasir Mas, Kelantan
- viii. Hospital Beaufort, Sabah
- ix. Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Sabah

PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) merupakan program latihan selama dua tahun meliputi enam (6) disiplin yang berbeza di 51 hospital yang diiktiraf. Program ini bertujuan untuk melahirkan pengamal perubatan yang selamat dan kompeten. PPS yang berjaya menamatkan latihan layak diberikan Sijil Pendaftaran Penuh dan memberikan perkhidmatan kesihatan.

Pembangunan dan Pemurnian Polisi Latihan Siswazah

Dasar dan polisi adalah penting bagi memastikan keseragaman pelaksanaan latihan siswazah di peringkat JKN dan hospital. Oleh itu, BPP bertanggungjawab untuk memastikan polisi dan dasar sedia ada dikemas kini atau membentuk polisi baru berdasarkan keperluan semasa.

Garis Panduan Kumpulan Sokongan Kesihatan Mental PPS

Dalam masyarakat hari ini, keseimbangan antara kehidupan sosial dan kerja serta kesejahteraan mental adalah penting. Oleh itu, Unit PPS telah mengambil langkah penting untuk memperkenalkan garis panduan bagi menubuhkan kumpulan sokongan kesihatan mental khas kepada PPS. Kumpulan sokongan ini bertujuan untuk menyediakan ruang yang selamat bagi PPS untuk berkongsi pengalaman mereka, mencari nasihat dan menerima sokongan emosi sepanjang tempoh latihan mereka yang penuh dengan cabaran.

Sehubungan itu, satu kumpulan petugas khas telah ditubuhkan pada Mac 2023 bagi menganalisis data dan merangka kaedah pelaksanaan kumpulan sokongan kesihatan mental tersebut. Pelbagai sesi libat urus telah diadakan bersama pakar perubatan, pakar psikiatri, pegawai kaunseling, timbalan pengarah hospital dan juga wakil PPS bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Susulan itu, satu bengkel telah diadakan pada 11-13 September 2023 untuk menyusun dan memuktamadkan isi kandungan garis panduan tersebut yang dijangka akan dilancarkan pada suku pertama tahun 2024.



Imej 5.3 Bengkel Garis Panduan Kumpulan Sokongan Kesihatan Mental PPS

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi kepada PPS yang Baru Dilantik

Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh Kumpulan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) pada Ogos 2022, antara isu yang dibangkitkan adalah program orientasi yang tidak seragam. Program orientasi adalah elemen yang penting kepada PPS yang baru dilantik kerana mereka perlu memahami pelbagai polisi pentadbiran di hospital dan jabatan masing-masing sepanjang tempoh latihan siswazah. Ketidakteraturan modul yang diberikan semasa Program Orientasi menyebabkan beberapa maklumat tidak dapat disampaikan kepada PPS baru yang ingin mengenal alam pekerjaan di sesebuah hospital. Sehubungan itu, Unit PPS telah mengedarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi PPS pada 15 Ogos 2023 agar semua Hospital Latihan Siswazah menyampaikan maklumat dan objektif yang seragam. Garis Panduan tersebut digunakan bermula lantikan PPS Siri 6 Tahun 2023.

Pengukuhan Keseragaman Latihan Pegawai Siswazah

Antara cadangan yang diusulkan melalui Laporan HWCITF adalah pengukuhan standard latihan PPS. Standard ini penting bagi memastikan sebarang polisi yang dibentuk adalah konsisten, berkualiti, dan lebih bersistematik. Susulan itu, Unit PPS dengan kerjasama Majlis Perubatan Malaysia telah menyediakan draf standard latihan siswazah yang baharu dan lebih komprehensif. Ia merangkumi tujuh (7) bidang iaitu:

- i. Pembangunan dan Penyampaian Program
- ii. Penilaian Latihan PPS
- iii. Pemilihan Pelatih dan Perkhidmatan Sokongan
- iv. Mentor
- v. Sumber Pendidikan
- vi. Pengurusan Program
- vii. Pemantauan Program, Semakan dan Penambahbaikan Berterusan

Standard ini telah diperhalusi dengan lebih lanjut oleh beberapa pemegang taruh yang dipilih dan dimuktamadkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Pendigitalan Program PPS

Pembangunan Buku Log Digital PPS dalam MPIS

Sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi pada masa kini, Unit PPS juga mula membangunkan buku log PPS secara digital dalam sistem MPIS pada Ogos 2023. Buku log digital ini dibangunkan untuk merevolusikan kaedah pemantauan dan penilaian latihan PPS. Melalui sistem tersebut, PPS boleh mengakses dan mengemas kini rekod latihan mereka dengan lebih mudah dan efisien. Buku log ini bukan sahaja berfungsi sebagai repositori untuk maklumat penting tetapi juga bertindak sebagai medium kepada pakar penyelia untuk memantau dan menilai prestasi serta kompetensi PPS dari semasa ke semasa. Projek rintis penggunaan buku log digital akan dimulakan secara berfasa mulai lantikan PPS Siri 1 Tahun 2024.



Imej 5.4 Buku Log PPS MPI

Pembangunan Laman Web Rasmi Program PPS

Unit PPS juga telah membangunkan laman web *myhouseman.com* yang merupakan laman web rasmi Program PPS pada September 2023. Laman web ini juga merupakan satu inisiatif yang penting dalam menyokong misi dalam menyediakan latihan siswazah yang berkualiti dan berkesan. *myhouseman.com* dibangunkan khas untuk menyediakan maklumat terkini berkaitan Program PPS seperti garis panduan, takwim pelantikan, modul-modul latihan dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memudahkan sesiapa sahaja untuk mendapatkan akses kepada maklumat yang diperlukan dengan mudah dan cepat.



Imej 5.5 Laman Web Rasmi Program PPS - *myhouseman.com*

Akreditasi Hospital Latihan Siswazah (HLS)

Akreditasi hospital latihan siswazah merupakan satu proses penting yang melibatkan penilaian dan pengesahan standard kualiti yang diperlukan bagi hospital untuk melaksanakan latihan PPS. Dengan proses akreditasi ini, hospital yang telah dikenal pasti akan dinilai sekiranya memenuhi standard dan kriteria tertentu untuk menempatkan PPS oleh Jawatankuasa Kualiti Perubatan. Antara kriteria akreditasi termasuklah infrastruktur hospital, bilangan katil, bilangan pesakit, jenis pesakit (*casemix*), bilangan prosedur tertentu, bilangan pakar perubatan residen dan sebagainya.

Lawatan Penilaian semula Akreditasi Hospital Sultanah Maliha, Langkawi

Pada 16 Februari 2023, Unit PPS telah melaksanakan lawatan penilaian semula akreditasi Hospital Sultanah Maliha, Langkawi. Hospital tersebut merupakan antara hospital terkini yang baru mendapat pengiktirafan sebagai Hospital Latihan Siswazah iaitu pada 2019 manakala penempatan PPS mula dilaksanakan pada tahun 2020. Tujuan lawatan ini adalah untuk menilai semula dan mendapatkan maklum balas daripada pihak pengurusan serta PPS yang menjalani latihan di sana.



Imej 5.6 Lawatan Penilaian Semula Akreditasi Hospital Sultanah Maliha, Langkawi

Penilaian semula Data Akreditasi Hospital Universiti Islam Antarabangsa

Selain hospital KKM, PPS juga ditempatkan di hospital pengajar universiti seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Canselor Tuanku Mukhriz. Pada tahun 2023, Unit PPS telah menerima permohonan daripada Hospital Universiti Islam Antarabangsa untuk diakreditasi sebagai HLS. Hasil penilaian mendapati terdapat beberapa kriteria memerlukan penambahbaikan.

Audit Hospital Latihan Siswazah

Pada setiap tahun, beberapa hospital akan dipilih untuk diaudit bagi memastikan Program PPS sentiasa dilaksanakan mengikut garis panduan dan polisi yang ditetapkan oleh KKM. Pada tahun 2023, Unit PPS telah mengadakan dua (2) sesi audit di Hospital Tuanku Fauziah pada 15 Februari 2023 dan Hospital Tuanku Jaafar pada 5 Oktober 2023. Semasa sesi audit di kedua-dua hospital tersebut, satu sesi libat urus bersama PPS telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas secara terus berkaitan latihan siswazah.



Imej 5.7 Audit di Hospital Tuanku Ja'afar

Penerbitan Kajian Berkaitan PPS Kohort 1-7 dengan kerjasama Institut Kesihatan Negara (NIH)

Unit PPS telah menjalin kerjasama dengan NIH untuk menjalankan kajian mendalam mengenai kadar kejayaan PPS untuk melengkapkan latihan PPS dalam tempoh tiga tahun kontrak. Kajian tersebut yang mula dilaksanakan pada tahun 2022 telah berjaya diterbitkan pada tahun 2023. Melalui kajian tersebut, didapati 95.5% PPS dapat melengkapkan latihan siswazah dalam tempoh tiga tahun kontrak. Selain itu, kajian tersebut juga telah mengenal pasti peratusan PPS yang menjalani tempoh pelanjutan dalam setiap *posting* berdasarkan kategori dan sebab yang tertentu. Kajian ini telah memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai faktor yang mempengaruhi kadar kelulusan dan pelanjutan PPS serta cadangan untuk meningkatkan prestasi PPS secara keseluruhan. Melalui kajian ini juga, Unit PPS memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan boleh dijadikan salah satu panduan untuk menambahbaik polisi latihan PPS pada masa akan datang.



Imej 5.8 Kajian Berkaitan PPS dengan Kerjasama NIH

Lawatan Unit PPS ke Hospital Latihan Siswazah

Unit PPS sentiasa mengamalkan polisi pintu terbuka dalam menerima maklum balas berkaitan latihan siswazah. Pada 30 Januari 2023, Unit PPS telah mengadakan sesi lawatan kerja ke Hospital Sultan Ismail Johor Bahru bersama Pengarah BPP bagi mendapat maklum balas konstruktif daripada PPS dan pakar perubatan melalui sesi temubual dan sesi *town hall*. Selain itu, Unit PPS juga telah mengadakan sesi lawatan kerja ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah pada 23 Jun 2023 susulan aduan yang diterima daripada PPS di sana.



Imej 5.9 Lawatan Kerja Unit PPS

URUSAN KHIDMAT WAJIB PEGAWAI PERUBATAN

Khidmat wajib merupakan satu bentuk keperluan pendedahan klinikal untuk meningkatkan kemampuan dan kemahiran pengamal perubatan berdaftar penuh. Hal ini termasuk memastikan pengagihan pengamal baru berdaftar penuh ini secara saksama dan mengatasi masalah kekurangan pengamal perubatan berdaftar penuh meliputi perkhidmatan negara melalui penempatan semula setelah tamat latihan siswazah yang dilaksanakan di KKM. Terdapat tiga (3) urusan utama khidmat wajib yang dijalankan berdasarkan Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] iaitu:

- i. Pengeluaran notis khidmat wajib menurut Subseksyen 40(1), 40(2) dan di bawah Seksyen 41
- ii. Perakuan melengkapkan khidmat wajib berdasarkan Subseksyen 40(4)(c)
- iii. Permohonan kelonggaran khidmat wajib menurut Seksyen 42

Urusan khidmat wajib ini mula dikelola oleh BPP pada 1 April 2022. Sebanyak 6,256 notis khidmat wajib telah dikeluarkan kepada pengamal perubatan berdaftar sehingga Disember 2023. Bagi urusan perakuan melengkapkan khidmat wajib bagi pengamal perubatan berdaftar hanya akan bermula pada April 2024.

Beberapa penambahbaikan syarat dan proses telah dilaksanakan bagi urusan permohonan kelonggaran khidmat wajib melalui pewujudan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 15 Tahun 2022 Garis Panduan Urusan Khidmat Wajib di Perkhidmatan Awam Malaysia. Pembaharuan yang diperkenalkan lebih terarah kepada alasan dan syarat-syarat permohonan berdasarkan empat (4) kategori permohonan kelonggaran khidmat wajib mengikut peruntukan 42 Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] seperti berikut:

- i. Kategori Pengurangan dengan alasan mendapat tawaran pekerjaan di sektor swasta. Syarat permohonan adalah mempunyai pengalaman khidmat wajib sekurang-kurangnya satu tahun.
- ii. Kategori Penangguhan di mana pengamal mendapat tawaran melanjutkan pelajaran berkaitan perubatan. Tempoh minimum satu tahun pengajian dengan maklumat hala tuju kerjaya pengamal perlu dinyatakan.
- iii. Kategori Ambil Kira dengan mengambil kira perkhidmatan di KKM dan mana-mana badan Kerajaan lain yang menjalankan tugas-tugas perubatan termasuk di hospital pengajar universiti awam dan pihak berkuasa tempatan.
- iv. Kategori Pengecualian dengan alasan tiada tawaran dalam sektor awam untuk tempoh enam (6) bulan setelah permohonan dikemukakan dan pengamal warganegara Malaysia yang berhasrat pulang setelah berumur 40 tahun dan ke atas.

Jumlah permohonan kelonggaran khidmat wajib sejak Jun 2022 sehingga Disember 2023 adalah 1,575 permohonan (pengurangan), 29 permohonan (penangguhan), 77 permohonan (ambil kira) dan 113 permohonan (pengecualian) dengan jumlah keseluruhan adalah 1,794 permohonan seperti dalam **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2 Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib Jun 2022 - Disember 2023

Kategori	2022	2023	Jumlah
Pengurangan	690	885	1,575
Penangguhan	12	17	29
Pengecualian 1	9	30	39
Pengecualian 2	20	54	74
Ambil kira	31	46	77
Jumlah	762	1,032	1,794

PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN UMUM DAN *MANAGEMENT GUIDELINE* LATIHAN KEPAKARAN LALUAN PARALLEL

Pemurnian Garis Panduan Umum dan *Management Guideline* Latihan Kepakaran Laluan Parallel bagi 14 bidang kepakaran perubatan telah diadakan bagi memantapkan standard Latihan Kepakaran Laluan Parallel untuk melahirkan pakar yang berwibawa, berdedikasi dan kompeten. Isu-isu pelaksanaan telah dibincangkan meliputi aspek syarat am dan khusus, struktur latihan, fasiliti latihan, penilaian semasa latihan dan kriteria tamat latihan.

Bengkel ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan dan telah dihadiri oleh 46 pakar perubatan daripada pelbagai bidang yang terdiri daripada ketua kepakaran, ketua latihan kepakaran dan pegawai-pegawai kanan KKM.



Imej 5.10 Bengkel Pengemaskinian Garis Panduan Umum dan *Management Guideline* Latihan Kepakaran Laluan Parallel

PROGRAM SARJANA PERUBATAN

Program Sarjana Perubatan adalah program latihan kepakaran asas yang dikendalikan oleh lapan (8) universiti awam dengan kerjasama KKM. Terdapat 23 bidang kepakaran asas yang ditawarkan dalam Program Sarjana Perubatan. Pada tahun 2023, sebanyak 1,335 slot HLP telah diperuntukkan kepada pegawai perubatan yang layak untuk melanjutkan pengajian dalam Program Sarjana Perubatan. Sehingga 31 Disember 2023, terdapat seramai 4,793 pelatih yang sedang mengikuti pengajian Program Sarjana Perubatan seperti dalam **Jadual 5.3**.

LATIHAN KEPAKARAN LALUAN PARALLEL (PARALLEL PATHWAY) DI KKM

Selain Program Sarjana Perubatan, Pegawai Perubatan juga berpeluang untuk mengikuti latihan kepakaran menerusi Latihan Kepakaran Laluan Parallel di KKM. Latihan Kepakaran Laluan Parallel adalah latihan kepakaran yang berstruktur menggunakan kelulusan yang dianugerahkan institusi antarabangsa.

Pelaksanaan Latihan Kepakaran Laluan Parallel ini dilakukan mengikut piawaian yang relevan untuk latihan pakar oleh Majlis Perubatan Malaysia dan ditetapkan oleh Kurikulum Perubatan Pascasiswazah Kebangsaan. Latihan Kepakaran Laluan Parallel di KKM Malaysia dijalankan secara tempatan atau luar negara. Terdapat 17 program Latihan Kepakaran Laluan Parallel untuk 14 kepakaran yang tersedia di KKM Malaysia. Sehingga 31 Disember 2023, terdapat sejumlah 3,412 pegawai perubatan sedang menjalani Latihan Kepakaran Laluan Parallel seperti dalam **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3 Jumlah Pegawai Perubatan mengikuti Pengajian Kepakaran Program Sarjana Perubatan dan Latihan Kepakaran Laluan Parallel di KKM Tahun 2023

Bidang Kepakaran	Sarjana Perubatan	Laluan Parallel	Jumlah
Perubatan Keluarga	390	1,548	1,938
Perubatan Dalaman	406	881	1,287
Pediatrik Am	277	286	563
Obstetrik & Ginekologi	300	257	557
Anestesiologi & Rawatan Kritikal	478	61	539
Perubatan Kecemasan	358	121	479
Radiologi Klinikal	348	66	414
Kesihatan Awam	394	-	394
Ortopedik	323	-	323
Pembedahan Am	314	-	314
Oftalmologi	237	53	290
Psikiatri	202	61	263
Patologi	235	-	235
Otorinolaringologi	170	-	170
Pembedahan Saraf	75	-	75
Onkologi	55	11	66
Perubatan Rehabilitasi	52	-	52
Patologi Forensik	35	7	42
Perubatan Transfusi	40	-	40
Pembedahan Plastik	27	10	37
Perubatan Sukan	35	-	35
Urologi	-	34	34
Pembedahan Kardiorasik	7	16	23
Perubatan Nuklear	19	-	19
Pembedahan Pediatrik	16	-	16
Jumlah	4,793	3,412	8,205

PROGRAM SUBKEPAKARAN

Program Latihan Subkepakaran KKM dilaksanakan secara berstruktur oleh KKM sejak tahun 2002. Program latihan ini dijalankan sama ada secara sepenuhnya di dalam negara atau secara kombinasi dalam dan luar negara. Sehingga 31 Disember 2023, seramai 978 pelatih sedang mengikuti Program Latihan Subkepakaran KKM seperti dalam **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4 Bilangan Pelatih Program Latihan Subkepakaran KKM Tahun 2023

Kepakaran/Subkepakaran	Bilangan Pelatih Subkepakaran
Anestesiologi & Rawatan Rapi	48
Kardiologi	79
Pembedahan Kardiorasik	2
Dermatologi	36
Perubatan Kecemasan	26
Patologi Forensik	4
Perubatan Dalaman	179
Pembedahan Am	63
Anggota Tubuh Badan Bahagian Atas, Tangan & Pembedahan Mikro	10
Nefrologi	50
Neurologi	35
Perubatan Nuklear	2
Obstetrik & Ginekologi	52
Oftalmologi	39
Ortopedik	70
Otorinolaringologi	20
Pediatrik Am	93
Pembedahan Pediatrik	3
Patologi	46
Psikiatri	46
Radiologi Klinikal	40
Perubatan Rehabilitasi	4
Perubatan Respiratori	26
Urologi	2
Perubatan Transfusi	3
Jumlah	978

Nota:

Tidak termasuk Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Pakar Pergigian.

PEWARTAAN BAGI KEPAKARAN DAN SUB-KEPAKARAN

Setiap pegawai perubatan yang telah dikenal pasti dengan kelulusan sarjana yang diiktiraf perlu diwartakan oleh Jawatankuasa Khas Perubatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan bersama tiga (3) ahli panel mengikut Perintah Am Bab F, Bahagian (V) pelbagai Klausa 27(a) dan (b). Bagi tahun 2023, sebanyak 921 pakar klinikal telah diwartakan iaitu 99% dari 930 permohonan pewartaan yang diterima oleh KKM bagi tahun 2023 seperti dalam **Jadual 5.5**. Jumlah permohonan warta adalah bergantung kepada jumlah pegawai yang berjaya memperoleh kelayakan dalam tempoh pengajian semasa.

Jadual 5.5 Jumlah Doktor Pakar yang telah Diwartakan bagi Tahun 2016-2023

Jumlah							
2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
586	707	777	603	727	749	1,264	921

PEMANTAUAN PAKAR KLINIKAL DI HOSPITAL KKM

Jumlah bagi doktor pakar menunjukkan tren penurunan bagi kebanyakan kepakaran manakala bagi jumlah doktor subkepakaran menunjukkan tren peningkatan di hospital-hospital KKM. Bagi tahun 2023, jumlah keseluruhan doktor pakar dari pelbagai disiplin kepakaran dan subkepakaran adalah sebanyak 7,984 orang. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.9% jika dibanding dengan jumlah keseluruhan doktor pakar pada tahun 2022 iaitu 8,059 orang. Penurunan ini mengambil kira jumlah doktor pakar yang telah bersara dan meletak jawatan bagi tahun 2023 seperti dalam **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6 Jumlah Pakar Klinikal Mengikut Setiap Disiplin bagi Tahun 2016-2023

Kepakaran/Subkepakaran	Bilangan Pakar (Termasuk Pelatih Subkepakaran dan Pakar Kontrak)							
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Anestesiologi	514	533	573	558	591	734	856	800
Kardiologi	46	68	76	99	99	97	95	142
Surgeri Kardiotorasik	21	19	18	18	18	23	15	16
Dermatologi	40	47	54	73	77	76	79	97
Perubatan Kecemasan	246	271	324	331	376	475	537	534
Forensik	27	31	34	33	38	47	48	48
Perubatan Dalaman	804	790	764	830	591	708	892	1,557
Surgeri Am	303	321	342	323	219	305	460	442
Hand & Microsurgery	1	0	0	0	0	0	0	0
Nefrologi	67	75	94	113	106	105	93	140
Neurologi	29	37	47	51	50	50	48	75
Neurosurgeri	54	57	58	55	49	67	79	72
Perubatan Nuklear	22	25	27	28	34	36	40	40

Kepakaran/Subkepakaran	Bilangan Pakar (Termasuk Pelatih Subkepakaran dan Pakar Kontrak)							
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Obstetrik & Ginekologi	306	329	371	389	459	533	625	587
Oftalmologi	252	278	288	294	322	401	440	385
Ortopedik	297	328	358	358	392	487	563	534
Otorinolaringologi	162	162	187	183	201	257	280	255
Pediatrik	459	478	500	498	620	667	789	733
Surgeri Pediatrik	27	32	36	35	37	49	49	54
Patologi	333	384	422	422	494	611	645	612
Surgeri Plastik	30	31	36	36	41	54	56	53
Psikiatri	203	223	245	257	284	368	414	410
Radiologi	324	339	379	388	426	511	576	542
Radioterapi & Onkologi	31	34	35	32	36	46	64	60
Perubatan Rehabilitasi	57	62	70	68	74	90	94	91
Perubatan Respiratori	37	43	55	60	58	57	53	77
Perubatan Sukan	23	27	32	34	40	48	54	50
Urologi	27	35	35	35	32	37	43	33
Perubatan Transfusi	35	41	47	48	56	66	72	76
Jumlah	4,777	5,100	5,507	5,649	5,820	7,005	8,059	7,984

PEMBANGUNAN MODUL *HUMAN RESOURCE MODULE* (HRM) BAGI DOKTOR PAKAR DALAM MPIS

KKM dari semasa ke semasa akan melahirkan lebih ramai pegawai perubatan pakar bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan di sektor awam seluruh negara. Sebagai makluman, dari tahun 2018 hingga 2022, seramai 4,806 (atau purata seramai 961 setahun) pegawai perubatan telah diwartakan sebagai pegawai perubatan pakar oleh Ketua Pengarah Kesihatan di bawah Perintah-perintah Am dalam Bab F Perubatan, Bahagian V – Pelbagai, Klausa 27 (a) dan (b). Pewartaan ini termasuklah pegawai perubatan pakar klinikal di bawah Program Perubatan dan pakar perubatan keluarga serta pakar perubatan kesihatan awam di lain-lain program di bawah KKM. Berdasarkan kepada unjuran Bahagian Perkembangan Perubatan, sektor awam memerlukan sekitar 16,792 pakar pada tahun 2025 and 19,714 pakar pada tahun 2030.

Selaras dengan perkembangan ini dan usaha untuk memastikan agihan pegawai perubatan pakar adalah setara dan memadai di seluruh negara, Program Perubatan telah membangunkan pangkalan data khas iaitu HRM dalam MPIS. Pangkalan data ini memudahkan proses pemetaan perkhidmatan perubatan dan perancangan pembangunan perkhidmatan masa depan. Pada masa ini, terdapat 149 hospital KKM di seluruh negara dengan kapasiti sebanyak 47,243 katil, menawarkan 28 perkhidmatan kepakaran asas dan 96 perkhidmatan subkepakaran, serta 104 bidang minat.

Justeru, beberapa sesi *roadshow* telah pun dijalankan oleh BPP melalui Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan bagi memperkenalkan sistem tersebut serta melatih pengguna sistem di peringkat hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri. *Roadshow* tersebut telah diadakan mengikut zon seperti dalam **Jadual 5.7**

Jadual 5.7 Roadshow HRM Tahun 2023

Zon	Negeri/Fasiliti	Tarikh	Tempat
Tengah 1	Selangor	2 Okt 2022	Blok E1, Putrajaya
Tengah 2	Institusi Perubatan Khas, HKL	11 Jan 2023	Blok E1, Putrajaya
Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak	8 Feb 2023	Hospital Kepala Batas
Pantai Timur	Kelantan, Terengganu, Pahang	7 Mac 2023	Universiti Malaysia Pahang
Selatan	Negeri Sembilan, Melaka, Johor	1 Jun 2023	Newcastle University Medicine Malaysia
Sarawak	Sarawak	8 Jun 2023	Petrajaya Kuching Sarawak
Sabah	Sabah	3 Ogos 2023	UTC Sabah




Imej 5.11 Roadshow HRM bagi Zon Sabah

SISTEM myCPD

Continuing Professional Development (CPD) merupakan satu bentuk pembelajaran dan pembangunan professional personel kesihatan sepanjang hayat dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran. Sistem pemantauan dalam talian myCPD yang dilancarkan pada tahun 2017 membolehkan petugas kesihatan merekodkan aktiviti CPD mereka secara dalam talian. Sehingga Januari 2024, sistem ini mempunyai 293,470 pengguna dan 2,286 penganjur program. Mata CPD digunakan untuk pelbagai tujuan seperti memperbaharui Sijil Amalan Tahunan, penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, dan memenuhi keperluan latihan. Aktiviti berkaitan CPD pada tahun 2023 adalah seperti dalam **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8 Aktiviti myCPD 2023

Bengkel/Aktiviti/Latihan
Latihan Teknikal myCPD Sesi 1 <i>Programmer Language</i>
Bengkel Pemantapan Pentadbir Sistem myCPD versi 2.0, JKN Terengganu
Bengkel Pemantapan Pentadbir Sistem myCPD Zon Utara – Sungai Petani, Kedah
Memorandum Persefahaman (MoU) antara Majlis Perubatan Malaysia dan <i>Administrator</i> CPD (myCPD, MMA dan AMM)
Kursus Awareness Program CPD dan Pemantapan Pelaksanaan Sistem myCPD versi 2.0 - MKAK Sg. Buloh
Bengkel Pemurnian Buku Panduan <i>Continuing Professional Development</i> (CPD) Bagi Penyelaras CPD (SME) - Melaka
Audit Verifikasi CPD Bahagian Perkembangan Perubatan
Cadangan Pelan Operasi Latihan Tahun 2023 Dalam dan Luar Negara
Laporan Pemantauan POL dan Prestasi Perbelanjaan LDP
Prestasi Pengagihan Perbelanjaan LDP Dalam dan Luar Negara
Pencalonan Pegawai untuk LDP Luar Negara dan Program Kompetensi Lanjutan
Penilaian Laporan Kursus Pendek




Imej 5.12 MoU antara Majlis Perubatan Malaysia dan *Administrator* CPD (myCPD, MMA & AMM)



Imej 5.13 Bengkel Pemurnian Buku Panduan CPD bagi Penyelaras CPD (SME) - Melaka

KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN

Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan (CKPP) berperanan merancang, melaksanakan, memantau dan menambahbaik perkhidmatan perubatan untuk memastikan keselamatan, kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh, serta memenuhi keperluan dan harapan pesakit dan masyarakat. Pencapaian CKPP sepanjang tahun 2023 adalah sepertimana yang dipaparkan dalam **Rajah 5.1**.



Rajah 5.1 Pencapaian CKPP 2023

KAWALAN INFEKSI

Pada tahun 2023, BPP melalui Unit Kawalan Infeksi telah berjaya menghasilkan dua (2) laporan iaitu Laporan Tahunan *Infection Prevention & Control and Antimicrobial Resistance (AMR) Containment Program 2022* serta *National Wound Care Surveillance Report 2022*. Sambutan *World Hand Hygiene Day (WHHD) 2023* Peringkat Kebangsaan & Seminar Pencegahan dan Kawalan Infeksi telah diadakan pada 14 Jun 2023 dan dihadiri sebanyak 400 orang peserta. Slogan bagi sambutan WHHD 2023 adalah *Accelerate action together. SAVE LIVES – Clean your hands* mengingatkan kita akan tanggungjawab bersama untuk mengambil tindakan segera dan serentak demi melindungi nyawa melalui amalan *hand hygiene*.

Atas permohonan KKM, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menjalankan misi dari 4-11 September 2023 untuk memperkukuhkan surveilan *antimicrobial resistance (AMR)* dan kapasiti makmal. Unit Kawalan Infeksi telah bekerjasama dengan WHO dan pakar dari *National Institute of Infectious Diseases (NIID)* Jepun, untuk menganjurkan *AMR Outbreak Response in Hospital Settings Train-the Trainer Workshop* dari 4-6 September. Seterusnya, kajian terhadap sistem surveilan AMR negara dan makmal, termasuk lawatan ke institusi dan hospital terpilih, telah dijalankan pada 7-8 September. Pada 11 September 2023, pasukan tersebut telah menyertai mesyuarat *Regional AMR Tripartite Project*. Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, mesyuarat itu dihadiri oleh wakil WHO, *Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)*, *World Organisation for Animal Health (WOAH)* serta sektor-sektor berkaitan di bawah One Health. Mesyuarat ini membincangkan penyertaan Malaysia di dalam projek tersebut yang menyokong aktiviti-aktiviti pelan tindakan AMR di negara ini serta minat Malaysia dalam menyertai aktiviti-aktiviti berkaitan AMR di peringkat serantau. Sambutan *World Antimicrobial Resistance Awareness Week (WAAW) 2023* peringkat kebangsaan telah diadakan pada 18 November 2023, di Putrajaya, dan turut melibatkan pelancaran *Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAP-AMR) 2022-2026* yang merangkumi pendekatan *One Health* yang menyeluruh. Unit Kawalan Infeksi juga telah menganjurkan *6th National Wound Care Conference (NWCC) 2023* pada 23-25 Mei 2023 bertemakan *Wound Care: A Decade in Malaysia* di mana *Wound Care Manual 2nd edition 2023* juga telah dilancarkan. Persidangan ini telah dihadiri oleh 605 anggota kesihatan daripada pelbagai disiplin dari seluruh negara.

PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN

Bahagian ini melalui cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan (MaHTAS) bertanggungjawab dalam menyediakan maklumat berasaskan bukti (*evidence-based*) berhubung nilai sesuatu teknologi sama ada yang baharu atau sedia ada termasuklah dari aspek keselamatan, keberkesanan, keberkesanan kos, impak ke atas organisasi, sosial dan juga etika semasa membuat keputusan di pelbagai peringkat. Maklumat yang disediakan adalah dalam bentuk laporan Penilaian Teknologi Kesihatan, Kajian Teknologi Kesihatan (*mini HTA*), *Rapid Review* (*Information Brief*), *TechScan* dan *TechBrief*.

MaHTAS juga memastikan pembangunan dan pelaksanaan Panduan Amalan Klinikal (CPG). Bagi tahun 2023, terdapat lapan (8) CPG yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis HTA-CPG iaitu:

- i. *Management of Dyslipidaemia 2023 (6th Edition)*
- ii. *Management of Heart Failure (5th Edition)*
- iii. *Management of Retinopathy of Prematurity (Second Edition)*
- iv. *Management of Cancer Pain (Second Edition)*
- v. *Management of Geriatric Hip Fracture*
- vi. *Management of Systemic Lupus Erythematosus*
- vii. *Management of Anterior Crossbite in Mixed Dentition (Third Edition)*
- viii. *Management of Hypodontia (Second Edition)*

Pada 11 Julai 2023, tiga (3) CPG telah dilancarkan oleh Pengarah BPP, mewakili Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Tiga (3) CPG tersebut adalah *Acne Vulgaris (2nd Edition)*, *Obstructive Sleep Apnoe* dan *Chronic Hepatitis B In Adults*.

Latihan CPG untuk *General Practitioners* turut diadakan bagi tahun 2023 iaitu *Management of Diabetic Foot (Second Edition)*, *Management of Atopic Eczema* dan *Management of Major Depressive Disorder (Second Edition)*. Selain itu, MaHTAS telah menerbitkan empat (4) *quick references* dan satu (1) *patient information leaflet* serta menganjurkan enam (6) *CPG Training of Core Trainers*. Berikut adalah pencapaian penghasilan laporan teknologi kesihatan bagi tahun 2023 seperti dalam **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9 Jumlah Penghasilan Laporan Teknologi Kesihatan 2023

Jenis Laporan	Jumlah
<i>Health Technology Assessment</i>	1
<i>Clinical Practice Guidelines</i>	8
<i>Technology Review (mini-HTA)</i>	13
<i>Information Brief</i>	23
<i>TechScan</i>	6
<i>TechBrief</i>	8

KURSUS LATIHAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN

Kursus Latihan Penilaian Teknologi Kesihatan Zon Utara telah berjaya dilaksanakan pada 29-31 Mei 2023 di Ipoh, Perak. Kursus ini mensasarkan pemegang taruh dan pembuat dasar utama di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis yang bertujuan mengukuhkan kesedaran dan tahap kefahaman peserta berkaitan penilaian teknologi kesihatan, seterusnya menggunakannya dalam membuat dasar berkaitan di peringkat organisasi masing-masing berdasarkan syor daripada penilaian tersebut. Seramai 80 peserta yang terdiri daripada TPKN(P), TPKN(KA), TPKN(Pergigian) dan TPKN(F) serta Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Daerah serta pegawai kanan terpilih Zon Utara menghadiri latihan ini.



Imej 5.14 Kursus Latihan Penilaian Teknologi Kesihatan

MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL TEKNOLOGI KESIHATAN (HTA TAC)

HTA TAC ialah mesyuarat dwi-tahunan yang diadakan untuk membincangkan dan memutuskan syor bagi penilaian ke atas teknologi kesihatan yang dijalankan. Kedua-dua mesyuarat HTA TAC bagi tahun 2023 (25 Mei 2023 dan 25 Oktober 2023) telah dipengerusikan oleh Pengarah BPP. Pada mesyuarat penggal pertama, tujuh (7) laporan *Technology Review* telah berjaya dibentang dan dibahaskan, diikuti satu (1) laporan *Health Technology Assessment* dan enam (6) *Technology Review* pada mesyuarat penggal kedua.

PENGANJURAN 11TH HTASIALINK CONFERENCE

HTAsiaLink adalah rangkaian kolaboratif agensi-agensi Penilaian Teknologi Kesihatan (HTA) di rantau Asia-Pasifik. Persidangan Tahunan HTAsiaLink merupakan satu acara akademik dimana berlakunya perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman dari kalangan ahli dan pakar-pakar dalam bidang ini. Turut dibahas dan dibincang adalah isu-isu semasa berkaitan pelaksanaan HTA, selain cabaran dan peluang-peluang berkaitan dalam sistem kesihatan yang mencapah. Tahun 2023 turut melakar sejarah dengan Malaysia telah menjadi tuan rumah persidangan kali ke-11 ini. MaHTAS dengan kerjasama USM dan program Perkhidmatan Farmasi bekerjasama dalam Jawatankuasa Penganjur telah berjaya menganjurkan Persidangan HTAsiaLink 2023 edisi ke-11 dengan jayanya dengan tema *Reshaping and Reshifting Health Technology Assessment in Navigating the Future Landscape*. Persidangan ini diadakan pada 4-7 September 2023 di Hotel Mecure Living, Putrajaya dan telah dihadiri oleh 275 peserta daripada 20 buah negara.



Imej 5.15 11th HTAsiaLink Conference

ASEAN HTA HARMONISATION OF REPORTING FORMAT OF CLINICAL EFFECTIVENESS OF PHARMACEUTICAL & MEDICAL DEVICE

Projek di bawah Program Kerja Kluster Kesihatan ASEAN 3 (AHC 3) untuk tahun 2021-2025 ini dipengerusikan bersama oleh Filipina dan Malaysia, yang bertindak sebagai peneraju dalam usaha membangunkan format pelaporan seragam bagi *domain safety* dan *effectiveness* di kalangan negara-negara ASEAN bagi mempermudah dan memperkukuh jalinan kerjasama agensi-agensi HTA dalam menjalankan penilaian. Bengkel bagi merealisasikan sebahagian objektif projek ini telah berjaya diadakan di Hotel Mercure Living Putrajaya pada 8 September 2023.

HAB TEKNOLOGI KESIHATAN (NATIONAL HEALTHTECH HUB)

MaHTAS telah bekerjasama dengan *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI), di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam penubuhan dan pembentukan rangka kerja Hab Teknologi Kesihatan (*National HealthTech Hub*) di bawah Program *National Technology & Innovation Sandbox* (NTIS). Bengkel Pengawalseliaan Hab Teknologi Kesihatan Siri 2 telah diadakan pada 13 Mac 2023 dan dihadiri oleh pelbagai agensi-agensi KKM dan MOSTI yang terlibat dalam pembangunan, pengujian, pengawalseliaan, penilaian dan pengkomersialan teknologi kesihatan. Bengkel ini telah membincangkan aliran proses yang lebih jelas bagi aktiviti pengujian *Sandbox*. Cadangan aliran proses untuk industri kesihatan yang dibincangkan di bengkel tersebut telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengawalseliaan Hab Teknologi Kesihatan Bil. 1/2023 pada 26 Mei 2023 bagi mendapatkan persetujuan dan penambahbaikan daripada ahli-ahli mesyuarat.

Selain itu, MaHTAS telah mengadakan sesi libat urus pembangunan industri kesihatan bersama pelbagai agensi berkaitan industri kesihatan Malaysia dan ekosistem inovasi kesihatan pada 11 Oktober 2023 dan dipengerusikan oleh Pengarah BPP. Wakil KKM adalah terdiri daripada Unit *Horizon Scanning* dan Unit *Health Industry*, MaHTAS, Unit Sumber, Bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, manakala agensi-agensi luar adalah dari *Ministry of International Trade and Industry* (MITI), *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE), *Malaysian Development of Authority* (MIDA), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) dan MRANTI. Objektif sesi ini diadakan adalah untuk membincangkan penyelesaian dan bagaimana setiap agensi dapat membantu sebagai pemudah cara dalam industri kesihatan tempatan di Malaysia.



Imej 5.16 Sesi Libat Urus Pembangunan Industri Kesihatan

PENILAIAN TEKNIKAL TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

TBP adalah program yang dilancarkan untuk membantu pesakit yang kurang berkemampuan di hospital kerajaan dan pusat perubatan universiti bagi menjalani rawatan dan pemulihan yang telah ditetapkan oleh pakar dan pegawai perubatan yang merawat. TBP ditubuhkan pada 15 Januari 2005 di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957.

PELANCARAN GARIS PANDUAN UBAT DAN PROGRAM TABUNG PERUBATAN (TBP) “WE CARE WE HELP”

Pada 23 Julai 2023, BPP telah melancarkan Garis Panduan Bantuan Ubat yang telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah BPP di Hospital Raja Perempuan Zainab II sempena Program Tabung Perubatan *We Care We Help*. Pelancaran ini meliputi program turun padang bagi memberikan penerangan mengenai garis panduan permohonan tabung, lawatan ke rumah pesakit dan penyampaian peralatan perubatan yang telah mendapat kelulusan.

PERKONGSIAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN TBP BERSAMA AGENSI PEMBERI BANTUAN


Unit TBP telah mengadakan perkongsian Garis Panduan Permohonan TBP bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bertujuan untuk penambahbaikan prosedur pengurusan kes permohonan bagi mendapatkan bantuan kewangan perubatan. Berikut merupakan amaun permohonan TBP bagi tahun 2023.

Jadual 5.10 Amaun Permohonan TBP Tahun 2023

Status	Bilangan Permohonan	Amaun Permohonan (RM)	Peratus Bil. Permohonan (%)
Lulus	4,373	65,058,448.34	88.31
Dalam Tindakan Teknikal	95	2,225,512.14	1.92
Kuiri	105	1,928,422.75	2.12
Batal	232	3,976,441.93	4.68
Tidak Lulus	144	3,109,039.06	2.91
Tanggung	3	82,100.00	0.06
Jumlah	4,952	76,379,964.22	100

PENILAIAN TEKNIKAL SARAAN PERUBATAN

Unit Penilaian Teknikal Saraan Ubat (SARAUBAT) bertanggungjawab menguruskan permohonan kemudahan perubatan tuntutan bayaran balik rawatan ditanggung kerajaan berdasarkan serta tertakluk kepada pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa. Berikut adalah statistik permohonan tuntutan bayaran balik rawatan yang disokong dan ditolak bagi tahun 2023.



Rajah 5.2 Jumlah Permohonan Tuntutan Bayaran Balik yang Disokong dan Ditolak


BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN (BAP)

CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

CKAPS menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Aktiviti kawalan dan kawal selia bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) di bawah Akta 586 adalah termasuk pendaftaran, kelulusan, pelesenan, pengendalian aduan, penilaian kualiti, aktiviti penguatkuasaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan KPJKS. Sehingga 31 Disember 2023, sejumlah 15,547 KPJKS telah didaftarkan dan dilesenkan bawah Akta 586.

KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2023

Pada tahun 2023, CKAPS telah mengutip sebanyak RM5,142,605 daripada fi pemprosesan, fi pengeluaran dan fi pentadbiran dengan jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 17.1% berbanding kutipan hasil pada tahun 2022. Jumlah ini adalah yang tertinggi sejak 2016 dengan menyaksikan peningkatan yang stabil dan berterusan sejak tahun 2020. **Rajah 5.3** menunjukkan perbandingan kutipan hasil bagi tahun 2016 sehingga 2023.



Rajah 5.3 Kutipan Hasil CKAPS bagi Tahun 2016-2023

MESYUARAT TEKNIKAL DAN PELAN TINDAKAN CKAPS 2023

Antara pembentangan hasil kerja bagi jawatankuasa yang telah ditubuhkan pada Mesyuarat Teknikal pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Bertindak Penyediaan Kertas Siasatan bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] oleh CKAPS JKN Terengganu & CKAPS JKN Johor
- ii. Jawatankuasa Semakan Prosedur Operasi Piawai Tindakan Penguatkuasaan bawah Akta 586 oleh CKAPS JKWP KL & CKAPS JKN Selangor
- iii. Jawatankuasa Semakan Prosedur Operasi Piawai Pengkompaunan Kesalahan bawah Akta 586 oleh CKAPS JKN Perak & CKAPS JKN Pulau Pinang
- iv. Jawatankuasa Pembangunan Kit Orientasi oleh CKAPS JKN Kelantan & CKAPS JKN Pahang
- v. Jawatankuasa Pembangunan Prosedur Operasi Piawai Papan Tanda KPJKS bawah Akta 586 oleh CKAPS JKN Sabah & CKAPS JKWP Labuan
- vi. Jawatankuasa Pembangunan Garis Panduan *Ultrasound Scan* di Klinik Perubatan Swasta oleh CKAPS JKN N. Sembilan & CKAPS JKN Melaka
- vii. Jawatankuasa Operasi Bersepadu oleh CKAPS JKN Kedah & CKAPS JKN Perlis

Dengan penganjuran mesyuarat seperti ini, diharap dapat meningkatkan kerjasama, kefahaman dan kecekapan ketua-ketua CKAPS dalam menangani pelbagai isu berkenaan pelaksanaan dan penguatkuasaan [Akta 586] dan peraturan-peraturannya.



Imej 5.17 Wakil daripada CKAPS HQ dan CKAPS JKN/WP di Mesyuarat Teknikal

TRAINING OF TRAINERS (ToT) PROSES PENDAFTARAN KLINIK SWASTA KE CKAPS JKN/WP

Siri program lawatan ToT telah diadakan pada tahun 2023 bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkenaan polisi dan garis panduan yang terkini bagi mengelakkan salah faham dan ketidakseragaman pelaksanaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya. Sebanyak enam (6) siri ToT telah diadakan seperti berikut:

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|---------------------|
| i | JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya | - | 24-27 Januari 2023 |
| ii | JKN Pahang | - | 23-24 Februari 2023 |
| iii | JKN Negeri Sembilan | - | 25-26 Mei 2023 |
| iv | JKN Sarawak | - | 26-27 Jun 2023 |
| v | JKN Sabah & Labuan | - | 24-25 Ogos 2023 |
| vi | JKN Johor | - | 25-26 Oktober 2023 |

PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PENDAFTARAN KLINIK SWASTA DAN PEMBAHARUAN LESEN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS)

Selaras dengan bilangan KPJKS dan jumlah permohonan yang semakin meningkat, CKAPS telah mengkaji dan melakukan penambahbaikan kepada proses kerja melibatkan KPJKS yang berlesen dan berdaftar bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Pelaksanaan prosedur kerja baharu ini dapat memberikan impak positif seperti berikut:

- i. Memendekkan tempoh pemprosesan permohonan di peringkat CKAPS
- ii. Memansuhkan pertindihan kerja antara pegawai CKAPS HQ dan CKAPS JKN/WP serta mengurangkan kerenah birokrasi
- iii. Pengurangan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh pihak KPJKS, selaras dengan konsep *lean healthcare*
- iv. Memperkasakan aktiviti-aktiviti penilaian perkhidmatan oleh pegawai di CKAPS JKN/WP, supaya kualiti penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan

PENDAFTARAN KLINIK SWASTA

Sehingga Disember 2023, terdapat lebih 14,000 klinik swasta yang telah didaftarkan dan bilangan ini menyumbang 92% daripada jumlah keseluruhan KPJKS berlesen/berdaftar di seluruh Malaysia. Jumlah tersebut juga semakin meningkat dari semasa ke semasa, selain menyumbang kepada peningkatan kerumitan permohonan yang diterima pihak CKAPS.

Oleh yang demikian, penambahbaikan kepada polisi pendaftaran klinik telah dilakukan bagi memudahcara sektor swasta dalam menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan. Penambahbaikan utama adalah pada pengagihan tugas yang lebih jelas antara pegawai-pegawai di IPPKM CKAPS dan JKN/WP, sekaligus meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Pada masa yang sama, Bengkel Pemurnian Polisi Baharu Pendaftaran Klinik Swasta yang melibatkan 28 peserta daripada IPPKM CKAPS dan wakil CKAPS JKN/WP telah dianjurkan di Ibis KLCC pada 1-3 Mac 2023 bertujuan untuk memperhalusi proses kerja baharu yang telah dirancang dan mengemaskini senarai semak serta garis panduan sedia ada. Proses kerja baharu yang berjaya memendekkan masa permohonan daripada enam (6) bulan kepada dua (2) bulan ini telah dilaksanakan secara berfasa dan telah dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Januari 2024.



Imej 5.18 Bengkel Pemurniaan Polisi Baharu Pendaftaran Klinik Swasta

Bengkel Pemurnian Proses Kerja Baharu Pembaharuan Lesen KPJKS bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] telah diadakan di Hotel Concorde, Shah Alam pada 22-24 Ogos 2023, melibatkan pegawai dari CKAPS IPPKM, CKAPS JKN Selangor dan CKAPS JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya. Objektif utama bengkel ini adalah bagi membincangkan dengan lebih mendalam berkaitan prosedur kerja seterusnya memurnikan senarai semak, garis panduan, kit orientasi serta perkara-perkara berkaitan.



Imej 5.19 Bengkel Penambaaian Proses Kerja Pembaharuan Lesen KPJKS

KURSUS ANJURAN SEKTOR PENILAIAN PERKHIDMATAN CKAPS

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemantapan kualiti pegawai penguatkuasa di CKAPS, Kursus Asas Penguatkuasaan dan Fotografi Forensik bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] telah diadakan pada 13-15 Jun 2023 di Hotel Lexis, Port Dickson serta dihadiri oleh 90 orang pegawai yang terdiri dari pegawai-pegawai dari CKAPS HQ dan JKN/WP. Selain itu, Bengkel Pemurnian Lawatan Verifikasi Bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] Peringkat CKAPS IPKKM juga telah dianjurkan di IBIS KLCC pada 3-5 Oktober 2023 bagi memberi pendedahan serta menyelaraskan penggunaan, maksud, tatacara pengendalian dokumen dan sebagainya yang berkaitan dengan lawatan verifikasi yang dijalankan oleh CKAPS JKN/WP.

CAWANGAN PERUNDANGAN PERUBATAN (CPP)

CPP terdiri daripada lima (5) sektor iaitu:

- i. Sektor Gubalan
- ii. Sektor Fi Fasilitas Kesihatan Swasta
- iii. Sektor Amalan Perubatan Estetik
- iv. Sektor Pelancongan Kesihatan
- v. Sektor Globalisasi

Tahun 2023 telah dipenuhi dengan pelbagai aktiviti dan menyaksikan pencapaian yang signifikan hasil kerjasama antara CPP dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

SEKTOR GUBALAN

Sektor ini terdiri daripada Unit Fasilitas, Unit Profesion dan Unit Amalan yang bertanggungjawab ke atas penggubalan Rang Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Baharu serta pindaan Akta atau Peraturan-Peraturan sedia ada di bawah Program Perubatan.

Pencapaian signifikan sektor ini pada tahun 2023 ialah pindaan Akta Kesihatan Mental 2010 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 23 Mei 2023 oleh Dewan Rakyat dan seterusnya pada 20 Jun 2023 oleh Dewan Negara. Pindaan ini dibuat bersekali dengan pindaan Kanun Keseksaan bagi tujuan pemansuhan kesalahan percubaan membunuh diri bertujuan bagi membolehkan individu yang cuba membunuh diri diselamatkan dan diberikan bantuan yang sewajarnya dan bukan lagi dikenakan hukuman jenayah.



Imej 5.20 Pembentangan Pindaan Akta Kesihatan Mental 2001 di Dewan Rakyat

Kerja-kerja gubalan peraturan baharu bagi perkhidmatan ambulans swasta *standalone* telah diteruskan dengan sesi konsultasi dan libat urus bersama pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuklah Jabatan Laut Malaysia (JLM), *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan *Malaysia Institute of Road Safety Research* (MIROS) serta beberapa penyedia perkhidmatan swasta *standalone* di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Sabah. Penyata Impak Peraturan (RIS) bagi tujuan penggubalan Peraturan ini telah diluluskan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 9 Januari 2023. Sektor ini juga telah memulakan proses pindaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] di mana RIS telah diluluskan oleh MPC pada 1 Ogos 2023.

Sepanjang tahun 2023, Sektor ini telah terlibat di dalam beberapa sesi bengkel dan mesyuarat untuk penyediaan *National Ageing Blueprint* khususnya mengenai kawal selia kemudahan dan perkhidmatan jagaan warga emas swasta.



Imej 5.21 Mesyuarat Penyediaan *National Ageing Blueprint*

SEKTOR FI FASILITI KESIHATAN SWASTA

Pada tahun 2023, Sektor ini telah berjaya menyiapkan pindaan Jadual Ke-13 di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] melibatkan penambahan 1,300 prosedur perubatan baharu beserta caj yang dibenarkan bagi pakar perubatan di hospital swasta. Secara keseluruhan sebanyak 50 sesi konsultasi bersama 36 pemegang taruh telah diadakan untuk tujuan pindaan ini.



Imej 5.22 Taklimat Pindaan Jadual ke-13 kepada Menteri Kesihatan

Bagi pengurusan aduan dan pertanyaan berkenaan caj profesional di hospital swasta sebanyak 281 aduan dan pertanyaan telah diterima dan diselesaikan oleh Sektor ini sepanjang 2023. Sebagai inisiatif bagi memberi kefahaman mengenai penggunaan Jadual Ke-13 dalam kalangan pakar perubatan swasta, sektor ini telah dijemput ke sebelas (11) sesi taklimat oleh hospital swasta sekitar Lembah Klang, Melaka dan Pulau Pinang sepanjang 2023. Inisiatif ini telah membantu dalam mengurangkan jumlah aduan berkaitan caj yang diterima daripada hospital swasta.

SEKTOR AMALAN PERUBATAN ESTETIK

Sektor ini yang merupakan urus setia kepada *Main Credentialing & Privileging Committee Aesthetic Medical Practice* telah menjalankan dua (2) sesi penilaian *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP) *Chapter 1* pada tahun 2023 bagi pengamal perubatan berdaftar yang ingin memberikan perkhidmatan perubatan estetik. Ini melibatkan keseluruhannya 141 calon bagi penilaian bertulis dan 127 calon bagi penilaian lisan.

Sehingga Disember 2023 terdapat 701 pengamal perubatan berdaftar telah mempunyai LCP yang terbahagi kepada tiga (3) bab:

- i. *Chapter 1 (General Practitioners): 527*
- ii. *Chapter 2 (Medical Specialists): 82*
- iii. *Chapter 3 (Surgical Specialists): 92*



Imej 5.23 Sesi Penilaian Bertulis untuk *Letter of Credentialing and Privileging*

Sebagai langkah membendung kes amalan perubatan estetik oleh individu yang tidak berkelayakan, Sektor ini telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Persatuan Doktor Estetik Berdaftar Malaysia (PDEBM) untuk mewujudkan *Aesthetic Public Awareness Campaign* (APAC) bertujuan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai Amalan Perubatan Estetik. Sektor ini juga telah berkolaborasi dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jabatan Standard Malaysia dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan untuk memastikan orang awam tidak mendapatkan rawatan daripada individu yang tidak berkelayakan.

SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN

Sepanjang tahun 2023, sektor ini telah menerima 26 permohonan Elaun Cukai Pelaburan daripada hospital swasta yang terlibat di dalam pelancongan kesihatan untuk tujuan verifikasi. Sektor ini telah bekerjasama dengan CKAPS, Bahagian Kejuruteraan dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan dalam proses menentusahkan permohonan ini yang diharap dapat membantu perkembangan industri pelancongan kesihatan di Malaysia.

SEKTOR GLOBALISASI

Sektor ini melalui kerjasama dengan MITI, meneliti dan memantau perkembangan perjanjian perdagangan antarabangsa yang melibatkan sektor perkhidmatan kesihatan swasta dan seterusnya memberi pendapat serta input teknikal bagi hal-hal berkaitan liberalisasi perkhidmatan kesihatan. Sektor ini mewakili Malaysia ke *ASEAN Joint Coordinating Committee on Medical Practitioners* (AJCCM) yang membincangkan




Imej 5.24 Mesyuarat AJCCM di Brunei Darussalam

perkara berkaitan dengan pengiktifaran bersama pengamal perubatan di rantau ASEAN bagi merealisasikan matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN. Pada tahun 2023, wakil daripada sektor ini telah menghadiri mesyuarat AJCCM yang telah diadakan secara maya dan dihoskan oleh Vietnam pada 1 Februari 2023, dan mesyuarat fizikal di Brunei Darussalam pada 14 November 2023.

CAWANGAN MEDICO LEGAL (CML)

CML mengawasi hal ehwal amalan perubatan dan terlibat dalam penyelesaian pertikaian medico legal di KKM, khususnya di kemudahan jagaan kesihatan KKM. CML terbahagi kepada empat (4) sektor yang menangani aduan medico legal, penyiasatan kes tuntutan pampasan serta bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara (JPN) dalam penyediaan dan penyelesaian saman kecuai perubatan. CML turut menganjurkan sesi latihan melibatkan isu-isu medico legal dan menjalankan audit berkala bagi memastikan pematuhan garis panduan, polisi dan piawaian KKM.



Rajah 5.4 Statistik Medico Legal bagi Tahun 2019-2023

PENGURUSAN ADUAN

Kemudahan jagaan kesihatan KKM akan menjalankan siasatan terhadap aduan medico legal dan melaporkan kepada CML. Kes aduan atau tuntutan pampasan tanpa penyelesaian di peringkat kemudahan akan disiasat lanjut dengan penubuhan suatu Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (JKPB). Pada tahun 2023, CML menerima 283 aduan. Tuntutan pampasan melibatkan 121 kes telah dikaji dan hampir separuh (59 kes atau 48.76%) telah dicadangkan untuk pampasan ex gratia. KKM memberi keutamaan dalam penyelesaian aduan medico legal melibatkan tuntutan pampasan. Sejumlah 90.3% kes sedemikian telah mencapai penyelesaian dalam tempoh setahun (365 hari) dari tarikh aduan dilaporkan.

LITIGASI

CML dan JPN berganding bahu dalam pengurusan saman kecuai perubatan terhadap kemudahan jagaan kesihatan KKM. CML menyumbang khidmat nasihat teknikal, menyelaras penyediaan kes, menyediakan dokumen penyelesaian kes luar Mahkamah dan menyelaras pelantikan Saksi Pakar. Pada tahun 2023, sejumlah 23 writ saman, 62 saman pemula dan satu (1) notis pihak ketiga kes kecuai perubatan melibatkan kemudahan jagaan kesihatan KKM telah didaftarkan di CML.

GANTI RUGI

Pada tahun 2023, KKM telah meluluskan sejumlah RM6,891,879.28 untuk ganti rugi penyelesaian ex gratia dan kes litigasi.

Jadual 5.11 Ganti Rugi Medico Legal bagi Tahun 2019-2023

Tahun	Ex Gratia		Litigasi		Jumlah	
	Ganti Rugi (RM)	Bil. Kes	Ganti Rugi (RM)	Bil. Kes	Ganti Rugi (RM)	Bil. Kes
2023	2,073,591.70	61	4,818,287.58	12	6,891,879.28	73
*2022	1,694,258.07	25	4,193,506.64	10	5,887,764.71	35
2021	2,740,822.43	46	27,715,932.27	15	30,456,754.70	61
2020	3,909,087.89	55	14,427,784.37	18	18,336,872.26	73
2019	4,471,603.29	70	18,449,560.91	36	22,921,164.20	106

Nota:

*Data yang telah dkemaskini berhubung pembayaran ex gratia pada tahun 2022

SURVELAN

CML memastikan kemudahan jagaan kesihatan KKM dan JKN mematuhi cadangan penambahbaikan yang disarankan oleh panel JKPB. CML telah menjalankan aktiviti dan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan sepanjang tahun 2023 bagi mencapai objektif tersebut:

- i. Mesyuarat Teknikal Pengurusan Kes Medico Legal bersama Penyelaras Negeri (10-11 Oktober)
- ii. Mesyuarat Pemantauan Kes Medico Legal:
 - Bahagian Kejururawatan KKM (22 Februari)
 - Cawangan Perkhidmatan Pembantu Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan (8 Mac)
 - JKN Pahang (14 September)
 - Hospital Raja Permaisuri Bainun (6 November)

PENINGKATAN KOMPETENSI

Pada tahun 2023, CML telah mengambil inisiatif untuk menjalankan pelbagai sesi latihan bagi mengukuhkan pengurusan kes medico legal di peringkat kemudahan jagaan kesihatan KKM dan JKN. Kolaborasi bersama JKN Sabah dan Selangor diadakan untuk memudah cara penganjuran kursus dan latihan.

Jadual 5.12 Kursus dan Latihan Tahun 2023

Kursus/Latihan	Tarikh	Peserta
<i>Expert Witness Training</i>	8-10 Mei	30
<i>Management of Medico Legal Complaints</i>	23-24 Ogos	100
<i>Inquiry Committee Training</i>	23-25 September	46



Imej 5.25 Kursus Latihan Saksi Pakar ILKAP, Bangi



Imej 5.26 Kursus Pengurusan Aduan Medico Legal HQE, Sabah

PENERBITAN

- i. E-Buletin CML Bil. 4 telah diterbitkan pada bulan Disember 2023
- ii. Buku *Guidelines on the Management of Medico Legal Litigation in Ministry of Health Malaysia 2023* telah diterbitkan pada 17 April 2023 dan dimuatnaik ke laman sesawang BAP untuk akses mudah warga KKM.

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (CPPPP)

CPPPP merupakan organisasi yang memantau profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Malaysia dengan mengguna pakai Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977 [Akta 180]. CPPPP juga bertanggungjawab menjaga profesion Pembantu Hospital Estet di bawah Akta Lembaga Pembantu Hospital Estet (Pendaftaran) 1965 [Akta 435]. Selain itu, Profesion Pembantu Perawatan Kesihatan telah diletak di bawah tanggungjawab CPPPP mulai tahun 2015.

UNIT PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN AMALAN TAHUNAN

Objektif Kualiti Pendaftaran

85.0% daripada permohonan yang lengkap menggunakan Borang 3 (Peraturan 16 (1)) Perakuan Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia siap dalam tempoh 45 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima oleh cawangan.

Jadual 5.13 Prestasi Pendaftaran Tahun 2023

Bulan	Jumlah Pendaftaran	Jumlah Pematuhan	Jumlah Tidak Patuh	Peratus (%)
Januari	103	103	0	100
Februari	45	45	0	100
Mac	170	170	0	100
April	0	0	0	100
Mei	244	244	0	100
Jun	54	54	0	100
Julai	10	10	0	100
Ogos	0	0	0	100
September	67	67	0	100
Oktober	70	70	0	100
November	86	86	0	100
Disember	0	0	0	100

PROGRAM PENEMPATAN WAJIB (PPW)

PPW selama enam (6) bulan di Jabatan Kecemasan ialah program khusus yang dirancang dan dilaksanakan kepada semua PPP lantikan baharu di KKM. Program ini bertujuan untuk menyeragamkan semua lantikan baharu PPP, memantapkan kemahiran klinikal, meningkatkan kebolehan membuat keputusan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi.

Jadual 5.14 Penempatan PPW Mengikut Negeri Tahun 2023

Lokasi	Kumpulan 27/2023	Kumpulan 28/2023	Kumpulan 29/2023	Jumlah
Perlis	8	13	12	33
Kedah	25	15	29	69
Pulau Pinang	30	20	27	77
Perak	20	26	31	77
Selangor	244	77	50	371
Hospital Kuala Lumpur	62	17	0	79
WP. Putrajaya	53	5	19	77
Negeri Sembilan	46	21	29	96
Melaka	21	15	23	59
Johor	32	21	24	77
Kelantan	27	16	29	72
Terengganu	19	20	22	61
Pahang	37	31	3	71
Sabah	163	32	35	230
Sarawak	144	33	31	208
WP. Labuan	5	0	11	16
Jumlah	936	362	375	1,673

MAJLIS OPTIK MALAYSIA (MOC)

MOC adalah badan regulatori yang berperanan untuk menguatkuasakan Akta Optik 1991 [*Akta 469*] dan Peraturan-peraturan Optik 1994. Aktiviti mengawal selia profesion optometris dan juruoptik di bawah Akta 469 adalah termasuk pendaftaran, pengeluaran Perakuan Pengamalan Tahunan (APC), pengendalian aduan, pengawalan amalan optometri, serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. MOC juga bertanggungjawab dalam penilaian dan pengiktirafan terhadap Program Optometri dan Opticianri yang dikendalikan oleh Pusat Pendidikan Tinggi di Malaysia.

SEKTOR PENGIKTIRAFAN, OPERASI & KEWANGAN

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengiktirafan Program Optometri/Opticianri dan Penilaian APEL (C) bagi juruoptik berdaftar.

PENILAIAN PEMANTAUAN AKREDITASI PROGRAM

Penilaian pemantauan akreditasi penuh program telah dilaksanakan ke atas dua (2) program sepanjang tahun 2023 iaitu Sarjana Muda Optometri (Kepujian) (AA 0020), UIAM pada 14 Jun 2023 dan *Fellow of British Dispensing Optician* (FBDO) (A 7981), Institut Profesional Axismatics pada 8 Ogos 2023.

CODE OF PRACTICE FOR PROGRAM ACCREDITATION UNDERGRADUATE OPTOMETRY DEGREE/OPTICIANRY DIPLOMA VERSION 2.0

Makluman berhubung penguatkuasaan dokumen ini telah dikeluarkan kepada pihak MQA dan Institusi Pendidikan Tinggi yang menawarkan program optometri/opticianry pada 2 Mac 2023.

Dokumen ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa mesyuarat MOC ke-80 untuk diguna pakai sepenuhnya berkuatkuasa pada 1 Januari 2024 kepada program sedia ada yang telah mendapat perakuan akreditasi oleh MQA. Manakala, penawaran program baharu berkuatkuasa pada 1 Mac 2023.

PENILAIAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR CREDIT AWARD [APEL (C)]

Beberapa aktiviti berkaitan APEL (C) telah diadakan sepanjang tahun 2023 seperti dalam **Jadual 5.15**.

Jadual 5.15 Aktiviti Penilaian APEL (C)

Aktiviti	Tarikh	Sasaran
Taklimat pengisian borang penilaian sendiri oleh Penasihat APEL (C) MOC	6 April 2023	Juruoptik Berdaftar yang tamat <i>Bridging Program</i>
Taklimat pengisian portfolio APEL (C)	1 Ogos 2023	Juruoptik Berdaftar yang terlibat dalam penilaian APEL (C)

SEKTOR PENDAFTARAN

Sektor pendaftaran bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan APC pengamal optometri iaitu optometris dan juruoptik di Malaysia.

PENDAFTARAN PENGAMAL OPTOMETRI

Bermula Januari 2023, sektor pendaftaran telah memperkenalkan prosedur pendaftaran baharu di mana pemohon diwajibkan untuk hadir ke taklimat pendaftaran sebelum dibenarkan berdaftar dengan MOC. Sebanyak 14 kali sesi taklimat dijalankan sepanjang tahun 2023 dengan mendaftarkan seramai 187 orang pengamal baharu.

Jadual 5.16 Jumlah Optometris dan Juruoptik Berdaftar Tahun 2023

	Pengamal Baharu	Pengamal Berdaftar	Mati & Bersara
Juruoptik	20	3,497	234
Optometris	167	3,017	16
Jumlah	187	6,514	250

APC

Bermula pada September 2023, MOC telah memperkenalkan sistem *Malaysian Healthcare Practitioners' System* (MHPS) bagi membolehkan pengamal optometri berdaftar membuat permohonan APC dan pembayaran secara dalam talian. Sistem MHPS merupakan sistem pendaftaran pengamal kesihatan yang turut diguna pakai oleh agensi lain seperti Majlis Pergigian Malaysia dan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu.

Selain dari membuat hebahan berkaitan sistem baharu ini di laman sesawang serta Facebook rasmi MOC, Unit APC dari Sektor Pendaftaran turut turun padang dengan membuka *booth* bagi membantu pengamal menggunakan sistem MHPS dengan kerjasama penganjur program *Malaysian Association of Practising Opticians* (MAPO) di Hotel Concorde, Kuala Lumpur dan *Sarawak Optical Traders Association* (SOTA) di Hotel Pullman, Sarawak.

JAWATANKUASA PENILAIAN MOC

Jawatankuasa Penilaian MOC diwujudkan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pendaftaran pengamal dan amalan optometri di Malaysia. Pada tahun 2023, sebanyak tiga (3) mesyuarat JKP telah diadakan pada tarikh-tarikh 7 Februari, 15 Mei dan 7 September 2023.

PROFESSIONAL QUALIFYING ASSESSMENT (PQA)


MOC bersama Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia telah berjaya mengendalikan PQA bagi mendaftarkan graduan bidang opticianri yang mempunyai kelayakan yang tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991 sebagai juruoptik berdaftar. PQA telah diadakan di Klinik Optometri UKM pada 9 September 2023 melibatkan seorang calon.

SEKTOR ETIKA DAN AKTA

Sektor ini bertanggungjawab ke atas pelaksanaan gubalan Rang Undang-undang Optometri, pindaan Jadual Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994, pengendalian aduan berkenaan pengamal optometri dan perkhidmatan MOC serta pengendalian Audit Survelan Optik ke atas optometris dan juruoptik yang berkhidmat di sektor swasta.

ADUAN

MOC menerima aduan daripada pelbagai saluran termasuk melalui e-mel (eaduan.moc@moh.gov.my), surat dan telefon. Jumlah aduan yang diterima dan diuruskan oleh MOC adalah seperti dalam **Rajah 5.5**.




Rajah 5.5

Jumlah Aduan yang Diterima Mengikut Kategori 2023

AUDIT SURVELAN OPTIK (ASO)

Sebanyak 90 buah premis optikal telah berjaya diaudit bagi menilai tahap pematuhan terhadap Akta Optik 1991. ASO adalah audit yang dijalankan secara berkala ke atas optometris dan juruoptik berdaftar yang menjalankan amalan optometri di premis optikal di Malaysia. Bagi tahun 2023, audit telah dijalankan di negeri Selangor dan Sarawak mengikut daerah terpilih yang telah ditetapkan.



Rajah 5.6 Jumlah Pengamal Berdaftar yang Diaudit

JAWATANKUASA ADUAN TERHADAP PENGAMAL OPTOMETRI, MOC

Satu mesyuarat telah diadakan pada 31 Oktober 2023 di Bilik Mesyuarat MOC dengan dihadiri oleh ahli jawatankuasa yang terlibat. Hasil dapatan dari mesyuarat ini pihak sekretariat telah mengambil tindakan ke atas aduan-aduan yang diterima mengikut peruntukan yang terdapat di dalam Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994 serta Kod Tataamalan Juruoptik dan Optometris.

SEKTOR KOMPETENSI

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengurusan CPD bagi profesion optometris dan juruoptik serta menguruskan pengendalian peperiksaan kanta lekup bagi juruoptik berdaftar sebelum mengeluarkan sijil kebenaran mempreskripsi dan mendispens kanta lekup.

PEPERIKSAAN KANTA LEKUP BAGI JURUOPTIK BERDAFTAR

Seksyen 30 Akta Optik 1991 memperuntukkan kebenaran untuk mempreskripsi dan mendispens kanta lekup kepada juruoptik berdaftar yang telah lulus peperiksaan kanta lekup. Pada setiap tahun, Majlis Optik Malaysia menganjurkan Peperiksaan Kanta Lekup Bagi Juruoptik Berdaftar. Bagi tahun 2023, Peperiksaan Teori Kanta Lekup (9 calon) telah dijalankan pada 12 September 2023 manakala Peperiksaan Amali Kanta Lekup (8 calon) pada 26 September 2023 bertempat di Pusat Pengajian Optometri, Fakulti Sains Kesihatan UiTM Selangor kampus Puncak Alam.

STANDARD, GARIS PANDUAN DAN PERKARA BERKAITAN PEPERIKSAAN KANTA LEKAP

Mesyuarat *Conjoint Contact Lens Committee* Bil. 1/2023 bertarikh 29 Mei 2023 dan Bil. 2/2023 bertarikh 17 Ogos 2023 telah membuat pindaan dan pengemaskinian terhadap lima (5) perkara iaitu terma rujukan *Conjoint Contact Lens Committee*, modul Kursus Kanta Lepak Untuk Juruoptyk Berdaftar, Rubrik Peperiksaan Kanta Lepak (Amali) Bagi Juruoptyk Berdaftar Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991, Garis Panduan Permohonan Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lepak Di Bawah Seksyen 30(4) Akta Optik 1991, dan Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Kanta Lepak Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991 yang telah dibentang dan disahkan dalam mesyuarat JKP bertarikh 7 September 2023 dan telah digunakan dalam Peperiksaan Kanta Lepak Bagi Juruoptyk Berdaftar pada 12 & 26 September 2023.

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU (BSKB)

BSKB bertanggungjawab mengendalikan 29 profesion kesihatan bersekutu di KKM. Bahagian ini mengurus 30,000 individu yang berkhidmat di perkhidmatan klinikal, makmal dan kesihatan awam. Fungsi utama BSKB ialah membangunkan dasar kesihatan bersekutu dan perkembangan kerjaya, menggalakkan aktiviti kualiti dan penyelidikan, menetapkan standard latihan dan kompetensi serta mengurus keperluan sumber kesihatan.

MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA (MAHPC)

MAHPC pertama telah ditubuhkan dengan pelantikan 23 Anggota Majlis oleh KKM pada 9 Julai 2020 untuk tempoh 3 tahun dan tamat pada 8 Julai 2023. Selaras dengan pindaan Jadual Kedua pada 24 Mac 2022, 16 pengamal kesihatan bersekutu berdaftar telah dilantik sebagai ahli kepada MAHPC Ke-2 berkuat kuasa pada 9 Julai 2023 sehingga 8 Julai 2026. Secara amnya, majlis ini mempunyai peranan dan tanggungjawab utama seperti berikut:

- Mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada pengamal kesihatan bersekutu berdaftar
- Menentukan kelayakan profesion kesihatan bersekutu
- Menentukan keperluan dan pra-syarat bagi profesion kesihatan bersekutu
- Mengawal selia etika dan tatakelakuan pengamal kesihatan bersekutu berdaftar
- Mengawal selia amalan pengamal kesihatan bersekutu berdaftar



Imej 5.27 Sesi Pembentangan Pelantikan Anggota Majlis Ke-2 bersama Menteri Kesihatan



Imej 5.28 Anggota Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Ke-2

PENDAFTARAN PENGAMAL KESIHATAN BERSEKUTU

Pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu telah dimulakan pada 1 Julai 2022 mengikut Jadual Penggiliran Pendaftaran yang dikeluarkan oleh MAHPC. Sepanjang tahun 2023 pendaftaran pengamal daripada sektor awam dan institusi pendidikan tinggi telah dilaksanakan. Pengamal-pengamal telah membuat permohonan pendaftaran dengan menggunakan platform dalam talian iaitu *Malaysian Healthcare Practitioners' System* (MHPS) yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Sistem ini diguna sama oleh Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Optik Malaysia, Lembaga Terapi Pergigian Malaysia dan MAHPC.


Jumlah pendaftaran yang telah diluluskan oleh MAHPC pada tahun 2023 adalah sebanyak 11,503 berbanding 6,841 pada 2022. Bermula 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2023, sebanyak 18,344 permohonan telah diluluskan dengan kutipan hasil sebanyak RM2,919,550.00.

Jadual 5.17 Kutipan Hasil Pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu bagi Tempoh 1 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2023

Kutipan Hasil	RM
Fi Pendaftaran	1,084,750.00
Fi Perakuan Pendaftaran	1,834,800.00
Jumlah	2,919,550.00

Jadual 5.18 Pengamal Kesihatan Bersekutu Berdaftar Tahun 2022 dan 2023

Profesion	Pendaftaran	
	2022	2023
Ahli Audiologi	186	80
Ahli Dietetik	372	226
Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)	6	127
Ahli Fisioterapi	1,715	652
Ahli Fizik Perubatan	59	117
Ahli Pemakanan	115	409
Ahli Psikologi Klinikal	73	330
Ahli Radiografi Diagnostik	1,755	1,084
Ahli Sains Makmal Perubatan	94	1,385
Ahli Terapi Cara Kerja	1,216	789
Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa	160	197
Ahli Terapi Radiasi	105	217
Juruteknologi Makmal Perubatan	51	4,728
Juruteknologi Pergigian	899	223
Pegawai Kesihatan Persekitaran	17	919
Pegawai Pendidikan Kesihatan	18	20
Jumlah	6,841	11,503
Jumlah Kumulatif		18,344



Rajah 5.7 Pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu mengikut Profesion

AKTIVITI SEKRETARIAT MAHPC

Sepanjang tahun 2023, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh Sekretariat MAHPC ke arah penguatkuasaan penuh Akta 774 yang dijangka pada 1 Julai 2025. Aktiviti yang dijalankan adalah menyediakan polisi dan garis panduan serta menyampaikan maklumat berkaitan Akta 774 kepada para pengamal dan orang awam. Selain itu, MAHPC juga bertanggungjawab dalam urusan berkaitan dengan standard program pengajian dan penilaian akreditasi program pengajian untuk 16 profesion yang tersenarai dalam Jadual Kedua yang merangkumi 21 bidang pengajian.

Pada tahun 2023 MAHPC telah mengambil alih peranan penilaian akreditasi (Akreditasi Sementara bermula 1 Januari 2023 dan Akreditasi Penuh pada 1 Julai 2023) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang bertanggungjawab untuk jaminan kualiti pendidikan tinggi bagi kedua-dua sektor awam dan swasta. Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) memainkan peranan penting untuk mengurus dan menyelia aktiviti penilaian akreditasi program bagi pihak MAHPC sebelum dianugerah akreditasi oleh pihak MQA.

Jadual 5.19 Aktiviti Sekretariat 2023

Aktiviti Sekretariat	Kuantiti
Mesyyarat	
Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MAHPC)	3
Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB)	2
Standard Program Pengajian (HEO)	1
Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG)	2
Mesyyarat Jawatankuasa Kelayakan (JK)	3
Mesyyarat bersama Agensi Lain	2
Taklimat Akta 774	
Profesion Kesihatan Bersekutu di Sektor Awam	10
Profesion Kesihatan Bersekutu di Sektor Swasta	8
Profesion Kesihatan Bersekutu di Sektor Pendidikan Tinggi	5
Bengkel dan Kursus	
Pembangunan & Pemurnian Standard Program Profesion	2
Bengkel Penilaian Akreditasi Program & Hasil Pembelajaran (COPPA 2.0) bagi Profesion Kesihatan Bersekutu	1
JUMLAH	39


Jadual 5.20 Permohonan Penilaian Akreditasi Sementara dan Penuh daripada Pemberi Pendidikan Tinggi

Nama Kelayakan	Pemberi Pendidikan Tinggi
Penilaian Akreditasi Sementara	
Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti SEGI
Diploma Fisioterapi	Kolej UNIKOP
Diploma Fisioterapi	Kolej VISION
Sarjana Psikologi Klinikal	Universiti Teknologi Mara
Penilaian Akreditasi Penuh	
Sarjana Psikologi Klinikal	Universiti Taylor
Ijazah Sarjana Muda Biomedikal (Kepujian)	Universiti MAHSA
Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti AIMST
Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Perubatan (Kepujian)	Universiti MAHSA
Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti MAHSA
Ijazah Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran & Keselamatan (Kepujian)	Universiti MAHSA
Ijazah Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran (Kepujian)	Management & Science University
Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa
Diploma Teknologi Pergigian	Universiti MAHSA
Diploma Fisioterapi	Universiti AIMST
Diploma Fisioterapi	Universiti MAHSA
Diploma Pengimejan Perubatan	Universiti MAHSA
Diploma Teknologi Makmal Perubatan	Universiti MAHSA
Diploma Kesihatan Persekitaran	Universiti MAHSA
Diploma Teknologi Pergigian	Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera

PENGUATKUASAAN AKTA 774

LAWATAN PENGUATKUASAAN PENDIDIKAN SECARA BERKALA


Lawatan berkala secara berpendidikan telah dilaksanakan ke atas 44 premis yang memberi perkhidmatan berkaitan kesihatan bersekutu. Ia bertujuan memberi kesedaran mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 774.



Rajah 5.8 Premis yang Dilawati mengikut Zon 2023

ADUAN BERHUBUNG DENGAN KESALAHAN DI BAWAH AKTA 774

Sebanyak 31 aduan berhubung dengan kesalahan di bawah Akta 774 yang telah diterima dari 2018 hingga 2023 seperti dalam **Rajah 5.9**.



Rajah 5.9 Jumlah Aduan yang Diterima Berkaitan Akta 774 Tahun 2018-2023

KURSUS PERSEDIAAN BAGI PELANTIKAN PEGAWAI PENGUATKUASA AKTA 774

Pegawai penguatkuasa yang dilantik perlu menghadiri lima (5) kursus yang ditetapkan untuk memastikan pegawai kompeten dalam melaksanakan tugas. Berikut adalah kursus yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 bagi Kumpulan II (telah dilantik) dan Kumpulan III (dalam latihan):

- Kursus Penyediaan Kertas Siasatan (Kumpulan II) dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) pada 29 Mei - 1 Jun 2023
- Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan (Kumpulan II) dengan kerjasama ILKAP pada 31 Julai - 4 Ogos 2023
- Kursus Asas Penguatkuasaan (Kumpulan III) pada 24-25 Oktober 2023 (secara maya - *Google Meet*)



Imej 5.29 Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan (Kumpulan II) dengan Kerjasama ILKAP pada 31 Julai - 4 Ogos 2023

CERAMAH DAN TAKLIMAT MENGENAI PENGUATKUASAAN AKTA 774

Ceramah dan taklimat telah diadakan untuk mempromosi dan memberi pendidikan berkenaan penguatkuasaan Akta 774, seperti dalam **Jadual 5.21**.

Jadual 5.21 Ceramah dan Taklimat Penguatkuasaan Akta 774

Ceramah dan Taklimat mengikut Profesion	Bil. Peserta	Tarikh	Lokasi
Juruteknologi Makmal Perubatan	53	13 Feb 2023	Klinik Kesihatan Tampoi
Juruteknologi Makmal Perubatan	74	24 Feb 2023	Hospital Tuanku Ja'afar
Juruteknologi Makmal Perubatan	103	13 Mac 2023	Dalam Talian
Juruteknologi Makmal Perubatan	54	15 Mac 2023	Hospital Kuala Lumpur
Ahli Persatuan Fisioterapi	407	22 Mac 2023	Dalam Talian
Juruteknologi Makmal Perubatan	40	31 April 2023	Hospital Kajang
Pelajar Sarjana Muda Sains Bioperubatan	40	8 Mei 2023	Universiti Malaya
Profesional Kesihatan Bersekutu	84	20 Jun 2023	Institut Jantung Negara
Profesional Kesihatan Bersekutu	258	5 Sep 2023	Hospital Umum Sarawak
Profesional Kesihatan Bersekutu	661	21 Sep 2023	Sunway Medical Centre

PENYEDIAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGUATKUASAAN AKTA 774

Terdapat tiga (3) SOP yang telah dimuktamadkan sepanjang tahun 2023, iaitu:

- i. SOP Lawatan Pemeriksaan Berkala
- ii. SOP Penerimaan dan Penyiasatan Aduan
- iii. SOP Pengambilan Gambar Forensik

MESYUARAT DAN SESI LIBAT URUS PELBAGAI AGENSI BERKENAAN PENGUATKUASAAN AKTA 774

Mesyuarat dan sesi libat urus telah dilaksanakan secara dalaman dengan kolaborasi pelbagai agensi untuk menyelaras dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan Akta 774 di peringkat BSKB dan kebangsaan, seperti berikut:

- i. Mesyuarat Penyelarasan Penguatkuasaan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] Bil. 1/2023 pada 27 Februari 2023.
- ii. Mesyuarat Penyelarasan Penguatkuasaan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] Bil. 2/2023 pada 6 Disember 2023.
- iii. Mesyuarat Bersama Cawangan Dasar dan Perkembangan BSKB yang telah dijalankan setiap tiga bulan.
- iv. Mesyuarat Menangani Isu Semasa Berkaitan Pemakanan di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] pada 13 Disember 2023.
- v. Mesyuarat Seksyen Penguatkuasaan dijalankan dua (2) kali setiap bulan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BSKB



Pada 2023, KPI yang dipantau oleh BSKB melibatkan satu (1) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), empat (4) Pengarah BSKB, empat (4) Timbalan Pengarah Kanan, 27 Profesion Kesihatan Bersekutu, empat (4) *National Indicator Approach* (NIA), 14 Objektif Kualiti dan satu (1) Liputan Kesihatan Sejagat (UHC). Pelaporan bagi indikator di bawah UHC telah dilaksanakan melalui Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023. Laporan hanya akan diperoleh setelah analisis data kajian dikeluarkan oleh NHMS. Kesemua KPI tersebut didapati berjaya mencapai sasaran 100% yang telah ditetapkan dan KPI beberapa profesion telah ditambah baik dengan indikator yang baharu untuk tahun 2024. Selain itu, pembangunan projek *Quality Assurance* (QA) profesion kesihatan bersekutu telah dimulakan yang melibatkan sepuluh (10) profesion.

PROJEK KESIHATAN BERSEKUTU DI BAWAH PROGRAM BELANJAWAN WHO

Pada 2023, BSKB telah menjalankan dua (2) projek yang berimpak tinggi di bawah belanjawan program WHO yang bertajuk:

- i. *Development of Credentialing, Competency and Capability Framework for Allied Health Professions in Ministry of Health Malaysia*
- ii. *Occupational Engagement Activities Among the Elderly to Promote Health and Well-Being in the Community*

Kedua-dua projek ini berada di fasa pelaporan yang akan disempurnakan pada tahun 2024. Hasil daripada projek ini dapat menyokong kepada pembangunan dasar baharu berkaitan perkembangan kerjaya dan perkhidmatan kesihatan bersekutu di Malaysia. BSKB juga telah menerbitkan dua (2) buku laporan teknikal bagi projek di bawah peruntukan Bajet Program WHO 2020 hingga 2021 iaitu *Review of Allied Health Professions Act 2016 [Act 774]* dan kajian *Developing Criteria for a Profession to be Considered as Profession of Allied Health in Malaysia*. Artikel kajian tersebut turut diterbitkan dalam jurnal antarabangsa *BMC Health Services Research*. Penerbitan abstrak dan manuskrip bagi Persidangan AHSC ke-13 turut diterbitkan dalam *Journal of Health Management*. Seajar dengan Kertas Putih Kesihatan, BSKB telah menjalankan Kajian Desk Review Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu di Kesihatan Primer yang akan dilengkapkan dalam tahun 2024.



Imej 5.30 Laporan Teknikal Projek di bawah Belanjawan Program WHO yang Diterbitkan pada 2023

KAJIAN SEPARUH PENGAL (KSP) PELAN STRATEGIK BSKB DAN PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2021-2025

KSP Pelan Strategik bagi BSKB dan Profesion Kesihatan Bersekutu 2021-2025 telah dijalankan untuk menilai pelaksanaan pelan tindakan bagi aktiviti dan program yang telah dikenal pasti pada permulaan tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Pada penggal pertama, kira-kira 80% aktiviti dan indikator telah mencapai sasaran. Oleh kerana terdapat perubahan dalam dasar, pindaan, penyesuaian dan penetapan semula sasaran, beberapa aktiviti telah disemak semula selaras dengan Pelan Strategik Program Perubatan KKM 2021-2025.

Pada awalnya, pelan strategik ini mempunyai sejumlah 75 strategi, 85 pelan pelaksanaan, 164 pelan pelaksanaan profesion dan 306 aktiviti. Walau bagaimanapun, selepas pembentangan KSP pada pertengahan Jun 2023, 39 aktiviti telah digugurkan disebabkan indikator yang tidak lagi relevan dan kesukaran untuk melaksanakan aktiviti yang telah ditetapkan. Semakan KSP menyimpulkan bahawa 163 aktiviti dikekalkan, 87 berubah, 14 ditambah dan empat (4) selesai dilaksanakan dalam tempoh 2021-2023. Justeru itu, sebanyak 264 aktiviti akan digunakan untuk tempoh 2024-2025. Dokumen KSP ini akan diterbitkan pada awal tahun 2024 dan akan dimuat naik di laman sesawang BSKB sebagai rujukan.

ANALISIS IMPAK PERATURAN BAGI TADBIR URUS PROFESION YANG TIDAK DIKAWAL SELIA OLEH AKTA 774 DI MALAYSIA

Sejak Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] dilaksanakan, terdapat permohonan daripada beberapa profesion baharu untuk disenaraikan di dalam Jadual Kedua Akta 774. Bagi memastikan keperluan amalan kawal selia yang baik, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah melaksanakan satu analisis impak peraturan (RIA) untuk mengenal pasti opsyen yang terbaik bagi mentadbir urus profesion kesihatan bersekutu yang tidak dikawal selia oleh mana-mana akta. Profesion yang terlibat dalam RIA ini adalah teknologi kardiovaskular, perfusi, kaunselor genetik, prostetik &

ortotik, terapi muzik dan sonografi. Beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama keenam-enam profesion berkaitan sepanjang tahun 2023. Perbincangan turut melibatkan pengurusan tertinggi KKM dan badan regulatori sebagai pemegang taruh dalam pembangunan kerangka tadbir urus ini. BSKB juga telah menjalankan analisis kos dan faedah yang memberi impak kepada kerajaan atau badan regulatori, perniagaan, persatuan, pengamal dan pengguna.

Satu konsultasi awam telah diadakan secara dalam talian melalui platform *Unified Public Consultation* (UPC) pada 30 Ogos hingga 30 September 2023. Dalam sesi konsultasi tersebut, BSKB telah menerangkan hal-hal berkaitan kawal seliaan profesion kesihatan yang tidak terhad kepada peraturan atau undang-undang, malah terdapat cara lain seperti pendekatan *self-regulation*, *co-regulation* dan *non-regulatory*. Orang ramai telah dimohon untuk menjawab satu soal selidik dan seramai 597 responden telah mengambil bahagian. Majoriti daripada responden bersetuju bahawa dengan adanya kawal selia, ia akan menjamin pewujudan standard minimum yang diperlukan, memastikan pengamal adalah berkelayakan dan terlatih, memastikan kualiti dan keselamatan perkhidmatan terjamin serta memastikan aduan berkaitan salah laku atau etika pengamal diuruskan secara berkesan.

Hasil RIA ini diharapkan akan membantu BSKB membangunkan satu kerangka kerja tadbir urus profesion kesihatan bersekutu yang tidak berdaftar di bawah mana-mana akta profesional. Kerangka sedemikian adalah bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang selamat dan berkualiti selain memenuhi jangkaan dan ekspektasi daripada pelbagai pemegang taruh.

MERANCANG DAN MENYELARAS KEPERLUAN PERJAWATAN PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

BSKB konsisten memainkan peranan untuk merancang, menyelaraskan, mengurus, memudahkan cara dan menangani keperluan serta isu-isu perjawatan dan penempatan yang melibatkan 29 profesion kesihatan bersekutu.

Pada 2023, sebanyak 11 profesion kesihatan bersekutu telah mendapat lanjutan kontrak secara *Contract of Service* (COS) selama tiga (3) tahun iaitu pegawai sains (mikrobiologi), pegawai sains (kimia hayat), pegawai sains (biomedikal), pegawai pendidikan kesihatan, pegawai & penolong pegawai kesihatan persekitaran, jurupulih perubatan (fisioterapi), jurupulih perubatan (cara kerja), juru x-ray (diagnostik), juruteknologi makmal perubatan dan juruteknologi pergigian. Sementara itu, satu (1) profesion kesihatan bersekutu iaitu pegawai psikologi (kaunseling) telah mendapat lanjutan kontrak selama dua (2) tahun secara *Contract for Service* (CFS). Profesion kesihatan bersekutu telah memohon 4,875 perjawatan baharu dan sebanyak 3,485 jawatan kontrak telah berjaya diwujudkan.

Kertas Cadangan dan Justifikasi Profesion Kesihatan Bersekutu bagi Kluster Kesihatan, Kluster Pengurusan dan Kluster Sains dan Teknologi dalam Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam 2023 telah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM) dan seterusnya diangkat ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 11 September 2023. BSKB telah mengemukakan Kertas Permohonan Pemakaian Pakaian Seragam Penolong Pegawai Sains (PPS) KKM kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP). Permohonan ini telah diluluskan oleh JPA dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

BSKB telah menyediakan beberapa laporan berkaitan perjawatan bagi profesion kesihatan bersekutu. Pada April 2023, laporan berkenaan *Human Resources for Health* (HRH) tahun 2022 telah disediakan yang melibatkan kesemua profesion kesihatan bersekutu KKM. Ia turut melibatkan perjawatan kader dan dibahagikan kepada lulusan diploma, sarjana muda dan sarjana. Antara laporan yang dihasilkan ialah laporan jumlah graduan dengan kelulusan diploma, sarjana muda dan sarjana yang mengisi perjawatan profesion kesihatan bersekutu

daripada universiti awam atau swasta dari dalam dan luar negara, laporan jumlah pengisian perjawatan mengikut negeri, laporan jumlah penjawat awam mengikut kategori umur serta laporan jumlah penempatan penjawat awam mengikut kategori fasiliti.

LALUAN KERJAYA PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Kerangka laluan kerjaya untuk profesion kesihatan bersekutu sedang dibangunkan mengikut Pelan Strategik Program Perubatan dan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu. Matlamatnya adalah untuk memperkukuhkan kapasiti dan keupayaan sumber manusia dalam bidang kesihatan, yang membawa kepada pelaksanaan pelan untuk memperbaiki laluan kerjaya bagi profesion kesihatan bersekutu.

Dalam proses membangunkan kerangka laluan kerjaya ini, scoping review untuk kerangka laluan kerjaya profesion kesihatan bersekutu telah dilaksanakan sepanjang 2023 bagi mendapatkan input penting mengenai laluan kerjaya profesion kesihatan bersekutu di Malaysia dan luar negara. Perincian proses pembangunan kerangka laluan kerjaya bagi profesion kesihatan bersekutu sepanjang tahun 2023 seperti dalam **Imej 5.31**.




Imej 5.31 Proses Pembangunan Kerangka Laluan Kerjaya bagi Profesion Kesihatan Bersekutu 2023

Poster hasil daripada scoping review ini juga telah dibentangkan dalam *Allied Health Scientific Conference (AHSC)* ke-13 yang berlangsung di Everly Hotel, Putrajaya pada 12-13 September 2023. Empat (4) poster tersebut adalah:

- i. *Definition of Career Pathways for Allied Health Professions*
- ii. *The Availability of Career Pathways for Allied Health Professions: A Scoping Review*
- iii. *Framework for Career Pathways for Non-Allied Health Professions: A Scoping Review*
- iv. *Criteria for Career Pathways for Allied Health Professions in Other Countries: A Scoping Review*

PENERBITAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN PANDUAN PERKEMBANGAN KERJAYA

Pada 2023, 26 buku SOP dan satu (1) buku Panduan Perkembangan Kerjaya diterbitkan pada April 2023 dan boleh diakses melalui pautan berikut:
<https://hq.moh.gov.my/alliedhealth/>



Imej 5.32 Buku Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Buku Kerangka Pembangunan dan Perkembangan Diterbitkan



Imej 5.33 Aktiviti Unit Perkembangan Profesion 2023

LATIH AMAL PELAJAR DI FASILITI KKM

Sebanyak 48 institusi pendidikan tinggi (11 institusi awam dan 37 institusi swasta) telah memeterai Memorandum Persetujuan (MoA) dengan Kerajaan Malaysia diwakili oleh KKM bagi tujuan latih amal pelajar di fasiliti KKM. Ini merangkumi 110 Program Kesihatan Bersekutu dan 407 fasiliti KKM yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti (JKPF).

PENGIKTIRAFAN *CREDENTIALING* PENGAMAL KESIHATAN BERSEKUTU

Bermula 1 Februari 2023, permohonan pengiktirafan *credentialing* telah dilaksanakan secara dalam talian melalui Sistem *e-Credentialing* bagi sembilan (9) profesion kesihatan bersekutu. Mesyuarat *Sub-Specialty Committee* (SSC) dan Mesyuarat *National Credentialing Committee* (NCC), KKM telah memperakukan sebanyak 58 pengamal kesihatan bersekutu bagi tahun 2023. Hal ini menjadikan jumlah kumulatif 9,702 pengamal kesihatan bersekutu yang telah diberikan pengiktirafan *credentialing* sejak 2014 hingga 2023 seperti dalam **Jadual 5.22**.

Jadual 5.22 Bilangan Pengamal Kesihatan Bersekutu yang Diiktiraf *Credentialing* pada 2023

Pengamal Kesihatan Bersekutu	Bilangan yang diiktiraf (2023)	Jumlah kumulatif (2014-2023)
Pegawai Pemulihan Perubatan & Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	12	1,855
Pegawai Pemulihan Perubatan & Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	0	1,495
Juru X-Ray (Diagnostik)	2	3,250
Juru X-Ray (Terapi)	0	338
Juruteknologi Pergigian	27	793
Pegawai Optometri	16	620
Pegawai Dietetik	0	981
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)	1	208
Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi)	0	162
Jumlah	58	9,702

LATIHAN PENGAMAL KESIHATAN BERSEKUTU

Sebanyak 356 sijil kompetensi telah dikeluarkan bagi pengamal kesihatan bersekutu yang berjaya melengkapkan latihan sangkutan kompetensi di KKM pada tahun 2023. Sebanyak 29 kursus yang melibatkan 1,231 pengamal kesihatan bersekutu telah berjaya dilaksanakan dengan perbelanjaan pembangunan modal insan sebanyak RM82,510.00 sebagai inisiatif meningkatkan keupayaan pengamal kesihatan bersekutu tahun 2023.

Kursus orientasi bersepadu bagi pegawai kesihatan bersekutu lantikan baharu di KKM telah dilaksanakan secara dalam talian dengan dihadiri seramai 1,115 orang pengamal kesihatan bersekutu. Seramai 34 pengamal kesihatan bersekutu juga telah berjaya melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran dalam bidang masing-masing dalam dan luar negara dengan atau tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

PROGRAM WEBINAR PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Program webinar anjuran BSKB dengan kerjasama profesion kesihatan bersekutu ini merupakan inisiatif untuk memperkenalkan perkhidmatan yang diberikan oleh profesion kesihatan bersekutu kepada orang awam. Di samping itu, webinar ini juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran dan perkongsian ilmu baharu kepada ahli profesion. Setiap siri webinar yang dijalankan akan turut dikongsikan melalui platform media sosial Facebook BSKB. Sebanyak sepuluh (10) siri webinar telah berjaya diadakan pada tahun 2023 dengan anggaran penyertaan webinar secara langsung dan di Facebook seramai 1,500 orang.

BAHAGIAN KEJURURAWATAN (BKj)

BKj bertanggungjawab ke atas dasar perancangan pembangunan profesion kejururawatan agar selari dengan aspirasi KKM serta mengurus perihal kejururawatan secara konstruktif dan produktif demi mengekalkan piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan.

CAWANGAN DASAR DAN AMALAN KEJURURAWATAN

SEKTOR KUALITI DAN LATIHAN

Sektor ini mempunyai tiga (3) indikator yang dipantau di peringkat BKj iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pengarah, objektif kualiti dan piagam pelanggan. Bagi peringkat kebangsaan, tiga (3) indikator dipantau iaitu *National Nursing Audit* (NNA) bagi program Perubatan dan Kesihatan Awam, *National Operating Room Nursing Audit* (NORNA) dan *National Nursing Indicator Approach* (NNIA).

UNIT PEMBANGUNAN PIAWAIAN KUALITI KEJURURAWATAN

Terdapat enam (6) KPI bagi Pengarah Kejururawatan dan kesemuanya telah mencapai sasaran yang ditetapkan seperti dalam **Jadual 5.23**.

Jadual 5.23 Pencapaian KPI Pengarah Kejururawatan 2023

Indikator	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Peratus jururawat berdaftar yang mempunyai Sijil Pengkhususan Pos Basik (Sijil/Diploma Lanjutan) ditempatkan mengikut bidang pengkhususan	≥90	100
Peratus permohonan sijil perakuan pengamalan jururawat tahunan dikeluarkan sebelum atau pada 31 Disember tahun semasa	100	100
Peratus melaksanakan 12 lawatan pemantauan setahun, bagi keakuran penggunaan fasiliti KKM yang diguna pakai untuk latih amal program kejururawatan	100	100
Peratus keputusan permohonan mata kredit <i>Continuing Professional Development</i> (CPD) bagi permohonan yang lengkap diterima dan dikeluarkan dalam sepuluh (10) hari bekerja sebelum program dijalankan	≥80	100
Peratus jururawat yang bertugas di 12 penempatan klinikal lebih daripada 6 bulan diperakui lulus dalam Jawatankuasa Privileging Hospital dan diiktiraf sijil <i>privileging</i>	≥60	62
Peratus sijil credentialing dan lencana bagi permohonan baharu dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bekerja selepas diperakukan dalam mesyuarat <i>National Credentialing Committee</i> (NCC)	≥80	100

Standard kejururawatan dan kompetensi jururawat di hospital diukur menggunakan NNA Program Perubatan yang mempunyai lima (5) elemen. Terdapat empat (4) elemen telah mencapai standard yang ditetapkan seperti dalam **Jadual 5.24**. Elemen ke-5 telah dibuat pemantapan untuk penilaian komponen kemahiran insani bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Jadual 5.24 Pencapaian NNA Program Perubatan 2023

Elemen	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
<i>Administration of Intravenous Infusion</i>	90	99
<i>Aseptic Wound Dressing</i>	90	99
<i>Pain as 5th Vital Sign</i>	90	99
<i>Blood or Blood Component Transfusion</i>	100	100
<i>Administration of Oral Medication</i>	100	99

Sebanyak 12 elemen NNA Kesihatan Awam telah diaudit dan dicapai bagi tahun 2023 seperti **Jadual 5.25**.

Jadual 5.25 Pencapaian NNA Kesihatan Awam 2023

Elemen	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Pengendalian ibu hamil berisiko tinggi - <i>Anaemia</i>	85	94
Pengendalian ibu hamil berisiko tinggi - <i>Pregnancy Induce Hypertension</i>	85	96
Pengendalian ibu hamil berisiko tinggi - <i>Gestational Diabetes Mellitus</i>	85	93
Pemeriksaan fizikal dan palpasi abdomen ibu hamil di klinik bagi antenatal baharu dan ulangan	90	99
Pemeriksaan posnatal di rumah - ibu	95	99
Pemeriksaan posnatal di rumah - anak	95	100
Pemberian vaksin melalui suntikan imunisasi	100	100
Penjagaan Rangkaian Sejuk	100	100
Penilaian pertumbuhan dan perkembangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak	95	99
Pengendalian kanak-kanak kurang zat makanan (KZM) dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 6 tahun	80	90
Kepimpinan dan pentadbiran perkhidmatan kejururawatan	85	99
Pengurusan sumber manusia di peringkat penjagaan kesihatan primer	85	100

Bagi memastikan penjagaan pesakit yang selamat, pencapaian NNIA adalah peratus insiden yang tidak melebihi sasaran seperti dalam **Jadual 5.26**.

Jadual 5.26 Pencapaian NNIA 2023

Indikator	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Insiden pesakit jatuh	≤4.0	0.20
Insiden <i>Phlebitis</i> dalam kalangan pesakit dalam yang mempunyai <i>intravenous (IV) cannulation</i>	≤35.0	2.82
Insiden pressure injury dalam kalangan pesakit tidak ambulasi	≤2.1	1.03

UNIT PEMBANGUNAN PROFESION KEJURURAWATAN

Bagi tahun 2023, sebanyak tiga (3) program latihan telah dianjurkan oleh BKj. Unit ini berfungsi sebagai badan regulatori dalam pemberian mata CPD untuk penganjur yang menjalankan kursus. Unit ini telah menerima permohonan untuk kelulusan mata kredit bagi 3,085 program daripada penganjur kerajaan dan swasta. Sebanyak 2,267 (73.5%) program telah diluluskan manakala bakinya 818 (26.5%) telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan.

UNIT CREDENTIALING AND PRIVILEGING (C&P)

Terdapat 12 disiplin yang diberi pentauliahkan sijil *credentialing* untuk tiga (3) tahun oleh NCC. Kelulusan permohonan daripada disiplin rawatan rapi adalah tertinggi, *credentialing* (646) dan *re-credentialing* (601) manakala, jawatankuasa *credentialing & privileging* peringkat hospital akan mengendalikan *privileging* di hospital masing-masing.

UNIT ADUAN DAN MAKLUM BALAS

BKj telah membuat penambahbaikan melalui kursus, bengkel dan lawatan pemantauan berkaitan skop aduan dan kepuasan pelanggan kepada jururawat KKM. Kemahiran insani ialah punca utama aduan iaitu sebanyak 288 (37.6%) diikuti dengan sikap jururawat 192 (25.1%) bagi tahun 2023.

UNIT PENYELIDIKAN KEJURURAWATAN

Pencapaian dan aktiviti Unit Penyelidikan Kejururawatan bagi tahun 2023 adalah seperti dalam **Jadual 5.27** dan **Imej 5.34**.

Jadual 5.27 Pencapaian Aktiviti Unit Penyelidikan Kejururawatan 2023

Aktiviti	Pencapaian
Pelantikan penyelaras penyelidikan peringkat negeri, institusi dan hospital KKM	Lantikan 38 orang jururawat dengan kelayakan dalam Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan
Memberikan khidmat nasihat dan pemudah cara dalam penyelidikan kejururawatan	16 fasiliti dengan 20 permohonan khidmat nasihat dan pemudah cara
Bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan, latihan, pembentangan dan penerbitan penyelidikan kejururawatan	8 kajian penyelidikan daripada 8 fasiliti (NIH, IPKKM dan agensi luar) Pencapaian penerbitan penyelidikan: i. <i>Nursing Sensitive-Indicators - A Literature Review</i> ii. <i>Practical Experience Utilising a Rapid Review Process for Nursing Practice Decision-Making on Pressure Injury Outcome Indicators</i>

Aktiviti	Pencapaian
Menganjurkan persidangan penyelidikan kejururawatan peringkat kebangsaan	4 th National Nursing Research Colloquium pada 15-16 Mac 2023 dengan jumlah penyertaan seramai 296 jururawat
Penerbitan laporan BKj	Buku Laporan Tahunan BKj, e-Buletin BKj, Laporan Apresiasi, Pameran Bidan, Sambutan Hari Jururawat dan Program Keceriaan Kemerdekaan
Penghargaan jururawat	Ucapan kejayaan dan motivasi untuk jururawat yang berjaya dari segi akademik dan perkhidmatan kejururawatan



Imej 5.34 Aktiviti Penyelidikan Kejururawatan 2023

SEKTOR AMALAN

UNIT AMALAN KEJURURAWATAN (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM)

Lawatan penyeliaan dan pemantauan telah dilaksanakan di 42 fasiliti termasuk hospital, klinik kesihatan, klinik desa dan penjara wanita dalam program outreach pada 2023. Penilaian semasa lawatan adalah berkaitan dengan SOP, garis panduan, polisi, keselamatan pesakit dan warga kerja seperti dalam **Imej 5.35**.



Imej 5.35 Lawatan Penyeliaan dan Pemantauan oleh Sektor Amalan 2023

CAWANGAN REGULATORI

SEKTOR PENDAFTARAN DAN PENGUATKUASAAN

UNIT PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PENGAMALAN JURURAWAT TAHUNAN (APC)

Pada tahun 2023, seramai 4,743 jururawat telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) yang terdiri daripada 3,693 Jururawat Berdaftar, 21 Penolong Jururawat, 193 Jururawat Kesihatan Awam dan 43 Jururawat Kesihatan Jiwa manakala 789 Jururawat Kebidanan Bahagian 1 telah berdaftar dengan Lembaga Bidan Malaysia (LBM).

Seramai 144,822 jururawat telah diberikan APC yang terdiri daripada 124,257 Jururawat Berdaftar, 1,098 Penolong Jururawat dan 19,467 Jururawat Masyarakat. Jumlah permohonan untuk berkhidmat di luar negara adalah 2,445 jururawat. Permohonan untuk berkhidmat di Arab Saudi (1,341) adalah permohonan tertinggi dan diikuti oleh Singapura (924).

UNIT PENDAFTARAN SIJIL PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA (TPC) & PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Seramai 47 Jururawat Terlatih Warganegara Asing (JTWA) mendapat kelulusan kuota yang terdiri dari 45 kategori kuota baharu dan 2 kategori kuota pembaharuan. Pada tahun 2023, terdapat 53 permohonan TPC bagi JTWA yang terdiri daripada 15 kelulusan TPC baharu, 25 TPC pembaharuan dan 3 TPC elektif.

Mesyuarat *Asean Joint Coordinating Committee on Nursing (AJCCN)* telah diadakan secara maya pada 31 Januari 2023, secara bersemuka pada 13-17 November 2023 dan *International Council Nursing Conference* telah diadakan pada 1-5 Julai 2023. *Joint Singapore-Malaysia Nursing Conference (JSMNC)* ke-26 telah diadakan pada 19-21 Oktober 2023 bertempat di *The Academia Singapore* dengan jumlah penyertaan dari Malaysia seramai 30 orang.

SEKTOR STANDARD DAN AKREDITASI

UNIT PENILAIAN KURIKULUM KEJURURAWATAN

Jumlah institusi latihan kejururawatan dan lawatan penilaian akreditasi bagi tahun 2023 adalah seperti **Jadual 5.28**.

Jadual 5.28 Institusi Latihan Kejururawatan dan Lawatan Penilaian Akreditasi 2023

Institusi	Fasiliti	Lawatan
Institusi Latihan KKM (ILKKM)	13	6
Universiti Awam (UA)	11	9
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	49	45
Kementerian Pertahanan	1	1
Jumlah	74	61

Pada tahun 2023, 134 permohonan permit mengajar telah diterima untuk diproses dan 131 diluluskan iaitu 61 kelulusan adalah dari kategori pengajar dan 70 dari kategori instruktur klinikal.

UNIT PEPERIKSAAN

Jumlah calon yang mendaftar peperiksaan LJM dan LBM bagi tahun 2023 adalah 4,717 calon dan jumlah menduduki peperiksaan adalah 4,715 (99.96%). Jumlah calon yang mendaftar peperiksaan kelayakan LJM untuk JTWA adalah 20 calon dan jumlah menduduki peperiksaan adalah 20 (100%).

UNIT PENGURUSAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Pada tahun 2023, 53 Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) telah memeterai MoA dengan KKM untuk menjalani latihan di fasiliti KKM. Unit ini menjalankan pemantauan kepatuhan penggunaan fasiliti KKM bagi tujuan penempatan latih amal pelajar kejururawatan atau pelatih. Pemantauan pada tujuh (7) fasiliti hospital dan enam (6) fasiliti kesihatan awam KKM telah dijalankan.

SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT

UNIT PERANCANGAN SUMBER MANUSIA KEJURURAWATAN

Pada 2023, seramai 2,601 jururawat telah dilantik secara tetap.

UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bagi tahun 2023, Unit Pentadbiran dan Kewangan telah mencapai 100% sasaran KPI HRMIS yang ditetapkan mengikut garis panduan dan peraturan.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat telah menganjurkan dua (2) kursus komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) pada 2023 untuk anggota BKj. Antara kursus yang dianjurkan ialah Kursus Infografik menggunakan *Microsoft PowerPoint* pada 4-5 September 2023 dengan jumlah penyertaan seramai 32 orang dan kursus *Microsoft Excel: Trick & Tips* diadakan pada 25-26 September 2023 dengan penyertaan seramai 32 orang.

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (BPTK)

BPTK bertanggungjawab dalam penyediaan polisi, perkembangan dan pengawalseliaan amalan dan pengamal perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Malaysia.

Bahagian ini terdiri daripada lima (5) cawangan iaitu:

- i. Cawangan Dasar dan Perkembangan
- ii. Cawangan Amalan
- iii. Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
- iv. Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan
- v. Cawangan Pembangunan Profesion

Bagi tahun 2023, aktiviti bahagian ini diteruskan dengan jalinan kerjasama antarabangsa di antara negara-negara jiran, pembentukan kerangka berkaitan penyelidikan amalan PT&K, pengukuhan amalan kawal selia fasiliti PT&K dan pemprosesan permohonan pendaftaran pengamal PT&K tempatan dan warga asing mengikut Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*].

KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN REPUBLIK INDIA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Sejak 2010, kerajaan Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Republik India dalam bidang Perubatan Tradisional India (PTI). Hasil kerjasama ini, beberapa perkhidmatan PTI seperti Shirodhara, Terapi Basti Luaran dan Terapi Varmam telah disediakan di hospital KKM yang terpilih.

Melalui kerjasama ini juga, kerajaan Republik India turut menawarkan Skim Biasiswa AYUSH, yang memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang PTI di India. Sehingga 2023, seramai 25 orang pelajar Malaysia telah mendapat manfaat daripada skim biasiswa ini.

Dalam usaha memperkukuh hubungan kerjasama ini, Mesyuarat Teknikal Dua Hala (BTM) telah diadakan pada setiap tahun bagi membincangkan kerjasama antara kedua-dua negara berkaitan perkembangan amalan PTI, latihan dan pendidikan serta kolaborasi dalam bidang penyelidikan. Pada 18 Ogos 2023, Kementerian Ayush telah menganjurkan Mesyuarat BTM kali ke-8 bertempat di Gandhinagar, Gujarat, India. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah pencapaian kolaborasi sedia ada, perancangan pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU), perancangan kolaborasi penganjuran persidangan/ bengkel berkaitan PTI, status deputasi pakar PTI ke Malaysia dan peluang pelaburan dalam bidang PTI untuk kedua-dua negara.

Bersempena dengan ulang tahun sedekad kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India dalam bidang perubatan tradisional India, BPTK telah menerbitkan senaskah *Coffee Table Book* pada November 2023, sebagai tanda penghargaan dan kenangan hasil jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak.



Imej 5.36 BTM Ke-8 di Gandhinagar, Gujarat, India 2023



Imej 5.37 Penyerahan *Coffee Table Book A Decade of Collaboration: Malaysia-India Partnership in Traditional Systems of Medicine*

WHO TRADITIONAL MEDICINE (TM) GLOBAL SUMMIT DAN GUJARAT DECLARATION

WHO TM Global Summit yang bertemakan *Towards Health and Well-Being For All* telah diadakan serentak dengan G20 Health Ministerial Meeting di Gandhinagar, Gujarat, India pada 17-18 Ogos 2023 yang dianjurkan bersama oleh WHO dan Kerajaan India. Delegasi yang hadir termasuk Menteri Kesihatan negara G20, ahli sains, pengamal perubatan tradisional, petugas kesihatan dan wakil masyarakat sivil daripada 88 buah negara. Delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) [TKPK (P)], bersama Pengarah BPTK dan empat (4) pegawai BPTK.

Sidang kemuncak tersebut dianjurkan buat kali pertama setelah penubuhan WHO *Global Centre for TM* pada 2022 di India yang berperanan sebagai pusat ilmu perubatan tradisional untuk mengoptimumkan peranan perubatan tradisional dalam kesihatan global dan pembangunan mampan. Menumpu kepada integrasi berasaskan bukti, sidang kemuncak tersebut menyasarkan untuk memperoleh komitmen politik dan tindakan kolektif daripada negara-negara anggota yang terlibat.

Dalam sidang yang sama, delegasi Malaysia berpeluang untuk membentangkan hasil penemuan analitikal semasa PT&K dalam penjagaan kesihatan primer di rantau Asia Tenggara dan Pasifik Barat seperti berkongsi amalan terbaik dalam penjagaan tradisional selepas bersalin, mengetengahkan sumbangan PT&K dan implikasi dasar berkaitan serta menekankan kepentingan piawaian data PT&K dalam sistem maklumat kesihatan kebangsaan. Selain itu, Malaysia turut mengambil bahagian dalam pavilion pameran Rantau Pasifik Barat yang mempamerkan biodiversiti dan amalan unik perubatan tradisional di Malaysia.

Hasil sidang kemuncak ini telah menyaksikan termeterai satu pengisytiharan yang dinamakan sebagai Deklarasi Gujarat. Deklarasi ini menggariskan *evidence-based outcome* dan menyaranan usaha yang lebih intensif dalam pelaksanaan pendekatan perubatan tradisional, komplementari dan integratif (TCI).

Tindakan utama yang disenaraikan dalam deklarasi tersebut termasuk menyokong pembangunan WHO *TM Global Strategy 2025-2034*, menghormati dan memampankan pengetahuan tradisional & biodiversiti, integrasi TCI ke *Universal Health Coverage* (UHC) melalui pendekatan penjagaan kesihatan primer, mempromosi penyelidikan & inovasi dan menubuhkan sistem pemantauan untuk data berkaitan TCI & sistem informasi rutin.



Imej 5.38 WHO TM Global Summit 2023



Imej 5.39 Pameran Berkaitan Perubatan Tradisional daripada Pelbagai Negara Rantau WHO

JALINAN KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN CHINA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Pada 18 Disember 2023, BTM Ke-5 antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China dalam bidang perubatan tradisional telah diadakan di Ibu Pejabat KKM (IPKKM), Putrajaya. Delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bersama wakil KKM manakala delegasi China diketuai oleh *Vice Commissioner of National Administration of Traditional Chinese Medicine* (NATCM), bersama wakil NATCM dan Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Malaysia.

Bidang kolaborasi yang dipersetujui dalam mesyuarat ini merangkumi sesi perkongsian pengetahuan dalam pelbagai aspek. Ini termasuk penyelidikan berasaskan bukti dalam perubatan tradisional, sistem pengawalseliaan perubatan etnik di China, protokol penyelidikan perubatan tradisional, pembangunan penanda aras bagi amalan perubatan tradisional, penganjuran sesi perkongsian pengetahuan, program latihan untuk memperkukuhkan pemahaman asas pengamal perubatan dalam bidang perubatan tradisional dan sebagainya. Kerjasama ini penting untuk memperkukuh amalan perubatan tradisional berasaskan bukti di Malaysia, memastikan perkhidmatan yang selamat dan menunjukkan komitmen berterusan kedua-dua negara dalam bidang ini.

Selepas mesyuarat tersebut, pihak delegasi China turut menghadiri Sesi Kunjungan Hormat kepada Timbalan Menteri Kesihatan, di Putrajaya. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang PT&K antara kedua-dua negara yang telah terjalin melalui pemeteraian MoU dalam bidang perubatan tradisional sejak tahun 2011. Perbincangan merangkumi kemajuan serta potensi PT&K dalam sistem penjagaan kesihatan di Malaysia dan China.

Pihak delegasi China juga mengambil kesempatan untuk mengunjungi *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM) dan Taman Etnobotani. Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami perkembangan dan pemeliharaan sumber tumbuhan ubatan tradisional di Malaysia serta menjelajahi potensi kerjasama dalam bidang yang berkaitan.



Imej 5.40 BTM ke-5 di IPKKM, Putrajaya



Imej 5.41 Kunjungan Hormat Delegasi China kepada Timbalan Menteri Kesihatan



Imej 5.42 Mesyuarat antara Delegasi China bersama Bahagian Produk Semulajadi di FRIM

KERJASAMA DENGAN NEGARA ASEAN

Selaras dengan inisiatif program ASEAN *Health Cluster 3* untuk tahun 2021-2025, Malaysia sebagai tuan rumah telah menganjurkan bengkel secara dalam talian bertajuk *Governance and Recognition of T&CM in the National Healthcare System Among the ASEAN Member States* (AMS) pada 25-26 Julai 2023. Inisiatif ini dilaksanakan susulan hasil kajian Malaysia di bawah ASEAN Health Cluster 3 pada tahun 2020, yang telah mengenal pasti keperluan latihan umum dalam bidang PT&K dalam kalangan AMS.

Penceramah dari Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan merangkumi pelbagai aspek pentadbiran PT&K seperti amalan, pengamal, produk, premis, pendidikan, peranti perubatan, penyelidikan, pembiayaan kesihatan dan pendigitalan bagi AMS.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk berkongsi maklumat perkembangan dan strategi terkini dalam pentadbiran PT&K dalam kalangan AMS, mengenal pasti cabaran dan amalan terbaik. Matlamat utama bengkel tersebut adalah untuk meningkatkan keselamatan, aksesibiliti dan kualiti perkhidmatan PT&K secara kolaboratif di rantau ASEAN.



Imej 5.43 Bengkel dalam Talian Bertajuk *Governance of T&CM in National Healthcare System among the AMS 2023*

LAWATAN KERJA KE HOSPITAL UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)

Pada 7 November 2023, KKM telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital UTAR, Kampar, Perak. Delegasi KKM telah diketuai oleh TKPK(P) dan diiringi oleh Pengarah BPTK serta pegawai-pegawai daripada KKM. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Hospital UTAR serta isu dan cabaran yang dihadapi, sama ada dalam penawaran perkhidmatan perubatan moden mahupun PT&K. Kunjungan ini telah disambut baik oleh Presiden UTAR.

Lawatan ini bermula di Pusat Perubatan Moden Hospital UTAR dan diketuai oleh Pengarah Pusat tersebut. Pusat ini telah memulakan operasi pada bulan Ogos 2023 dan menawarkan pelbagai perkhidmatan rawatan pakar dan kaunseling, termasuk pusat dialisis, mamografi, *magnetic resonance imaging (MRI)*, *computed tomography (CT) scan* dan sebagainya.

Seterusnya delegasi KKM dibawa melawat ke Pusat PT&K, Hospital UTAR oleh Pengarah Pusat PT&K, Hospital UTAR. Pusat tersebut telah mula beroperasi sejak bulan April 2022 dan menawarkan pelbagai perkhidmatan PT&K, termasuk akupunktur & moksibusi, perubatan dalaman Perubatan Tradisional Cina (PTC), perubatan Ayurveda dan rehabilitasi PTC untuk pesakit dalam dan pesakit luar. Sehingga bulan November 2023, Pusat PT&K Hospital UTAR telah memberi rawatan PT&K kepada lebih daripada 40,000 pesakit.

Secara keseluruhannya, sesi lawatan kerja ini telah berjaya mengeratkan hubungan kerjasama antara pihak KKM dengan Hospital UTAR dan diharapkan dapat meningkatkan peluang kolaborasi dalam mengembangkan lagi perkhidmatan perubatan moden dan PT&K di masa hadapan demi kesejahteraan rakyat Malaysia.



Imej 5.44 Delegasi KKM bersama Pengurusan Tertinggi Hospital UTAR di Pusat PT&K UTAR, Kampar, Perak

MAJLIS PELANCARAN KERANGKA PENYELIDIKAN PT&K DI MALAYSIA DAN GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN PERUBATAN HERBA

Menteri Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan pelancaran Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia dan Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba di Institut Kesihatan Negara (NIH) pada 14 April 2023.

Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia merupakan hasil kerjasama BPTK dengan Pusat Penyelidikan Perubatan Herba (HMRC), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan seorang perunding lantikan WHO. Dokumen ini diterbitkan sebagai rujukan dan panduan untuk pihak berkepentingan yang berminat dalam pelaksanaan dan penilaian penyelidikan PT&K di Malaysia. Kandungan utama buku ini memperincikan keperluan umum pelaksanaan penyelidikan di Malaysia selaras dengan garis panduan dan peraturan semasa serta keperluan khusus penyelidikan PT&K terutamanya dalam mengintegrasikan prinsip dan teori perubatan tradisional ke dalam metodologi dan reka bentuk penyelidikan.

Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba pula telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan Herba. Ia bertujuan untuk memberi panduan bagi penyelidikan produk herba dengan tuntutan terapeutik, seperti yang ditakrifkan oleh perubatan konvensional. Ini termasuk maklumat yang komprehensif mengenai data yang diperlukan untuk pembangunan produk herba yang merangkumi kualiti, pra-klinikal dan klinikal. Selain itu, garis panduan ini turut memperincikan maklumat mengenai pembangunan data pra-klinikal bagi memenuhi keperluan dalam menjalankan kajian klinikal seterusnya pada masa hadapan serta penerangan mengenai kaedah untuk menghubungkan kedua-dua fasa ini.

Penerbitan kerangka dan garis panduan ini diharapkan dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan di samping memperkuat jalinan kerjasama dan kolaborasi pelbagai pihak seiring dengan hasrat KKM dalam melestarian bidang PT&K untuk kebaikan dan manfaat semua rakyat Malaysia.



Imej 5.45 Majlis Pelancaran Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia dan Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba

GUIDELINES FOR TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES IN MALAYSIA

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] mengawal selia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia. Pengawal seliaan fasiliti PT&K swasta pada ketika ini tidak berada di bawah mana-mana agensi regulatori secara jelas. Selain itu, terdapat kekurangan piawaian untuk fasiliti PT&K swasta yang memberi kesan kepada tahap keselamatan dan kualiti perkhidmatan PT&K. Pada masa ini, fasiliti PT&K swasta hanya perlu mendapatkan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan untuk beroperasi.

Cadangan pembangunan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan PT&K Swasta yang baharu merupakan satu usaha KKM agar pengawalseliaan fasiliti PT&K swasta di Malaysia dapat dilaksanakan dengan mapan. Proses untuk menggubal rang undang-undang (RUU) baharu ini dijangka akan mengambil masa beberapa tahun. Maka, sebagai langkah interim semasa fasa penggubalan, *Guidelines for Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia* telah diwujudkan untuk menggalakkan pengawalseliaan sendiri fasiliti PT&K swasta.

Hasrat ini adalah sejajar dengan usaha transformasi sektor PT&K dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan pencapaian *United Nation Sustainable Development Goal 3* iaitu *assurance of healthy lives and the promotion of well-being for all at all ages via an efficient and nationwide system of healthcare, comprising a comprehensive public sector system and complemented by an active private healthcare system*.

Garis panduan ini akan dilancarkan oleh KPK secara dalam talian pada awal tahun 2024 dan akan dimuat naik di laman web rasmi BPTK, KKM.



Imej 5.46 *Guidelines for T&CM Healthcare Facilities and Services in Malaysia*

STATISTIK PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K DENGAN MAJLIS PT&K

BPTK melalui Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari bertanggungjawab untuk memproses permohonan pendaftaran pengamal PT&K. Pada tahun 2023, sebanyak 2,893 permohonan pendaftaran pengamal tempatan PT&K baharu telah diluluskan dan 2,026 Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB) telah dikeluarkan seperti dalam **Jadual 5.29**. Bagi permohonan pendaftaran pengamal PT&K warga asing, 35 Permohonan Perakuan Pengamalan Sementara (PPS) baharu telah diluluskan dan 29 pembaharuan PPS telah dikeluarkan.

Jadual 5.29 **Jumlah Pengamal PT&K Tempatan dan Warga Asing yang Berdaftar dengan Majlis PT&K 2023**

Bidang Amalan Diiktiraf	Pengamal PT&K Tempatan		Pengamal PT&K Warga Asing	
	Jumlah Permohonan Pendaftaran Baharu yang Diluluskan	Jumlah PPPB yang Dikeluarkan	Jumlah Permohonan PPS Baharu yang Diluluskan	Jumlah Pembaharuan PPS yang Dikeluarkan
Perubatan Tradisional Melayu	586	252	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Perubatan Tradisional Cina	1,867	1,491	16	14
Perubatan Tradisional India	68	34	10	4
Homeopati	112	83	2	1
Kiropraktik	114	65	4	7
Osteopati	2	1	3	3
Amalan Pengubatan Islam	144	100	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Jumlah	2,893	2,026	35	29



BAB 06

PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL

PROGRAM PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL

Program ini, yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal), adalah penting dalam merancang dasar kesihatan yang strategik, membangunkan pelan kesihatan yang komprehensif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan seluruh negara. Program ini terdiri daripada:

- i. Bahagian Perancangan
- ii. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
- iii. Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
- iv. Institut Kesihatan Negara (NIH)

BAHAGIAN PERANCANGAN

Bahagian Perancangan memfokuskan beberapa aktiviti penting seperti formulasi Pelan Transformasi Sektor Kesihatan, meningkatkan kualiti data kesihatan, implementasi standard informatik kesihatan di Malaysia serta merancang, membangun dan menilai program atau projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Bahagian Perancangan terdiri daripada enam (6) seksyen, iaitu:

- i. Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan (PDPK)
- ii. National Health Financing (NHF)
- iii. Malaysia National Health Accounts (MNHA)
- iv. Pusat Informatik Kesihatan (PIK)
- v. Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)
- vi. Perancangan eHealth

SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN PELAN KESIHATAN (PDPK)

KERTAS PUTIH KESIHATAN (HWP)

HWP adalah dokumen pelan reformasi kesihatan negara yang menggariskan cabaran utama yang dihadapi oleh sistem kesihatan serta mengemukakan cadangan penyelesaian bagi memastikan sistem kesihatan yang lebih berkualiti, mampan dan berdaya tahan. Dokumen ini mengusulkan empat (4) tonggak dan 15 strategi utama untuk mereformasi sistem kesihatan negara secara sistematik dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Jadual 6.1 Kerangka Reformasi Sistem Kesihatan Negara

Semua untuk Kesihatan – Kesihatan untuk Semua				
Aspirasi:				
	Negara yang sihat			
	Sistem kesihatan yang saksama dan berpaksikan Rakyat			
	Sistem kesihatan yang berdaya tahan			
	Ekosistem kesihatan yang terbuka dan inovatif			
	Sistem kesihatan yang dihargai dan dibanggakan semua			
Tonggak & Strategi Reformasi Kesihatan:				
	Tonggak 1: Mentransformasikan Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan	Tonggak 2: Mempertingkatkan Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit	Tonggak 3: Memastikan Pembiayaan Kesihatan yang Mampan dan Saksama	Tonggak 4: Memperkukuhkan Landasan dan Tadbir Urus Sistem Kesihatan
	Mengutamakan penyampaian penjagaan Kesihatan primer	Memperkukuhkan fungsi Kesihatan awam	Meningkatkan pelaburan untuk kesihatan	Memperkukuhkan peranan KKM melalui penstrukturan semula
	Mengoptimumkan perkhidmatan penjagaan hospital	Menambah baik kerjasama dan penyelarasan inter sektor untuk Kesihatan	Memastikan Rakyat menerima perkhidmatan komprehensif yang tidak terikat kepada kemampuan	Menambah baik dasar, perundangan dan peraturan
	Mempergiat Kerjasama awam-swasta yang efektif	Memberi insentif kepada amalan dan tingkah laku pro-kesihatan	Memastikan perbelanjaan penjagaan Kesihatan yang cekap dan berkesan	Memantapkan tenaga kerja untuk kesihatan
	Memanfaatkan kemajuan teknologi digital			Merangsang penyelidikan, inovasi dan pendekatan berasaskan bukti
	Memastikan kesaksamaan akses dalam perkhidmatan Kesihatan			

HWP dibangunkan berdasarkan proses konsultasi awam serta libat urus dengan pihak berkepentingan, merangkumi pelbagai kementerian dan agensi, rakyat, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Kertas putih ini juga mengambil kira hasil pelbagai kajian sistem kesihatan Malaysia, menerapkan bukti tempatan dan global serta penanda aras antarabangsa. Usaha yang dicadangkan dalam HWP meliputi perubahan secara sistemik dan struktural. HWP telah dibentangkan di persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 15 Jun 2023 dan 26 Jun 2023. Ia telah diluluskan selepas mendapat sokongan majoriti Ahli Parlimen.



Imej 6.1 Pembentangan HWP di Parlimen

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (KSP RMKe-12) BAGI BAB KESIHATAN

Seperti kebiasaannya, Rancangan Malaysia lima tahun yang telah dibangunkan akan dikaji semula pada setiap separuh penggal bagi mengukur pencapaian sasaran untuk tempoh dua (2) tahun pertama. Ia merangkumi kajian semula sasaran, strategi, inisiatif, program dan projek pembangunan. KSP RMKe-12 pada kali ini telah memberi tumpuan kepada aspek penilaian dan semakan semula yang meliputi pencapaian, analisa jurang dan hala tuju serta penekanan kepada aspek kecekapan pelaksanaan program dan projek pembangunan pada tahun 2021 dan 2022.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) & UNIVERSAL HEALTH COVERAGE (UHC)

Majlis SDG Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 7 November 2023 lalu telah bersetuju melantik KKM sebagai kementerian peneraju bagi SDG 3. Oleh yang demikian, Bahagian Perancangan sebagai urusetia di KKM telah mengambil inisiatif menganjurkan *Seminar Pengenalan SDG dan UHC Zon Tengah* pada 14 September 2023 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya yang dihadiri oleh 40 orang peserta. Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk memberi kesedaran dan menyebarkan maklumat berkenaan SDG dan UHC dalam kalangan anggota kesihatan. Aktiviti ini adalah selari dengan terma rujukan yang telah digariskan kepada kementerian peneraju oleh Kementerian Ekonomi.



Imej 6.2 Peserta Seminar Pengenalan SDG & UHC Zon Tengah

KAJIAN JURANG PENAWARAN DAN PERMINTAAN FASILITI KESIHATAN, PERALATAN DAN KAPASITI SUMBER MANUSIA UNTUK KESIHATAN DI MALAYSIA FASA 1 2023-2024

Kajian ini bertujuan untuk memantapkan perancangan keperluan sumber kesihatan untuk negara yang merangkumi fasiliti, anggota kesihatan dan peralatan berkost tinggi yang terpilih di sektor awam dan swasta serta pembangunan platform visualisasi yang interaktif menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Platform visualisasi ini merupakan tool dalam menghasilkan analisis unjuran pembangunan fasiliti, penambahan anggota kesihatan dan kelengkapan peralatan.

Kumpulan Bank Dunia (WBG) telah dilantik sebagai perunding kajian manakala Bahagian Perancangan sebagai pasukan pengurusan projek telah melakukan pelbagai sesi libat urus bersama pasukan perunding. Antara aktiviti yang dijalankan seperti *Inception Mission* yang diadakan di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada September 2023. Objektif *Inception Mission* ini termasuk menentukan profesion utama yang akan diambil kira dalam kajian, mendapatkan akses kepada laporan sedia ada dan data kajian, protokol untuk menilai sistem maklumat sedia ada dan alat pengumpulan data, serta interaksi bersama dengan Jawatankuasa Teknikal *Reimbursable Advisory Services* (RAS).

SEKSYEN NATIONAL HEALTH FINANCING (NHF)

Seksyen NHF telah ditubuhkan pada tahun 2009 dengan tumpuan utama untuk merancang, mengkaji, mereka bentuk, membangun, melaksana dan memantau dasar, strategi dan aktiviti berkaitan pembiayaan sistem kesihatan Malaysia. NHF memainkan peranan penting dalam rancangan transformasi kesihatan Malaysia melalui pembentukan HWP khususnya pembiayaan kesihatan negara, di mana dokumen ini adalah untuk memastikan pelaksanaan transformasi kesihatan adalah kalis masa hadapan. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam memantau prestasi syarikat milik KKM iaitu ProtectHealth Malaysia (PHM) dan ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (PHCorp), menjalankan kolaborasi pembiayaan kesihatan di dalam dan luar negara dan menjadi pusat rujukan nasional pembiayaan kesihatan. Bagi merealisasikan objektif dan melaksanakan fungsi seksyen NHF, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

JAWATANKUASA GOVERNANS, PEMANTAUAN & PENILAIAN (GMEC)

Objektif penubuhan GMEC pada tahun 2021 adalah untuk memantau dan menilai prestasi PHM dan PHCorp dalam memastikan kedua-dua syarikat Kerajaan tidak berasaskan keuntungan ini memenuhi agenda sosial kesihatan, mempunyai visi dan strategi jangka panjang serta melaksanakan projek, program dan inisiatif pembiayaan kesihatan selaras dengan sistem kesihatan KKM. Ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil dari dalam KKM, akademik, agensi kerajaan lain dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), KKM.

Seksyen NHF selaku urus setia jawatankuasa GMEC bertanggungjawab menyelaras mesyuarat secara berkala dan menghasilkan laporan eksekutif tahunan bagi memastikan PHM dan PHCorp diuruskan secara berhemah, memenuhi objektif sosial dan mampan. Laporan yang disediakan mengandungi analisis pencapaian prestasi syarikat serta cadangan penambahbaikan syarikat kepada KKM. Bagi tahun 2022, skop laporan adalah merangkumi prestasi program yang dilaksanakan oleh syarikat iaitu Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40), *Electronic Service Provider* (ESP) – SPIKPA dan *National COVID-19 Immunisation Programme* (PICK) sepanjang tahun 2023.

BENGKEL PEMBIAYAAN KESIHATAN 2023

Bengkel Pembiayaan Kesihatan anjuran NHF telah diadakan secara bersemuka pada 18-19 Oktober 2023 bertempat di Bilik Meranti, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Cyberjaya. Matlamat bengkel ini adalah bagi memperkukuh pengetahuan, ketrampilan dan negara. Sesi ini telah disampaikan oleh penceramah tempatan dan luar negara termasuk Professor Tsung-Mei Cheng, Analis Penyelidikan Polisi Kesihatan dari Universiti Princeton, dengan tumpuan khusus pada topik *National Health Insurance Administration* (NHIA) Taiwan.



Imej 6.3 Bengkel Pembiayaan Kesihatan Tahun 2023

PENJENAMAAN SEMULA SERTA PENGHANTARAN BAKI PAKEJ PENJAGAAN COVID-19 DI BAWAH PROGRAM MADANI AFIAT (PPCMA)

NHF telah dilantik sebagai pengurus projek Penjenamaan Semula Serta Penghantaran Baki Pakej Penjagaan COVID-19 di bawah Program Madani Afiat KKM (PPCMA). Aktiviti ini melibatkan penjenamaan semula item seperti oksimeter, termometer dan pelitup muka guna semula dari Pakej Penjagaan COVID-19 untuk digunakan sebagai cenderahati bagi program MADANI Afiat dalam bentuk beg poket MADANI Afiat. Peranan utama NHF adalah untuk memastikan kepatuhan kontraktor kepada kontrak projek (kualiti, jangka masa serahan serta melaksanakan intervensi sekiranya berlaku kelewatan kepada serahan) dan menyelaraskan pengagihan cenderahati MADANI Afiat tersebut kepada JKN, kementerian lain serta program-program lain yang berkaitan.



Imej 6.4 Edaran Beg Poket MADANI Afiat

KOLABORASI ANTARABANGSA

Seksyen NHF juga sentiasa memastikan jalinan kerjasama yang baik di atas platform antarabangsa, dalam menimba pengalaman dan mengukuhkan sistem pembiayaan kesihatan negara. Di antara aktiviti-aktiviti kerjasama yang dilakukan pada tahun 2023 adalah:

WHO dan *World Bank* (WB)

NHF telah menyertai *Seventh WHO Bi-Regional Workshop on Health Financing Policy for UHC In Asia and The Pacific: Making Health Financing Work for Equitable Access and Financial Protection*. Bengkel ini telah dianjurkan oleh dua (2) Pejabat Kawasan (*Regional Office*) WHO iaitu SEARO (*South East Asian Regional Office*) dan WPRO (*Western Pacific Regional Office*) dan kolaborasi bersama WB dan *Asian Development Bank* (ADB) pada 8-11 Mei 2023, bertempat di Siem Reap, Cambodia.



Imej 6.5 ***Seventh WHO Bi-Regional Workshop on Health Financing Policy for UHC in Asia and the Pacific***

Joint Learning Network (JLN)

Bahagian Perancangan melalui NHF sebagai penyelaras bagi *Country-Core Group* (CCG) JLN Malaysia dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan. Antara aktiviti yang telah disertai oleh pegawai NHF adalah melalui platform *Efficiency Collaborative*, *Provider Payment Mechanism Collaborative*, *Domestic Resource Mobilization Collaborative* dan *Private Sector Engagement Collaborative* yang turut menghasilkan beberapa knowledge products yang membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negara.




Imej 6.6 ***Special In-person Meeting of the JLN DRM Collaborative and The World Bank Global Flagship Mini Course*** pada 15-17 Mei 2023 di Nagasaki, Japan

SEKSYEN MALAYSIA NATIONAL HEALTH ACCOUNTS (MNHA)

Seksyen MNHA sentiasa berusaha dan komited untuk melaporkan data perbelanjaan kesihatan negara secara menyeluruh dan terkini bagi pembangunan dasar kesihatan berasaskan bukti. MNHA telah menerbitkan Laporan Perbelanjaan Kesihatan Negara MNHA sejak tahun 2006 dan disediakan secara berkala sehingga kini. Data siri masa MNHA yang terkini merangkumi data perbelanjaan kesihatan negara selama 25 tahun iaitu dari tahun 1997-2021.


Pelbagai data makro perbelanjaan kesihatan negara dilaporkan untuk membantu bukan sahaja kepada penggubalan dasar negara, tetapi juga para penyelidik serta pihak berkepentingan lain dengan mengambil kira keperluan semasa yang terkini. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC) MNHA yang terdiri daripada wakil pelbagai bahagian di KKM adalah untuk menyemak dan meneliti metodologi serta data yang dihasilkan bagi mengekalkan kualiti dan ketelusan data. Seterusnya, data akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu MNHA untuk pengesahan data perbelanjaan kesihatan yang dihasilkan setiap tahun sebelum diterbitkan dan dikongsi secara meluas di peringkat nasional dan antarabangsa. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan manakala ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil pengurusan tertinggi daripada pelbagai agensi sektor awam dan swasta.



Rajah 6.1 Ilustrasi Metodologi MNHA


PERBELANJAAN KESIHATAN MNHA 2011-2021

Di antara data makro yang dijana menggunakan kerangka kerja MNHA adalah Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara (TEH) sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), beban Perbelanjaan Wang Saku untuk Kesihatan (*Out-of-Pocket OOP*), perbelanjaan kesihatan di hospital dan data lain yang berkaitan. Berdasarkan laporan siri masa terkini, TEH bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM78,220 juta (**Rajah 6.2**) dengan peningkatan sebanyak 17% berbanding TEH tahun 2020 iaitu sebanyak RM67,022 juta. Seterusnya, TEH sebagai peratusan KDNK adalah sebanyak 5.10% dan perbelanjaan kesihatan per kapita ialah RM2,186. Peningkatan ketara dalam perbelanjaan kesihatan adalah disebabkan oleh perbelanjaan kesihatan berkaitan COVID-19 terutamanya bagi pelaksanaan PICK.



Rajah 6.2 TEH 2011-2021 (RM Juta & Peratusan KDNK)

Berdasarkan tempoh siri masa terkini, sektor awam menunjukkan trend menaik di mana perbelanjaan kesihatan oleh sektor awam adalah sebanyak RM42,250 juta bersamaan 57.90% daripada TEH berbanding tahun sebelumnya iaitu RM36,556 juta. Manakala, perbelanjaan kesihatan dari sumber OOP ialah 31.50% daripada TEH. Pada tahun yang sama, data berdasarkan jenis perkhidmatan kesihatan menunjukkan perbelanjaan untuk perkhidmatan rawatan kuratif adalah RM45,204 juta dengan peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun sebelumnya.



Nota:

Semua peratusan dalam kotak bawah adalah % dan TEH


Rajah 6.3 Ringkasan Perbelanjaan Negara untuk Kesihatan Tahun 2021

AKTIVITI KOLABORASI MNHA

Setiap tahun, MNHA menyumbangkan data perbelanjaan kesihatan negara kepada *Global Health Expenditure Database* (GHED) yang merupakan pangkalan data terbesar yang menjadi rujukan global data perbelanjaan kesihatan bagi negara-negara anggota WHO. Berlandaskan konsep, definisi dan metodologi *National Health Accounts* (NHA) yang piawai, GHED berupaya membandingkan trend perbelanjaan kesihatan di antara negara. MNHA juga bekerjasama baik dengan badan antarabangsa seperti WHO dan WB yang menganjurkan pelbagai bengkel untuk pembangunan kapasiti pegawai di MNHA. Selain itu, sesi perkongsian ilmu dan pengalaman MNHA bersama pasukan NHA Brunei dan Indonesia telah mengukuhkan lagi kerjasama dan hubungan baik dua hala antara negara.



Imej 6.7 MNHA Steering Committee Meeting 2023



Imej 6.8 Efficiency Workshop with WB Expert from Melbourne pada 22-23 Jun 2023

SEKSYEN PUSAT INFORMATIK KESIHATAN (PIK)

MESYUARAT TAHUNAN ASIA EHEALTH INFORMATION NETWORK (AeHIN) 2023

Asia eHealth Information Network (AeHIN) merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan dengan sokongan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang ditubuhkan pada 2011 bagi membantu negara-negara Asia membangunkan bidang Kesihatan Digital. AeHIN kini mempunyai lebih dari 1,800 ahli dari seluruh dunia terutama Asia. Mesyuarat tahunan tersebut telah diadakan di JS Luwansa, Jakarta, Indonesia dari 6-9 November 2023. Tujuan utama mesyuarat ini untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan, amalan terbaik dan cadangan berorientasikan tindakan mengenai tadbir urus kesihatan digital, arkitektur, pengurusan program, standard data kesihatan dan interoperability di kalangan negara Asia dan rakan kongsi pembangunan. Sejumlah 70 organisasi dan wakil dari 21 negara hadir dalam mesyuarat ini. Turut hadir wakil dari badan utama yang disebut serta beberapa wakil dari industri.



Imej 6.9 Mesyuarat Tahunan AeHIN 2023



PEMBANGUNAN KOMPETENSI INFORMATIK KESIHATAN BERSAMA UNIVERSITI MALAYA

Unit UM eHealth (UMeHU), Fakulti Perubatan Universiti Malaya telah mengadakan lawatan ke PIK pada 27 November 2023 dengan kehadiran Seksyen Perancangan eHealth dan Bahagian Pembangunan Kompetensi dari KKM. UMeHU ditubuhkan bagi melaksanakan Program Sarjana Kesihatan Digital dan kajian dalam bidang Informatik Kesihatan. Lawatan ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan industri dalam bidang Informatik Kesihatan supaya setara dengan silibus yang disediakan. Antara potensi kerjasama yang dibincangkan adalah penyertaan dua hala dalam sesi *Continuous Medical Education* (CME), penubuhan kursus berkelayakan *micro-credential* bagi pegawai KKM dan lantikan penceramah KKM dalam Program Sarjana Kesihatan Digital.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA KKM DAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) BERHUBUNG KERJASAMA LATIHAN PENGEKODAN *INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES 11TH VERSION* (ICD-11)

PIK dengan kerjasama Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekoden Klinikal (ITCC), Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) telah mengadakan majlis menandatangani MoU antara KKM dan UKM berhubung kerjasama latihan pengekoden ICD-11 pada 1 Mac 2023. Kerjasama latihan pengekoden ini adalah susulan dari pelan transisi sistem pengekoden diagnosis di fasiliti kesihatan KKM dari ICD-10 ke ICD-11. Objektif utama MoU tersebut adalah untuk mengukuhkan kerjasama antara KKM dan pihak universiti tempatan bagi pelaksanaan latihan pengekoden ICD-11 dalam usaha melahirkan tenaga kerja mahir untuk bidang ini.

ICD-11 merupakan sistem klasifikasi baru yang dibangunkan oleh WHO untuk menggantikan sistem ICD-10 bagi tujuan pengekoden diagnosis penyakit yang dirawat di fasiliti kesihatan. PIK telah mengambil inisiatif untuk mengadakan MoU ini sebagai langkah awal transisi sistem pengekoden, memandangkan proses pengekoden ini adalah penting dalam penghasilan data dan statistik kesihatan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Secara keseluruhan, objektif pengwujudan MoU ini telah berjaya dicapai dan KKM akan memanfaatkan usaha ini bagi pemantapan tenaga kerja bidang pengekoden diagnosis khususnya pegawai-pegawai di Jabatan Rekod fasiliti kesihatan KKM.



Imej 6.10 Majlis Menandatangani MoU antara KKM dan UKM berhubung Kerjasama Latihan Pengekoden ICD-11

KESEDARAN DAN LATIHAN ICD-11 TAHUN 2023


Fokus utama KKM pada tahun 2023 adalah untuk memperkasakan pengguna ICD-11. Dengan itu, Bahagian Perancangan dengan kerjasama JKN dan agensi KKM yang lain telah menganjurkan sejumlah 44 sesi untuk mempromosi penggunaan ICD-11. Sesi ini juga bertujuan sebagai platform untuk pemegang taruh di setiap peringkat untuk membentangkan dan meneliti cabaran dan kekangan berkaitan implementasi ICD-11.



Imej 6.11 Sesi Latihan bersama Pemegang Taruh daripada JKN Perlis

SUMBANGAN ANTARABANGSA DALAM IMPLEMENTASI ICD-11

Di peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2023, Malaysia telah diberikan peluang untuk berkongsi usaha dan strategi berkaitan implementasi ICD-11. Sesi ini memberikan manfaat bukan sahaja kepada peserta sesi tetapi juga kepada KKM untuk mendapatkan maklum balas dan ulasan berkaitan pendekatan implementasi ICD-11 di Malaysia. Antara sesi yang telah dianjurkan adalah dengan negara kepulauan Pasifik pada bulan April, WHO-FIC *Australian Collaborating Centre* pada Ogos, IFHIMA ICD-11 *Community of Practice* pada September dan dengan negara Republik Namibia pada November.



Imej 6.12 Sesi bersama the Pacific Island Countries

SEKSYEN PERANCANGAN FASILITI KESIHATAN (PFK)

Seksyen PFK sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti buat negara. Seksyen ini memainkan peranan yang penting bagi memastikan perancangan dan pembangunan fasiliti kesihatan adalah selari dengan dasar kerajaan. Ini termasuklah dalam mengenal pasti fasiliti baharu yang perlu dibina atau dinaik taraf agar ianya dapat menambah baik kebolehcapaian kepada perkhidmatan kesihatan di seluruh negara.

PROJEK YANG TELAH DISERAHKAN PADA 2023

Pada tahun 2023, terdapat 18 buah projek yang telah berjaya diserahkan untuk pengoperasian. Ianya adalah enam (6) buah projek hospital naik taraf dan 12 buah projek klinik baharu atau gantian. Taburan projek yang diserahkan pada tahun 2023 seperti dalam **Rajah 6.4**.



Rajah 6.4 Projek yang Diserahkan pada Tahun 2023

PROJEK YANG TELAH LULUS PADA 2023

Sebanyak lapan (8) buah projek telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam tahun 2023. Projek-projek tersebut terdiri daripada sebuah klinik kesihatan baharu, empat (4) buah klinik kesihatan gantian, dua (2) buah projek menaik taraf hospital dan sebuah makmal baharu. Antara projek-projek tersebut ialah:

- i. Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Sepupok Miri Sarawak
- ii. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Penampang, Sabah
- iii. Klinik Kesihatan (Jenis 4) dengan Kuarters Linggi, Negeri Sembilan
- iv. Klinik Kesihatan (Jenis 3) dan Kuarters Integrasi Mak Mandin, Pulau Pinang
- v. Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 2) USJ 1, Subang Jaya Petaling Jaya
- vi. Pembinaan 48 Unit Tambahan Kuarters Kelas F dan Bangunan Dewan Bedah bagi Hospital Bera
- vii. Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak Hospital Melaka
- viii. Pembinaan Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan & Kualiti Makanan di Kuching Sarawak

PENYEDIAAN KAJIAN SEMULA PELAN INDUK FASILITI KESIHATAN SELURUH NEGARA

Perancangan yang komprehensif dan sistematik bagi fasiliti kesihatan adalah penting bagi memenuhi keperluan kesihatan negara. Seksyen ini telah menyediakan satu dokumen Pelan Induk bagi fasiliti kesihatan di seluruh negara bagi tempoh 20 tahun yang bersifat holistik. Penyediaan Pelan Induk ini merangkumi aktiviti taklimat, beberapa siri bengkel penyelarasan dan bengkel pemurnian yang bermula daripada bulan Jun 2023 sehingga November 2023. Satu dokumen Pelan Induk Fasiliti Kesihatan 2023-2045 akan terhasil di peringkat negeri dan di peringkat KKM. Dokumen ini akan menjadi kerangka perancangan kepada peruntukan projek fasiliti, keperluan sumber manusia, peralatan perubatan dan permohonan perolehan tanah.

SEMAKAN SEMULA PELAN INDUK FASILITI KESIHATAN BAGI SABAH DAN SARAWAK

Malaysia komited untuk mencapai Kesihatan Untuk Semua (*Health for All*) dengan melaksanakan dasar untuk terus meningkatkan prestasi sistem kesihatan dan pencapaian penuh Perlindungan Kesihatan Sejagat (*Universal Health Coverage*). Susulan penubuhan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPPMA63), KKM menerusi seksyen PFK telah menyediakan satu dokumen Semakan Semula Pelan Induk Fasiliti Kesihatan untuk Sabah dan Sarawak selaras dengan tindakan di bawah MA63 untuk memperkasakan perkhidmatan kepakaran hospital terpilih sementara menyediakan klinik kesihatan komprehensif di daerah yang masih belum mempunyai fasiliti serta perkhidmatan tersebut. Dokumen ini telah dibentangkan dan disokong oleh KSU KKM pada 16 Februari 2023 dan Timbalan Perdana Menteri pada Julai 2023. Pelaksanaan perancangan ini dipantau oleh MTPPMA63 dengan kekerapan empat (4) kali setahun.

PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERALATAN UNTUK KLINIK KESIHATAN JENIS 4, 5 DAN 6

Penyediaan Senarai, Kuantiti & Kos Peralatan

Garis Panduan Peralatan untuk Klinik Kesihatan Jenis 4, 5 dan 6 merupakan satu dokumen penting yang menjadi keperluan perancangan dan perolehan fasiliti kesihatan primer. Oleh itu, Seksyen ini bersama-sama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Program Kesihatan Pergigian KKM telah menyediakan dokumen ini bagi memenuhi keperluan tersebut. Dokumen ini dihasilkan berdasarkan pengalaman, perbincangan dan semakan bersama semua bahagian yang terlibat. Dokumen yang dihasilkan ini akan panduan untuk menyelaraskan perancangan keperluan peralatan mengikut skop perkhidmatan yang disediakan di setiap jenis klinik kesihatan KKM.

Pelaksanaan Penilaian Kepenggunaan Ruang (POE)

POE merupakan satu penilaian teknikal fasiliti baharu yang telah digunakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun. Ia bertujuan untuk menilai reka bentuk dan kefungisian ruang di fasiliti kesihatan susulan penyerahan sesebuah projek tersebut. Hasil dapatan daripada penilaian ini akan menjadi panduan untuk penambahbaikan perancangan fasiliti kesihatan di masa akan datang. Oleh itu, pada 6 November 2023, Hospital Shah Alam telah dipilih sebagai fasiliti untuk penilaian ini. Penilaian ini menggunakan kaedah:

- i. Kaji selidik berpanduan AEDET *Toolkit* yang dikeluarkan oleh *National Health System United Kingdom* untuk orang awam/pesakit dan kakitangan
- ii. Lawatan fasiliti (*walkthrough survey*)
- iii. Temuramah berstruktur (ketika lawatan fasiliti)

SEKSYEN PERANCANGAN eHEALTH

PELAKSANAAN ONLINE HEALTHCARE SERVICES REGULATORY LAB (OHS REGLAB)

KKM telah melaksanakan OHS RegLab pada 17 Februari 2022 untuk membangunkan kawal selia model baharu penyampaian perkhidmatan kesihatan dalam talian. Sebanyak 33 syarikat penyedia platform OHS, sebelas (11) bahagian di KKM dan lima (5) agensi pusat termasuk badan-badan pengawal selia terlibat dalam OHS RegLab. Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

- i. Webinar *Guideline for OHS under the MOH Regulatory Lab* versi 2.0 kepada syarikat pada 23 Jun 2023 untuk mendapatkan maklum balas bagi penambahbaikan yang seterusnya.
- ii. Analisa model perkhidmatan OHS melalui *Business Model Survey* dan 13 sesi temu bual secara maya bersama 28 syarikat.
- iii. Bengkel Klasifikasi Penyedia Platform OHS bersama bahagian di KKM dan agensi pusat pada 26 September 2023 untuk mengenal pasti langkah penyelesaian bagi isu OHS yang telah dikenal pasti dalam analisa model perkhidmatan OHS dan daripada maklum balas syarikat.



Webinar Guidelines for OHS



OHS Virtual Interview Session

Imej 6.13 Implementasi OHS 2023

MINI CONNECTATHON PROJECT HEALTH INFORMATION EXCHANGE (HIE) BAGI PROJEK ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR) UNTUK HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KKM DI NEGERI SEMBILAN

Projek pembangunan dan pelaksanaan HIE untuk hospital dan Klinik Kesihatan KKM di Negeri Sembilan, telah pun bermula seawal Disember 2022 dan telah selesai tempoh pembangunannya pada 30 November 2023. Salah satu skop pembangunan dan pelaksanaan projek ini adalah merangkumi aktiviti pengujian platform kebolehoperasian perkongsian data kesihatan daripada pelbagai sistem maklumat. *Mini Connectathon* HIE yang diadakan adalah merupakan pelaksanaan pengujian secara langsung ke atas sistem maklumat berdasarkan spesifikasi perkongsian data yang telah ditetapkan secara berkesan dan selamat dalam persekitaran yang terkawal.

Pembangunan platform digital kesihatan yang mampan adalah penting supaya integrasi data, keserasian dan saling kendali dengan pelbagai sistem membolehkan perkongsian maklumat kesihatan bersepadu dapat dikembangkan secara meluas. Projek HIE merupakan salah satu dari Projek Pelaksanaan EMR di Hospital dan Klinik KKM. Pelaksanaan projek ini dapat menyokong hasrat KKM untuk merealisasikan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu dalam sektor kesihatan.

PROJEK VIRTUAL CLINIC (VC) DI FASILITI KESIHATAN DI NEGERI SEMBILAN

Projek VC berperanan sebagai perkhidmatan konsultasi klinikal dan pelan rawatan pelanggan yang dilakukan secara maya bagi perkhidmatan jagaan kesihatan yang telah dikenal pasti oleh KKM. Projek ini merupakan salah satu komponen dalam pelaksanaan Projek EMR oleh Bahagian Perancangan. Penyampaian perkhidmatan konsultasi jagaan kesihatan secara maya ini berupaya meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan serta dapat mengatasi masalah kesesakan di fasiliti kesihatan melalui pengurangan kekerapan kehadiran fizikal

ke fasiliti. Sistem VC yang dibangunkan ini merangkumi empat (4) komponen iaitu temujanji dalam talian, pendaftaran dalam talian, konsultasi bersemuka secara maya & dokumentasi; serta modul pembayaran.



Imej 6.14 Sesi *Onboarding* di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), Kuala Pilah


BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN (BPKj)

BPKj berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau perkhidmatan kejuruteraan di fasiliti kesihatan KKM termasuk perkhidmatan penyelenggaraan dan pelaksanaan projek fizikal. Selain itu, BPKj turut berperanan melaksanakan aktiviti kejuruteraan kesihatan alam sekitar. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan terdiri daripada:

- i. Cawangan Perancangan
- ii. Cawangan Perkhidmatan
- iii. Cawangan Regulatori
- iv. Sektor Biomedikal

CAWANGAN PERANCANGAN

BPKj bertanggungjawab merancang polisi dan garis panduan bagi memastikan pengoperasian, penyelenggaraan serta pengurusan bangunan, peralatan dan sistem kejuruteraan di KKM berfungsi dengan baik. Bahagian ini juga memberikan khidmat nasihat teknikal kejuruteraan bagi projek khas yang melibatkan Kerjasama Awam Swasta (PPP). BPKj juga menyemak lukisan kejuruteraan serta menjalankan pemeriksaan ke atas fasiliti kesihatan swasta dalam mematuhi Akta Perkhidmatan Kemudahan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Pada 2023, BPKj telah menyemak 507 pelan kejuruteraan bagi permohonan lesen baru, peluasan atau pengubahsuaian dan telah menjalankan 100 pemeriksaan teknikal.



Rajah 6.5 Pelan Kejuruteraan Disemak dan Lawatan Pemeriksaan Teknikal 2021-2023

PENGURUSAN ASET TAK ALIH

BPKj berperanan membantu Pegawai Pengawal dalam melaksanakan semua tanggungjawab pengurusan aset tak alih (kitar hayat aset) di KKM selaras dengan Pekeliling Am Bil.3 Tahun 2021: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan. Berikut merupakan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2023:


Jadual 6.2 Aktiviti Pengurusan Aset Tak Alih 2023

Aktiviti	Bilangan Aktiviti
Pendaftaran Daftar Premis Aset (DPA)	12 DPA
Pelaporan Penilaian Keadaan	195 Laporan
Pelaporan Pelupusan	169 Laporan
Pelaporan Kehilangan/Hapuskira	11 Laporan

CAWANGAN PERKHIDMATAN

IMPLEMENTASI PROJEK KKM

BPKj telah melaksanakan sebanyak 80 projek di bawah Peruntukan Pembangunan, Peruntukan Mengurus (*Sinking Fund*) dan Peruntukan *Private Finance Initiative* (PFI). **Rajah 6.6** menunjukkan pecahan projek yang diuruskan oleh BPKj mengikut kategori pelaksanaan.



Rajah 6.6 Peratusan Projek Mengikut Kategori Pelaksanaan

Sebanyak 15 projek bernilai RM45,484,579.91 telah siap sepenuhnya serta diserahkan kepada pengguna dan telah memulakan operasi pada 2023 seperti di **Imej 6.15**.



Projek Cadangan Meroboh dan Membina Semula KK dan Klinik Pergigian Dato' Keramat, WP Kuala Lumpur



Projek Menaiktaraf Makmal Penyediaan Radiofarmaseutikal Unit Farmasi Nuklear, Jabatan Perubatan Nuklear, Hospital Kuala Lumpur



Projek Kerja-karya Penggantian *Sub Switchboard* (SSB) dan *Main Switchboard 1* (MSB 1) di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar, Johor



Projek Kerja-karya Pendawaian Elektrik dan Kotak Agihan (DB) serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Hospital Selama, Perak



Projek Kerja-Karya Penggantian 2 Unit Janakuasa Tunggu Sedia di Hospital Sungai Siput, Perak



Projek Menaiktaraf Sistem Bekalan Air, Sistem Perangkap Kilat dan Penggantian Sistem Utama Telefon PABX di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru



Projek Menaik taraf Sistem Pendingin Hawa Berpusat di Hospital Mersing, Johor



T&C bagi Projek Menaik Taraf Sistem Pendingin Hawa Berpusat di Hospital Sibul, Sarawak



Projek Membina Stor Farmasi di Hospital Orang Asli Gombak, Selangor

Imej 6.15 Sesi Penyerahan dan Pengujian dan Pentauliahan (T&C) Projek BPKj

Selain itu, BPKj juga terlibat dalam memberi khidmat nasihat teknikal dan kepakaran kejuruteraan bagi projek-projek naik taraf fasiliti kesihatan bersama bahagian lain, IPKKM dan agensi luar.



Lawatan Kerja Pengarah
Perkembangan Perubatan
bagi Cadangan Kerja
Pengubahsuaian Bangunan
untuk Naik Taraf Perkhidmatan
Pusat Pembedahan Katarak
MAIWP – Hospital Selayang
(PPKM–HS)



Kerja-Kerja Ubah Suai Ruang
Pejabat WHO *Global Service
Centre* (GSC), Cyberjaya
bersama Bahagian Dasar &
Hubungan Antarabangsa



Projek Menaik Taraf Fasiliti dan
Perkhidmatan di Pusat Bersalin
Berisiko Rendah Hospital
Putrajaya (HPJ) – Menaik Taraf
Dewan Bersalin Kepada Bilik
Pembedahan Minor dan Kerja-
Kerja Fizikal Lain

Imej 6.16 Khidmat Nasihat Teknikal


PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH)

Program PSH adalah perjanjian kontrak penswastan yang ditandatangani oleh lima (5) syarikat konsesi dan enam (6) syarikat bukan konsesi. Perkhidmatan yang diberikan terdiri daripada enam (6) skop, iaitu:

- i. Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS)
- ii. Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)
- iii. Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS)
- iv. Perkhidmatan Pengurusan Sisa Kesihatan (HWMS)
- v. Perkhidmatan Pembersihan (CLS)
- vi. Perkhidmatan Linen dan Dobi (LLS)


Bilangan hospital dan institusi yang terlibat dengan kontrak konsesi PSH adalah sebanyak 148 fasiliti dengan nilai kontrak sebanyak RM1.92 bilion setahun manakala bagi kontrak bukan konsesi adalah sebanyak sebelas (11) fasiliti dengan nilai kontrak sebanyak RM584 juta.

Rajah 6.7 menunjukkan zon pengoperasian serta bilangan hospital dan institusi yang terlibat.



Rajah 6.7 Bilangan Hospital dan Institusi Mengikut Syarikat Konsesi

Bagi memastikan pemantauan dan pematuan syarikat terhadap keperluan dan obligasi kontrak PSH, Pemeriksaan Audit Teknikal turut dilaksanakan oleh BPKj. Aktiviti-aktiviti Audit Teknikal yang telah dilaksanakan pada 2023 adalah seperti di **Rajah 6.8** dan **Imej 6.17**.



Rajah 6.8 Bilangan Pemeriksaan Audit Teknikal 2023



Imej 6.17 Pemeriksaan Audit Teknikal 2023

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)


Program PSK adalah kontrak yang ditandatangani oleh beberapa syarikat melibatkan 201 KK dengan kos tahunan sebanyak RM137 juta. Perkhidmatan yang diberikan terdiri daripada dua (2) skop, iaitu:

- i. Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)
- ii. Perkhidmatan Pembersihan (CLS)

Pemeriksaan Audit Teknikal juga dilaksanakan di 13 klinik untuk memastikan pelaksanaan PSK mematuhi keperluan kontrak dan penyelenggaraan dijalankan mengikut amalan kejuruteraan yang baik.

KEJURUTERAAN FASILITI KLINIK

Selain pelaksanaan Program PSK, sebanyak RM162,270,593.85 telah diperuntukkan bagi memastikan tahap keselamatan dan kefungsi klinik berada pada peringkat yang optimum bagi memastikan keselesaan pengguna. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan melibatkan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf bangunan, penggantian dan penyelenggaraan sistem kejuruteraan dan infrastruktur di fasiliti klinik KKM seluruh negara.



Rajah 6.9 Peruntukan dan Perbelanjaan bagi Kerja-kerja Kejuruteraan Fasiliti Klinik KKM Tahun 2023

PROGRAM LESTARI (SP)

SP telah ditubuhkan pada tahun 2018 untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau SP di fasiliti kesihatan KKM bagi menyokong hasrat kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang 2030. Pelaksanaan SP juga dapat memastikan fasiliti kesihatan KKM mencapai sasaran neutral karbon menjelang 2045 dan menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadi negara sifar bersih menjelang 2050.

Pada 2023, KKM telah berjaya meraih pelbagai anugerah antarabangsa dan kebangsaan melalui pelaksanaan SP (**Rajah 6.10**). KKM juga terlibat secara aktif dalam mempromosikan pelaksanaan inisiatif lestari di fasiliti kesihatan kepada masyarakat umum dan terlibat secara langsung dengan seminar dan pameran antarabangsa seperti *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2023* (IGEM 2023) dan *LEED in Southeast Asia (4th edition)* (**Imej 6.18**).

[illegible]

Rajah 6.10 Pencapaian SP 2023

Imej 6.18 *IGEM 2023 & LEED in Southeast Asia (4th Edition)*

CAWANGAN REGULATORI

PROGRAM RANG UNDANG-UNDANG KUALITI AIR MINUM (RUU KAM)

KKM melalui BPKj sedang giat meningkatkan usaha dalam proses kelulusan RUU KAM. Program ini diperkenalkan bagi tujuan mengawal selia kualiti dan keselamatan air minum. Ia dijangka dapat meningkatkan komitmen pihak pembekal air dalam memastikan tahap mutu air minum yang selamat bagi melindungi kesihatan orang awam. Pada 2023, sebanyak 97.59% daripada 1.6 juta pengujian parameter kualiti air terawat seluruh Malaysia mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan.



Imej 6.19 Aktiviti Mengenal Pasti Tahap Kualiti dan Keselamatan Air Minum

PROGRAM BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

Pada tahun 2023, program BAKAS meneruskan pelaksanaan projek subsidi bekalan air dan sanitasi kepada penduduk luar bandar. Sejumlah 192 projek sistem bekalan air telah dibina bagi membekalkan air bersih kepada 2,108 rumah melibatkan peruntukan sebanyak RM4,717,438.28. Untuk kemudahan sanitasi pula, sejumlah 761 rumah telah disediakan tandas sanitari, 583 rumah telah disediakan sistem pelupusan air limbah dan 834 rumah telah disediakan sistem pengurusan sisa pepejal dengan peruntukan sebanyak RM4,804,150.90.



Imej 6.20 Pembinaan Sistem Bekalan Air Paip Gravity di Kampung Kahaba, Keningau, Sabah

KAJIAN PENENTUAN KEHADIRAN *PER-AND POLYFLUOROALKYL SUBSTANCES* (PFAS) DALAM SUMBER AIR MENTAH DAN AIR TERAWAT DI DENGKIL, SELANGOR

BPKj turut mengadakan kajian rintis Penentuan Kehadiran PFAS Dalam Sumber Air Mentah dan Air Terawat dan akan diikuti dengan kajian lanjutan di beberapa lokasi terpilih yang akan ditentukan mengikut keperluan.



Imej 6.21 Persampelan PFAS dalam Sumber Air Mentah dan Terawat di Sungai Bukit Tampoi, Dengkil Selangor

NATIONAL ENVIRONMENTAL HEALTH ACTION PLAN (NEHAP)

Pada 2023, Sekretariat NEHAP Malaysia telah menganjurkan persidangan NEHAP ke-9. Persidangan dengan tema *Environmental Health Risks: Standing Up to Protect Everyone's Health Each and Every Day* telah dihadiri oleh peserta seramai 145 orang yang terlibat dengan pembangunan pelan tindakan NEHAP Malaysia dan SEHAP Negeri.



Imej 6.22 Persidangan NEHAP Ke-9

UNIT KUALITI UDARA (UKU)

Aktiviti-aktiviti dan program utama yang telah dijalankan oleh UKU pada 2023 adalah seperti dalam **Rajah 6.11** dan **Imej 6.23**.



Aktiviti pemantauan & pengawasan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di premis KKM



Pengauditan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di 10 buah fasiliti penjagaan kesihatan KKM



Pengawasan COVID-19 dalam persekitaran melalui pemantauan kandungan karbon dioksida (CO₂)



Pelaksanaan Program Garis Asas (baseline) Program Kualiti Udara Dalam (IAQ)

Rajah 6.11 Pelaksanaan Program IAQ 2023



Imej 6.23 Program IAQ 2023

PERLINDUNGAN KESIHATAN ALAM SEKITAR (PEKA)

Aktiviti PEKA bagi 2023 adalah lebih tertumpu kepada penambahbaikan Sistem *Environmental Health Risk Inventory* (EHRI) melalui *Change Request* (CR). Antara pencapaian Unit PEKA adalah seperti dalam **Rajah 6.12**.

Pelaksanaan 13 *Change Request* (CR) termasuk pengautomasian data dalam Sistem EHRI

**Menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pemandu bersama
Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)**

**Melaksanakan audit bagi verifikasi data EHRI di Sabah, Terengganu, Kedah dan
Negeri Sembilan**

Rajah 6.12 Pencapaian PEKA Tahun 2023

Selain itu, sebanyak 79 Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah diterima untuk ulasan teknikal mengikut keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) EIA, 2015 dan ulasan telah diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

PENGUKUHAN PROGRAM *WATER, SANITATION AND HYGIENE* (WASH) DI FASILITI PENJAGAAN KESIHATAN MELALUI *MALAYSIAN ACTION PLAN ON ANTIMICROBIAL RESISTANCE* (MyAP-AMR) 2022-2026

BPKj turut terlibat di dalam menambah baik program WASH di fasiliti penjagaan kesihatan bagi membantu mencegah jangkitan dan memerangi AMR melalui strategi Memperkukuh Pelaksanaan Program WASH di Fasiliti Penjagaan Kesihatan yang dinyatakan di dalam MyAP-AMR 2022-2026.



Rajah 6.13 MyAP-AMR 2022-2026

Strategy 3.2: Strengthen the implementation of the Water, Sanitation and Hygiene (WASH) programme in healthcare facilities

3.2.1 Conduct situational analysis and assessment for WASH in healthcare facilities



MOH (ESD)



Current situation and gaps in the WASH programme in healthcare facilities identified

3.2.2 Establish a National Strategic Action Plan for WASH in healthcare facilities to set national targets and define a roadmap for implementation



MOH (ESD)



MOH healthcare facilities achieved WASH services level as targeted in the plan

KERJASAMA ANTARA MALAYSIA DAN WHO: CLIMATE CHANGE, THE ENVIRONMENT AND HEALTH WITH A FOCUS ON HEALTH CARE FACILITIES

BPKj telah terlibat dalam *Member States Technical Consultation on Climate Change, the Environment and Health, with a Focus on Health Care Facilities* yang diadakan pada 23-26 Oktober 2023 di Manila, Filipina. Mesyuarat ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti penjagaan, menyelamatkan nyawa termasuk pencegahan terhadap kematian ibu dan bayi baru lahir, intervensi bagi mengurangkan kos jangkitan berkaitan penjagaan kesihatan dan penyebaran rintangan antimikrob.

BPKj turut terlibat dalam *Eleventh High-level Officials Meeting of the Asia-Pacific Regional Forum on Health and Environment (11th HLOM-APRFHE)* pada 22-23 November 2023 di Jakarta, Indonesia. Forum serantau ini menyediakan *platform* kerjasama antara sektor kesihatan dan alam sekitar dalam perkongsian pengetahuan dan pengalaman terutamanya WASH di fasiliti penjagaan kesihatan, mengenal pasti langkah, dasar dan tindakan untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan yang disebabkan oleh faktor risiko alam sekitar dan mempromosikan sektor lain seperti pengangkutan, pendidikan, tenaga, perdagangan dan lain-lain untuk meletakkan kesihatan rakyat berdasarkan SDG, Perjanjian Paris, Konvensyen Minamata dan Konvensyen Antarabangsa dan Inisiatif Serantau yang lain.



Imej 6.24 Climate Change, the Environment and Health



Imej 6.25 11th HLOM-APRFHE


SEKTOR BIOMEDIKAL

Bagi bidang kejuruteraan biomedikal, fungsi yang telah dijalankan BPKj adalah seperti berikut:

- Mengawal selia perkhidmatan BEMS di fasiliti kesihatan KKM di bawah Perjanjian Konsesi PSH, Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) dan lain-lain kontrak BEMS.
- Melaksanakan projek pembekalan peralatan perubatan untuk fasiliti KKM melalui kaedah Pembekalan & Pemasangan dan Program *Replacement Through Maintenance* (RTM).
- Menyediakan khidmat nasihat teknikal seperti penyiasatan forensik, penyediaan ulasan teknikal serta penyediaan standard dan garis panduan.

Jadual 6.3 Aktiviti Sektor Biomedikal 2023

Perkara	Kawalselia			Pembekalan Peralatan	
	PSH (Konsesi)	PSH (Bukan Konsesi)	MEET	Bekalan & Pemasangan	Program RTM
Bil. Fasiliti	148	10	2,988	13	17
Bil. Alat	214,775	11,455	141,264	14	17



Rajah 6.14 Pencapaian Sektor Biomedikal Tahun 2023

NATIONAL BIOMEDICAL ENGINEERING CONFERENCE 2023 (NBEC 2023)

Selain itu, BPKj turut mengadakan persidangan *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) NBEC 2023* kali ke-2 pada 5-7 September 2023 bertemakan *Adaptation Towards Green & Emerging Healthcare Technology* dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



Imej 6.26 Perasmian NBEC 2023 oleh Ketua Pengarah Kesihatan

BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN (BKRP)

BKRP bertanggungjawab mengawal penggunaan sinaran mengion dalam perubatan melalui penguatkuasaan Akta Perlesenan Tenaga Atom [Akta 304] dan memberikan nasihat teknikal berkaitan keselamatan dan perlindungan sinaran, termasuk bidang fizik perubatan. Untuk memastikan program keselamatan sinaran memenuhi piawaian antarabangsa, BKRP bekerjasama dengan pelbagai agensi di peringkat nasional dan antarabangsa.

BKRP terdiri daripada empat (4) cawangan:

- i. Cawangan Kawalan Perlesenan & Pendaftaran
 - Seksyen Perlesenan
 - Seksyen Pendaftaran
- ii. Cawangan Penguatkuasaan & Pendakwaan
 - Seksyen Penguatkuasaan
 - Seksyen Pendakwaan
- iii. Cawangan Khidmat Fizik Perubatan
 - Seksyen Kod dan Standard
 - Seksyen Khidmat Teknikal
- iv. Cawangan Latihan & Kerjasama Inter-agensi
 - Seksyen Kerjasama Inter-agensi
 - Seksyen Pembangunan Latihan

AKTIVITI KAWALAN PERLESENAN DAN PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 [AKTA 304] BAGI MAKSUD PERUBATAN

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 1,510 lesen telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan kepada premis perubatan. Jumlah ini adalah merangkumi sebanyak 550 lesen baru dan 960 lesen membaharui. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 6,245 premis yang dikawal secara pendaftaran (kerajaan) dan perlesenan (swasta) sepertimana pada **Jadual 6.4**. Jumlah tersebut merangkumi sebanyak 1,091 premis perubatan kerajaan dan 5,164 premis perubatan swasta.

Jadual 6.4 Bilangan Premis Perubatan Berdaftar (Kerajaan) atau Berlesen (Swasta) di bawah Akta 304

Jenis Premis	Swasta	Kerajaan
Klinik Pergigian	2,899	562
Klinik Pengamal Perubatan Am	1,663	
Hospital (Radiologi)	201	159
Klinik Kesihatan		286
Klinik Veterinar	203	6
Klinik Pakar Bukan Radiologi	67	
Klinik Radiologi	45	
Hospital/Klinik Angkatan Tentera		59
Pusat Perubatan Nuklear	28	7
Pusat Radioterapi	35	7
Pusat Penyinaran Darah	5	3
Kelas H	11	
Perkhidmatan X-Ray Bergerak	7	2
Jumlah	5,164	1,091
Jumlah Keseluruhan	6,255	

Manakala jumlah keseluruhan kutipan fi yang dikenakan keatas fasiliti perubatan swasta sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak RM722,155.00 dengan setiap pecahan dinyatakan sepertimana pada **Jadual 6.5** di bawah.

Jadual 6.5 Jumlah Keseluruhan Kutipan Fi sepanjang Tahun 2023

Fi Lesen (RM)	Fi Proses (RM)	*Penjualan Dokumen (RM)	Jumlah Kutipan (RM)
690,025	26,370	5,760	722,155

Nota:

* Penjualan Buku Pemeriksaan Perubatan Pekerja Sinaran, LPTA/BM/5(A)

Daripada jumlah keseluruhan premis tersebut di atas, ianya merangkumi sebanyak 11,710 radas penyinaran dengan masing-masing sebanyak 2,817 radas penyinaran di premis perubatan kerajaan dan 8,893 radas penyinaran di premis perubatan swasta. Bilangan keseluruhan radas penyinaran mengikut sektor dan jenis modaliti sepertimana dinyatakan pada **Jadual 6.6**. Disamping itu, terdapat sebanyak 1,581 punca bahan radioaktif yang terdiri daripada 1,387 punca terkedap dan 194 punca tak terkedap. Jumlah ini melibatkan sebanyak 350 punca di premis perubatan kerajaan dan 1,231 di premis perubatan swasta. Bilangan keseluruhan punca bahan radioaktif mengikut sektor dan perkhidmatan dinyatakan pada dalam **Jadual 6.7**.

Jadual 6.6 Bilangan Radas Penyinaran Swasta dan Kerajaan di bawah Akta 304

Jenis Radas Penyinaran	Swasta	Kerajaan
Radiografi Am/Mudah Alih/Veterinar	2,600	1,371
Pergigian (Intra Oral/OPG/CBCT)	5,049	830
Fluoroscopi (Statik/Mudah Gerak)	418	315
Angiografi	133	43
Pengimbas Tomografi Berkomputer	201	94
Mammografi	198	70
Litotripter	23	15
Bone Densitometer	113	21
Pemecut Linear	45	17
Linac kV Imaging	40	15
Gamma Knife Cone Beam CT	4	0
Intraoperative Radiotherapy (IORT)	7	0
Simulator	3	1
CT Simulator	18	8
Tomoterapi	6	2
PET-CT/SPECT-CT	32	14
Siklotron Perubatan	3	1
Jumlah	8,893	2,817
Jumlah Keseluruhan	11,710	

Jadual 6.7 Bilangan Bahan Radioaktif yang Berdaftar/Berlesen di bawah Akta 304

Jenis Punca	Perkhidmatan	Bilangan Bahan		Jumlah
		Swasta	Kerajaan	
Punca Terkedap	Radioterapi	817	6	1,387
	Perubatan Nuklear	262	286	
	Penyinaran Darah	5	8	
	Kelas H	3		
Punca Tak Terkedap	Perubatan Nuklear	144	50	194
Jumlah		1,231	350	1,581

AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 304 BAGI MAKSUD PERUBATAN

Tujuan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan adalah untuk memastikan pematuhan kepada semua keperluan regulatori yang ditetapkan dari semasa ke semasa sepertimana dinyatakan dalam syarat-syarat pendaftaran dan perlesenan. Kepatuhan ini adalah untuk memastikan penggunaan sinaran mengion yang selamat dan optimum kepada pekerja, pesakit dan orang awam termasuklah aspek keselamatan sekuriti ke atas mana-mana fasiliti yang menggunakan bahan radioaktif berisiko tinggi khususnya di bawah Kategori 1 dan Kategori 2.


Sepanjang tahun 2023, JKN telah mengeluarkan sebanyak 782 notis dan 101 peringatan pembaharuan lesen kepada premis perubatan swasta. Manakala sebanyak 2,494 premis perubatan kerajaan dan swasta telah dibuat lawatan pemeriksaan. Jumlah ini merangkumi sebanyak 1,239 premis perubatan kerajaan dan 1,255 premis perubatan swasta. Secara keseluruhan, sebanyak 2,349 premis telah mematuhi keperluan regulatori dan sebaliknya sebanyak 145 premis tidak mematuhi iaitu sepertimana dinyatakan pada **Jadual 6.8**. Jumlah peratusan yang mematuhi adalah sebanyak 94.19% manakala 5.81% tidak mematuhi. Bagi premis tidak mematuhi akan dipantau dan diambil tindakan susulan dari semasa ke semasa. Tindakan seperti gantung lesen dan pendakwaan akan diambil ke atas mana-mana premis yang masih gagal mematuhi keperluan regulatori yang ditetapkan.

Jadual 6.8 Lawatan Pemeriksaan bagi Tahun 2023

Kategori	Bilangan Lawatan	Status Pematuhan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
Premis Kerajaan	1,239	1,167	72
Premis Swasta	1,255	1,182	73
Jumlah	2,494	2,349	145
Peratusan Pematuhan (%)		94.19	5.81

Di samping itu, sebanyak 214 lawatan audit imej radiografi telah dijalankan sepanjang tempoh 2023. Daripada sejumlah lawatan tersebut, sebanyak 174 premis memenuhi kriteria imej radiografi yang ditetapkan manakala 40 premis tidak memenuhi kriteria. Kebanyakan punca ketidakpatuhan adalah disebabkan kegagalan dalam penggunaan *primer marker*, faktor teknikal dan kolimasi. Tindakan pemantauan susulan ke atas premis yang tidak memenuhi kriteria dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sepanjang tempoh tahun 2023, BKRP juga turut mengendalikan aktiviti pengurusan berkaitan aduan insiden dedahan radiasi dan pelanggaran Akta 304 iaitu sepertimana dinyatakan pada **Jadual 6.9**. Jumlah aduan yang diterima adalah sebanyak 127 melibatkan bilangan aduan masing-masing yang ditunjukkan pada jadual tersebut. Lawatan siasatan turut dijalankan bagi mengesahkan kesemua aduan tersebut. Beberapa aduan telah selesai manakala selebihnya masih peringkat untuk tindakan susulan.



Imej 6.27 Lawatan Pemeriksaan di Premis Perubatan Kerajaan dan Swasta

Jadual 6.9 Pengurusan Aduan dan Insiden Dedahan Radiasi

Aktiviti	Jumlah
Bilangan aduan dos radiasi melebihi had dos yang ditetapkan	17
Bilangan aduan terhadap pelanggaran Akta 304	43
Lawatan siasatan bagi pengesahan aduan atau pelanggaran Akta 304	67

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 14 premis yang gagal memenuhi Akta 304 telah dikenakan tindakan serbuan. Daripada jumlah ini, sebanyak tujuh (7) premis telah diambil tindakan pendakwaan manakala selebihnya dalam proses untuk pendakwaan seperti dalam **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10 Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan

Aktiviti	Jumlah
Bilangan serbuan di bawah Akta 304	14
Bilangan tindakan pendakwaan di bawah Akta 304 yang telah selesai	7

PERKHIDMATAN FIZIK PERUBATAN (AKTIVITI KHIDMAT TEKNIKAL DAN KOD & STANDARD)

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 156 khidmat nasihat teknikal berkaitan dengan aktiviti sinaran mengion (IR) dan sinaran tak mengion (NIR) telah diberi kepada klinik dan hospital di bawah KKM. Senarai perkhidmatan teknikal adalah sepertimana pada **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11 Khidmat Nasihat Teknikal Berkaitan IR dan NIR

Jenis Aktiviti	Jumlah
Penyediaan dan penilaian spesifikasi teknikal bagi modaliti IR dan kemudahan berkaitan	24
Khidmat nasihat teknikal bagi kerja-kerja berikut: - Pengujian dan Pentauliahan (T&C), Kepatuhan Spesifikasi Teknikal (TSA) - Kemajuan projek dan lawatan tapak - Pengesahan perisaian ketebalan keselamatan sinaran	99
Menjalankan Pengujian Secara Rawak (RRT) radas penyinaran dan kemudahan berkaitan kemudahan kerajaan	27
Penyemakan pelan & perlindungan sinaran untuk projek baharu klinik dan hospital kerajaan	6
Jumlah	156

Manakala senarai dokumen polisi baharu yang dibangunkan sepanjang tahun 2023 adalah seperti **Jadual 6.12**. Pembangunan dokumen tersebut dilaksanakan melalui beberapa jawatankuasa induk dan kerja teknikal. Berikut adalah senarai jawatankuasa yang telah ditubuhkan dengan anggota dari pelbagai badan profesional, industri, serta kumpulan yang berkaitan seperti di bawah:

- Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Perubatan Nuklear di bawah Akta 304
- Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Radiologi di bawah Akta 304
- Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Radioterapi di bawah Akta 304
- Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Pergigian di bawah Akta 304
- Jawatankuasa Pemandu Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Perubatan) di bawah Akta 304
- Jawatankuasa kerja Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Perubatan) di bawah Akta 304
- Jawatankuasa Pemandu Program Nuklear Sekuriti KKM di bawah Akta 304

Jadual 6.12 Dokumen dan Panduan Baharu Tahun 2023

Dokumen	Catatan
Manual Pelaksanaan Program Jaminan Kualiti (QAP) dalam Perkhidmatan Radiologi – Pindaan September 2023	Dokumen telah diedarkan kepada fasiliti perubatan kerajaan dan swasta melalui surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan pada 24 Oktober 2023
<i>Standard Operation Procedure (SOP) for Maternal and Fetal Doses Estimation in Nuclear Medicine Procedures</i>	The document has been distributed to government and private medical institutions through the circular letter of the Director General of Health No. 20/2023 on 18 December 2023
<i>Guidance Document on Developing Site Security Plan (SSP) For Medical Facilities in Malaysia</i>	Dokumen telah diedarkan kepada fasiliti perubatan kerajaan dan swasta melalui surat pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan pada 17 April 2023
<i>Guideline on Nuclear Security Culture Programme for Medical Facilities in Malaysia</i>	Dokumen telah dimuktamadkan pada 17 November 2023

Aktiviti berkaitan kajian keselamatan radiasi seperti berikut:

- National Medical Radiation Exposure for the Development of Malaysian Diagnostic Reference Level (DRL) in Diagnostic Radiology and Dental Radiology*
- National Medical Radiation Exposure for the Development of Malaysian Diagnostic Reference Level (DRL) in Nuclear Medicine*

Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan standard aras rujukan pesakit atau *Diagnostic Reference Levels* (DRLs) sebagai panduan kepada pusat perubatan memastikan keselamatan dan pengoptimuman dedahan radiasi kepada pesakit.

KERJASAMA TEKNIKAL ANTARA AGENSI & PEMBANGUNAN LATIHAN

Kerjasama teknikal amat penting bagi memastikan BKRP memperoleh manfaat dari segi bantuan teknikal khususnya dalam bidang latihan dan pembangunan polisi. Di samping itu, BKRP turut berperanan dalam memberikan input kepada KKM dalam aspek melibatkan kerjasama dan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara luar seperti berikut:

- Jabatan Tenaga Atom (JTA), MOSTI
- Agensi Tenaga Nuklear (ANM)
- Ketua Pejabat Keselamatan Kerajaan (CGSO)
- Office of Radiological Security (ORS) US Department of Energy*
- Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA)
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)


Maklumat ringkas pencapaian aktiviti kerjasama antara agensi adalah sepertimana pada **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13 Aktiviti Kerjasama Antara Agensi

Aktiviti	Ulasan/Pencapaian
Penyediaan maklum balas bagi nota iktisar/input/percakapan/input kerjasama/nota kerjasama bagi hubungan dua hala melibatkan BKRP KKM dan agensi luar	Penyediaan 24 maklum balas berkaitan permohonan ikhtisar dan nota percakapan (BSN) berhubung kerjaama dua hala dan isu-isu berkaitan kesihatan antara Malaysia dan negara luar Permohonan maklum balas berkenaan perundangan dan input yang berkaitan dengan inisiatif <i>Single Entry Point</i> (SEP) di sempadan Malaysia-Singapura
Pemantauan pelaksanaan projek <i>Country Programme Framework (CPF) 2022-2027</i>	Pemantauan cadangan pelaksanaan projek TC IAEA MAL 9019 bagi tahun 2022/2023 dibawah projek <i>International Atomic Energy Agency</i> (IAEA) Mengemukakan pencalonan tahun 2023 di bawah <i>Expert Request Form</i> dan <i>Nomination for Technical Cooperation (TC) Fellowship/Scientific Visit Form</i> Urus Setia sesi dialog berkaitan status program TC IAEA
Kerjasama teknikal berkaitan <i>Safety</i> dan <i>Security</i> dengan agensi antarabangsa	Penerimaan delegasi dari <i>Nuclear and Radiological Regulatory Commission (NRRC)</i> Arab Saudi di bawah <i>Program Fellowship on The Inspection and Enforcement of Radiation Facilities</i> Penerimaan delegasi dari <i>Safety, Health and Environment National Authority (SHENA)</i>, Brunei Darussalam di bawah <i>Program Fellowship on The Authorisation, Inspection and Enforcement of Radiation Facilities</i> <i>Expert Mission Dosimetry Audit Network</i> <i>SV-RAS9096-2302415_TC Group Scientific Visit on Training Regulatory Inspector on PET-CT</i> Bengkel <i>Accelerating the Adoption of Alternative Technology for Blood Irradiation</i> anjuran BKRP dgn kerjasama ORS yang diadakan pada 31 Oktober hingga 2 November 2023 di Kota Kinabalu



Imej 6.28 Bengkel *Accelerating The Adoption of Alternative Technology for Blood Irradiation* Anjuran BKRPP dengan Kerjasama ORS



Imej 6.29 Program *Fellowship on The Inspection and Enforcement of Radiation Facilities* oleh Nuclear and Radiological Regulatory Commission (NRRRC) Arab Saudi

Manakala bagi aktiviti pembangunan latihan pula, status pencapaian sepanjang tahun 2023 adalah sepertimana diinyatakan pada **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14 Status Aktiviti Pembangunan Latihan

Aktiviti	Jumlah/Pencapaian
Bilangan kelulusan pengiktirafan penganjuran Pendidikan Perubatan Secara Berterusan (CME) di bawah Akta 304	378
Bilangan sesi penyebaran maklumat melalui sesi CME di bawah Akta 304	429
Jumlah jam penyebaran maklumat oleh pegawai-pegawai BKRPP melalui program CME	330
Bilangan personel yang dilatih dibawah anjuran BKRPP	536

Keselamatan dan perlindungan radiasi perubatan semakin penting untuk meningkatkan kualiti penggunaan peralatan radiasi dan bahan radioaktif. BKRP menyediakan kepakaran dan sokongan teknikal untuk melindungi pesakit, pekerja dan orang awam. Program sedia ada akan diperluaskan selaras dengan perkembangan teknologi untuk memenuhi keperluan perubatan yang kompleks dan mematuhi piawaian semasa. Ini termasuk meningkatkan aktiviti keselamatan, perlindungan dan penglibatan awam untuk menangani kesan radiasi terhadap kesihatan awam. BKRP bertujuan untuk memperkukuh aktiviti keselamatan radiasi perubatan selaras dengan keperluan KKM, memastikan keselamatan melalui teknologi, inovasi dan amalan mampan.

INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)

PEJABAT PENGURUS NIH


Pejabat Pengurus NIH bertanggungjawab dalam menguruskan pelaksanaan penyelidikan kesihatan di KKM termasuklah daripada awal perancangan penyelidikan, pengurusan dana penyelidikan dan penyebaran hasil saintifik penyelidikan. Pejabat Pengurus NIH memainkan peranan yang penting dalam memastikan program penyelidikan kesihatan di KKM berjalan lancar dalam mencapai hasil dan keputusan penyelidikan untuk menyokong pembangunan polisi kesihatan negara.

Bagi 2023, sejumlah RM31,086,136 Peruntukan Penyelidikan dan Pembangunan telah diagihkan bagi tujuan penyelidikan kesihatan di KKM. Sebanyak 88% daripada jumlah tersebut telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek mengikut kluster seperti berikut:

Jadual 6.15 Projek di bawah Peruntukan Penyelidikan dan Pembangunan bagi Tahun 2023


Kluster	Bilangan Projek	Jumlah Agihan
Penyakit Berjangkit	22	RM2,850,081
Penyakit Tidak Berjangkit	20	RM2,003,145
Persekitaran Mampan dan Perubahan Iklim	7	RM1,000,000
Akses Universal Penjagaan Kesihatan Berkualiti	9	RM600,000
Biomedikal	41	RM7,983,270
Populasi Berumur	7	RM1,341,502
Inovasi dan Teknologi Kesihatan	9	RM2,200,000
Perubatan Kepersisan	9	RM3,639,888
Hub Perubatan Klinikal	6	RM1,268,250
NHMS 2023: Penyakit Tidak Berjangkit dan Permintaan Kesihatan	1	RM7,500,000
NHMS 2024: Survei Nutrisi Malaysia	1	RM500,000
NHMS 2022: Kesihatan Ibu dan Anak	1	RM200,000
Jumlah	133	RM31,086,136

Pada 2023, sebanyak 3,709 projek penyelidikan telah didaftarkan di dalam sistem NMRR dan sebanyak 2,536 projek penyelidikan telah mendapat kelulusan etika melalui Sektor Etika dan Pengawasan Penyelidikan (SEPP). Dari segi penilaian dan kelulusan pasca-kelulusan, sebanyak 537 projek penyelidikan telah diberikan pembaharuan kelulusan etika, 439 projek untuk kelulusan penamatan, 1,743 penilaian laporan *Serious Adverse Events* (SAE) dan 2,305 penilaian laporan *Protocol Deviation* (PD). Sektor ini telah menjalankan semakan pematuhan untuk enam (6) kajian pada 2023. Sektor ini juga telah menganjurkan latihan kepada jawatankuasa etika yang lain melalui *Network of Ethics Committees in Malaysia* (NERCIM).



Rajah 6.15 Jumlah Permohonan Kelulusan Penerbitan Tahun 2023

Sektor Biostatistik & Data Repositori (SBDR) merupakan salah satu sektor di bawah Pejabat Pengurus NIH yang berfungsi untuk memberi khidmat konsultasi berkaitan metodologi dan analisis data penyelidikan. Selain itu, sektor ini juga berfungsi sebagai pusat penyimpanan data penyelidikan dan membekalkan data penyelidikan berdasarkan permohonan daripada penyelidik. Untuk tahun 2023, sebanyak 432 sesi konsultasi telah dijalankan melibatkan penyelidik dari dalam dan luar NIH. Untuk memudahkan urusan pelanggan mendapatkan khidmat konsultasi, pihak SBDR dengan kerjasama Sektor Teknologi Maklumat (STM) NIH telah membangunkan satu sistem untuk janji temu konsultasi yang dikenali sebagai sistem *e-biostatistics* melalui laman sesawang.



Rajah 6.16 Latihan dan Konsultasi

Sektor *Evidence Based Health* (SEBH) telah menghasilkan 15 penerbitan saintifik dan 15 pembentangan saintifik sepanjang tahun 2023. Selain itu, sektor ini juga menjalankan enam (6) projek penyelidikan yang melibatkan kolaborasi antara NIH, KKM dan universiti.



Imej 6.30 Delegasi dan Kolaborasi

Unit Kolaborasi dan Inovasi (UKI) bertanggungjawab dalam menyelaraskan rangkaian strategik, membantu menguruskan inisiatif kerjasama dalam bidang kolaborasi dan inovasi dengan agensi, institusi serta badan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain itu, UKI juga menyelaraskan pengurusan dan pembaharuan harta intelek dan menyelaraskan Anugerah Perdana Inovasi KKM 2023 serta membantu menguruskan dokumen perjanjian kolaborasi antara institut di bawah NIH bersama universiti dan agensi tempatan.

Selain pengurusan penyelidikan, Pejabat Pengurus NIH juga bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan dan keselamatan warga kerja NIH melalui Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP). Misi UKKP adalah untuk mewujudkan suasana kerja yang selamat, sihat dan kondusif untuk setiap pekerja. UKKP terus bergiat aktif dengan merangka dan menjalankan aktiviti dan program promosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. UKKP juga menjalankan latihan dan penyelidikan melalui kolaborasi dengan institut lain.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)

IMR terdiri daripada lapan (8) pusat iaitu Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit (IDRC), Pusat Penyelidikan Alergi & Imunologi (AIRC), Pusat Penyelidikan Kanser (CaRC), Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar (EHRC), Pusat Penyelidikan Perubatan Herba (HMRC), Pusat Penyelidikan Pemakanan, Metabolisme & Kardiovaskular (NMCRC), Pusat Penyelidikan Biokimia & Genomik (BGRC) dan Pusat Sumber Khas (SRC). IMR menjalankan penyelidikan biomedikal, ujian diagnostik khas, konsultasi, latihan dan terlibat dengan aktiviti pemindahan teknologi.

IMR menyediakan perkhidmatan makmal untuk diagnostik khas dan imunologi transplan. Antara aktiviti antarabangsa yang diteruskan ialah penyelidikan kolaboratif untuk rawatan bagi penyakit terabai dan memberi latihan makmal bagi peserta dari negara Asia Tenggara dalam bidang mikrobiologi perubatan, parasitologi dan entomologi melalui rangkaian *Southeast Asia Ministers of Education Organisation* (SEAMEO). Buku-buku rujukan juga telah dilancarkan, iaitu *Framework on Traditional and Complementary Medicine Research in Malaysia* dan *Guidelines for Herbal Medicine Research*. IMR berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan penyelidikan bioperubatan demi kesihatan rakyat.



Imej 6.31 IMR Dahulu dan Sekarang

HARI TERBUKA IMR 'IMR 123 TAHUN'

IMR yang ditubuhkan pada 1900 telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-123 sebagai institut yang menjalankan penyelidikan perubatan untuk negara. Sambutan ulang tahun ini menjadi memori indah dengan kehadiran Sultan dan Tengku Permaisuri Selangor yang telah mencemarakkan merasmikan program Hari Terbuka IMR pada 19 Oktober 2023. Antara aktiviti menarik yang disediakan untuk para pengunjung termasuk pameran penyelidikan, lawatan makmal penyelidikan, pertandingan, kuiz interaktif, pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah. Orang awam, pihak sekolah dan institut pendidikan tinggi dijemput untuk bersama-sama memeriahkan acara yang julung kalinya diadakan di Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH) di Setia Alam.



Imej 6.32 Sultan Selangor, Tengku Permaisuri, Menteri Kesihatan, Pengarah IMR di Makmal Mikroskop Elektron



Imej 6.33 Pameran Sains dan Aktiviti untuk Kanak-Kanak semasa Hari Terbuka IMR 2023

SIMPOSIUM DAN BENGKEL *ISLAMIC WORLD EDUCATIONAL, SCIENTIFIC AND CULTURAL ORGANISATION (ICESCO) PRECISION MEDICINE*


Simposium dan Bengkel ICESCO *Precision Medicine* telah dianjurkan oleh IMR dengan kerjasama ICESCO serta sokongan daripada Persatuan Penyelidik KKM, dari 14-18 Ogos 2023. Simposium dan bengkel ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk minat dalam bidang genomik dan *precision medicine*, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam penjagaan kesihatan serta membina kapasiti dalam genomik dan analisis bioinformatik supaya *precision medicine* dapat dilaksanakan. Simposium sehari yang dihadiri oleh 200 peserta telah diikuti dengan bengkel selama empat (4) hari dan dipenuhi dengan dialog penyelidikan serta sesi praktikal tentang bioinformatik dan genomik. Topik-topik yang dibentangkan termasuk genomik populasi, skor risiko poligenik, penjujukan sel tunggal, transkriptomi spatial, biopsi cecair dan hubungan antigen leukosit manusia dengan penyakit. Simposium ini telah menyaksikan penglibatan sektor awam dan swasta di Malaysia.



Imej 6.34 Majlis Perasmian Simposium oleh TKPK (P&ST)



Imej 6.35 Kata Alu-aluan Wakil ICESCO, Prof. Dr Raheel Qamar



Imej 6.36 Perkongsian Pengalaman daripada *Japanese Foundation for Cancer Research*

PROGRAM ASIA PACIFIC ONE HEALTH INITIATIVE ON ANTIMICROBIAL RESISTANCE (ASPIRE)

Kerintangan antimikrobial (AMR) adalah isu global yang ditangani melalui konsep *One Health*, yang menekankan keterhubungan kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar. Dalam rangka kerja ASPIRE, *Tokyo AMR One Health Conference* dan Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) bagi menangani cabaran kerintangan antimikrobial di rantau Asia Pasifik. Tiga (3) penyelidik IMR mengambil bahagian dalam *TWG Surveillance & Laboratory Network* dan *Research & Development*. Projek penyelidikan bersama yang bertajuk *Prevalence of ESBL-Producing E.Coli and Carbapenem-Resistant Enterobacterales (CRE) using a Tricycle-Based Approach in a Selected State of the Northern Region of Malaysia* akan dijalankan.

Penyelidikan ini ialah kolaborasi di antara EHRC dan Unit Bakteriologi dengan *National Institute of Infectious Diseases (NIID)* Jepun. Pelbagai agensi, termasuk JKN, hospital, klinik kesihatan, konsortium air sisa kumbahan dan syarikat konsesi air juga terlibat.



Imej 6.37 Bengkel Latihan oleh Penyelidik daripada NIID Jepun



Imej 6.38 Pengambilan Sampel Air Sisa Kumbahan, Sisa Buangan Pasar Basah dan Sungai

IMUNOLOGI TRANSPLAN

Unit Transplantasi Imunologi, AIRC menawarkan perkhidmatan ujian imunologi khusus bagi menyokong keperluan aktiviti transplan organ dan sel stem darah di Malaysia. Pada 2023, unit ini telah menerima lebih daripada 14,000 permintaan untuk ujian dari hospital atau institusi kerajaan dan swasta seluruh negara. Unit ini juga menawarkan perkhidmatan konsultasi dan latihan makmal kepada pelbagai institusi kesihatan kerajaan dan bukan kerajaan. Penyebaran maklumat mengenai bidang transplantasi imunologi dilaksanakan melalui penerbitan, pembentangan dan penganjuran bengkel.



Imej 6.39 Ujian Padanan Silang *Complement-Dependent Cytotoxicity*



Imej 6.40 Webinar IMR SEAMEO *Transplant Puzzle – Joining the Pieces Together*

Dalam usaha memperkasakan perkhidmatan transplan di Malaysia, unit ini telah menjalin kerjasama dengan Majlis Kanser Negara (MAKNA) dan Pusat Darah Negara (PDN). Melalui inisiatif penubuhan Daftar Sel Stem Malaysia (MSCR), seramai 40,000 rakyat Malaysia telah mendaftar sebagai penderma sel stem. Pelbagai mesyuarat dan bengkel telah dianjurkan bagi memperkukuh jalinan kerjasama yang sedia ada. Pada Ogos 2023, mesyuarat telah dijalankan untuk membincangkan hala tuju dan inisiatif masa hadapan yang dihadiri oleh Ketua Pusat AIRC, wakil daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, Pengurus Besar MAKNA dan Ketua Bahagian Terapi Selular PDN.



Imej 6.41 Mesyuarat MSCR bersama IMR, Bahagian Perkembangan Perubatan, MAKNA dan PDN

INSTITUT KESIHATAN UMUM (IKU)

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI (NHMS) 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHMS telah diadakan pada 28 Mac 2023 dan dipengerusikan oleh mantan KPK. Agenda mesyuarat merangkumi perbincangan mengenai dapatan NHMS 2022 yang terdiri daripada Tinjauan Kesihatan Ibu dan Anak dan Tinjauan Kesihatan Remaja (AHS). Jawatankuasa juga membincangkan kemajuan projek NHMS 2023 yang memberi tumpuan kepada penyakit tidak berjangkit dan permintaan penjagaan kesihatan di samping satu lagi projek lain iaitu *Global Adults Tobacco Survey (GATS)*. Mesyuarat ini juga menyaksikan pelancaran *NHMS Coffee Table Book*. Buku ini merakamkan temu bual dengan semua penyelidik utama yang pernah mengetuai projek NHMS untuk berkongsi pengalaman, cabaran dan kejayaan dalam mengendalikan tinjauan di peringkat kebangsaan.



Imej 6.42 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHMS 2023

MAJLIS PELANCARAN DAPATAN NHMS 2022

Pada 18 Mei 2023, Timbalan Menteri Kesihatan telah melancarkan dapatan NHMS 2022 di Dewan Serbaguna, KKM. IKU telah berjaya menjalankan dua (2) tinjauan peringkat kebangsaan, iaitu Tinjauan Kesihatan Remaja (AHS) dan Tinjauan Kesihatan Ibu dan Anak. Pengumpulan data bagi AHS telah dilaksanakan pada Jun-Julai 2022 dan ia melibatkan 239 sekolah menengah di seluruh Malaysia yang telah terpilih secara rawak. Lebih kurang 34,000 remaja berumur 13-17 tahun telah terlibat dalam tinjauan ini yang bertujuan untuk menentukan prevalens tingkah laku berisiko kesihatan dan faktor pelindung dalam kalangan remaja di Malaysia.

Bagi Tinjauan Kesihatan Ibu dan Anak pula, pengumpulan data dijalankan dalam bulan Ogos hingga Oktober 2022. Tinjauan ini melibatkan 13,832 rumah yang terpilih secara rawak di seluruh Malaysia dengan jumlah responden seramai 25,413 merangkumi ibu dengan anak berusia bawah dua (2) tahun, kanak-kanak berusia bawah lima (5) tahun serta kumpulan wanita reproduktif. Tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan status kesihatan terkini kumpulan tersebut dan dapatan daripada tinjauan akan digunakan dalam pemantauan peringkat antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh WHO di bawah indikator *United Nations' SDG* dan UHC. Penemuan utama kedua-dua tinjauan ini dalam bentuk infografik dan laporan teknikal boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi IKU.



Imej 6.43 Majlis Pelancaran Dapatan NHMS 2022 oleh Timbalan Menteri Kesihatan

PEMBENTANGAN PENEMUAN AHS KEPADA PEMEGANG TARUH DI BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Pembentangan kepada pemegang taruh telah diadakan pada 23 Mei 2023 di Bahagian Pengurusan Sekolah, KPM untuk memaklumkan dapatan NHMS AHS. Tinjauan ini merupakan projek kolaborasi dengan KPM yang bertujuan mengumpul data tentang corak tingkah laku berisiko kesihatan dan faktor pelindung dalam kalangan remaja Malaysia berumur 13-17 tahun. Projek ini diketuai oleh kumpulan penyelidik daripada IKU. Tinjauan kali ini merupakan tinjauan ketiga setelah dua tinjauan serupa dijalankan pada tahun 2012 dan 2017.



Imej 6.44 Ketua Penyelidik AHS dan Pengarah IKU bersama Pemegang Taruh KPM

NHMS 2023: SKOP PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD) DAN PERMINTAAN JAGAAN KESIHATAN (HCD)

NHMS 2023 merupakan satu kajian keratan rentas menggunakan kumpulan responden yang dapat mewakili populasi di Malaysia. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang status kesihatan terkini individu berkaitan penyakit tidak berjangkit, perubahan corak penyakit, faktor risiko dan penggunaan perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Maklumat ini juga diperlukan bagi pemantauan peringkat antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh WHO di bawah *United Nations'* SDG dan UHC.

Pengumpulan data telah dijalankan dari Julai hingga Oktober 2023 di seluruh Malaysia melibatkan temu bual secara bersemuka, penggunaan *self-administered questionnaire*, temu bual menggunakan telefon, penilaian klinikal serta pengambilan darah secara kapilari dan vena. Secara keseluruhan, terdapat 499 blok perhitungan dan 5,553 tempat kediaman telah dilawati. Peratusan keseluruhan kadar respons untuk pengumpulan data di lapangan adalah 83.20%. Seramai 5,006 (90.10%) ketua isi rumah telah terlibat dan 13,616 (92.10%) individu telah berjaya ditemu bual. Satu tinjauan kecil bagi menentukan prevalens *metabolic syndrome* dan *metabolic dysfunction-associated fatty liver disease* di Malaysia juga telah dijalankan serentak bersama NHMS 2023.



Imej 6.45 Majlis Pelancaran dan Aktiviti Pengumpulan Data NHMS 2023

GLOBAL ADULT TOBACCO SURVEY (GATS)


Tinjauan GATS merujuk kepada tinjauan isi rumah kebangsaan bagi individu yang berumur 15 tahun ke atas berkaitan penggunaan tembakau serta petunjuk yang relevan. GATS merupakan kajian kolaborasi bersama *U.S. Centers for Disease Control and Prevention* (CDC) dan WHO yang mana kajian pertama dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2011 dan kali kedua pada tahun 2023. GATS 2023 telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan di Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 11 Jun 2023. Tinjauan ini merangkumi semua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia melibatkan 5,780 isi rumah dipilih secara rawak. Aktiviti pengumpulan data telah dijalankan dari bulan Jun hingga Julai 2023. Dapatan daripada GATS akan menyokong pembangunan dasar dan strategi kesihatan awam untuk mengurangkan beban merokok di Malaysia.



Imej 6.46 Majlis Pelancaran dan Aktiviti Pengumpulan Data GATS

THE MALAYSIAN BURDEN OF DISEASE AND INJURY STUDY (MBOD)

MBOD yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Bebanan Penyakit bertujuan untuk memberikan penilaian menyeluruh terhadap penyakit dan kecederaan merangkumi kematian dan ketidakupayaan dalam kuantiti *Disability-Adjusted Life Years* (DALY). Dengan mencontohi konsep *Global Burden of Disease*, beban penyakit tertentu dan kehilangan kesihatan keseluruhan diukur melalui perbezaan antara hidup hingga tua dalam keadaan sihat atau sebarang perbezaan daripada keadaan sihat akibat penyakit, kecederaan, hilang upaya atau kematian. Beberapa siri perbincangan telah dijalankan dengan beberapa kumpulan pakar mengikut jenis penyakit. Sehingga hari ini, projek MBOD masih berjalan dengan senarai terbaharu sebanyak 162 jenis penyakit dan kecederaan berbanding kajian terdahulu dengan 112 sahaja.



Imej 6.47 Mesyuarat Pemurnian Data Bebanan Penyakit di Malaysia bagi *Diabetes Mellitus, Endocrine, Blood & Immune Disorders, Cardiovascular & Circulatory Disease and Neoplasms*



Imej 6.48 Bengkel Analisis Data dan Penulisan Laporan

INSTITUT PENYELIDIKAN KLINIKAL (ICR)

ICR komited untuk memajukan bidang kesihatan melalui penyelidikan klinikal berkualiti tinggi. Pada 2023, ICR terus memainkan peranan penting dalam menghasilkan pengetahuan perubatan berasaskan bukti untuk membentuk dasar dan amalan kesihatan.

ICR mencatatkan kemajuan yang ketara dalam penerbitan akademik, sejumlah 161 manuskrip diterbitkan di mana 124 manuskrip telah diterbitkan di peringkat antarabangsa, justeru menggambarkan jangkauan global institut ini, manakala yang lain diterbitkan dalam jurnal tempatan. Selain itu, ICR terus menyediakan perkhidmatan Klinik Konsultasi Penyelidikan (RCC) di semua 37 rangkaian Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) untuk kakitangan KKM dan lain-lain termasuk pihak antarabangsa.

Pada 2023, sebanyak 587 projek penyelidikan telah dijalankan oleh ICR dan CRC di seluruh Malaysia, menunjukkan usaha besar dalam memajukan pengetahuan perubatan. Ini termasuk 398 projek *investigator-initiated research* (IIR) dan 189 projek penyelidikan tajaan industri (ISR) termasuk Percubaan Klinikal Fasa 1 yang mencerminkan pelbagai usaha kerjasama antara KKM, bukan KKM dan institusi antarabangsa.

ICR telah memenangi tempat kedua dalam trek sosial Anugerah Inovasi Utama Sektor Awam 2023 untuk projek penyelidikan bertajuk *Research and Development of a Cough Sound Artificial Intelligence (A.I.) for the Detection of COVID-19 (Cof'e)* dan anugerah ini telah disampaikan oleh Perdana Menteri. Cof'e adalah aplikasi pra-saringan COVID-19 dalam talian yang dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan (AI) dan merupakan projek inovasi dari Unit Penyelidikan & Inovasi Kesihatan Digital (DHRi).

PERSIDANGAN PENYELIDIKAN KLINIKAL KEBANGSAAN (NCCR) KE-16

NCCR ke-16 telah diadakan bersama-sama dengan sambutan ulang tahun ke-20 CRC Hospital Umum Sarawak (CRC HUS) dan Hari Penyelidikan Negeri Sarawak pada 20-22 September 2023 di Waterfront Hotel, Kuching, Sarawak. Pengarah ICR dan Ketua CRC HUS merupakan penganjur persidangan dan pengerusi saintifik.

Persidangan yang bertemakan *Quantum Leap in Research Leadership* telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan juga dimeriahkan dengan kehadiran mantan-mantan Pengarah ICR. Kemuncak persidangan ini adalah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara NIH dan Pusat Penyakit Berjangkit Sarawak (SIDC).

Seramai 364 delegasi dan 46 barisan ahli fakulti dari Malaysia dan seluruh dunia menyertai persidangan ini. Meneruskan tradisi sejak 2015, Anugerah Penyelidikan Dr. Wu Lien-Teh, yang diwujudkan untuk menghormati legasi Dr. Wu dan mempromosikan penyelidikan telah dianugerahkan kepada Dr. Masliyah Husin dan Nicholas Hing Yee Liang bagi Anugerah Penyelidik Muda dan Anugerah Poster Saintifik Terbaik. Sebanyak 189 abstrak telah diterima dan 176 abstrak dibentangkan di NCCR. Seterusnya 153 abstrak telah diterbitkan dalam *Medical Journal of Malaysia*, Jilid 78, Suplemen 3, November 2023.



Imej 6.49 Persidangan NCCR ke-16 2023 sempena Ulang Tahun ke-20 CRC HUS dan Hari Penyelidikan Negeri Sarawak

UNIT FASA 1 YANG PERTAMA DIDAFTARKAN SEPENUHNYA DI MALAYSIA: CRC HUS

Pada Disember 2019, susulan Garis Panduan untuk Program Pemeriksaan dan Akreditasi Unit Fasa I yang diterbitkan pada tahun 2018, CRC HUS telah melakar kejayaan dalam memajukan penyelidikan klinikal. Ia menjadi fasiliti pertama di KKM dan Malaysia yang diberi pensijilan sementara di bawah Program Akreditasi Unit Fasa 1 oleh Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA). Pada Julai 2023, CRC HUS menjalani pemeriksaan NPRA untuk pensijilan penuh sebagai fasiliti Unit Fasa I dan telah menerima status pensijilan penuh pada Disember 2023.

Akreditasi CRC HUS sebagai Unit Fasa I memainkan peranan penting dalam pembangunan perubatan di peringkat fasa awal di Malaysia. Akreditasi yang diperoleh membuktikan kepada pemegang taruh termasuk penaja, badan pengawalseliaan dan komuniti saintifik bahawa CRC HUS komited dalam mengekalkan piawaian tertinggi dalam penyelidikan klinikal.

Penubuhan fasiliti percubaan klinikal yang diiktiraf dan infrastruktur sokongannya yang mempunyai potensi untuk menarik lebih banyak pelaburan dan kerjasama, seterusnya memperluaskan skop penyelidikan pembangunan ubat-ubatan peringkat awal di Malaysia. Di samping itu, kejayaan dalam implementasi percubaan klinikal fasa awal akan meningkatkan keyakinan penaja, yang secara tidak langsung akan menarik lebih banyak kajian fasa II dan III ke dalam negara.

Pencapaian ini menekankan komitmen CRC HUS dan ICR untuk mengekalkan piawaian tertinggi dalam penyelidikan klinikal, dalam memastikan pematuhan terhadap keperluan peraturan dan memupuk persekitaran penyelidikan yang selamat dan kondusif. Ia merupakan langkah penting dalam misi ICR untuk menyumbang kepada kemajuan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan pesakit, di samping mengukuhkan kedudukan sebagai institusi perintis dalam bidang penyelidikan klinikal di KKM.



Imej 6.50 Bengkel Analisis Data dan Penulisan Laporan

BENGKEL PENULISAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN PERUBATAN PALIATIF

Pusat Epidemiologi Klinikal (CCE) dengan kolaborasi Jawatankuasa Kerja Teknikal Penyelidikan bagi Pembangunan Perkhidmatan Paliatif Kebangsaan KKM telah menganjurkan Bengkel Penulisan Penyelidikan Perubatan Paliatif. Seramai 30 peserta daripada pelbagai jabatan merangkumi KKM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan juga pertubuhan NGO telah menghadiri bengkel yang diadakan di NIH pada 23 Oktober 2023.

Seramai empat (4) orang doktor pakar pelatih telah membentangkan kertas cadangan penyelidikan dan mendapat pelbagai maklum balas bagi membantu menambah baik dan memperhalusi kertas cadangan penyelidikan mereka. Bengkel tersebut juga bertujuan untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan untuk berkecimpung dengan lebih aktif dalam bidang penyelidikan klinikal.



Imej 6.51 Bengkel Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan Perubatan Paliatif 2023

MENGENAL PASTI PETUNJUK KUALITI PENJAGAAN PESAKIT KANSER DI PENGHUJUNG HAYAT DI MALAYSIA: KAJIAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN KAEDAH *MODIFIED DELPHI*

Kajian penyelidikan menggunakan kaedah *modified Delphi* ini bertujuan untuk menggubal satu senarai petunjuk kualiti yang berpandukan pendapat dan konsensus sekumpulan pakar bagi menilai tahap kualiti penjagaan pesakit kanser di penghujung hayat untuk digunakan dan diaplikasikan di Malaysia. Selepas menjalankan *scoping review*, kajian ini telah menjalani beberapa pusingan tinjauan dalam talian bagi mencapai konsensus panel pakar daripada pelbagai disiplin yang berpengetahuan dan mempunyai pengalaman luas

berkaitan penjagaan pesakit kanser di penghujung hayat. Kajian ini merupakan kolaborasi antara ICR, Jabatan Perubatan Paliatif Hospital Selayang dan HOSPIS Malaysia. Kajian penyelidikan yang menggunakan kaedah *modified Delphi* sebanyak lima (5) pusingan ini telah dijalankan sepanjang April 2023 hingga Januari 2024.

KAJIAN REALITI MAYA PADA *GENERALISED ANXIETY DISORDER*

Teknologi realiti maya bukanlah perkara baharu dalam bidang kesihatan. Kemajuan teknologi ini dalam kesihatan adalah amat memberangsangkan dekad ini. Beberapa negara telah menggunakan teknologi ini sebagai rutin dalam perkhidmatan kesihatan termasuk dalam kesihatan mental. Unit DHRi menjalankan satu kajian keberkesanan serta penerimaan teknologi ini khususnya dalam perkhidmatan kesihatan mental.


Kaedah penyelidikan secara *open label randomised controlled trial* telah dilaksanakan bagi mengendalikan *generalised anxiety disorder*. Kajian ini melibatkan lima (5) hospital di seluruh Malaysia yang terdiri daripada pakar psikiatri dari Hospital Kulim, Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Sultanah Aminah, Hospital Permai dan Hospital Sultanah Nur Zahirah melibatkan 80 subjek. Pesakit pertama telah direkrut pada bulan Februari 2023 dan subjek terakhir direkrut pada bulan Oktober 2023. Kini kajian adalah dalam peringkat pengemaskinian serta analisis data.



Imej 6.52 Lawatan Permulaan di Hospital Sultanah Aminah, Johor & Bengkel Pemindahan Teknologi di Shah Alam

MULTICENTRE RANDOMISED CONTROL TRIALS (RCT)

Pada 2023, terdapat peningkatan jumlah kajian IIR yang dijalankan. Antara kajian yang ketara adalah seperti *Effect of High Dose Intravenous Vitamin C as an Adjunct in the Treatment of Patients with Severe Pneumonia in Intensive Care Unit: A Multi-Center, Double-Blinded, Two-Arm, Placebo-Controlled, Randomised Trial* (VISCEP), *Early Intravenous to Oral Antibiotic Switch in Uncomplicated Staphylococcus Aureus Bacteraemia* (EVOS) dan *Impact of Medications Review on Potentially Inappropriate Medications and Clinical Outcomes Among Hospitalised Older Adults* (REVMED) sedang dijalankan dan RCT ini dijangka akan selesai pada tahun 2025.



Rajah 6.17 Infografik Berkaitan Multicentre RCT



Imej 6.53 Lawatan Permulaan VICSEP di Hospital Sultanah Bahiyah

BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS: INTRODUCTION TO CLINICAL RESEARCH* VERSI 2.0

Bengkel *Introduction to Clinical Research* dilaksanakan untuk merangsang minat dalam penyelidikan klinikal dalam kalangan kakitangan KKM sejak 2013. Sejak itu, penyelidikan klinikal telah berkembang pesat, melangkaui pendekatan pemerhatian tradisional dan ujian klinikal yang merangkumi elemen seperti data raya, kecerdasan buatan, peranti perubatan, bahan biologi dan metodologi yang canggih seperti metodologi kajian yang bersifat adaptif.

Menyedari perkembangan ini, pada tahun 2023 ICR telah mengemaskini modul dan slaid pembentangan untuk Bengkel *Introduction to Clinical Research*. Selain itu, ICR menganjurkan Bengkel *Training of Trainers: Introduction to Clinical Research* khusus untuk kakitangan dalam rangkaian CRC. Objektifnya adalah untuk membekalkan pegawai-pegawai CRC dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyampaikan modul yang dikemas kini dan melatih penceramah pelapis. Bengkel ini telah dijalankan di kawasan Pantai Timur, Selatan dan Lembah Klang. Sehingga kini, sejumlah 63 peserta dari CRC telah dilatih menggunakan modul baharu.




Imej 6.54 Bengkel Training of Trainers: Introduction to Clinical Research

PENYELIDIKAN KERINTANGAN ANTIMIKROBIAL (AMR)

AMR adalah salah satu ancaman kesihatan awam global yang paling tinggi. Ia merupakan punca utama kematian di seluruh dunia dengan beban tertinggi dalam negara berpendapatan rendah dan sederhana. Penggunaan antibiotik yang berleluasa telah direkodkan membawa kepada perkembangan dan penyebaran AMR. WHO telah mengeluarkan strategi global untuk membendung rintangan antimikrobial pada tahun 2001, termasuklah langkah untuk menggalakkan penggunaan antibiotik yang rasional dan bijak. Antara strategi utama yang disyorkan ialah program surveilan antimikrobial, termasuk pembangunan garis panduan dasar antibiotik. Selain itu, pemantauan preskripsi antibiotik adalah antara keutamaan penyelidikan yang diketengahkan dalam agenda penyelidikan global WHO untuk AMR dalam kalangan manusia.

ICR telah aktif menjalankan pelbagai penyelidikan berkaitan penggunaan antibiotik dan AMR dalam penjagaan kesihatan di Malaysia. Antara aspek yang dilihat termasuk kecenderungan penggunaan antibiotik dalam penjagaan kesihatan awam dan swasta serta kecenderungan kerintangan antimikrobial organisma dalam kesihatan awam. Penemuan kajian telah diterbitkan dalam jurnal seperti *Antibiotics*, *BMC Public Health* serta *BMC Infectious Diseases* dan dimuat naik di laman sesawang *Malaysia One Health Antimicrobial Resistance (MyOHAR)*.

Publications (Human Health)



Imej 6.55 Penerbitan berkaitan Penyelidikan AMR

INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN (IHSR)

IHSR ialah institut penyelidikan di bawah KKM yang ditubuhkan pada tahun 2002. IHSR menjalankan penyelidikan sistem kesihatan dan menyediakan program pembangunan kapasiti metodologi dan perkhidmatan perundingan untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia. IHSR dilantik sebagai Pusat Kolaborasi WHO (WHOCC) untuk penyelidikan sistem kesihatan dan peningkatan kualiti dari tempoh 2021-2025.

PENYELIDIKAN DALAM SISTEM KESIHATAN: PEMANGKIN TRANSFORMASI SISTEM KESIHATAN

IHSR berperanan memajukan sistem kesihatan di Malaysia dengan meningkatkan kefahaman berdasarkan bukti untuk peningkatan kualiti penjagaan kesihatan. IHSR juga berperanan terhadap penyelidikan meliputi polisi kesihatan, ekonomi kesihatan, ekuiti kesihatan, penyampaian perkhidmatan, peningkatan kualiti dan hasil kesihatan.

THE COVID-19 CHRONICLES OF MALAYSIA I COURSING FORWARD: EMBRACING RIPPLES (BOOK 6)

Penerbitan *The COVID-19 Chronicles of Malaysia* diakhiri dengan keluaran edisi keenam yang juga terakhir iaitu *Coursing Forward: Embracing Ripples (Book 6)* pada Mac 2023. Siri ini secara komprehensif mendokumentasikan peristiwa yang berlaku dan pelbagai usaha kerajaan Malaysia untuk mengharungi cabaran akibat pandemik COVID-19. Ia bertujuan untuk menjadi panduan dan arkib untuk rujukan generasi akan datang. Siri dokumentasi ini boleh diakses di laman sesawang IHSR.




Imej 6.56 *The COVID-19 Chronicles of Malaysia*

SARINGAN KANSER SERVIK: SIMULASI AMALAN TERBAIK UNTUK MENCAPAI SASARAN (PROJEK SIMUCERVS)

Projek SimuCervS ini telah mula dijalankan bermula pertengahan tahun 2022 dan berakhir pada Jun 2024. Objektif kajian ini adalah untuk melihat impak peralihan daripada kaedah sitologi kepada ujian HPV serta peningkatan liputan saringan secara berperingkat dan impaknya ke atas eliminasi kanser serviks. Hasil kajian projek ini telah dibentangkan kepada beberapa pemegang taruh, antaranya ialah kepada Bahagian Pembangunan Sektor Keluarga (BPKK), Jawatankuasa Pemandu Eliminasi Kanser Serviks dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). Terkini, hasil kajian SimuCervS turut dibentangkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) dalam Mesyuarat Khas KPK Khas pada Januari 2024. Selain daripada pembentangan kepada pemegang taruh, pembentangan saintifik juga turut

diutamakan. Setakat ini, projek penyelidikan ini telah menghasilkan empat (4) pembentangan poster saintifik. Untuk bahan penerbitan pula, projek SimuCervS juga telah menerbitkan satu (1) dokumen rumusan yang bertajuk *Summary of Key Findings – SimuCervS*, dua (2) *research highlights* dan satu (1) artikel telah diterbitkan di jurnal. Terdapat beberapa manuskrip yang masih lagi dalam semakan pihak jurnal.



Imej 6.57 Projek SimuCervS

NURSING-SENSITIVE INDICATORS: A LITERATURE REVIEW


IHSR dengan kerjasama Bahagian Kejururawatan telah melaksanakan inisiatif strategik untuk memperkukuh kualiti penjagaan kejururawatan di peringkat kebangsaan. Projek ini melibatkan dua (2) aktiviti penting iaitu *literature review* yang komprehensif dan penglibatan pemegang taruh terhadap penyelidikan bidang kritikal yang perlu dipantau bagi penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan semasa yang berkualiti. Berdasarkan dapatan yang dikumpul daripada pendekatan dua fasa berulang, satu cadangan diusulkan bagi menubuhkan satu kumpulan pakar bagi pemantauan *nursing-sensitive indicators*.



Imej 6.58 Bengkel *Nursing-Sensitive Indicators*

ANALISIS SITUASI JABATAN KECEMASAN HOSPITAL KKM: ANALISIS GEOSPATIAL TERHADAP KEBOLEHCAPAIAN KEPADA FASILITI PENJAGAAN KESIHATAN

Projek ini dilaksanakan sebagai tindak balas terhadap isu kesesakan di jabatan kecemasan hospital KKM. IHSR terlibat secara aktif dalam menjana bukti saintifik dan menjalankan analisis situasi untuk membantu dalam pembangunan strategi untuk menangani isu ini. Kajian ini tertumpu terutamanya pada menilai ketersediaan dan kebolehcapaian kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Penemuan kajian mempunyai potensi untuk diaplikasikan dalam perancangan infrastruktur dan penggubalan dasar kesihatan yang berkaitan dengan akses, seperti rujukan atau pengalihan kes antara rangkaian perkhidmatan atau kemudahan, termasuk kerjasama antara sektor awam dan swasta.





Imej 6.59 Analisis Situasi Jabatan Kecemasan Hospital KKM

PENYELIDIKAN EKONOMI KESIHATAN

Pada 2023, terdapat dua (2) kajian utama telah dijalankan. Pertama, kajian komprehensif berkenaan implikasi kewangan oleh penyakit kanser, khususnya memfokuskan pada anggaran kos dan kemampuan dalam demografi berpendapatan rendah. Kesimpulan kajian itu dimuktamadkan dengan pembentangan akhir pada 17 Ogos 2023, di mana penemuan utama telah dikongsi kepada pihak berkepentingan daripada Bahagian Perancangan dan *Protect Health Corporation*. Maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini juga dilengkapi dengan inisiatif kerajaan seperti program PeKa B40, memberikan bukti berharga untuk anggaran masa depan dan pertimbangan dasar dengan *research highlights* serta maklumat infografik tersedia untuk disebar.

Selain itu, mengambil kira terhadap keperluan untuk meningkatkan kadar kelangsungan hidup bagi serangan jantung di luar hospital dengan menjadikan *automated external defibrillators* (AED) lebih mudah diakses, kajian bersama telah dilancarkan untuk menilai keberkesanan kos dan keberkesanannya dalam situasi kehidupan sebenar, selaras dengan usaha kerajaan untuk memperluaskan ketersediaan kemudahan tersebut. Satu kajian bertajuk *Keberkesanan Kos Penggunaan AED di Lokasi Awam Terpilih di Pulau Pinang* (CAEDiP) telah dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pemacu kos dan faktor pemudah cara, membolehkan pembuat dasar mengoptimumkan penggunaan AED semasa pelancaran dan menilai keseimbangan antara pelaburan kewangan dan faedah tersedia.



Imej 6.60 Projek Kajian Implikasi Kewangan Terhadap Penyakit Kanser

INISIATIF BINA UPAYA: PEMERKASAAN KECEMERLANGAN SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN

IHSR memupuk kebolehan membuat keputusan berdasarkan bukti dalam bidang kritikal, seperti penyelidikan pelaksanaan, peningkatan kualiti dan ekonomi kesihatan bagi melengkapkan kakitangan profesional penjagaan kesihatan dengan kemahiran tinggi untuk aplikasi praktikal. Integrasi strategik penyelidikan dengan inisiatif bina upaya ini menyokong pengukuhan sistem modul penjagaan kesihatan, serta menyumbang kepada peningkatan amalan penjagaan kesihatan dan penggubalan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar kesihatan yang berkesan.

IMPLEMENTATION RESEARCH WORKSHOP

Dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri, JKN Selangor, bengkel ini bertujuan mendedahkan peserta dengan asas yang kukuh dalam Pelaksanaan Penyelidikan (IR). Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 31 peserta daripada pelbagai unit gabungan JKN Selangor. IHSR telah memperkenalkan konsep dan prinsip utama IR dengan demonstrasi aplikasi secara praktikal.

Keputusan yang diperoleh daripada penilaian pra dan pasca bengkel telah menunjukkan peningkatan pemahaman dalam kalangan majoriti peserta dalam aspek pengetahuan IR kecuali domain Bagaimana. Persepsi dan pengetahuan yang berkaitan dalam IR telah bertambah baik dalam kalangan peserta. Diharapkan peserta dapat mengenal pasti strategi dan aktiviti untuk melibatkan pihak pemegang taruh utama dalam penyebaran penterjemahan bukti kajian dan untuk menentukan hasil penyelidikan pelaksanaan.



Imej 6.61 *Implementation Research Workshop*

BENGKEL EKONOMI KESIHATAN

IHSR dengan kerjasama Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Chang Jung Christian University dan National Yunlin University of Science & Technology, Taiwan telah menganjurkan *International Workshop on Healthcare Efficiency and Productivity Analysis* pada 11 April 2023 yang dihadiri oleh 226 peserta tempatan dan antarabangsa.

Bengkel ini bertujuan untuk memupuk kerjasama dalam kalangan pakar dan penyelidik tentang penjagaan kesihatan serta bertukar pandangan tentang analisis kecekapan dan produktiviti dalam sektor penjagaan kesihatan. Sesi terlibat termasuk perbincangan mengenai kecekapan hospital kluster, dengan pembentangan seperti *The Efficiency of Resource Allocation in Highly Coordinated Hospital Clusters: A Case Study in the Hospital Sector of Hong Kong* oleh Profesor Madya Dr. Ying Chu Ng dan Profesor Madya Dr. Son Nghiem mendedahkan berkenaan analisis kecekapan dalam penjagaan kesihatan, iaitu menekankan potensi penambahbaikan melalui pengajaran daripada pelbagai kemudahan kesihatan. Ketua Pusat CHeER, telah membentangkan *Data Envelopment Analysis for Ambulance Services in the Ministry of Health Malaysia*. Bengkel itu menandakan permulaan usaha kolaboratif untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem penjagaan kesihatan.


Selain itu, IHSR menjalankan bengkel *Markov Modelling for Health Economics Evaluation* di mana ianya telah menarik 38 profesional penjagaan kesihatan dengan pemahaman asas tentang Analisis Keberkesanan Kos (CEA). Bengkel ini bertujuan untuk menyediakan peserta dengan pandangan tentang aplikasi praktikal Pemodelan Markov dalam penilaian ekonomi, meliputi topik seperti membina model dalam Microsoft Excel dan menjalankan analisis sensitiviti.



Imej 6.62 *International Workshop on Healthcare Efficiency and Productivity Analysis 2023*

BENGKEL PENULISAN UNTUK *Q BULLETIN: POLISH & PUBLISH*

Bengkel Penulisan *Q Bulletin: Polish & Publish* telah dianjurkan oleh IHSR di NIH pada 7-9 Mac 2023 adalah bertujuan untuk membimbing penulis dalam memahami dan memperhalusi Jaminan Kualiti (QA) dan Penambahbaikan Kualiti (QI) manuskrip. Bengkel ini juga merangkumi pengambilan pegawai yang dikenal pasti untuk dilatih sebagai penyemak. Penyertaan pengarang dan pengulas daripada pelbagai latar belakang dapat memupuk perbincangan dan perkongsian ilmu, seterusnya mengukuhkan kemahiran menulis dan mengkritik yang akhirnya akan menyumbang kepada kualiti artikel yang diterbitkan dalam *Q Bulletin*.



Imej 6.63 Bengkel *Writing for Q Bulletin: Polish & Publish*

BENGKEL QA: COMMENT & CRITIQUE

IHSR telah menganjurkan satu bengkel memfokuskan komen dan kritikan selama dua (2) hari untuk pelbagai kakitangan profesional kesihatan yang berasal daripada pelbagai fasiliti kesihatan di Terengganu. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penyemak dan penilai projek QA dan QI. Para peserta telah didedahkan kepada seni pertukaran peranan antara peranan penyemak dan penilai, serta membangunkan teknik mengutarakan kritikan yang membina.



Imej 6.64 Bengkel QA: *Comment & Critique*

SPOTLIGHT ON QUALITY: THE Q BULLETIN

Pada Julai 2023, edisi khas *Q Bulletin* yang memaparkan Konvensyen QA Kebangsaan ke-11 2022 telah diedarkan. Isu khas ini merangkumi setiap aspek organisasi konvensyen daripada perancangan hingga keseluruhan jadual acara. *Q Bulletin* Jilid 1, No. 32 dikeluarkan kemudian, sebaliknya meliputi pelbagai topik melalui enam (6) artikel yang memfokuskan pada kajian peningkatan kualiti peringkat kemudahan dengan intervensi yang menyasarkan pesakit, pekerja penjagaan kesihatan atau kedua-dua kumpulan.



Imej 6.65 *Q Bulletin*

INSTITUT PENGURUSAN KESIHATAN (IHM)

TALENT GROOMING PROGRAMME (TGP) INSPIRATIONAL LEADERSHIP PODIUM 1/2023

Pada 2023, TGP *Inspirational Leadership Podium Series* telah berjaya dijalankan sebanyak dua (2) kali. Siri podium ini merupakan platform untuk tokoh yang terkemuka berkongsi pengalaman mengemudi organisasi dan pengetahuan kepimpinan sepanjang kerjaya mereka. Di samping itu, podium ini juga disiarkan secara langsung secara dalam talian melibatkan lebih kurang 1,000 warga KKM seluruh negara. Acara ini anjuran TGP Kohort 10 dan 12 bersama Sekretariat TGP di NIH.

Siri podium pertama telah dianjurkan oleh TGP Kohort 10 pada 16 Mac 2023 bertemakan *Leadership Resilience: Conquering Uncertainty and Setbacks*. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU Associates telah dijemput bagi podium tersebut dan telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai rahsia kepimpinan transformasi antaranya kepimpinan situasi dan disiplin pada tindakan.



Imej 6.66 TGP *Inspirational Leadership Podium 1/2023*

TGP INSPIRATIONAL LEADERSHIP PODIUM 2/2023

Siri podium kedua yang bertemakan *Dawn of a New Era: Re-inventing Healthcare* telah dianjurkan oleh Kumpulan TGP Kohort 12 pada 30 Ogos 2023. Tan Sri Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, mantan Menteri Kesihatan Malaysia sebagai penceramah jemputan telah berkongsi secara mendalam mengenai hubungan kait antara kesihatan dan politik dalam merealisasikan reformasi kesihatan negara iaitu Kertas Putih Kesihatan (HWP) di samping pengalaman beliau sebagai mantan Menteri Kesihatan.



Imej 6.67 TGP Inspirational Leadership Podium 2/2023

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL TAMAT TGP

Pada 23 Jun 2023, seramai 19 Alumni TGP telah menerima Sijil Tamat TGP daripada Menteri Kesihatan dalam Majlis Penyampaian Sijil Tamat TGP sempena Perhimpunan Bulanan KKM (Jun 2023) yang bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 8, Blok E7, Kompleks E, Putrajaya.



Imej 6.68 Majlis Penyampaian Sijil Tamat TGP


KAJIAN BERKAITAN KELESTARIAN PELAKSANAAN *LEAN* DI HOSPITAL KKM

KKM telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti modul latihan untuk kesedaran *lean*, *Training of Trainers for Lean Advance* dan pelantikan *lean champion* bertujuan untuk mengiktiraf kepentingan kelestarian *lean*. Kini, KKM telah memutuskan untuk memperkasakan JKN di Malaysia bagi mengekalkan pelaksanaan *lean* di fasiliti kesihatan di bawah pentadbiran mereka dengan pembentukan *State Flying Squad*. Kesemua inisiatif ini menunjukkan bahawa perancangan untuk kelestarian *lean* sentiasa berada dalam agenda KKM.

IHM telah memulakan kajian bagi menilai kemampuan pelaksanaan *lean* di hospital di bawah KKM. Secara khususnya, penyelidik dapat mengenal pasti faktor penting untuk kelestarian *lean* di hospital KKM. Kajian ini menggunakan pendekatan *mixed-method* dengan tiga (3) fasa yang menjangkau lebih satu setengah tahun. Aktiviti-aktiviti kajian dalam fasa pertama adalah menjalankan *scoping review*, *in-depth interviews* dan proses validasi rangka kerja oleh *lean experts*, pembentukan senarai semak daripada rangka kerja yang disahkan diikuti dengan kajian rintis bagi menguji senarai semak melibatkan kerja lapangan di hospital di dalam enam (6) wilayah di Malaysia. Penemuan awal ini digunakan untuk membentuk strategi bagi kelestarian *lean* di KKM dan telah dibentangkan kepada penggubal dasar dari Bahagian Pembangunan Perubatan KKM. Fasa ketiga kajian sedang berlangsung dengan keseluruhan kajian dijangka tamat menjelang pertengahan 2024.



Imej 6.69 Penglibatan dengan *Lean Experts* dari UniKL



Imej 6.70 Pelaksanaan *Lean* di Hospital Sungai Buloh

KAJIAN DALAM KALANGAN *DIABETES EDUCATORS (DE) IN PRIMARY HEALTH CLINICS, NEGERI SEMBILAN*

Dari Disember 2021 hingga Ogos 2023, IHM telah menjalankan kajian tertumpu kepada DE bertajuk *Understanding the Role of Diabetes Educators and Measuring their Time Spent for Diabetes Care in Ministry of Health Primary Health Clinics, Negeri Sembilan*. Kajian bertujuan untuk mendalami peranan DE dalam penjagaan diabetes, mengukur penggunaan masa oleh DE dan menerokai faktor yang membantu serta menghalang peranan mereka di klinik kesihatan.

Kajian ini juga merupakan kajian *mixed-method* yang dilaksanakan dalam tiga (3) fasa. Antara penemuan kajian adalah DE memperuntukkan masa untuk tugas yang dijalankan merentasi lima (5) domain iaitu penjagaan diabetes, penjagaan bukan diabetes, peranan sokongan, pentadbiran dan peribadi. Penjagaan bukan diabetes merangkumi tugas yang berkaitan dengan menguruskan penyakit tidak berjangkit lain seperti pesakit hipertensi dan kes pesakit luar yang lain. Di antara domain ini, DE menghabiskan majoriti masa mereka untuk penjagaan diabetes (69.0%), di mana kebanyakan masa diperhatikan untuk aktiviti tidak langsung dalam penjagaan diabetes (61.30%) seperti mendokumentasi pesakit dan menghadiri kursus.

Kajian dapat mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan masa mereka untuk penjagaan diabetes di klinik kesihatan. Dapatan kajian ini telah dibentangkan kepada pemegang taruh di JKN Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2023.



Imej 6.71 Pembentangan Kajian dalam Kalangan DE di Klinik Kesihatan di JKN Negeri Sembilan

INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAH LAKU KESIHATAN (IPTK)

IPTK telah ditubuhkan pada tahun 2006. Fungsi utama institut ini adalah untuk menjalankan penyelidikan, latihan dan khidmat nasihat dalam bidang sains tingkah laku kesihatan. Tugas khusus IPTK boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu menjalankan kajian penentu tingkah laku kesihatan, kajian tingkah laku berisiko kesihatan, kajian intervensi promosi kesihatan, penilaian program, behaviour insights, pembangunan instrumen dan komunikasi kesihatan.

PENYELIDIKAN

IPTK telah berjaya melaksanakan pelbagai kajian dalam bidang tingkah laku kesihatan. Hasil kajian telah dibentangkan kepada pemegang taruh untuk menangani pelbagai isu dan meningkatkan tahap kesejahteraan kesihatan masyarakat. Pada 2023, IPTK telah menjalankan 28 kajian berkaitan tingkah laku kesihatan seperti dalam **Jadual 6.16**.

Jadual 6.16 Penyelidikan yang Dijalankan Mengikut Bidang Keutamaan Penyelidikan 2023

Kluster	Bilangan
Penyakit tidak berjangkit	8
Komponen gaya hidup sihat	10
Teknologi digital dalam menilai tingkah laku berisiko	3
Tingkah laku pencegahan	3
Komunikasi kesihatan	1
Penggunaan bahan	1
Komuniti yang terpinggir	1
Berkaitan vaksin	1

PENERBITAN

Jadual 6.17 Artikel yang Diterbitkan sebagai Pengarang Utama 2023

Artikel	Jurnal
<i>Readiness to Quit Smoking among Registered Smokers at the Quit Smoking Clinic Services in Malaysia</i>	<i>Southeast Asia Psychology Journal</i>
<i>Facilitators and Barriers to Latent Tuberculosis Infection Treatment among Primary Healthcare Workers in Malaysia: A Qualitative Study</i>	<i>BMC Health Services Research</i>
<i>A Scoping Review on Factors Influencing Milk Consumption Behaviour among Adults</i>	<i>International Journal of Public Health Research</i>
<i>Lifestyle and Preventive Behaviours Among Adults During the Early Phase of the COVID-19 Movement Control Order (MCO) In Malaysia</i>	<i>Journal of Education and Health Promotion</i>
<i>Globalization and the Health and Well-Being of Migrant Domestic Workers in Malaysia</i>	<i>Global Health</i>
<i>Facilitators and Barriers for Tuberculosis Preventive Treatment Among Patients with Latent Tuberculosis Infection: A Qualitative Study</i>	<i>BMC Infectious Diseases</i>
<i>Community Participation and Volunteering Among Orang Asli during Measles Outbreak in Kelantan: An Ethnography Perspective</i>	<i>Academic Research in Business and Management Sciences (IJ-ARBSS)</i>
<i>Identifying Information, Motivation & Behavioural Factors and Its' Relation to Diabetes Self-Care: A Qualitative Study among People with T2DM</i>	<i>International Journal of Nursing and Health Service</i>
<i>The Relationship between Health Literacy and Physical Activity Level among Malaysians: Using the Malaysian Healthy Lifestyle Index (MHLI)</i>	<i>International Journal for Multidisciplinary Research</i>
<i>Help-Seeking Behaviours among Suicide Survivors</i>	<i>International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences</i>
<i>Association of Health Literacy and Socio-Demographic Factors among Malaysian Adults: Findings from National Health Morbidity Survey (NHMS) 2019</i>	<i>International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences</i>
<i>The Risk of Vaccine-Preventable Diseases to Children: What the Parents Perceive</i>	<i>International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences</i>
<i>Development and Item Analysis of a Self-Reporting Instrument to Capture Children's Knowledge and Behaviours on Zoonotic-Related Diseases from Household Pets</i>	<i>International Journal for Multidisciplinary Research</i>
<i>A Qualitative Study on Health Information Needs on Non-Communicable Diseases among Rural Communities in Sarawak, Malaysia</i>	<i>International Journal of Social Policy and Society (IJSPS)</i>
<i>Alternative Practices of Vaccination among Parents in Selangor, Malaysia</i>	<i>International Journal for Multidisciplinary Research (IJFMR)</i>
<i>Use of Artificial Intelligence Tools for Diabetes Care: Protocol for Exploring Patient Attitude and Perspective</i>	<i>Malaysian Journal of Qualitative Research (MJQR)</i>
<i>An Online Survey on the Acceptance of COVID-19 Vaccine</i>	<i>Malaysian Journal of Health Promotion</i>
<i>Psychological Effects of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) amongst Healthcare Workers</i>	<i>Malaysian Journal of Health Promotion</i>
<i>Preferences for Healthcare Services among Key Populations in Malaysia: A Qualitative Study</i>	<i>Malaysian Journal of Health Promotion</i>

PENCAPAIAN PUSAT KOMPETENSI & PENDIDIKAN LANJUTAN PROMOSI KESIHATAN: UNIT *BEHAVIOURAL INSIGHTS* (BI)

Unit BI telah melaksanakan beberapa aktiviti, menandakan komitmen berterusannya untuk memajukan pemahaman dan pelaksanaan amalan tingkah laku kesihatan berasaskan bukti. Antara kejayaan yang dicapai adalah:

- i. Berperanan di dalam membangunkan draf resolusi *Behavioural Sciences for Better Health* di Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-76 di Geneva pada 23 Mei 2023 sehingga resolusi ini diterima
- ii. Melaksanakan sesi perundingan di peringkat antarabangsa dengan berkongsi kepakaran berhubung pembangunan fungsi BI dalam kesihatan awam kepada negara-negara anggota WHO dari Rantau Afrika dan Brunei Darussalam
- iii. Melaksanakan Bengkel *Behavioural Insights for Better Health* dengan kerjasama WHO Malaysia, Brunei Darussalam, dan Singapura dan telah disertai oleh 35 orang Pegawai Pendidikan Kesihatan dari pelbagai daerah di seluruh negara termasuk dua (2) orang dari Negara Brunei Darussalam telah dilatih
- iv. Mengambil bahagian dalam perundingan negara anggota mengenai Komunikasi untuk Kesihatan (C4H) di Rantau Pasifik Barat WHO di Manila, Filipina
- v. Menjalankan beberapa kajian iaitu persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan Jabatan Kecemasan, obesiti dalam kalangan kanak-kanak sekolah dan peranan wanita dalam pencegahan malaria
- vi. Melaksanakan aktiviti promosi dan kesedaran BI dalam kesihatan semasa sesi *town hall* anjuran Bahagian Pendidikan Kesihatan di lima (5) zon di Malaysia
- vii. Mengambil bahagian dalam persidangan Persidangan Saintifik Kesihatan Bersekutu ke-13 dan Asia Pacific SBCC Regional Symposium 2023
- viii. Membangunkan Modul BI dan Pelan Tindakan BI Kebangsaan
- ix. Mengambil bahagian dalam Perundingan Pembangunan Kapasiti mengenai BI, yang diketuai oleh Encik Faisal Naru, pakar BI dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



Imej 6.72 Bengkel *Behavioural Insights* dengan Kerjasama WHO

PENCAPAIAN PUSAT PENYELIDIKAN PENENTUAN TINGKAH LAKU KESIHATAN

Pusat ini telah melaksanakan kajian dengan memberi tumpuan kepada faktor yang mempengaruhi tingkah laku kesihatan seperti biologi, sosiobudaya dan ekologi. Berikut adalah kajian-kajian yang telah dilaksanakan:

- i. Kajian *Know Your Medicines Programme: Evaluation of Knowledge, Practices and Perceptions among Ambassadors, Communities and Programme Coordinator*. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai kesan Program Kenali Ubat Anda dalam kalangan duta, komuniti yang terlibat dan penyelar program
- ii. Kajian *Acceptance Study of the Aedes Wolbachia Mosquito Project Among the Community in Desa Mentari, Petaling Jaya, Selangor*. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui penerimaan masyarakat di Desa Mentari, Petaling Jaya terutamanya dari segi aktiviti pendidikan kesihatan yang telah dijalankan
- iii. Kajian *To Access the Effectiveness of Behavioural Intervention in Managing T2DM Patients in Kuang Health Care Clinic, Selangor* ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan intervensi tingkah laku dalam kalangan pesakit kencing manis tahap 2. Instrumen diagnosa tingkahlaku *The Diabetes Behavioral Diagnosis Instrument (DBDI)* yang telah divalidasi telah digunakan bagi diagnosis tingkah laku pesakit diabetes sebelum dan selepas intervensi tingkah laku kesihatan



Imej 6.73 Kajian *To Access the Effectiveness of Behavioural Intervention in Managing T2DM Patients in Kuang Health Care Clinic, Selangor*

PENCAPAIAN PUSAT PENYELIDIKAN KOMUNIKASI & INFORMATIK KESIHATAN (PPKIK)

Pusat ini merupakan peneraju dalam penyelidikan komunikasi & penyebaran maklumat dalam aspek perubahan tingkah laku kesihatan dengan memfokuskan kepada bidang penggunaan media dan komunikasi kesihatan serta penilaian literasi kesihatan. Kajian yang telah dilaksanakan ialah:

- i. Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (TLKM) 2023 untuk mengukur tahap literasi kesihatan (dewasa & remaja)
- ii. *Validation of Health Literacy Pertaining to Salt Instrument & Assessment of Health Literacy related to Salt Intake among Malaysians* bagi menilai tahap literasi garam dalam kalangan penduduk Malaysia
- iii. *Development & Validation of Malaysia Mental Health Literacy Tools* untuk membangunkan dan mengesahkan Alat Literasi Kesihatan Mental Malaysia
- iv. *Validation of the Measurement of Health Literacy Among Adolescents' Questionnaire* (MOHLAA-Q) untuk mengesahkan soal selidik MOHLAA-Q

PENCAPAIAN PUSAT PENYELIDIKAN SURVELAN TINGKAH LAKU BERISIKO

Pusat ini berperanan untuk menjalankan kajian yang merangkumi pelbagai tingkah laku yang memberi kesan kepada kesihatan fizikal, mental dan keselamatan seseorang. Penyelidikan mengenai tingkah laku berisiko adalah penting kerana ia membantu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku tersebut dan bagi membangunkan intervensi yang sesuai melalui pemantauan trend, corak dan faktor penentu tingkah laku berisiko dalam kalangan masyarakat. Antara kajian yang telah dijalankan adalah:

- i. Kajian *Advance Care Planning* (ACP) bertujuan menilai kepentingan untuk seseorang membuat keputusan terhadap penjagaan kesihatan pada masa depan ketika mereka tidak lagi mampu untuk berbuat demikian
- ii. Kajian Penurunan Berat Badan (Obesiti) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah melalui penggunaan teknologi digital BI
- iii. Kajian bagi menilai persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap penggunaan ganja dalam bidang perubatan untuk membantu pihak kerajaan menentukan strategi yang sesuai bagi mempertimbangkan penggunaan ganja dalam bidang perubatan
- iv. Kajian kualitatif terhadap perkhidmatan klinik dan hospital yang mengendalikan kes cubaan bunuh diri di Malaysia bagi membantu penyelidik untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi individu dalam mencari bantuan selepas mengalami krisis bunuh diri dalam aspek psikologi, psikiatri dan kesihatan mental



Imej 6.74 Pasukan Penyelidik Kajian Penurunan Berat Badan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Melalui Penggunaan Teknologi Digital BI

PENCAPAIAN PUSAT PENYELIDIKAN INTERVENSI PROMOSI KESIHATAN

Pusat Penyelidikan Intervensi Promosi Kesihatan telah melaksanakan kajian berkaitan isu kesihatan mental dalam kalangan remaja dan pendermaan darah dalam kalangan penderma darah:

- i. Kajian *Contributing Factors to Psychological Distress, Coping Strategies, and Help-Seeking Behaviours among Adolescents* telah dibiayai oleh UNICEF ini telah dijalankan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berumur 10-17 tahun yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR). Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan prevalen tekanan psikologi dan meneroka faktor penentu, strategi daya tindak serta tingkah laku cari bantuan ketika berhadapan dengan kemurungan psikologi
- ii. Kajian *Psychological Impact among Adolescents during Home-Based Learning Amid COVID-19 Pandemic in Selangor* telah yang dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah berumur 10-16 tahun. Hasil kajian mendapati kewujudan gambaran awal simptom stres secara psikologi dan fisiologi ketika mereka melalui sesi pembelajaran dari rumah semasa pandemik
- iii. Kajian Mengenai Pasti Faktor Niat Tingkah Laku Penderma Darah sebagai Penderma Darah Tetap di Pusat Darah Negara bertujuan untuk menentukan niat penderma darah yang berusia di antara 18-65 tahun sebagai penderma darah merah tetap. Seramai 1,426 penderma darah merah terlibat dalam kajian ini

BAB
07

**KESIHATAN
PERGIGIAN**

PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat Malaysia, selari dengan kemajuan sosioekonomi negara. PKP KKM yang diketuai oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), terdiri daripada tiga (3) bahagian, iaitu Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian serta Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian. Tiga (3) bahagian ini, yang disokong oleh 13 cawangan, bekerjasama untuk memastikan objektif program tercapai demi kesihatan pergigian rakyat. PKP KKM aktif mengadakan dan menyertai aktiviti di dalam dan luar negara, dalam melaksanakan agenda kesihatan pergigian.

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA (MDC)

MDC ialah badan regulatori yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Malaysia, Akta Pergigian 2018 dan Peraturan-peraturan 2021 [*Akta 804*], berkuatkuasa 1 Januari 2022, menggantikan Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*] yang telah mengawal selia amalan bidang pergigian sejak 50 tahun lalu. Seksyen 4 Akta 804 memberi kuasa kepada MDC menjalankan fungsi seperti berikut:

- i. Mengiktiraf kelayakan bagi pendaftaran pengamal di bawah Akta ini
- ii. Meluluskan kelayakan lepas ijazah bagi mendaftar sebagai pakar pergigian
- iii. Mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada pengamal pergigian
- iv. Mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada pakar pergigian
- v. Menentukan kriteria bagi pendaftaran pakar pergigian
- vi. Mengawal selia peperiksaan bagi pendaftaran doktor pergigian
- vii. Mengawal selia tempoh perkhidmatan wajib pengamal pergigian
- viii. Mengawal selia standard amalan pengamal pergigian
- ix. Mengawal selia etika dan tatalaku profesional pengamal pergigian
- x. Mengawal selia skop amalan pengamal pergigian
- xi. Melakukan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Akta ini

Akta 804 mensyaratkan hanya pengamal yang berkelayakan, berwibawa dan profesional sahaja akan didaftarkan dan layak untuk memberi perkhidmatan pergigian di Malaysia. Dengan ini, kualiti perkhidmatan pergigian dan keselamatan pesakit adalah terjamin, serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan pergigian.

LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA (LJPM)

LJPM ialah badan regulatori baharu yang ditubuhkan di bawah Akta 804. Lembaga ini berfungsi bagi mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada juruterapi pergigian dan juruterapi pergigian pos basik, mengawal selia apa-apa peperiksaan bagi pendaftaran juruterapi pergigian, mengawal selia standard amalan juruterapi pergigian, mengawal selia etika dan tatalaku profesional juruterapi pergigian dan melakukan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta ini. Pada 2023, terdapat 3,023 juruterapi pergigian yang berdaftar dengan LJPM, iaitu sebanyak 3,018 yang bekerja di sektor awam dan lima (5) yang bekerja di sektor swasta. Di samping itu, terdapat 292 juruterapi pergigian pos basik dalam disiplin Bedah Mulut dan Maksilofasial, Pergigian Pediatrik, Ortodontik dan Periodontik.

ASIAN CHIEF DENTAL OFFICERS' MEETING (ACDOM) KE-13


ACDOM ke-13 telah berlangsung pada 8-11 Disember 2023 dengan tema *Oral Health: Time to Action* di Hotel Krungsri River, Ayutthaya, Thailand, anjuran Universiti Mahidol, Thailand. Sejak 2009, Malaysia dan Thailand telah bertindak sebagai sekretariat bersama. Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) telah menyampaikan pembentangan bertajuk *From Global to Local: How Malaysia Delivers Global Oral Health Action Plan (2023-2030) to National Actions*. Malaysia memerlukan sokongan pendekatan *whole-of-government* bagi mencapai sasaran global kesihatan pergigian dan pendekatan *whole-of-nation* daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk sektor awam, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemain industri dan komuniti bagi mencapai sasaran seperti yang ditetapkan, menjelang tahun 2030. Antara fokus perkhidmatan ialah meningkatkan liputan perkhidmatan kesihatan pergigian, menurunkan beban penyakit pergigian, meningkatkan integrasi dan akses kepada perkhidmatan pergigian dan meningkatkan ketersediaan ubat pergigian yang penting supaya tersenarai dalam *National Essential Medicines List*.



Imej 7.1 Asian Chief Dental Officers' Meeting ke-13

PROJEK VIDEO MUZIK GLOBAL SCRUB CHOIR

Pejabat Wilayah Pasifik Barat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan kerjasama *Global Scrub Choir* menganjurkan Projek Video Muzik sebagai suatu usaha untuk menghargai perkhidmatan dan pengorbanan personel penjagaan kesihatan. Anggota PKP KKM daripada pelbagai peringkat, termasuk pakar pergigian di hospital dan anggota di ibu pejabat, telah mengambil bahagian dalam projek tersebut. Video muzik berkenaan, yang menampilkan personel penjagaan kesihatan dari Rantau Pasifik Barat, telah dilancarkan pada 15 Oktober 2023, semasa Mesyuarat Jawatankuasa Rantau Pasifik Barat WHO ke-74 di Manila, Filipina.



Imej 7.2 Video Muzik Global Scrub Choir

INTERNATIONAL DENTAL COLLABORATION OF THE MEKONG RIVER REGION (IDCMR) 2023 KE-17

Persidangan IDCMR ke-17 berlangsung dari 12-15 Oktober 2023 di Aloft Hotel Pulau Langkawi, Kedah, bertemakan *Putting Research into Practice*. Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) telah menyampaikan Sesi Plenari 1, bertajuk *Global Oral Health Agenda 2030: Role of Stakeholders*. *Global Oral Health Agenda 2030* merupakan suatu inisiatif bermatlamat tinggi, hasil daripada penerimgunaan Resolusi Kesihatan Pergigian (WHA 74.5) oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) pada 2021, yang bertumpu kepada kesihatan pergigian. Agenda ini merangkumi strategi global yang komprehensif untuk menangani penyakit pergigian, yang terdiri daripada pelan tindakan global ke arah *Universal Health Coverage* (UHC) bagi kesihatan pergigian, dengan menangani cabaran yang dihadapi dalam bidang ini di seluruh dunia.

GLOBALISASI DAN LIBERALISASI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN

Mesyuarat ke-31 dan ke-32 bagi *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) *Joint Coordinating Committee on Dental Practitioners* telah diadakan secara talian di Jakarta pada 31 Januari 2023 dan bersemuka di Brunei Darussalam pada 14 November 2023. Mesyuarat ini diadakan dua (2) kali setahun dan berfungsi sebagai forum untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan peningkatan kerjasama dalam *Mutual Recognition Agreement* (MRA) bagi pengamal pergigian. PKP KKM telah memberikan maklum balas mengenai perkhidmatan pergigian dalam perundingan bilateral dan multilateral antara Malaysia dan pelbagai negara. PKP KKM juga turut serta dalam menyediakan draf Visi ASEAN 2045, menunjukkan komitmen untuk membina ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik dan berpaksikan rakyat.

PERHIMPUNAN KESIHATAN SEDUNIA (WHA) KE-76

PKP KKM telah memainkan peranan aktif dalam pelbagai kerjasama dengan WHO. Malaysia, selaku negara anggota, komited melaksanakan Agenda Kesihatan Global WHO, termasuk Resolusi WHA 74.5, Strategi Global Kesihatan Pergigian (2022), dan Pelan Tindakan Kesihatan Pergigian Global (2023). Pada Mei 2023, buat pertama kalinya, PKP KKM telah menyertai WHA ke-76 di Geneva, Switzerland, bersama delegasi Malaysia yang lain, mengiringi Menteri Kesihatan Malaysia dan Ketua Pengarah Kesihatan. Barisan wakil telah menyampaikan nota intervensi Malaysia mengenai pelbagai agenda kesihatan dan mengambil bahagian dalam perbincangan dua hala bersama wakil Program Kesihatan Pergigian WHO, menyertai mesyuarat dengan perwakilan Rantau Pasifik Barat WHO dan terlibat dalam acara berkaitan dengan kesihatan, penyakit tidak berjangkit dan agenda kesihatan mulut, ke arah UHC untuk kesihatan pergigian menjelang 2030.

PERSIDANGAN SAINTIFIK NATIONAL ORAL HEALTH RESEARCH INITIATIVE (NOHRI) 2023

NOHRI merupakan usaha kolaborasi antara pihak berkepentingan dalam penyelidikan bidang pergigian di Malaysia iaitu KKM, universiti awam dan swasta, Angkatan Tentera Malaysia, *Oral Cancer Research and Coordinating Centre* (OCRCC) dan *Cancer Research Malaysia*. Kolaborasi ini bermula pada 2010 di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10), dan NOHRI 2023 telah dianjurkan oleh Kulliyah Pergigian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan tema *Transcending Excellence within the Changing Landscape and Medicolegal Reforms in Dental Practice*, dari 20-21 Oktober 2023 di UIAM, Kuantan, Pahang.



Imej 7.3 National Oral Health Research Initiative 2023

SAMBUTAN HARI KESIHATAN MULUT SEDUNIA (WOHD) 2023 DAN PELANCARAN DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN

Bertemakan *Be Proud of Your Mouth: Look After Your Oral Health for a Lifetime of Smiles, Laying Foundation for Better Oral Health*, WOHD telah disambut pada 20 Mac 2023 bertempat di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan & Komoditi. Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan telah dilancarkan, dengan fungsinya sebagai rangka kerja yang menyatukan semua pemegang taruh dan menyelaraskan strategi bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan pergigian yang lebih baik, dan seterusnya meningkatkan kesihatan serta kualiti hidup rakyat Malaysia. Sambutan ini telah mendapat kerjasama strategik daripada pelbagai agensi seperti Persatuan Doktor Pergigian Malaysia (MDA), Bahagian Perkhidmatan Kesihatan (Cawangan Pergigian), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Persatuan Pelajar Pergigian Malaysia (MDSA), Majlis Dekan Pergigian Malaysia, Haleon dan Mars Wrigley. Sambutan turut mendapat liputan media daripada pelbagai rangkaian televisyen, radio dan akhbar dalam talian.



Imej 7.4 Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2023

KERTAS PUTIH KESIHATAN: PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Sebanyak dua (2) siri Bengkel Kertas Putih Kesihatan: Reformasi PKP KKM telah diadakan pada 2-4 Ogos 2023 dan 3-5 September 2023 untuk menghasilkan hala tuju dan pelan PKP KKM pada masa akan datang, supaya selari dengan inspirasi Kertas Putih Kesihatan KKM dan kalis masa depan. Bengkel ini juga diadakan untuk memuktamadkan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif yang telah dirangka supaya sejajar dengan pelan dan hala tuju reformasi PKP KKM, seterusnya menentukan aktiviti yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif yang telah dikenal pasti bagi setiap strategi yang telah digariskan dan menetapkan peringkat pelaksanaan untuk aktiviti yang akan dijalankan supaya mencapai inisiatif yang telah dirangka.

SEMINAR NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY 2020: NATIONAL ORAL HEALTH SURVEY OF ADULTS 2020 (NHMS 2020: NOHSA 2020)

Seminar NHMS 2020: NOHSA 2020 telah diadakan di Dewan Serbaguna, Blok E7, KKM pada 11 September 2023. Seminar ini bertujuan untuk membentangkan hasil dapatan NHMS 2020: NOHSA 2020, melibatkan seramai 16,734 responden berumur 15 tahun dan ke atas, daripada sejumlah 6,895 isi rumah di seluruh negara. Seminar ini telah melibatkan peserta dari semua *fraternity* pergigian di Malaysia seperti, pakar pergigian dari KKM, pegawai pergigian dari Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri, Bahagian Kesihatan Pergigian Angkatan Tentera Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, serta wakil daripada NGO. Sebanyak sepuluh (10) pembentangan telah disampaikan oleh Pasukan Teras Analisa NHMS 2020: NOHSA 2020. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian).



Imej 7.5 Seminar NHMS 2020: NOHSA 2020

BENGKEL JAMINAN KUALITI (QA): FROM ZERO TO HERO

Buat julung kalinya, PKP KKM bersama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHSR) berkolaborasi dalam menganjurkan bengkel latihan QA untuk anggota pergigian di peringkat kebangsaan. Bengkel ini telah dilaksanakan di Kelab Tasik Putrajaya dari 3-5 Oktober 2023 dan dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian. Seramai 37 anggota pergigian pelbagai kategori jawatan telah menyertai bengkel ini. Pada akhir bengkel ini, semua peserta diberi mandat untuk membangun, melaksanakan dan menyempurnakan projek QA di negeri, wilayah serta instituti masing-masing sebagai persediaan untuk bertanding di Konvensyen QA Kebangsaan yang akan diadakan pada 2024.

MYBRUSHHOUR2023

Sempena Minggu Promosi Kesihatan Pergigian (MPKP) 2023 yang bertemakan *Mulut Sihat Pilihan Saya*, aktiviti *MyBrushHour2023* telah berlangsung serentak di seluruh negara selama satu (1) jam pada 15 Jun 2023. Ini melibatkan lintas langsung melalui Facebook Live KKM dengan kerjasama enam (6) negeri iaitu Kedah, Kelantan, Selangor, Johor, Sabah dan Melaka selaku tuan rumah. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan amalan memberus gigi sebagai langkah pencegahan penyakit pergigian selain mengekalkan kesihatan mulut yang optimum. Acara ini melibatkan 1,225 fasiliti kerajaan dan swasta dengan penyertaan seramai 83,289 orang dari seluruh negara.



Imej 7.6 *MyBrushHour2023*

PERLUASAN PELAKSANAAN *ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR)* DI KLINIK PERGIGIAN

Teleprimary Care-Oral Health Care Information System (TPC-OHCIS) ialah sistem pengoperasian klinikal bersepadu yang diguna pakai di 31 klinik pergigian di Negeri Sembilan dan sebuah klinik pergigian di Pulau Pinang. TPC-OHCIS merangkumi perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian primer (pesakit luar dan perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian *outreach*), program pencegahan dan perkhidmatan kepakaran pergigian bukan hospital termasuk Ortodontik, Periodontik dan Pergigian Restoratif. Pelaksanaan TPC-OHCIS telah diperluaskan ke 23 klinik pergigian di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 2023.

SISTEM GABUNGAN RETEN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN (Gi-RET 2.0)

Sistem Gi-RET 2.0, yang dibangunkan secara dalaman oleh anggota pergigian, adalah platform berasaskan laman web yang berfungsi sebagai *one-stop centre* untuk pengumpulan data dalam talian yang merangkumi maklumat pergigian untuk semua kategori pesakit di klinik pergigian dan program *outreach*. Sistem ini telah diguna pakai secara rasmi (*Go-Live*) di seluruh negara pada 2023. Semua laporan boleh dihasilkan secara automatik dalam masa nyata (*real-time*) menggunakan data yang dimasukkan. Antara kelebihan menggunakan sistem ini adalah penjanaan sehingga 75 laporan yang berbeza dengan satu proses kemasukan data, kompilasi data/laporan pergigian yang seragam dan aksesibiliti yang lebih baik kepada laporan di setiap peringkat pentadbiran (klinik, daerah, negeri dan ibu pejabat).



Imej 7.7 Bengkel Pembangunan Sistem Gi-RET 2.0

PELAKSANAAN SISTEM JANJI TEMU DALAM TALIAN DI KLINIK PERGIGIAN MELALUI APLIKASI MySejahtera (MySj)

Sistem tempahan janji temu dalam talian telah dilancarkan di klinik pergigian KKM seluruh negara pada 15 Mei 2023 melalui aplikasi MySj, sebagai komitmen PKP KKM untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian kepada masyarakat. Menjelang Disember 2023, sejumlah 610 klinik pergigian telah menggunakan sistem ini untuk mendigitalkan proses penjadualan janji temu pergigian untuk pelanggan. Sistem ini, yang turut digunakan oleh anggota penajaan kesihatan pergigian untuk mengatur temu janji susulan, telah melayani seramai 802,827 pelanggan KKM yang berjaya menempah dan menghadiri temu janji pergigian mereka mengikut slot yang dijadualkan. Sistem ini juga telah menerima maklum balas positif daripada pelanggan, yang menyerlahkan keberkesanannya dalam membolehkan akses segera kepada penajaan kesihatan pergigian.

PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 PKP KKM 2023

Pada 2023, sebanyak 663 daripada 707 (93.8%) klinik pergigian yang beroperasi setiap hari, telah memperoleh pensijilan ISO, iaitu peningkatan 2.1%, berbanding pencapaian 91.7% pada tahun 2022. Peratusan klinik pergigian yang mempunyai pensijilan MS ISO versi terkini dipantau sebagai salah satu indikator bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PKP KKM dengan sasaran $\geq 90\%$.

PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA (RMK)

Pada 2023, sepuluh (10) projek pembangunan klinik kesihatan (KK) yang mempunyai komponen pergigian telah siap dibangunkan. Berikut adalah senarai nama projek yang baru dibina tersebut:

- i. KK (Jenis 2) Bandaraya Miri, Sarawak
- ii. KK (Jenis 3) Skudai Baru, Skudai, Johor
- iii. KK (Jenis 3) dengan Kuarters Bandar Raub, Pahang
- iv. KK (Jenis 3) dengan Kuarters (2F & 2G) Padang Besar, Perlis
- v. KK (Jenis 3) dengan Kuarters Tampoi, Johor Bahru, Johor
- vi. KK (Jenis 3) dengan Kuarters Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan
- vii. KK (Jenis 3) dengan Kuarters Air Putih, Barat Daya, Pulau Pinang
- viii. KK (Jenis 3) dengan Kuarters Pauh, Kangar, Perlis
- ix. KK (Jenis 4) Palong 456, Negeri Sembilan
- x. KK (Jenis 5) Palong Timur, Johor



Imej 7.8 KK Jenis 5 dan KK Jenis 3 dengan Kuarters

TAMBAHAN JAWATAN PAKAR PERGIGIAN DI KKM

Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan pewujudan jawatan baharu dan tambahan pelbagai skim perkhidmatan dan gred bagi tujuan menampung keperluan dan pengoperasian fasiliti-fasiliti baharu dan naik taraf pada tahun 2023. Pengagihan jawatan baharu ini adalah mengikut keperluan semasa dan status operasi fasiliti-fasiliti yang terlibat. Sebanyak 70 jawatan pakar pergigian telah diagihkan mengikut fasiliti-fasiliti tersebut.

JAWATAN TETAP TAMBAHAN BAGI SKIM PEGAWAI PERGIGIAN

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Januari 2022 telah meluluskan tambahan 4,186 jawatan tetap bagi skim pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 250 jawatan tetap bagi skim pegawai pergigian telah ditambah pada 8 September 2023. Ini akan diikuti dengan tambahan 1,500 jawatan bagi skim pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi sehingga 2025. Usaha KKM untuk mengisi jawatan kritikal ini merupakan suatu perubahan yang baik, yang membolehkan lebih ramai kakitangan kontrak mendapat jaminan pekerjaan tetap pada masa depan.

AKREDITASI PROGRAM PERGIGIAN

Jawatankuasa Teknikal Bersama Penilaian Program Kepakaran Pergigian (JKTBPMPK) dan Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Pergigian (JKTAP) ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] dengan fungsi antaranya untuk membuat cadangan kepada MDC bagi permohonan akreditasi program pergigian di Malaysia. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 12 mesyuarat diadakan seperti yang dirancang, dan syor JKTBPMPK dan JKTAP telah dibentangkan kepada MDC. Selain itu, Jawatankuasa Kod Amalan bagi Akreditasi Program Kepakaran Pergigian (COPPA-PG Dental) ditubuhkan pada tahun 2022 di bawah JKTBPMPK untuk membangunkan dokumen COPPA-PG Dental, yang akan berfungsi sebagai rujukan utama bagi Panel Penilai dan Pemberi Pendidikan Tinggi semasa proses akreditasi Program Kepakaran Pergigian. Di samping itu, COPPA untuk Akreditasi Program Diploma Terapi Pergigian (DTP) ditubuhkan di bawah JKTAP juga pada tahun 2022 untuk membangunkan COPPA-DTP bagi proses akreditasi program DTP. Kedua-dua dokumen COPPA bagi program PG dan DTP berada dalam fasa pembangunan dan dijangka siap untuk diperakukan oleh MDC pada 2024.

PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 804

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 35 kertas siasatan (IP) telah dibuka dan lapan (8) kes telah selesai perbicaraan di mahkamah dengan kutipan denda sejumlah RM432,000. Pegawai Yang Diberi Kuasa di bawah Akta 804 turut terlibat dalam penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan sebanyak 32 IP telah dibuka, sementara sepuluh (10) kes telah selesai proses perbicaraan di mahkamah dengan kutipan denda sejumlah RM374,000 di bawah Akta ini. Pendakwaan di mahkamah dibawa oleh Pegawai Pendakwa Pergigian yang dilantik di bawah Seksyen 377(b) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

PENGUATKUASAAN DI BAWAH AKTA 804 DAN KOLABORASI BERSAMA MEDIA

Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Kesihatan Pergigian (CPPKP) telah menerima 92 aduan sepanjang tahun 2023. Berdasarkan laporan siasatan awal, 87 aduan didapati berasas dengan 71 aduan melibatkan pengamalan pergigian haram dan 16 aduan adalah berkaitan klinik pergigian swasta (KPS) berdaftar. Sebanyak 23 serbuan telah dijalankan dengan tiga (3) serbuan ke atas KPS berdaftar dan 20 serbuan berkaitan pengamalan pergigian haram, hasil dari intipan dan risikan yang telah dijalankan. CPPKP juga telah menjalankan penyeliaan lapangan ke atas Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Johor pada 9-12 Mei 2023 bagi memastikan pematuan kepada Prosedur Operasi Piawai Penguatkuasaan. Usaha bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pengamalan pergigian haram telah dijalankan melalui kolaborasi bersama Media Prima Berhad, dan empat (4) aktiviti penguatkuasaan telah disiarkan rancangan siri televisyen 999 sepanjang tahun 2023.



Imej 7.9 Aktiviti Serbuan di Selangor dan Kolaborasi dengan Media Prima Berhad

PENERBITAN GARIS PANDUAN AMALAN KLINIKAL PERGIGIAN (CPG)

Sebanyak dua (2) CPG pergigian telah berjaya dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan (HTA) dan Garis Panduan Amalan Klinikal (CPG) pada 16 November 2023. Sidang mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, KKM. CPG dengan tajuk *Management of Anterior Crossbite in Mixed Dentition (3rd Edition)* dan *Management of Hypodontia (2nd Edition)* telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh ahli majlis dan diberi nombor penerbitan KKM. Nombor penerbitan ini ialah rujukan rasmi yang dapat digunakan oleh ahli profesional kesihatan dalam amalan klinikal pergigian di Malaysia.

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT PERGIGIAN

Program Kampung Angkat Pergigian diperkenalkan pada 2019 di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, program ini dihentikan buat sementara berikutan pandemik COVID-19. Pada 2023, program ini telah diteruskan dan diperluaskan di seluruh negara. Program Kampung Angkat Pergigian ialah inisiatif PKP KKM bagi meningkatkan taraf kesihatan pergigian komuniti

kampung dengan memperkasakan penjagaan kesihatan pergigian sendiri dan meningkatkan literasi kesihatan oral. Sebanyak 57 buah Kampung Angkat Pergigian baharu telah dikenal pasti di seluruh Malaysia, meliputi perkampungan orang asli, Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan perkampungan-perkampungan lain. Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan perasmian Program Kampung Angkat Pergigian di Rumah Richard Pie, Bekenu, Miri, Sarawak pada 18 Jun 2023.



Imej 7.10 Perasmian Program Kampung Angkat Pergigian

PERKHIDMATAN KLUSTER KEPAKARAN PERGIGIAN


Perkhidmatan Kluster Kepakaran Pergigian telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada 18 Februari 2019 bagi meluaskan penyampaian perkhidmatan kepakaran kesihatan pergigian. Perkhidmatan ini melibatkan dua (2) bidang kepakaran pergigian *hospital based* iaitu Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS) dan Pergigian Pediatrik (PaedDent) serta dua (2) bidang kepakaran *non-hospital based* iaitu Pergigian Restoratif (ResDent) dan Periodontik (Perio). Pada masa ini, Perkhidmatan Kluster Kepakaran Pergigian dilaksanakan di sembilan (9) negeri yang melibatkan 21 kluster, iaitu, sepuluh (10) OMFS, lima (5) PaedDent, empat (4) Perio dan dua (2) ResDent. Perkhidmatan ini bertujuan mengatasi masalah kekurangan pakar pergigian di kawasan luar bandar, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran dan mengurangkan kesesakan di unit pakar. Selain daripada menjamin kesinambungan rawatan dan meningkatkan kejayaan rawatan, perkhidmatan ini juga memberikan pendedahan awal kepada pegawai pergigian di perkhidmatan primer sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran pasca ijazah.

PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI (DOHS)

DOHS yang dimulakan oleh KKM pada tahun 1993, telah berkembang menjadi usaha *outreach* yang lebih dinamik dan mantap. Inisiatif ini, yang pada permulaannya ditujukan kepada institusi warga emas, kini merupakan suatu usaha teladan untuk menangani isu akses yang tidak saksama melalui perkhidmatan lawatan ke rumah. Perkhidmatan ini bertujuan menyediakan penjagaan kesihatan pergigian yang sesuai dan berkesan kepada individu yang tidak dapat menerima rawatan pergigian atas sebab-sebab tertentu, seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka. Perkhidmatan ini adalah di bawah seliaan kepakaran Pergigian Penjagaan Khas, yang ditugaskan untuk menubuhkan dan melatih pasukan DOHS di setiap negeri. Sehingga kini, 41 pasukan telah diwujudkan di sepuluh (10) negeri dan ratusan rakyat Malaysia telah menerima manfaat. Pasukan ini menyediakan penjagaan dan rawatan kesihatan pergigian primer kepada warga emas dan orang kurang upaya serta kesinambungan penjagaan selepas pembedahan.

PELAKSANAAN INISIATIF PENGHASILAN GIGI PALSU (DENTUR) MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MESIN CETAK 3D DI KLINIK PERGIGIAN PRIMER

Selaras dengan perkembangan pesat revolusi digital yang kompetitif, penggunaan aplikasi berkaitan *emerging technologies* atau Revolusi Industri Keempat (4IR) sering kali diadaptasi dalam penyampaian perkhidmatan dan penjagaan kesihatan. Menyedari trend ini, PKP KKM bertindak meneroka inisiatif pelaksanaan pembuatan dentur melalui penggunaan Mesin Cetak 3D sebagai kaedah alternatif untuk memperkukuh dan menambah baik penyampaian perkhidmatan pergigian. Pada 2023, perolehan sebanyak sepuluh (10) Mesin Cetak 3D telah diluluskan dan akan digunakan di sepuluh (10) klinik pergigian KKM di seluruh negara yang telah dikenal pasti menjelang 2024. Penggunaan teknologi ini mengurangkan masa pengeluaran dentur dan bilangan lawatan oleh pesakit. Sejumlah 30,000 unit gigi palsu dijangka akan dihasilkan setiap bulan, memberi manfaat kepada kira-kira 360,000 pesakit setahun.



Imej 7.11 Latihan Penggunaan Mesin Cetak 3D bagi Penghasilan Dentur

PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN KEPADA ATLET DI INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)

Peluasan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada atlet di Malaysia adalah salah satu indikator yang digariskan di dalam Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Pergigian 2022-2030. Justeru, pada tahun 2023, PKP KKM telah memulakan perbincangan bersama ISN pada 19 Januari 2023 bagi meluaskan skop perkhidmatan pergigian kepada atlet. Perkhidmatan kesihatan pergigian diberikan secara *outreach* kepada atlet di ISN, Bukit Jalil menggunakan Klinik Pergigian Bergerak. Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi pemeriksaan dan rawatan asas pergigian. Atlet yang memerlukan rawatan susulan akan dirujuk ke klinik pergigian yang dikenalpasti.



Imej 7.12 Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian kepada Atlet

BAB
08
FARMASI


PENGENALAN

Program Perkhidmatan Farmasi (PPF) bertanggungjawab memastikan produk farmaseutikal yang digunakan dalam negara mematuhi piawaian, selamat, berkesan dan berkualiti. Program ini menguatkuasakan akta dan peraturan berkaitan ubat-ubatan, memudahkan akses kepada ubat-ubatan dan menggalakkan penggunaan ubat secara rasional di kalangan penyedia penjagaan kesihatan dan pengguna. Terdapat lima (5) bahagian utama di bawah pimpinan Pengarah Kanan bagi Program ini adalah seperti berikut:

- Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi (BDPSF)
- Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF)
- Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF)
- Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia (BLFM)
- Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)

AHLI FARMASI BERDAFTAR DI MALAYSIA

Jumlah keseluruhan ahli farmasi berdaftar yang memperbaharui sijil tahunan bagi tahun 2023 ialah seramai 20,931 orang mengikut sektor amalan seperti dalam **Rajah 8.1**.



Rajah 8.1 Jumlah Ahli Farmasi Berdaftar mengikut Sektor Amalan 2023

PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN UBAT-UBATAN KKM

Nilai perolehan ubat-ubatan di semua hospital, institusi dan klinik kesihatan KKM ialah RM3,308.56 juta. Nilai perbelanjaan tersebut 3.61% lebih tinggi berbanding dengan nilai pada tahun 2022. Perbelanjaan ubat-ubatan untuk Senarai Pembelian Produk Diluluskan (APPL) yang diperolehi melalui syarikat konsesi adalah sebanyak RM1,210.42 juta (36.58%), kontrak KKM sebanyak RM1,363.79 juta (41.22%) serta pembelian terus dan sebut harga sebanyak RM734.35 juta (22.20%).


PENDISPENSAN UBAT DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KKM

Pemantapan Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS) Farmasi melalui kepuasan pelanggan selaras dengan norma baharu berkaitan bagi mengurangkan kesesakan dan kekerapan kedatangan pesakit di farmasi pesakit luar serta kemudahan bekalan ubat susulan. VAS Farmasi merangkumi Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP), Perkhidmatan Farmasi Pandu Lalu dan Perkhidmatan Lokar Ubat dan yang terkini adalah Perkhidmatan Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga (UM3). Perkhidmatan UM3 merupakan perkhidmatan penghantaran bekalan ubat susulan dari unit farmasi fasiliti kesihatan KKM terus ke lokasi pilihan pesakit dalam hari yang sama melalui pihak ketiga dengan caj penghantaran minima ditanggung oleh pesakit. Perkhidmatan UM3 adalah perkhidmatan yang merangkumi penghantaran ubat rangkaian sejuk dan mula dilaksanakan di Perlis, seterusnya diperluaskan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Kedah.

Pada tahun 2023, terdapat peningkatan 10.80% bagi jumlah preskripsi pesakit luar yang diterima di hospital dan klinik kesihatan, berbanding tahun sebelumnya akibat COVID-19. Jumlah preskripsi yang diterima di fasiliti kesihatan KKM ialah 57.7 juta merangkumi 37.8 juta preskripsi diterima di klinik kesihatan (KK) dan 19.9 juta preskripsi diterima di hospital. Tahun 2023 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 10% bagi jumlah preskripsi pesakit dalam yang diterima di hospital, iaitu daripada 14.9 juta preskripsi pada tahun 2022 kepada 16.5 juta preskripsi pada tahun 2023.



Rajah 8.2 Bilangan Preskripsi Pesakit Luar yang Diterima Tahun 2019-2023




Rajah 8.3 Bilangan Preskripsi Pesakit Dalam yang Diterima bagi 2019-2023

PENYENARAIAAN ATAU PINDAAN KEPADA FORMULARI UBAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (FUKKM)

FUKKM merupakan senarai ubat-ubatan yang telah diluluskan untuk digunakan di semua fasiliti KKM. Ia berfungsi sebagai panduan kepada anggota kesihatan KKM dalam menentukan ubat-ubatan yang diperlukan untuk rawatan pesakit. Permohonan penyenaraian atau pindaan kepada FUKKM diputuskan dalam Mesyuarat Panel FUKKM yang bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun. BAPF bertanggungjawab untuk memproses dan menilai permohonan penyenaraian atau pindaan terhadap FUKKM.


Sehingga Disember 2023, terdapat sebanyak 1,617 persediaan yang merangkumi 850 entiti kimia telah disenaraikan dalam FUKKM. Bilangan ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM dari tahun 2019 hingga 2023 diringkaskan dalam **Rajah 8.4**.



Rajah 8.4 Ubat-ubatan yang Tersenarai dalam FUKKM Tahun 2019-2023

UBAT KELULUSAN KHAS (UKK)

Permohonan UKK diperlukan untuk memperoleh dan menggunakan ubat dan indikasi yang tidak tersenarai dalam FUKKM (termasuk ubat berdaftar atau ubat tidak berdaftar). Permohonan UKK ini dipertimbangkan untuk rawatan alternatif setelah keutamaan diberikan kepada penggunaan ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM. Sepanjang tahun 2023, terdapat 11,181 permohonan UKK bagi kegunaan di fasiliti KKM di mana 10,028 permohonan (89.69%) telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak RM240.76 juta. Bilangan permohonan UKK daripada fasiliti KKM yang diluluskan dan kos kelulusan bagi tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Rajah 8.5**.



Rajah 8.5 Permohonan & Kos Kelulusan UKK 2019-2023

DASAR UBAT NASIONAL (DUNas) PENGGAL KEEMPAT (2022-2026)

Perancangan dan pengurusan sektor farmaseutikal di Malaysia adalah berpandukan matlamat DUNas yang kini telah memasuki penggal keempat (2022-2026). Pelaksanaan dasar ini adalah secara menyeluruh dengan penglibatan pemegang taruh yang diperlihatkan sebagai kolaborasi dan perkongsian antara pihak awam dan swasta untuk bersama membangunkan sektor farmaseutikal negara ini.

Buku dasar ini telah diterbitkan dan dilancarkan pada 25 September 2023. Dasar ini mencatatkan hala tuju negara untuk memastikan tadbir urus ubat-ubatan yang sistematik dan holistik demi mencapai hasil kesihatan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia. Objektif dasar tersebut adalah untuk menggalakkan akses ubat-ubatan yang saksama dan penggunaan secara rasional ubat yang berkualiti, selamat, berkesan dan mampu milik ke arah meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Lima (5) komponen dasar ini terdiri daripada:

- i. Tadbir Urus Ubat-ubatan
- ii. Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Ubat-ubatan
- iii. Akses kepada Ubat-ubatan
- iv. Penggunaan Ubat Secara Berkualiti
- v. Kerjasama dan Kolaborasi bagi Industri Kesihatan

Selain membangunkan strategi dan pendekatan utama untuk mencapai matlamat jangka panjang dan jangka sederhana, DUNas juga menyediakan rangka kerja untuk penyelarasan aktiviti utama daripada sektor awam dan swasta. Penggubalan dan pelaksanaan dasar ini membuka ruang kepada pemegang taruh untuk menyuarakan pandangan dan input konstruktif. DUNas juga menyampaikan peranan dan tanggungjawab setiap pemegang taruh agar sektor awam dan swasta mencapai matlamat yang sama.

LABEL UBAT MESRA OKU PENGLIHATAN

KKM telah memulakan inisiatif Label Ubat Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan sebagai langkah proaktif dalam menyokong keperluan pesakit OKU Penglihatan dalam urusan pengambilan ubat. Menerusi inisiatif ini, label ubat yang diberikan kepada pesakit OKU Penglihatan akan mempunyai tulisan Braille bagi menjelaskan tentang cara pengambilan atau dos ubat. Selain itu, label ini turut mempunyai indikasi ubat yang menerangkan kegunaan ubat seperti demam, batuk atau selesema.

Inisiatif Label Ubat Mesra OKU Penglihatan telah dilaksanakan di 250 fasiliti kesihatan KKM terpilih di seluruh negara. Inisiatif ini merupakan peluasan kepada Program Kenali Ubat Anda bagi menyokong *Malaysian Patient Safety Goals 2.0* di bawah *Medication Safety: Medication Without Harm*. Inisiatif Label Ubat Mesra OKU Penglihatan mencerminkan keprihatinan pihak kerajaan untuk memastikan OKU Penglihatan mendapat hak untuk menerima maklumat yang tepat dalam urusan pengambilan ubat secara selamat. Selain itu, inisiatif ini juga meningkatkan imej negara di persada antarabangsa selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak OKU dan Akta Orang Kurang Upaya 2008.



Imej 8.1 Pelancaran Label Ubat Mesra OKU Penglihatan

OPERASI PANGEA XVI

Operasi Pangea merupakan operasi bersepadu dikoordinasikan oleh INTERPOL bermula pada tahun 2008. Operasi ini menyasarkan pengiklanan, pembekalan dan penjualan secara dalam talian produk farmaseutikal yang tidak berdaftar atau dicampur palsu di seluruh dunia. Selain itu, Operasi Pangea berfungsi untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang risiko yang berkaitan dengan pembelian ubat yang tidak berdaftar dalam talian.

Objektif Operasi Pangea ialah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang risiko membeli ubat daripada laman sesawang palsu.
- ii. Merampas produk tidak berdaftar, tiruan dan dicampur palsu dan mengeluarkannya dari pasaran.
- iii. Menyekat akses laman sesawang yang menjual produk farmaseutikal yang menyalahi undang-undang.

Operasi Pangea XVI telah berlangsung dari 3-10 Oktober 2023. Pelaksanaan Operasi Pangea XVI telah dikoordinasikan oleh INTERPOL dengan penglibatan pihak berkuasa yang terdiri daripada polis, kastam dan pihak berkuasa kesihatan daripada 89 buah negara di seluruh dunia. Operasi ini turut dibantu dan disokong oleh Europol, Pertubuhan Kastam Sedunia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC), *International Narcotics Control Board* (INCB), agensi penguatkuasaan kesihatan dan *Pharmaceutical Security Institute*.

Operasi ini telah berjaya membuat 72 tangkapan di seluruh dunia, rampasan produk farmaseutikal yang berpotensi berbahaya bernilai lebih daripada USD7 juta, pembukaan 325 fail siasatan baharu dan penutupan lebih daripada 1,300 pautan iklan yang melibatkan jenayah farmaseutikal.

Dalam Operasi Pangea XVI, ubat yang paling banyak dirampas di seluruh dunia adalah perangsang seks, yang menyumbang 22% daripada jumlah rampasan keseluruhan. Ubat kedua yang paling banyak dirampas adalah bahan psikotropik, seperti antidepresi yang menyalahi peruntukan undang-undang, iaitu sebanyak 19%. Seterusnya adalah hormon seks dan ubat gastrousus, yang menyumbang 12% daripada jumlah rampasan.

PENGLIBATAN MALAYSIA

Di Malaysia, operasi ini diselaraskan oleh BPF dan melibatkan kerjasama antara beberapa agensi seperti *National Central Bureau* (NCB) INTERPOL Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

a. Saringan Penjualan Produk Farmaseutikal Dalam Talian

Sebanyak 1,675 pautan laman sesawang termasuk akaun media sosial dan e-dagang dikesan menjual produk farmaseutikal yang menyalahi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan, yang mana 76% daripada pautan ini adalah dalam platform e-dagang. Kesemua pautan ini telah diadukan kepada pihak SKMM serta penyedia platform media sosial dan e-dagang untuk disekat akses dan diturunkan kandungan. Operasi pada tahun ini mendapati berlaku peningkatan dalam penjualan ubat-ubatan terkawal seperti bahan psikotropik, ubat penahan sakit, antibiotik dan ubat batuk yang dijual oleh penjual yang tidak berkelayakan atau tidak diberi kuasa.

b. Pemeriksaan di Pintu Masuk Utama

Sepanjang tempoh operasi ini, sebanyak 330 bungkusan pos telah diperiksa dan sejumlah 58 bungkusan pos yang mengandungi produk farmaseutikal tidak berdaftar telah dirampas. Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara melibatkan kargo udara, lapangan terbang, pos sempadan dan terminal feri. Jumlah keseluruhan rampasan di kesemua lokasi ini adalah sebanyak 13,552 unit dengan nilai rampasan RM132,498.00. Produk yang paling banyak dirampas di pintu masuk Malaysia adalah kosmetik (2,359 unit), diikuti oleh produk merawat penyakit gastrik (2,243 unit) dan steroid (1,673 unit). BPF juga mendapati trend pembelian ubat penahan sakit dan suplemen kesihatan dari luar negara juga semakin meningkat setiap tahun. Selain itu, sebanyak 1,465 unit ubat penahan sakit dan 1,343 unit suplemen kesihatan turut dirampas di pintu masuk utama dan pusat pengedaran mel di seluruh Malaysia. Kebanyakan produk farmaseutikal dan kosmetik yang dirampas ini berasal dari Australia, Bangladesh, Hong Kong, Jepun dan India.

c. Serbuan Premis

BPF turut menjalankan serbuan bersasar ke atas penjual dan premis perniagaan yang terlibat dengan penjualan secara dalam talian. Sebanyak 45 buah premis yang menjual produk farmaseutikal yang tidak berdaftar termasuk rumah kediaman, klinik dan premis perniagaan telah diserbu. Dalam serbuan tersebut, 96,691 unit produk farmaseutikal yang menyalahi peruntukan undang-undang telah dirampas untuk tindakan lanjut. Nilai rampasan adalah dianggarkan sebanyak RM417,291 bahan psikotropik yang menyalahi undang-undang yang dikuatkuasakan. BPF turut merampas produk campuran palsu tradisional dengan steroid, ubat penahan sakit dan ubat batuk yang tidak berdaftar dan dijual oleh penjual yang tidak berlesen dan tidak diberi kuasa di bawah Akta Racun 1952. Hasil serbuan ini, sebanyak 12 fail siasatan telah dibuka untuk tindakan lanjut.

d. Aktiviti Kesedaran

Aktiviti kesedaran kepada orang awam juga merupakan sebahagian daripada Operasi Pangea XVI. Sebanyak 245 kempen kesedaran telah dijalankan oleh BPF dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di seluruh negara sepanjang tempoh Operasi. Aktiviti kesedaran dijalankan secara komprehensif di seluruh negara mencakupi pelaksanaan aktiviti secara konvensional seperti ceramah, dialog dan pameran di samping penggunaan komponen media baharu seperti media sosial, portal rasmi dan sistem pesanan ringkas. Penyiaran mesej dalam bentuk poster infografik, video kesedaran, nada irama dan rereyap turut dilaksanakan bagi memenuhi keperluan dan menarik minat segenap lapisan masyarakat.

e. Pangea Operation Coordination Unit (OCU)

Berdasarkan kepakaran pegawai penguat kuasa farmasi yang berlatar belakang sebagai pegawai farmasi dan penguat kuasa, maka pihak INTERPOL telah menjemput seorang pegawai penguat kuasa farmasi untuk menyertai Pasukan Koordinasi Operasi Pangea sepanjang tempoh operasi. Pegawai tersebut ditempatkan di INTERPOL *Global Complex for Innovation*, Singapura bermula dari 2-11 Oktober 2023. Pegawai ini berperanan untuk menganalisis data yang dihantar daripada negara-negara yang terlibat dengan operasi.



Imej 8.2 Pegawai Penguat Kuasa Farmasi bersama Pegawai INTERPOL di INTERPOL *Global Complex for Innovation*, Singapura

KPI DIMENSI DAYA SAING 2023: PROGRAM PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE (PICC)

PICC merupakan program perkhidmatan penjagaan pesakit kronik. Program ini dilaksanakan dengan konsep tuisyen diabetes secara berpusat dalam komuniti. Fokus PICC adalah untuk meningkatkan kepatuhan pengambilan ubat dalam kalangan pesakit diabetes. Program ini merupakan salah satu projek inovasi daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKN Terengganu. Program ini telah diperluaskan kepada semua negeri dengan penambahbaikan modul, bahan pendidikan dan panduan pelaksanaan agar dapat disesuaikan dengan semua negeri. Pada tahun 2023, PICC telah diangkat sebagai KPI Dimensi Daya Saing Agensi yang secara tidak langsung merupakan KPI Pengurusan Atasan KKM. Bagi tahun 2023, lima (5) negeri intervensi telah dipilih iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak dan Sarawak. Indikator KPI ini ialah peratus pesakit diabetes yang mencapai penurunan HbA1c selepas melengkapkan sesi PICC $\geq 65\%$. KPI ini telah berjaya dicapai dengan pencapaian nasional bagi 2023 ialah 67.98%.



Imej 8.3 Aktiviti PICC di Komuniti

ON-SITE EVALUATION (OSE) KE ATAS MALAYSIA OLEH PASUKAN PENILAI ORGANISATION FOR ECONOMIC COOPERATION AND DEVELOPMENT - GOOD LABORATORY PRACTICE (OECD-GLP)

Malaysia telah diterima sebagai negara bukan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) yang mematuhi sistem *Mutual Acceptance of Data* (MAD) dalam *Assessment of Chemicals* sejak 29 Mac 2013. Bagi tujuan ini, NPRA sebagai salah satu *Compliance Monitoring Authorities* (CMA) di Malaysia bersama-sama dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM), perlu menjalani penilaian semula *On-Site Evaluation* (OSE) pada setiap sepuluh (10) tahun.

NPRA dan JSM telah selesai menjalani sesi penilaian semula OSE oleh pasukan penilai OECD pada 14-20 Mei 2023. OSE ke atas NPRA melibatkan:

- Penilaian terhadap pelaksanaan Program Komplians GLP NPRA
- Penilaian terhadap proses pemeriksaan GLP oleh pasukan pemeriksa NPRA yang dijalankan ke atas sebuah fasiliti kajian GLP di Bangi pada 16-17 Mei 2023

Hasil penilaian dari pasukan penilai OECD ini menunjukkan respons yang positif terhadap kepatuhan Malaysia pada sistem MAD dalam *Assessment of Chemicals*.



Imej 8.4 OSE oleh Pasukan Penilai OECD-GLP

KAJIAN PENILAIAN IMPAK HARGA UBAT-UBATAN DALAM PEROLEHAN BERSAMA (*POOLED PROCUREMENT*) SEKTOR AWAM

BAPF sedang menjalankan Kajian Penilaian Impak Harga Ubat-Ubatan Yang Dibeli Secara Perolehan Bersama (*Pooled Procurement*) di Sektor Awam melibatkan tiga (3) kementerian iaitu KKM, MINDEF dan KPT. Kajian ini dijalankan secara berfasa iaitu Fasa 1 untuk mengukur anggaran penjimatan dan perbezaan harga yang diperolehi selepas pelaksanaan perolehan secara bersama, manakala Fasa 2 mengukur unjuran perolehan bagi item kontrak KKM yang lain untuk diperluaskan.

Laporan Eksekutif Kajian Fasa 1 telah disediakan dan laporan dikongsikan kepada semua kementerian yang boleh diakses dalam Portal PPF dengan penjimatan kepada kerajaan sebanyak RM179.6 juta iaitu 17.7% daripada jumlah keseluruhan perolehan iaitu RM1.016 bilion. KKM penyumbang terbesar penjimatan sebanyak RM114 juta, diikuti KPT sebanyak RM58.9 juta dan MINDEF sebanyak RM6.7 juta. Kajian Fasa 2 pula, bahagian ini telah berkolaborasi dengan Pusat Penyelidikan Ekonomi Kesehatan, IHSR bagi mengenal pasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi penjimatan dan unjuran perolehan bersama pada masa akan datang.




Imej 8.5 Kajian Penilaian Impak Harga Ubat-Ubatan dalam Perolehan Bersama Sektor Awam Tahun 2023

PELANCARAN JOURNAL OF PHARMACY QUALITY IMPROVEMENT INITIATIVES (PHARMQIIS)

Jurnal PharmQIIs ialah jurnal *peer-reviewed* yang diterbitkan oleh PPF. Jurnal ini merupakan salah satu daripada inisiatif program ini untuk berkongsi amalan praktis terbaik dan pengalaman anggota farmasi semasa mengendalikan projek Inisiatif Penambahbaikan Kualiti (QIIs). Dengan demikian, jurnal ini dapat menggalakkan dan mendorong lebih ramai pegawai farmasi profesional untuk mengambil bahagian dalam menjalankan inisiatif penambahbaikan berasaskan kualiti bagi menyumbang dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Bersempena Konvensyen Inovasi Dan Kualiti Farmasi Tahun 2023 (KIKF2023) pada bulan Ogos 2023, Jurnal PharmQIIs Edisi Khas telah diterbitkan. Edisi khas ini merupakan kompilasi abstrak bagi 45 projek yang terpilih untuk dibentangkan semasa peringkat akhir KIKF2023. Maklumat penerbitan ini boleh dicapai pada Portal PPF di www.pharmacy.gov.my



Imej 8.6 Pelancaran Jurnal PharmQIIs Tahun 2023



Imej 8.7 Jawatankuasa Penganjuran KIKF2023 bersama JKN Pulau Pinang, Panel Penilai dan Peserta

PERSIDANGAN REGULATORI KEBANGSAAN (NRC) 2023

Pada 2023, NPRA dengan kerjasama Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) telah berjaya menganjurkan NRC 2023 pada 15-17 Ogos 2023 di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan ini dirasmikan oleh Menteri Kesihatan.

Objektif persidangan ini adalah untuk:

- i. Mempromosi dan menyemai kecemerlangan regulatori
- ii. Mengukuhkan kerjasama dan perkongsian bersama pihak berkepentingan
- iii. Menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini serta cabaran yang bakal dihadapi di sektor regulatori

Tema persidangan yang bertajuk *Regulatory Agility: Navigating Winds of Change* melambangkan ketangkasan regulatori dalam menghadapi cabaran semasa dan memacu ke arah transformasi positif. Persidangan ini turut bertujuan mengurangkan jurang antara pihak regulatori dan pihak industri bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan di Malaysia tercapai.



Imej 8.8 Persidangan Regulatori Kebangsaan 2023

PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI 2023

Persidangan Penguatkuasaan Farmasi 2023 telah diadakan di Hotel Dorsett, Subang Jaya pada 16-18 Mei 2023. Tema *Penguatkuasaan Farmasi Dinamik Melangkaui Kepelbagaian Perdagangan Farmaseutikal* mencerminkan komitmen BPF untuk meneroka cara baharu dan inovatif bagi memastikan kepelbagaian perdagangan farmaseutikal kekal dalam persekitaran yang selamat.

Objektif persidangan tersebut adalah:

- i. Untuk memahami cabaran dan senario perdagangan farmaseutikal di Malaysia
- ii. Untuk memperkasakan pegawai penguat kuasa farmasi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyiasat kes jenayah farmaseutikal dalam kepelbagaian perdagangan farmaseutikal
- iii. Untuk meluaskan mekanisme kerjasama antara BPF, agensi tempatan dan antarabangsa bagi pencegahan perdagangan farmaseutikal haram



Imej 8.9 Persidangan Penguatkuasaan Farmasi Tahun 2023

SAMBUTAN HARI FARMASI SEDUNIA 2023

Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2023 diadakan pada 1 Oktober 2023 bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak bersempena dengan Program Madani Afiat Peringkat Kebangsaan 2023 yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Tema *Pharmacy Strengthening Health System* menekankan peranan penting profesion ahli farmasi sebagai salah satu tunjang kepada perkhidmatan kesihatan di negara. Antara aktiviti menarik pada majlis sambutan tersebut adalah pameran *Kenali Ubat Anda*, *FarmaTag*, *MyUbat* bersama Pejabat Pos Malaysia, *Pharmazania* dan sesi perkhidmatan *Home Medication Review* di Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta.



Imej 8.10 Lawatan Perdana Menteri di Reruai MyUBAT



Imej 8.11 Home Medication Review di Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta



Imej 8.12 Sekretariat Hari Farmasi Sedunia 2023

BENGKEL PEMURNIAN DASAR UBAT NASIONAL (DUNas) 2023

Bengkel Pemurnian DUNas 2023 telah dianjurkan pada 28-29 Mac 2023 di NIH, Setia Alam. Objektif bengkel tersebut adalah:

- i. Mengemaskini Pelan Tindakan Induk DUNas yang telah dibangunkan
- ii. Mendapatkan konsensus daripada semua pemegang taruh untuk memuktamadkan pelan ini

Input-input yang bernas telah diterima dan semakan yang menyeluruh telah dilaksanakan bagi menghasilkan satu pelan tindakan induk yang mampu menghadapi cabaran dan keperluan kesihatan sejagat. Berikutan bengkel ini, dasar dan pelan tindakan induk baharu telah mendapat kelulusan Pengurusan Tertinggi KKM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu DUNas pada 11 April 2023.



Imej 8.13 Bengkel Pemurnian DUNas Tahun 2023

BAB
09

**KESELAMATAN
DAN KUALITI
MAKANAN**

PENGENALAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) merupakan peneraju kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara yang bertanggungjawab ke atas sepanjang rantai bekalan makanan. PKKM bertanggungjawab melindungi rakyat terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan serta memudahkan perdagangan makanan. Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya merupakan tulang belakang bagi program keselamatan makanan. Program ini diketuai oleh Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan yang terdiri daripada:

- i. Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Standard Codex
- ii. Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri
- iii. Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia

Aktiviti utama PKKM antaranya adalah pemantauan dan penguatkuasaan ke atas makanan import, domestik dan premis makanan, kawalan makanan eksport, *pre-market approval*, pensijilan keselamatan makanan, pencegahan keracunan makanan, penilaian risiko dan surveilans makanan, pembangunan peraturan dan standard, perkhidmatan makmal, khidmat nasihat pelabelan dan sistem jaminan keselamatan makanan.

SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA 2023

Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia merupakan sambutan yang diadakan pada 7 Jun setiap tahun. Pada tahun 2023, sambutan ini telah disempurnakan melalui video ucapan daripada Menteri Kesihatan dan Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan dengan tema *Food Standards, Save Lives*.



Imej 9.1 Majlis Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2023

APRON WALK SEMPENA SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

PKKM buat julung-julung kalinya menganjurkan aktiviti *Apron Walk* sempena sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 pada 24 September 2023. Majlis Pelancaran *Apron Walk* disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan di Anjung Floria, Putrajaya yang turut merupakan salah satu aktiviti dalam menyokong pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Sambutan ulang tahun Codex ke-60 juga diadakan dan disertai lebih 1,000 orang peserta.



Imej 9.2 Apron Walk Sempena Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2023

DASAR KESELAMATAN MAKANAN KEBANGSAAN (DKMK) 2.0

Mesyuarat Pengukuhan DKMK 2.0 telah diadakan bagi memperkasa dan menambah baik DKMK selaras dengan dasar antarabangsa terkini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO). Penambahbaikan ini akan mentransformasikan dasar sedia ada kepada DKMK 2.0 yang akan merangkumi beberapa teras strategik yang lebih komprehensif. Dua (2) siri mesyuarat telah diadakan pada 2-4 Oktober 2023 dan 30 Oktober -1 November 2023.



Imej 9.3 Mesyuarat Pengukuhan DKMK 2.0

HALA TUJU PEMBANGUNAN INDEKS KESELAMATAN MAKANAN DI MALAYSIA

Pembangunan indeks keselamatan makanan negara adalah suatu usaha untuk mengukur dan menilai pelaksanaan aktiviti keselamatan makanan secara holistik di sepanjang rantai bekalan makanan bermula dari penerimaan bahan mentah, pemprosesan, pengedaran dan penjualan makanan di pasaran. PKKM dalam proses merangka indikator dan komponen secara berfasa bagi merealisasikan pembangunan indeks keselamatan makanan di Malaysia. Mesyuarat Hala Tuju Pembangunan Indeks Keselamatan Makanan di Malaysia telah diadakan pada 17-20 September 2023 melibatkan wakil negeri bagi membincangkan input berkaitan pembangunan indeks keselamatan makanan di Malaysia.



Imej 9.4 Mesyuarat Hala Tuju Pembangunan Indeks Keselamatan Makanan

PENGIKTIRAFAN BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (BKKM) TERBAIK PERINGKAT NEGERI

Pengiktirafan BKKM Terbaik telah diperkenalkan mulai tahun 2020 bagi mengiktiraf kecemerlangan di peringkat JKN dari segi pencapaian aktiviti melalui penilaian pelaksanaan pelan tindakan, indikator petunjuk prestasi, piagam pelanggan, penyertaan inovasi dan pengurusan kewangan pada tahun sebelumnya. Pengiktirafan BKKM Terbaik Tahun 2022 telah diberikan kepada BKKM, JKN Terengganu diikuti dengan BKKM, JKN Perlis di tempat kedua dan BKKM, JKN Negeri Sembilan di tempat ketiga. Melalui pengiktirafan ini, semua pihak negeri terus berusaha untuk bersaing dengan sihat bagi meningkatkan kecemerlangan dalam mencapai matlamat kawalan keselamatan makanan negara.



Imej 9.5 Pengiktirafan BKKM Terbaik Tahun 2022

KERANGKA HOLISTIK MAKMAL MAKANAN NEGARA


Kerangka Holistik Makmal Makanan Negara diwujudkan bagi meningkatkan perkhidmatan analisis makanan secara holistik. PKKM dengan kerjasama agensi di bawah Jawatankuasa Analisis Makanan (JKAM) telah menyediakan kerangka ini yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan perkhidmatan analisis makanan sebagai panduan semua agensi dan pemegang taruh. Dua (2) siri mesyuarat telah diadakan pada 29-31 Mei 2023 dan 14-16 Ogos 2023 dan kerangka ini telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat JKAM pada 1 November 2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Keselamatan Makanan pada 8 Disember 2023.




Imej 9.6 Mesyuarat Kerangka Holistik Makmal Makanan Negara Tahun 2023

PERKHIDMATAN ANALISIS MAKANAN

Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan memberi perkhidmatan analisis makanan dan menerima sampel daripada JKN, Pintu Masuk dan PKD untuk aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Pada tahun 2023, sebanyak 29,012 sampel makanan telah dianalisis. Daripadanya sebanyak 28,683 (98.87%) adalah mencapai *Laboratory Turnaround Time* (LTAT) yang ditetapkan.



Rajah 9.1 Jumlah Sampel dan LTAT bagi Tahun 2023



Rajah 9.2 Pencapaian LTAT bagi Tahun 2023

SURVEILAN KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2023, terdapat lima (5) aktiviti surveilan yang terdiri daripada surveilan terancang dan surveilan aktif serta tiga (3) kajian telah dilaksanakan seperti dalam **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1 Senarai Aktiviti Surveiln Keselamatan Makanan yang Dijalankan pada Tahun 2023

Survelan Terancang	
i.	Pengawasan cemaran logam berat (arsenik, plumbum dan kadmium) dalam produk makanan terpilih di pasaran tempatan
ii.	Status standard (Peratusan air, protein, sukrosa dan gula penurunan) bagi gula melaka, gula kabong dan gula apong
iii.	Pengawasan siklamat dalam makanan ringan di pasaran tempatan
Survelan Aktif	
Pengawasan kandungan omega dalam telur ayam di pasaran tempatan.	
Survelan Antimicrobial Resistance (AMR)	
Pengawasan tahap pencemaran Salmonella dan E. coli serta AMR di dalam makanan terpilih yang dijual pasaran tempatan.	
Kajian Keselamatan Makanan	
i.	Kajian Whole-Genome Analysis of AMR
ii.	Kajian <i>Risk Analysis on Acrylamide Formation in French Fries at Fast Food Restaurant in Malaysia - A Probabilistic Approach</i>
iii.	Kajian Penentuan Jangka Hayat dan Kualiti <i>Edible Bird Nest</i> (EBN)

PENILAIAN PENDEDAHAN

Sebanyak lima (5) penilaian pendedahan terhadap bahaya makanan (*exposure assessment*) telah dijalankan iaitu plumbum dalam sayur dan buah, kolistin dalam daging, kadmium dalam sayur, plumbum dalam makanan dan *chlorpyrifos* dalam sayur-sayuran. Dapatan dari penilaian pendedahan digunakan sebagai bukti saintifik dalam penetapan standard makanan serta langkah pencegahan bagi memastikan tindakan yang diambil adalah berkesan bagi menjamin kesihatan rakyat serta melancarkan perdagangan makanan di negara ini.

INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) MALAYSIA

IFSTC Malaysia berperanan menganjurkan latihan kepakaran kepada pihak pemegang taruh yang terdiri antaranya industri makanan, pengamal undang-undang, pensyarah dan pelajar universiti, penguatkuasa, pegawai daripada agensi kerajaan, dan juga termasuk mana-mana individu atau ahli persatuan yang berminat untuk mendalami pengetahuan mereka mengenai bidang keselamatan dan kualiti makanan.

Sejak 2016 hingga 2023, sebanyak 92 latihan telah dianjurkan dan disertai oleh 2,875 peserta termasuk peserta daripada Brunei. Selain penganjuran latihan berjadual, IFSTC Malaysia turut bekerjasama dan berkolaborasi dengan pelbagai badan di Malaysia dan ASEAN antaranya:

- i. *Technical Assistance Updates on EU Export Requirements and HACCP/GMP Implementation* di Brunei yang diadakan pada 19-21 Januari 2023 melibatkan 47 peserta dari industri makanan, Jabatan Pertanian dan Agri-Makanan Brunei dan *Food Safety Authority* Brunei
- ii. Penyertaan dan pembentangan oral di *ASEAN Food Safety Conference* ke-17 yang diadakan pada 32-27 Oktober 2023 di Kuching, Sarawak
- iii. Inisiatif *Private Partnership* iaitu kerjasama dengan *International Life Science Institute Southeast Asia Region* (ILSI SEA), *Malaysian Institute of Food Technology* (MIFT), Taylor's University dan Sunway University



Imej 9.7 Latihan dan Seminar Anjuran IFSTC Malaysia Tahun 2023

MESYUARAT THE INTERNATIONAL FOOD SAFETY AUTHORITIES NETWORK (INFOSAN) BI-REGIONAL ASIA-PACIFIC 2023

Mesyuarat INFOSAN *Bi-Regional Asia-Pacific* 2023 telah diadakan pada 5-6 Disember 2023 bertempat di Ibu Pejabat WHO, Geneva, Switzerland dan dihadiri oleh Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Standard Codex, PKKM. Mesyuarat ini bertujuan membangunkan pelan tindakan nasional INFOSAN bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan makanan di rantau Asia-Pasifik, mengukuhkan jalinan kerjasama antara pihak berkuasa keselamatan makanan di

rantau Asia-Pasifik dan memperkukuhkan jaringan komunikasi bersama sekretariat INFOSAN melalui pendekatan yang harmoni terhadap kesiapsiagaan dan tindak balas melibatkan kecemasan keselamatan makanan.




Imej 9.8 Mesyuarat INFOSAN *Bi-Regional Asia-Pacific* 2023

KAWALAN DAN PEMATUHAN DOMESTIK

PENDAFTARAN PREMIS MAKANAN


Semua premis makanan wajib berdaftar dengan KKM seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2023, sebanyak 27,448 premis makanan telah didaftarkan iaitu 2,049 kilang makanan (kategori P1), 1,523 perkhidmatan katering makanan (kategori P2), 23,681 premis kedai makan (kategori P3), 195 kenderaan yang menjual makanan (kategori P4).



Rajah 9.3 Premis Berdaftar Mengikut Kategori Tahun 2023

PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN


Pemeriksaan premis makanan adalah untuk memastikan kebersihan premis mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2023, sebanyak 63,605 premis makanan telah diperiksa dengan 1,477 (2.32%) premis telah diarahkan untuk ditutup sementara di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.



Rajah 9.4 Pemeriksaan dan Penutupan Premis Makanan Tahun 2020-2023

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan berdasarkan penilaian risiko dijalankan bagi memastikan makanan yang disediakan atau dijual di pasaran Malaysia mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pada tahun 2023, sebanyak 30,183 sampel makanan telah dianalisis dan didapati 974 sampel (3.23%) melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Dari tahun 2020 hingga 2023, terdapat tren pengurangan bagi sampel melanggar.



Rajah 9.5 Bilangan Sampel Diambil dan Peratus Sampel Melanggar Tahun 2020-2023

OPERASI KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2023, PKKM telah menyelaras operasi keselamatan makanan di peringkat kebangsaan sebagai langkah proaktif bagi menangani isu-isu keselamatan makanan iaitu Operasi Ramadan, Operasi Tahun Baru Cina dan Operasi Premis Bersih.



Operasi Ramadan



Operasi Tahun Baru Cina




Operasi Premis Bersih

Bil. Premis diperiksa	51,849	Bil. Premis diperiksa	653	Bil. Premis diperiksa	13,988
Jumlah Produk Makanan Dirampas	1,350	Jumlah Produk Makanan Dirampas	8,045	Bil. Premis Makanan Ditutup	594 (4.20%)
Nilai Kompaun Notis 32B	RM197,600	Nilai Barangan Disita/Rampas	RM62,525.04	Bil. Notis 32B	5,008 (36%)

Rajah 9.6 Operasi Keselamatan Makanan Tahun 2023

FOOD ALERT DAN FOOD RECALL


Pada tahun 2023, sebanyak 129 notifikasi *Food Alert* telah direkodkan dan 53 arahan menarik balik produk dari pasaran (*Food Recall*) telah dikeluarkan.




Rajah 9.7 Bilangan *Food Alert* dan *Notice of Recall* bagi Tahun 2020-2023

PEMERIKSAAN PENGENDALI MAKANAN

Semua pengendali makanan adalah diwajibkan untuk menghadiri Latihan Pengendali Makanan (LPM) di Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh KKM dan wajib mendapatkan vaksinasi anti-tifoid.




Rajah 9.8 Pengendali Makanan yang Diperiksa Status Anti-tifoid Vaksinasi bagi Tahun 2023



Rajah 9.9 Pengendali Makanan yang Diperiksa LPM bagi Tahun 2023

PENGUATKUASAAN AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011


Juruanalisis makanan hendaklah berdaftar di bawah Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan mempunyai Perakuan Amalan Tahunan (APC) yang sah bagi menjalankan amalan di Malaysia. Sehingga tahun 2023, jumlah keseluruhan juruanalisis makanan berdaftar adalah seramai 1,572 dari pelbagai sektor. Pada tahun 2023, aktiviti penguatkuasaan Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan Juruanalisis Makanan 2013 telah dijalankan dengan melaksanakan pemeriksaan ke atas 260 makmal dan 790 juruanalisis makanan dan seorang juruanalisis makanan telah dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah.




Rajah 9.10 Jumlah Pendaftaran Juruanalisis Makanan Mengikut Sektor

KAWALAN MAKANAN IMPORT

Aktiviti kawalan makanan import dilaksanakan meliputi 70 pintu masuk di seluruh negara. Pada tahun 2023, sejumlah 367,094 konsainan makanan telah diimport ke Malaysia berbanding 364,961 konsainan makanan pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 127,695 (34.8%) konsainan diperiksa dan didapati sebanyak 92 (1.7 peratus) daripada 5,461 sampel makanan pada tahun 2023 melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 berbanding 102 (2.9 peratus) daripada 3,563 sampel makanan pada tahun 2022 sebagaimana **Rajah 9.11**. Terdapat 6 tahap pemeriksaan bagi kawalan makanan import seperti **Rajah 9.12**.




Rajah 9.11 Sampel Makanan Import Melanggar Tahun 2022-2023



Rajah 9.12 Kawalan Makanan Import (Kawalan Berasaskan Risiko)

KAWALAN MAKANAN EKSPORT


Program pemantauan eksport merupakan kawalan rasmi yang dibangunkan secara spesifik mengikut komoditi dan keperluan negara pengimport. PKKM juga telah menyenaraikan fasiliti makanan eksport yang diluluskan oleh negara pengimport



Rajah 9.13 Bilangan Fasiliti Makanan Eksport yang Disenaraikan oleh KKM Sehingga Tahun 2023

PENGELUARAN SIJIL EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport oleh PKKM diberikan kepada pengeksport berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport. Jumlah keseluruhan pengeluaran sijil eksport pada tahun 2023 ialah 66,033.



Rajah 9.14 Bilangan Pengeluaran Sijil Eksport Tahun 2023

PEMBANGUNAN INDUSTRI


PELESENAN

Pengeluaran lesen bagi empat (4) kategori pelesenan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu pelesenan mesin jual air, pelesenan ais, pelesenan minuman air berbungkus dan pelesenan air mineral. Pada tahun 2023, jumlah lesen yang dikeluarkan adalah sebanyak 3,217 lesen mesin jual air, 219 lesen ais, tiga (3) lesen air mineral semula jadi dan 12 lesen air minuman berbungkus.


PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN

Pelaksanaan pensijilan program jaminan keselamatan makanan dilaksanakan bagi membantu industri makanan dalam mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan dibawahnya melalui pensijilan seperti *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP), *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

Rajah 9.15 dan **Rajah 9.16** menunjukkan tren dan pencapaian untuk pensijilan sistem keselamatan makanan dari tahun 2016 sehingga 2023.




Rajah 9.15 Bilangan Pemegang Sijil HACCP, GMP dan MeSTI bagi Tahun 2016-2023



Rajah 9.16 Bilangan Premis Pengilangan Makanan Mendapat Pensijilan MeSTI Tahun 2023

Selain itu, terdapat juga pelbagai pensijilan lain yang telah diperkenalkan di bawah PKKM. Sehingga tahun 2023, jumlah bagi lain-lain pensijilan dan penyenaraian berkaitan keselamatan makanan adalah seperti berikut:



Rajah 9.17 Bilangan Lain-Lain Pensijilan & Penyenaraian berkaitan Keselamatan Makanan

PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN

Sebanyak 496 episod keracunan makanan telah berlaku di seluruh Malaysia pada tahun 2023. Sebagai langkah pencegahan kejadian keracunan makanan, PKKM secara berterusan memantau latihan pengendali makanan yang diberikan melalui Sekolah Latihan Pengendali Makanan dan Tenaga Pengajar yang diiktiraf oleh KKM. Kerjasama dengan pelbagai agensi diadakan bagi membendung kejadian keracunan makanan antaranya program ProKEM bersama KPM dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) seperti di **Imej 9.9**.



Rajah 9.18 Program Latihan Pengendali Makanan Tahun 2023



Pemantauan ProKEM
Kohort 2 bagi tahun 2023



Penyelaras aktiviti
Penyiasatan KRM bersama
Bahagian Kawalan
Penyakit



Latihan keselamatan
makanan dengan kerjasama
KPM dan MARA



Penyiasatan keracunan
makanan berdasarkan
konsep HACCP




Pemeriksaan kawalan
keracunan makanan BKP,
KPM dan MARA

Imej 9.9 Aktiviti Pencegahan Keracunan Makanan Tahun 2023

KOLABORASI PKKM DENGAN PELBAGAI SEKTOR BAGI PENGIKTIRAFAN PREMIS BERSIH DAN SELAMAT (BeSS)

Pengiktirafan BeSS diberikan kepada premis makanan yang dinilai bersih oleh KKM dan sebagai penghargaan kepada pengusaha yang mengutamakan penyediaan makanan selamat dan persekitaran premis yang bersih kepada pelanggan. Beberapa kolaborasi telah diadakan berkaitan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan di premis selain Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Genting Malaysia Berhad dan Persatuan Restoran Muslim Malaysia (PRESMA).



Imej 9.10 Mesyuarat Kolaborasi bersama Genting Malaysia Berhad dan PRESMA


NATIONAL CENTRE FOR FOOD SAFETY (NCFS)

NCFS adalah cabang saintifik di bawah PKKM yang berfungsi menyediakan data saintifik khususnya bagi memastikan keselamatan makanan adalah terjamin di sepanjang rantai makanan di samping memperkasakan tindakan kawalan terhadap produk makanan yang berisiko. Projek pembinaan NCFS bermula pada April 2018 dan dijangka siap pada 1 Mei 2024.



Imej 9.11 Lawatan Pengurusan Atasan KKM ke NCFS di Sepang, Selangor

NCFS telah mengenal pasti enam (6) perkhidmatan awalan yang akan dilaksanakan dalam jangka masa pendek sebaik sahaja NCFS mula beroperasi seperti dalam **Rajah 9.19**.



Rajah 9.19 Perkhidmatan Awal NCFS



BAB
10
PEMBANGUNAN

PENDAHULUAN

Bahagian Pembangunan, KKM bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti berkaitan dengan pengurusan, perancangan, pelaksanaan, pengawalan, pemantauan dan penilaian program serta projek pembangunan fasiliti kesihatan KKM yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia. Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Bahagian Perancangan dan Pembangunan sebelum penstrukturan semula organisasi pada 1 September 2012, dan telah dibahagikan kepada dua (2) entiti iaitu Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan, yang mempunyai perbezaan fungsi masing-masing. Seterusnya pada 27 September 2018, Bahagian ini telah melaksanakan penyusunan semula tanggungjawab dan fungsi setiap unit. Ia seterusnya dibahagikan kepada tiga (3) cawangan utama dan disokong oleh 12 unit seperti berikut:

- A. Cawangan Pengurusan Projek I:
 - i. Unit Projek 1 (Zon Utara)
 - ii. Unit Projek 2 (Zon Tengah)
 - iii. Unit Projek 3 (Zon Timur)
 - iv. Unit *Public, Private and Partnership*
- B. Cawangan Pengurusan Projek II:
 - i. Unit Projek 4 (Zon Selatan)
 - ii. Unit Projek 5 (Sabah dan Sarawak)
 - iii. Unit Bajet RMK
 - iv. Unit Teknikal dan Perolehan
- C. Cawangan Pengurusan Sumber:
 - i. Unit Tanah
 - ii. Unit Kewangan dan Pentadbiran
 - iii. Unit Penyelarasan (Lawatan/Parlimen)
 - iv. Unit Penyelarasan (Urus Setia Mesyuarat)

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PELAKSANAAN MESYUARAT YANG BERKAITAN TAHUN 2023

Selaras dengan Arahan No. 1 2023: Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara, Bahagian Pembangunan berperanan untuk menyelaraskan pelaksanaan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) di peringkat KKM.

Mesyuarat MTPK yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan berperanan untuk memastikan semua keputusan Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN) dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) dilaksanakan sepenuhnya di peringkat kementerian. Ia turut berperanan mencari jalan penyelesaian ke atas isu dan masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah kementerian serta isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

Manakala Mesyuarat JTPK yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM pula bertanggungjawab memastikan semua arahan dan keputusan MTPN, JTPN dan MTPK dilaksanakan dengan berkesan. Mesyuarat JTPK juga perlu menangani isu atau masalah dasar dan strategi pelaksanaan program atau projek pembangunan di kementerian termasuk isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

Jadual 10.1 Mesyuarat MTPK dan JTPK Tahun 2023

MTPK	JTPK
MTPK Bil. 1/2023–26 Januari 2023	JTPK Bil. 1/2023–24 Mac 2023
MTPK Bil. 2/2023–17 April 2023	JTPK Bil. 2/2023–11 April 2023
MTPK Bil. 3/ 2023–28 Julai 2023	JTPK Bil. 3/2023–10 Mei 023
MTPK Bil. 4/ 2023–21 Disember 2023	JTPK Bil. 4/2023–1 Jun 2023
Nota: Mesyuarat MTPK dijadualkan secara suku tahunan	JTPK Bil. 5/2023–25 Julai 2023
	JTPK Bil. 6/2023–16 Ogos 2023
	JTPK Bil. 7/2023–18 September 2023
	JTPK Bil. 8/2023–16 Oktober 2023
	JTPK Bil. 9/2023–23 November 2023
	JTPK Bil. 10/2023–19 Disember 2023

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 3* (RMKe-12 RP3) Tahun 2023, Peruntukan Pembangunan (DE) KKM telah diluluskan sebanyak RM4.827 bilion untuk melaksanakan 657 projek pembangunan fasiliti kesihatan yang melibatkan 444 buah projek baharu dan 213 projek sambungan. Pencapaian prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan sehingga 31 Disember 2023 adalah RM4.827 bilion iaitu 96.56% daripada peruntukan tahun semasa. Perincian Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan KKM adalah seperti dalam **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2 Prestasi DE KKM Tahun 2023

No. Projek>Nama	Peruntukan Terkini 2023 (RM)	Tanggungan 2023 (RM)	Perbelanjaan 2023 (RM)	Tanggungan + Belanja 2023 (RM)	%
BP 100 – Latihan	35,830,005.00	-	34,556,250.38	34,556,250.38	96
102 Naiktaraf Projek Latihan	730,005.00	-	720,051.00	720,051.00	99
105 Latihan Dalam Perkhidmatan	35,100,000.00	-	33,836,199.38	33,836,199.38	96
BP 200 – Kesihatan Awam	405,899,137.00	-	377,826,645.36	377,826,645.36	93
201 Perkhidmatan Kesihatan Awam (Luar Bandar)	137,226,663.00	-	121,348,110.25	121,348,110.25	88
202 Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)	9,861,000.00	-	9,518,331.03	9,518,331.03	97
203 Perkhidmatan Kesihatan Awam (Bandar)	257,911,473.00	-	246,060,350.13	246,060,350.13	95
204 Klinik Bergerak	900,001.00	-	899,853.95	899,853.95	100
BP 300 – Kemudahan Hospital	771,534,774.00	124,899.40	742,145,219.23	742,270,118.63	96
BP 400 – Hospital	341,867,281.00	-	338,357,670.30	338,357,670.30	99
BP 500 – Penyelidikan & Pembangunan (R&D)	31,703,749.00	-	27,873,541.51	27,873,541.51	88
BP 600 – Naik Taraf, Ubah Suai & Pembaikan	387,000,000.00	-	366,935,637.74	366,935,637.74	95
BP 700 – Perolehan & Penyelenggaraan Tanah	17,304,350.00	-	15,963,734.23	15,963,734.23	92
BP 800 – Informasi & Teknologi (ICT)	51,407,808.00	-	46,707,910.50	46,707,910.50	91
BP 900 – Kemudahan Anggota	28,964,783.00	-	28,668,903.59	28,668,903.59	88
901 Kuarters (Luar Bandar)	73,616,676.00	-	64,904,301.57	64,904,301.57	93
902 Kuarters (Bandar)	60,618,141.00	-	52,855,098.09	52,855,098.09	87
904 Pejabat & Jabatan Kesihatan	20,365.00	-	14,996.53	14,996.53	74
BP 1100 – Peralatan & Kenderaan	367,209,037.00	-	309,617,807.27	309,617,807.27	84
BP 1200 – Projek Public Private Partnership (PPP)	2,313,018,300.00	-	2,305,691,117.54	2,305,691,117.54	100
BP 9000 – Pelancongan Kesihatan	2,313,018,300.00	-	2,000,000.00	2,000,000.00	100
Jumlah	4,827,355,900.00	124,899.40	4,661,248,739.22	4,661,373,638.62	96.56

PEMBANGUNAN LATIHAN BAGI MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI

Bahagian Pembangunan turut merangka, merancang dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dalam mengurus dan melaksanakan tugas terutamanya dalam pengurusan projek serta mengemas kini maklumat dalam Sistem Pemantauan MyProjek. Berikut merupakan aktiviti latihan pembangunan yang telah diadakan atau dihadiri sepanjang tahun 2023 seperti dalam **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3 Aktiviti Latihan Pembangunan Kompetensi Tahun 2023

Aktiviti	Tarikh
Makmal Pengurusan Nilai Strategik (VMS) bagi Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Kulim Kedah	20–22 Mac 2023
Bengkel Penambahbaikan Reka Bentuk Piawai Pre-Approved Plan (PAP) bagi Fasiliti Kesihatan KKM	10–11 Julai 2023
Bengkel Kajian Penilaian Outcome KKM	3–5 Oktober 2023
Bengkel Permerkasaan Pengurusan Tanah untuk Kementerian/ Jabatan Pengguna (KJP) Siri 1: Pengambilan Tanah di Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia	21 Oktober 2023



Imej 10.1 Bengkel Kajian Penilaian Outcome KKM Tahun 2023

PENYERAHAN PROJEK SIAP FASILITI KESIHATAN

Penyerahan projek siap fasiliti kesihatan dilaksanakan melalui pemeriksaan bersama pihak *end user*, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak kontraktor yang terlibat. Bangunan atau fasiliti kesihatan siap dibina dan segala proses berkaitan selesai dilaksanakan dengan sempurna, projek akan diserahkan kepada pihak *end user* iaitu JKN atau Institut Kesihatan. Pada tahun 2023, sebanyak 18 buah projek siap telah diserahkan kepada *end user* seperti dalam **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4 Handover of Completed Health Facility Projects 2023

Projek	Tarikh Siap	Tarikh Serah
Hospital		
Pembinaan Bangunan Baharu Makmal Patologi, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	22 April 2023	18 Jun 2023
Menaik Taraf Sistem Perangkap Kilat di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	17 Jun 2023	14 Disember 2023
Kompleks Dewan Bedah, ICU & Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur	4 Ogos 2023	25 September 2023
Kerja-kerja Menaik Taraf dan Penggantian Sistem Lif di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu	17 Ogos 2023	25 Oktober 2023
Naik Taraf Unit Rawatan Rapi, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis	18 Oktober 2023	28 November 2023
Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan Kuarters		
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Bandar Raub, Raub, Pahang	9 Januari 2023	10 March 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan & Klinik Pergigian Dato' Keramat, WP Kuala Lumpur	20 Januari 2023	3 February 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 5) dengan Kuarters Palong Timur, Segamat, Johor	18 Februari 2023	18 June 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Tampoi, Johor Bahru, Johor	28 Februari 2023	29 May 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Mata Ayer, Machang, Kelantan	4 April 2023	3 June 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Sokor, Tanah Merah, Kelantan	6 April 2023	3 June 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Karangan, Kuala Krai, Kelantan	6 April 2023	3 June 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Kerilla, Machang, Kelantan	13 April 2023	3 June 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Peria, Kuala Krai, Kelantan	1 April 2023	3 February 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Taman Ungku Tun Aminah, Johor	30 April 2023	18 June 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandaraya Miri, Sarawak	26 Jun 2023	27 Oktober 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters (2F dan 2G) Padang Besar, Perlis	1 Ogos 2023	5 September 2023
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan	11 September 2023	30 November 2023



Imej 10.2 Majlis Penyerahan Projek Siap



BAB 11

AUDIT DALAM

CAWANGAN AUDIT DALAM (CAD)

CAD KKM telah ditubuhkan pada tahun 1980 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Peranan dan tanggungjawab CAD telah dimantapkan lagi melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1/2013 iaitu Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

CAD yang diketuai oleh Ketua Audit Dalam telah diberi kuasa untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil dan saksama serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KKM. CAD juga berperanan sebagai *the third line of defence* yang memberi jaminan bebas dalam membantu KKM mencapai matlamatnya dengan memastikan tadbir urus, kawalan dalaman dan pengurusan risiko adalah baik dan sistematik.


AKTIVITI

Selaras dengan PS 3.1 serta standard pengauditan iaitu *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan *The Chartered Institute of Internal Auditors*, CAD telah melaksanakan lima (5) program pengauditan sepanjang tahun 2023 iaitu:

- i. Pengauditan Kewangan
- ii. Pengauditan Prestasi
- iii. Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti (Perakaunan Akruan)
- iv. Penilaian Risiko Pengurusan Kewangan
- v. Penyataan Kawalan Dalaman bagi Item dalam Penyata Kewangan

PENGAUDITAN KEWANGAN

Pengauditan Kewangan meliputi pelbagai bentuk yang merangkumi pengauditan terhadap kawalan dalaman, pematuhan terhadap peraturan kewangan atau perundangan termasuk rekod kewangan serta sistem kewangan yang diwujudkan di PTJ. Pada tahun 2023, CAD telah melaksanakan empat (4) jenis aktiviti di bawah Pengauditan Kewangan merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pematuhan, Arahan Pembayaran dan Pemeriksaan Mengejut.



Rajah 11.1 Bilangan Pengauditan Kewangan Dilaksanakan pada Tahun 2023

PENGAUDITAN PRESTASI

CAD juga telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengukuran input, output dan keberhasilan akan diteliti bagi menentukan pengurusan dan pencapaian program atau aktiviti tersebut. Pada tahun 2023, sebanyak 12 pengauditan prestasi telah dilaksanakan melibatkan pengurusan perolehan, pengurusan program atau aktiviti dan projek ICT seperti dalam **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1 Senarai Topik Pengauditan Prestasi

Topik
Pengurusan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh
Pengurusan Kemalangan dan Kehilangan Kenderaan Kerajaan/Jabatan
Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan di Bawah Perkhidmatan Sokongan Hospital
Perolehan dan Penyenggaraan Peralatan/Kenderaan Pasukan Pergigian Bergerak
Perolehan Penyenggaraan dan Pembaikan Kuarters
Perolehan Ubat
Perolehan Peralatan Perubatan di Klinik Kesihatan dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak
Perolehan dan Pengurusan Perkhidmatan Klinik Bergerak (Mod Bot)
Pengurusan <i>Terminal Point of Sales</i> (TPOS) dan Pelaksanaan <i>e-Payment</i>
Pembangunan Sistem Aplikasi Registri Pesakit (ARP) di Bahagian Perancangan KKM
Pengurusan Perkhidmatan Sewa Beli Perkakasan dan Perisian ICT di PTJ KKM Bagi Pelaksanaan Projek Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan iGFMS
Perkhidmatan Sokongan Operasi dan Penyelenggaraan Bagi Perkakasan, Rangkaian, Perisian dan <i>Aplikasi Hospital Information System</i> (HIS)

VERIFIKASI DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI (PERAKAUNAN AKRUAN)

Sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akruan, CAD perlu melaksanakan pengesahan terhadap baki awal aset dan liabiliti bagi penyata kewangan kementerian yang meliputi item-item dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pada tahun 2023, CAD telah melaksanakan dua (2) aktiviti verifikasi baki aset dan liabiliti terhadap item-item penyata kewangan sejajar dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Audit verifikasi yang dilaksanakan melibatkan pengesahan data baki awal Aset Alih dan Aset Tak Alih (Tanah dan Bangunan), Akaun Belum Bayar Bangunan dan Hartanah Pelaburan bagi tempoh *cut-off* 31 Disember 2022 dan Migrasi Kali Kedua tahun 2023.

Jadual 11.2 Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti

Item	<i>Cut-off</i> 31 Disember 2022	Migrasi Kali Kedua Tahun 2023
Aset Tak Alih (Bangunan)	2,013,557,795.10	356,637,010.22
Aset Tak Alih (Tanah)	81,210,000.00	935,442,637.07
Aset Alih	21,496,353.04	-
Akaun Belum Bayar Bangunan	45,824,370.70	-
Hartanah Pelaburan	-	188,492,910.00

PENILAIAN RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENYATAAN KAWALAN DALAMAN BAGI ITEM DALAM PENYATA KEWANGAN

Antara tanggungjawab CAD yang telah digariskan dalam PS 3.1 ialah untuk memberi jaminan dan khidmat perundingan kepada organisasi. Untuk tujuan tersebut, CAD perlu melaksanakan penilaian risiko pengurusan kewangan yang melibatkan empat (4) elemen utama iaitu Kawalan Kutipan Hasil, Pengurusan Aset, Pengurusan Perbelanjaan dan Pengurusan Perolehan.

Pada tahun 2023, CAD telah melaksanakan tiga (3) pengauditan penilaian risiko ke atas Pemantauan Penggunaan Dana HIV/AIDS Majlis AIDS Malaysia (MAM), Perolehan ITEM Secara *Consignment* di Makmal Invasif Kardiologi (ICL) di tiga (3) PTJ dan Pengurusan Aset Alih (Alat Kelengkapan Penyelidikan) di empat (4) PTJ.

CAD juga telah mengeluarkan Penyataan Kawalan Dalaman berdasarkan pengauditan penilaian risiko yang telah dilaksanakan. Ia bertujuan untuk menilai sama ada pelaksanaan program adalah selaras dengan klausa perjanjian, menentukan keberkesanan terhadap kawalan dalaman yang diwujudkan serta mencadangkan syor penambahbaikan.

Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan dalam laporan audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.2/2013. Hasil pembentangan tersebut menghasilkan dua (2) tindakan iaitu tindakan penambahbaikan terhadap proses dan prosedur bagi memperkukuh kawalan dalaman dan tindakan punitif oleh Unit Integriti bagi kes-kes tertentu.

PENCAPAIAN

CAD telah menerima pengiktirafan prestasi Cemerlang daripada MOF pada 24 Oktober 2023 dengan penarafan penuh lima (5) bintang bagi Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan Tahun 2023. Penarafan dibuat berdasarkan dua (2) aspek utama penilaian iaitu impak pengauditan dan pematuhan audit dalam terhadap peraturan/*standard* pengauditan. Sementara itu, komponen penilaian terbahagi kepada dua (2) iaitu Kajian Persepsi oleh Pemegang Taruh sebanyak 70% dan Penilaian Kendiri Melalui Naziran sebanyak 30%.



Imej 11.1 Penganugerahan Sijil Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan Tahun 2023



BAB
12
UNIT
KOMUNIKASI
KORPORAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

UKK telah ditubuhkan untuk meningkatkan imej Kementerian, mempromosi dasar serta program Kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Di samping itu, UKK bertindak sebagai barisan hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam Kementerian. UKK terbahagi kepada empat (4) seksyen iaitu:

- i. Seksyen Media
- ii. Seksyen Komunikasi Strategik
- iii. Seksyen Hal Ehwal Korporat (HEK)
- iv. Seksyen Pengurusan Respons Awam (SPRA)

SEKSYEN MEDIA

Seksyen Media bertanggungjawab menguruskan liputan media bagi setiap majlis dan program rasmi KKM. Antara program yang telah dibuat liputan adalah:

MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL TANJONG KARANG, SELANGOR

DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor telah berangkat mencemar duli dan seterusnya merasmikan Hospital Tanjong Karang, Selangor pada 9 Februari 2023. Pembinaan hospital ini adalah bagi menggantikan bangunan Hospital Tanjong Karang sedia ada yang telah beroperasi sejak tahun 1966 agar dapat memberikan perkhidmatan kesihatan optimum kepada rakyat.



Imej 12.1 Majlis Perasmian Hospital Tanjong Karang, Selangor

PROGRAM MADANI AFIAT

Program MADANI Afiat merupakan aktiviti turun padang bertemu dengan masyarakat awam dalam memperkasakan penyebaran maklumat mengenai asas pencegahan dan hebahkan berkenaan aktiviti program kesihatan dan inisiatif komuniti yang dilaksanakan oleh KKM kepada kumpulan sasaran.

Program ini telah dilaksanakan di tujuh (7) negeri iaitu Selangor, Kedah, Terengganu, Johor, Perak, Melaka dan Pulau Pinang. Antara aktiviti utama MADANI Afiat adalah aktiviti *Touch Point* yang merupakan lawatan dari rumah ke rumah yang memfokuskan kepada aktiviti saringan kesihatan bersama penglibatan pihak pengurusan tertinggi KKM, pemimpin masyarakat serta pasukan perubatan.



Imej 12.2 Program MADANI Afiat

SESI TOWN HALL KERTAS PUTIH KESIHATAN (HWP)

Sesi Town Hall HWP telah diadakan di lima (5) zon seperti berikut:

- i. Zon Tengah (18 April 2023)
- ii. Zon Negeri Sarawak (27 April 2023)
- iii. Zon Negeri Sabah (28 April 2023)
- iv. Zon Utara (1 Mei 2023)
- v. Zon Selatan (7 Mei 2023)

HWP merupakan satu dokumen pelan reformasi kesihatan negara yang mengetengahkan cabaran utama yang dihadapi oleh sistem kesihatan dan cadangan penyelesaian untuk memastikan sistem kesihatan negara lebih berkualiti, mampan dan berdaya tahan.



Imej 12.3 Sesi Town Hall Kertas Putih Kesihatan (HWP)

PELANCARAN SKIM PERUBATAN MADANI DAN PROGRAM MADANI AFIAT PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Skim Perubatan MADANI dan Program MADANI Afiat Peringkat Kebangsaan 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak pada 1 Oktober 2023.

Skim Perubatan MADANI adalah satu inisiatif penting Dasar Malaysia MADANI bertujuan untuk menyediakan akses sama rata perkhidmatan kesihatan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan kesihatan kumpulan B40 dalam Penjagaan Kesihatan Primer Akut iaitu rawatan pesakit luar kes-kes akut.

Skim Perubatan MADANI adalah inisiatif perintis oleh kerajaan yang dilaksanakan melalui KKM bertujuan untuk meningkatkan akses kumpulan berpendapatan rendah kepada perkhidmatan penjagaan primer akut di sektor swasta bagi meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan penyertaan Pengamal Perubatan Swasta (GP) dalam penjagaan akut di peringkat primer melalui Kerjasama Awam-Swasta.



Imej 12.4 Pelancaran Skim Perubatan MADANI dan Program MADANI Afiat Peringkat Kebangsaan 2023

SESI LIBAT URUS BERSAMA MEDIA BAGI RANG UNDANG-UNDANG (RUU) KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

Menteri Kesihatan telah mengadakan sesi libat urus bersama hampir 40 Ketua Editor Media bagi memberi taklimat dan maklumat terperinci mengenai RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 melalui pembentangan dan sesi soal jawab yang diadakan di Dewan Bankuet, Parlimen pada 6 Jun 2023.



Imej 12.5 Sesi Libat Urus bersama Media bagi RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

SLOT WAWANCARA NARATIF KHAS MENTERI KESIHATAN

Satu sesi wawancara TV bersama Menteri Kesihatan telah diadakan pada 1 November 2023 di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Wawancara ini dilaksanakan bagi program Naratif Khas untuk membincangkan tentang PascaBelanjawan 2024: Reformasi Sistem Kesihatan.



Imej 12.6 Slot Wawancara Naratif Khas Menteri Kesihatan

SEKSYEN KOMUNIKASI STRATEGIK

Seksyen Komunikasi Strategik memainkan peranan penting dalam mengurus isu-isu yang berkaitan kementerian di samping mempromosikan dasar-dasar dan program kerajaan kepada rakyat. Kementerian mempromosikan pelbagai kandungan melalui Facebook, X, TikTok, Instagram, Telegram dan Youtube.


Jadual 12.1 Pencapaian *Post-Engagement* Tertinggi Sepanjang Tahun 2023

Komunikasi Visual	Capaian
Kenyataan Rasmi	
Sidang Akhbar Media Khas Berhubung Status COVID-19	428,450
Kenyataan Media Khas – Status COVID-19	371,443
Kenyataan Media COVID-19 Minggu Epidemiologi-50	307,959
Rakaman voice note berkaitan pemakaian pelitup muka di kawasan Kuala Lumpur yang terjejas teruk akibat COVID-19	305,402
Pelantikan YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sebagai Menteri Kesihatan	296,921
Infografik	
Tahukah anda – <i>Zero Sugar</i>	462,349
Ketahui Keperluan Kalori Anda	265,212
Radang Sinus	201,317
10,000 Langkah Membawa Faedah	190,005
Reformasi KKM menerusi Bitara MADANI	169,005

Seksyen Komunikasi Strategik juga berperanan meningkatkan jaringan rangkaian media sosial KKM menerusi penerbitan program versi baharu yang signifikan dalam memperkasa mesej dan dasar kesihatan negara, iaitu:

i. Tik-Tip Sihat

Tik-Tip Sihat yang bermula pada 1 Jun 2023 merupakan aktiviti promosi yang bertujuan memberi fokus kepada tip dan panduan ringkas berkaitan isu-isu semasa kesihatan yang boleh dijadikan sebagai *quick message* dan peringatan mesra secara bermaklumat kepada orang awam.



Imej 12.7 Tik-Tip Sihat

ii. Kapsul 365KKM dan Laporan Khas

Penjelasan isu-isu semasa yang memerlukan justifikasi dalam memperjelaskan dasar kesihatan berdasarkan respon dan reaksi awam.



Imej 12.8 Kapsul 365KKM dan Laporan Khas

Taklimat isu-isu semasa khas anjuran bersama KKM dan Kementerian Komunikasi:

- i. Taklimat isu-isu semasa dan kerjasama strategik telah diadakan antara Kementerian kepada *key communicator* kerajaan seperti JaPen dan rakan strategik (JKOM, KEMAS dan MKN) serta ahli Komuniti MADANI (KM). Taklimat ini diadakan bagi memperkukuhkan komunikasi strategik menerusi pendekatan kaedah komunikasi bersemuka (*face-to-face communication*) kepada kumpulan sasar yang perlu dilaksanakan seiring dengan komunikasi media konvensional dan media sosial.
- ii. Menerusi inisiatif *smart partnership* yang terjalin antara UKK bersama Kementerian Komunikasi dan Jabatan Penerangan Malaysia, pemasaran informasi menerusi saluran komunikasi yang lebih strategik dapat terus disinergikan dalam usaha membentuk persepsi menerusi sesi libat urus, turun padang, analitik data raya dan pembujukan oleh *key communicator*.



Imej 12.9 Taklimat Isu-Isu Semasa Tentang Kesiapsiagaan KKM Berkaitan Vaksin COVID-19 dan MySejahtera pada 15 Februari 2023



Imej 12.10 RUU Kawalan Produk Merokok demi Kesihatan Awam 2023 pada 12 Disember 2023

Memperkasa saluran komunikasi menerusi penyelarasan *platform* komunikasi yang lebih proaktif berdasarkan penjenamaan semula aktiviti perhubungan awam.

- i. Latihan bagi meningkatkan kompetensi unit ini dalam kandungan kreatif telah diadakan menerusi lawatan ke studio penerbitan rancangan Kapsul Berita Maritim Malaysia. UKK berperanan sebagai koordinator dalam pengurusan media dan komunikasi strategik menerusi aktiviti advokasi dan komunikasi dalam merangka dan melaksana Pelan Komunikasi Risiko Peringkat Kementerian, demi memastikan imej, kredibiliti dan mesej utama kementerian dapat disalurkan dengan efisien.



Imej 12.11 Lawatan ke Studio Penerbitan Rancangan *Kapsul Berita Maritim Malaysia*

SEKSYEN HAL EHWAL KORPORAT (HEK)

Seksyen HEK bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal korporat kementerian, iaitu menyediakan teks ucapan pengurusan tertinggi KKM, penerbitan buku-buku kementerian, penerbitan e-Buletin KKM dan khidmat konsultansi perhubungan awam.

PENERBITAN E-BULETIN KKM 2023

E-Buletin Sihat MADANI 2023 merupakan penerbitan setiap suku tahun oleh UKK yang bertujuan merekod aktiviti Pengurusan Tertinggi KKM sepanjang tahun 2023. Selain itu, ianya juga bertindak sebagai dokumentasi perkhidmatan kesihatan selain menjadi sumber rujukan bagi penjawat awam dan orang awam.



Imej 12.12 Penerbitan e-Buletin KKM 2023

SEKSYEN PENGURUSAN RESPONS AWAM

Seksyen Pengurusan Respons Awam bertanggungjawab menyelaraskan aduan-aduan yang diterima melalui pelbagai platform.

Sepanjang tahun 2023, KKM telah menerima 37,464 maklum balas awam yang didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) mengikut kategori seperti dalam **Jadual 12.2**:

Jadual 12.2 Jumlah Penerimaan Maklum Balas Awam Tahun 2023

Jenis Maklum Balas	Kategori	Terima	Jumlah
Aduan	Biasa	12,022	13,727
	Kompleks	1,705	
Bukan Aduan	Penghargaan	14,888	23,737
	Pelaporan	5,101	
	Pertanyaan	1,998	
	Permohonan	1,038	
	Cadangan	712	
Jumlah			37,464

Secara keseluruhannya, KKM telah mencapai 96.33% penyelesaian aduan daripada jumlah aduan yang diterima seperti dalam **Jadual 12.3** di bawah:

Jadual 12.3 Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Tahun 2023

Kategori	Tempoh Penyelesaian	Terima	Selesai (%)	Selesai 15 Hari (KPI) (%)
Biasa	15 hari bekerja	12,022	11,862 (98.7%)	11,110 (92.4%)
Kompleks	>16 – 365 hari	1,705	1,363 (79.9%)	-
Jumlah		13,727	13,225 (96.3%)	

Analisis aduan KKM dibuat berdasarkan kategori aduan yang diterima melalui SiSPAA seperti **Jadual 12.4** berikut:

Jadual 12.4 Jumlah Peratusan Aduan Mengikut Kategori Isu Tahun 2023

Kategori Aduan	Peratusan (%)
Pengurusan Pesakit	51.8
Pengurusan Pentadbiran	16.2
Kualiti Perkhidmatan Tadbir Urus	15.2
Kesihatan Awam	7.5
Kemudahan Awam	5.0
Kemudahan Klinikal	2.1
Perkhidmatan Farmasi	1.2
Perkhidmatan Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan	0.2

Pada tahun 2023, KKM telah melepasi sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Bagi KPI pertama iaitu kadar penyelesaian maklum balas aduan kategori biasa dalam tempoh 15 hari bekerja, KKM telah mencapai 92.4% berbanding sasaran 85%, manakala bagi KPI kedua iaitu kadar penyelesaian maklum balas bukan aduan (kecuali pelaporan) dalam tempoh 15 hari bekerja, KKM telah mencapai 97.4% berbanding sasaran 90%. Pencapaian ini diperincikan dalam **Jadual 12.5** di bawah:

Jadual 12.5 KPI Tahun 2023

KPI	Sasaran	Pencapaian
Kadar penyelesaian aduan kategori biasa dalam tempoh 15 hari bekerja	85%	92.4%
Kadar penyelesaian bukan aduan (kecuali pelaporan) dalam tempoh 15 hari bekerja	90%	97.4%

AKTIVITI PEMERKASAAN PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM KKM

UKK adalah unit yang menjadi nadi penggerak kepada KKM dalam mengukuhkan lagi kefungsian kementerian ini menerusi amalan perhubungan awam yang komprehensif khasnya dalam pengurusan komunikasi strategik dan media, respons awam dan pengurusan korporat. UKK selaku pusat rujukan komunikasi dan korporat KKM bertanggungjawab menyediakan latihan dan kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan dan kompetensi Pegawai Perhubungan Awam yang bertugas di hospital seluruh negara.

Pada tahun 2023, UKK ini telah mengadakan dua program iaitu Program Pemerksaan Pegawai Perhubungan Awam (PRO) 2023 dan Program *Training of Trainers* (TOT): Implementasi Strategi Komunikasi dan Digital secara Taktikal.

i. Program Pemerksaan PRO KKM 2023

Program Pemerksaan PRO KKM telah diadakan pada 21 hingga 23 Ogos 2023 bertempat di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada PRO hospital KKM seluruh Malaysia telah menghadiri program ini. Melalui program ini, PRO telah didedahkan dengan konsep dan komponen-komponen dalam strategi perhubungan awam dan pengurusan media di KKM.



Imej 12.13 Program Pemerksaan PRO KKM 2023

ii. Program TOT: Implementasi Strategi Komunikasi dan Digital Secara Taktikal

Program TOT Implementasi Strategi Komunikasi dan Digital secara Taktikal telah diadakan pada 8 hingga 10 November 2023 bertempat di Hotel Corus, Kuala Lumpur. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada PRO hospital seluruh Malaysia dan IPKKM telah menghadiri program ini. Melalui program ini, PRO telah dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi kecerdasan buatan *Artificial Intelligence (AI)* dalam menghadapi isu-isu berbangkit mengikut tatacara yang betul dan tepat agar pengurusan perhubungan awam dan komunikasi KKM dapat dilaksanakan secara strategik dan taktikal.



Imej 12.14 Program TOT

BAB
13

**DASAR DAN
HUBUNGAN
ANTARABANGSA**

BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA (BDHA)

BDHA terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dasar dan Perancangan Strategik, Cawangan Kabinet dan Keurusetiaan serta Cawangan Antarabangsa. Bahagian ini bertanggungjawab mengurus hal-hal berikut:

- Pengubalan dan pelaksanaan dasar kesihatan awam semasa
- Sebagai *focal point* dalam hubungan antarabangsa dan pembangunan industri kesihatan
- Penyelarasan isu-isu perdagangan antarabangsa
- Memastikan kepentingan berkaitan kesihatan Malaysia disuarakan dan dilindungi secara diplomasi melalui mekanisme instrumen undang-undang antarabangsa
- Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri yang berkaitan KKM
- Penyelarasan Soalan Parlimen dan urusan berkaitan Parlimen
- Sekretariat Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM, termasuk Mesyuarat Pasca Kabinet KKM

HAL EHWAL KABINET

BDHA telah menyelaras sejumlah 65 Kertas Jemaah Menteri untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Bahagian ini juga telah menyelaras dan mengemukakan input bagi 83 ulasan untuk Memorandum daripada kementerian lain serta 63 maklum balas minit Mesyuarat Jemaah Menteri.

UNIT PARLIMEN

Unit Parlimen telah ditempatkan di bawah Cawangan Dasar dan Perancangan Strategik mulai Mei 2023. Bagi tahun 2023, sebanyak 624 Soalan Parlimen (Dewan Negara dan Dewan Rakyat) berkaitan KKM telah diselaras dan direkodkan. Maklumat terperinci berkaitan Soalan Parlimen KKM Tahun 2023 adalah seperti dalam **Rajah 13.1**.



Rajah 13.1 Rekod Urusan Parlimen KKM Tahun 2023

Nota:

Dewan Rakyat (DR), Dewan Negara (DN)

MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI KKM

Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan KKM merupakan antara mesyuarat peringkat tertinggi yang diuruskan oleh BDHA.



Mesyuarat Pasca Kabinet



Mesyuarat Pengurusan KKM

Rajah 13.2 Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM 2023

BENGKEL PERATURAN AMALAN BAIK SIRI 1 DAN 2, 2023

BDHA dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan dua (2) sesi Bengkel Peraturan Amalan Baik pada 2023. Siri 1 telah diadakan pada 13-14 Mac 2023 di Hotel Armada, Petaling Jaya yang telah dihadiri oleh 28 pegawai manakala, Siri 2 telah diadakan pada 30-31 Mei 2023 di Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi yang telah dihadiri oleh 27 pegawai.



Imej 13.1 Bengkel Peraturan Amalan Baik 2023

BENGKEL PENGUKUHAN KEMAHIRAN PENYEDIAAN JAWAPAN PARLIMEN BAGI PEGAWAI PENYELARAS PARLIMEN KKM 2023

Pegawai Penyelaras dan Penyedia Jawapan Parlimen KKM telah didedahkan dengan tatacara terkini penyediaan jawapan parlimen semasa Bengkel Pengukuhan Kemahiran Penyediaan Jawapan Parlimen pada 23-25 Ogos 2023 di Best Western i-City Shah Alam.

BENGKEL *EASE OF DOING BUSINESS*

BDHA dengan kerjasama MPC telah menganjurkan Bengkel *Ease of Doing Business* pada 28–29 Ogos 2023 di Swan-Garden Hotel, Melaka. Seramai tujuh (7) orang pegawai MPC dan 18 peserta yang mewakili Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Cawangan Kawalan Amalan Perubatan (CKAPS) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah menghadiri bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk menyemak semula peraturan bagi memudahkan cara urusan dengan rakan industri.



Imej 13.2 Bengkel *Ease of Doing Business*

BENGKEL PEMBANGUNAN DASAR DAN POLISI AWAM

Bengkel Pembangunan Dasar dan Polisi Awam telah dilaksanakan pada 6-8 September 2023 untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai KKM yang terlibat dalam pembangunan dasar dan polisi mengenai proses penggubalan dasar awam di Malaysia. Pembangunan sumber manusia yang berterusan penting dalam memastikan pembangunan dasar kesihatan yang komprehensif dan memenuhi matlamat serta keperluan sektor kesihatan negara.

SESI DIALOG ANTARA *EU-ASEAN BUSINESS COUNCIL (EU-ABC)* DAN KKM

Sesi dialog antara EU-ABC dan KKM yang telah diadakan pada 14 September 2023 merupakan sebahagian daripada program *Health Roadshow EU-ABC* yang bertemakan *Living in a World with COVID-19: Continuing Safeguards for the Population in Malaysia*. Sesi ini telah dihadiri oleh Timbalan Setiausaha (Kewangan) dan pegawai-pegawai kanan KKM.



Imej 13.3 Sesi Dialog antara EU-ABC dan KKM

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO) BERKAITAN PENUBUHAN WHO GLOBAL SERVICE CENTRE (GSC)

Malaysia telah menandatangani *Renewal of the WHO GSC Host Country Agreement* pada 31 Januari 2023. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah WHO di Geneva, Switzerland.



Imej 13.4 Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan WHO berkaitan Penubuhan WHO GSC

SUMBANGAN KEPADA NEGARA LUAR

BDHA telah menyelaras beberapa program sumbangan kepada negara-negara lain. Program sumbangan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan bekalan perubatan bagi misi penghantaran bantuan kemanusiaan pertama oleh Kerajaan Malaysia ke Syria yang melibatkan kos sebanyak RM96,004.83 pada 18 Februari 2023
- ii. Sumbangan bekalan perubatan ke Palestin yang melibatkan kos sebanyak RM925,391.08 pada 8 Disember 2023

SUMBANGAN DARIPADA NEGARA LUAR

Bagi tahun 2023, sumbangan yang telah diterima daripada negara luar adalah seperti berikut:

- i. *Cold Chain Equipment* dan kenderaan sebagai sebahagian daripada *Last One Mile Support* daripada negara Jepun kepada Malaysia pada 14 April 2023
- ii. 583 unit komputer daripada WHO pada 15 Ogos 2023

LAWATAN KERJA RASMI

BDHA telah menyelaras lawatan kerja rasmi delegasi kenamaan luar negara ke KKM serta lawatan delegasi KKM ke luar negara yang diketuai oleh Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan. Berikut adalah senarai lawatan kerja rasmi yang telah diadakan pada 2023:

Jadual 13.1 Lawatan Kerja Rasmi 2023

Lawatan Delegasi Luar Negara ke KKM	
Pertemuan antara Menteri Kesihatan dan Dr. Luis Pizarro, Pengarah Eksekutif <i>Drugs for Neglected Diseases Initiative</i> (DNDI)	4 Mac 2023
Lawatan Delegasi KKM ke Luar Negara	
Lawatan kerja ke Oxford dan London, United Kingdom	27-29 Januari 2023
Mesyuarat Lembaga Eksekutif WHO ke-152 di Geneva, Switzerland	30 Januari-7 Februari 2023
APEC <i>Health Working Group Plenary Meeting</i> di United States of America	18-20 Februari 2023
Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan Komanwel Ke-35 di Geneva, Switzerland	20 Mei 2023
<i>World Health Assembly Ke-76</i> di Geneva, Switzerland	21-30 Mei 2023
Mesyuarat Lembaga Eksekutif WHO Ke-153 di Geneva, Switzerland	31 Mei-1 Jun 2023
Lawatan Bilateral Kesihatan Menteri Kesihatan ke Republik Singapura	9-11 Julai 2023
<i>High Level Meeting on Health and the Economy (SOM3 2023)</i> di Amerika Syarikat	6 Ogos 2023
Mesyuarat Peringkat Tertinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78 di New York, United States of America	19-22 September 2023
Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Menteri Kesihatan bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kesihatan Mental Global Kelima di Buenos Aires, Argentina	5-6 Oktober 2023
Mesyuarat Jawatankuasa Rantau Pasifik Barat	16-20 Oktober 2023
WHO ke-74 di Manila, Filipina	15 November 2023
<i>Mesyuarat Healthcare Sectoral Services Working Group (HSSWG)</i> di Brunei Darussalam	3 Disember 2023
<i>Climate – Health Ministerial 28th Conference of the Parties of the UNFCCC (COP 28)</i> di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE)	4-5 Disember 2023
Sesi Informal Lembaga Eksekutif WHO di Doha, Qatar	6 Disember 2023
Lawatan Kerja Rasmi Menteri Kesihatan ke Doha, Qatar	



Imej 13.5 Lawatan Kerja Rasmi KKM 2023

KUNJUNGAN HORMAT

BDHA juga bertanggungjawab menyelaras kunjungan hormat daripada pelbagai delegasi luar negara kepada Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Kesihatan dan pengurusan tertinggi KKM. Senarai kunjungan hormat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jadual 13.2 Kunjungan Hormat 2023

Kunjungan Hormat kepada Menteri Kesihatan	
Kunjungan hormat TYT Ouyang Yujing, Duta Besar Republik Rakyat China	6 Januari 2023
Kunjungan hormat Dr. Rabindra Abeyasinghe, wakil WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapore	9 Januari 2023
Kunjungan hormat Menteri Kesihatan Republik Maldives semasa <i>The 152nd Session of the WHO Executive Board Meeting</i> di Geneva, Switzerland	3 Februari 2023
Kunjungan hormat Encik Denys Mykhailiuk, Chargé D'affaires, Kedutaan Ukraine	7 Februari 2023
Kunjungan hormat TYT Brian D. Mcfeeters, Duta Besar United States of America ke Malaysia	10 Februari 2023
Kunjungan hormat TYT Dr. Justin Lee, Pesuruhjaya Tinggi Australia	16 Februari 2023
Sesi perjumpaan Menteri Kesihatan bersama Mr. M. Arsjad Rasjid P.M., Pengerusi ASEAN Business Advisory Council (BAC) Indonesia	28 Februari 2023
Kunjungan hormat delegasi United States-ASEAN Business Council (US-ABC)	15 Mac 2023
Kunjungan hormat TYT Vanu Gopala Menon, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura	16 Mac 2023
Kunjungan hormat TYT Takahashi Katsuhiko, Duta Besar Jepun	14 April 2023
Kunjungan hormat PYT Hilary Reilly, Duta Besar Ireland	9 Mei 2023
Kunjungan hormat TYT Salah Mohammed Abdullah Busiol Al-Sorour, Duta Besar Negara Qatar ke Malaysia	7 Jun 2023
Kunjungan hormat TYT Ali Asghar Mohammadi, Duta Republik Islam Iran ke Malaysia	26 Jun 2023
Kunjungan hormat TYT Ravshan Usmanov, Duta Besar Republik Uzbekistan	27 Jun 2023
Kunjungan hormat TYT Joachim Bergström, Duta Besar Sweden	14 Ogos 2023
Kunjungan hormat Prof Tshilidzi Marwala, <i>Rector of the United Nations University and Under-Secretary-General of the United Nations</i>	5 September 2023
Kunjungan hormat TYT Emir Salim Yüksel, Duta Besar Republik Türkiye	13 September 2023
Kunjungan hormat Delegasi <i>International Commission Against the Death Penalty</i> (ICDP)	13 September 2023
Kunjungan hormat TYT Andreas Launer, Duta Besar Austria	9 November 2023
Kunjungan hormat PYT Orla Tunney, Duta Besar Ireland	16 November 2023
Kunjungan hormat Dubai Health Authority	20 November 2023
Kunjungan Hormat kepada Timbalan Menteri Kesihatan	
Kunjungan Hormat TYT Jiří Kozák, Timbalan Menteri Luar Negeri Republik Czech	13 Jun 2023
Kunjungan Hormat Delegasi Mass General Brigham Global Advisory, Harvard Medical School	30 November 2023
Kunjungan Hormat kepada Pengurusan Tertinggi	
Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Brazil, TYT Ary Norton De Murat Quintella ke atas Ketua Pengarah Kesihatan	13 Mac 2023



Imej 13.6 Kunjungan Hormat KKM 2023

BAB
14

**PENASIHAT
UNDANG-UNDANG**

PENGENALAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU) terdiri daripada seorang Penasihat Undang-Undang, tujuh (7) Peguam Kanan Persekutuan, enam (6) Peguam Persekutuan, dua (2) Penolong Pegawai Undang-Undang, serta 12 staf sokongan. Sebagai wakil Jabatan Peguam Negara (AGC) di KKM, Pejabat PUU sentiasa komited dalam melaksanakan tugas untuk memberi nasihat perundangan sama ada secara lisan atau bertulis, menggubal draf undang-undang, menyemak dokumen perundangan dan mewakili KKM berhubung tindakan sivil.

PENCAPAIAN KESELURUHAN

Secara amnya, jumlah dan skop kerja yang dikendalikan oleh Pejabat PUU adalah tertakluk pada permohonan yang dikemukakan oleh KKM. Bagi tahun 2023, Pejabat PUU telah menyemak sebanyak 3,507 perjanjian dan instrumen perundangan sebagai contoh memorandum persefahaman dalam dan luar negara dan perjanjian perolehan, menyediakan 942 nasihat perundangan bertulis dan menghadiri sebanyak 908 mesyuarat. Berhubung semakan ke atas penggubalan draf undang-undang, sebanyak 23 undang-undang termasuk perundangan utama dan subsidiari telah diluluskan oleh AGC. Selain itu, Pejabat PUU juga telah memfailkan sejumlah 121 kes tuntutan sivil di mahkamah dan membantu AGC menguruskan 45 kes tuntutan sivil terhadap KKM. Sepanjang 2023, jumlah kutipan wang yang berjaya dituntut melalui tindakan sivil ialah sebanyak RM1,193,895.56. Dalam pada itu, Pejabat PUU juga telah menguruskan dokumentasi bagi 79 kes kemalangan jalan raya untuk tindakan lanjut AGC.

AKTIVITI

BENGKEL PENYELARASAN DAN PERBINCANGAN BERHUBUNG ARAHAN- ARAHAH PEGUAM NEGARA BERKENAAN KONTRAK ICT KERAJAAN DAN MESYUARAT PENGURUSAN PEJABAT PUU TAHUN 2023

Bengkel ini telah diadakan pada 14-16 September 2023 di Avi Pangkor Beach Resort, Pulau Pangkor, Perak. Bengkel ini dihadiri oleh 13 pegawai dan 13 kakitangan Pejabat PUU. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi membincangkan hal berkaitan semakan ke atas kontrak-kontrak ICT dengan mengambil kira arahan-arahan Peguam Negara yang terkini dan menyelaras hal ehwal pentadbiran dan pengurusan Pejabat PUU. Sesi ceramah bertajuk *Menangani Stress di Tempat Kerja* turut diselitkan dalam bengkel ini yang disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Kecederaan dan Keganasan dan Penyalahgunaan Substans, Bahagian Kawalan Penyakit. Selain itu, aktiviti kerja dalam kumpulan turut dilaksanakan bagi mengeratkan lagi silaturrahim dalam kalangan warga Pejabat PUU.



Imej 14.1 Bengkel Penyelarasan dan Perbincangan berhubung Arahan-arahan Peguam Negara berkenaan Kontrak ICT Kerajaan dan Mesyuarat Pengurusan Pejabat PUU Tahun 2023

KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK KERAJAAN 2023

Kursus ini telah dianjurkan oleh BPK dengan kerjasama Pejabat PUU pada 23–24 Oktober 2023 di Dewan Serbaguna, IPKKM, Putrajaya. Kursus ini telah dihadiri oleh wakil daripada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dari seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kontrak kerajaan di PTJ masing-masing. Kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pemahaman peserta berhubung pengurusan dan pentadbiran sesuatu kontrak termasuk perkara berkaitan format, terma dan isu yang mungkin timbul semasa pengubalan sesuatu kontrak.



Imej 14.2 Kursus Pemantapan Pengurusan dan Pentadbiran Kontrak Kerajaan Tahun 2023

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESELAMATAN KESIHATAN AWAM 2023 [D.R. 42/2023]

Pada 30 November 2023, Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (RUU) telah diluluskan di Dewan Rakyat dan selanjutnya diluluskan di Dewan Negara pada 15 Disember 2023. RUU ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pendaftaran, pengiklanan, kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok dan produk pengganti tembakau, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya. Pembentangan RUU ini adalah hasil kerjasama antara Sektor Kawalan Tembakau dan FCTC, Bahagian Kawalan Penyakit dengan Pejabat PUU.





Imej 14.3 Sesi Pembentangan D.R. 42/2023 di Parlimen

BAB
15
INTEGRITI

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti KKM ditubuhkan pada 10 Februari 2014 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mengenai Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam. Penubuhan Unit Integriti adalah untuk menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti dibawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan secara lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum. Secara umumnya, terdapat enam (6) seksyen dibawah unit ini, iaitu Seksyen Pengukuhan Integriti, Seksyen Pengurusan Aduan, Seksyen Tatatertib, Seksyen Tadbir Urus, Seksyen Pematuhan dan Seksyen Pengesanan & Pengesanan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2023, Unit Integriti telah menerima sebanyak 406 aduan melibatkan beberapa kategori iaitu 12 aduan jenayah, 258 aduan tatakelakuan dan 136 aduan pelanggaran etika.

Selain itu, sejumlah 284 laporan tatakelakuan telah diterima dengan 127 kes dibawa untuk pertimbangan dan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) KKM, 24 kes dikemukakan ke PBTT Jabatan Perkhidmatan Awam, 12 kes dikemukakan ke PBTT Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan selebihnya masih dalam penentuan pengerusi atau kertas *prima facie* serta prosiding.

Naziran tatatertib telah dilaksanakan di fasiliti KKM yang mempunyai Lembaga Tatatertib bertujuan sebagai platform kepada pihak jabatan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan menambah baik kelemahan yang telah dikenal pasti hasil daripada dapatan naziran. Di samping itu, Bengkel *Human Resource Champion* (Tatatertib) telah diadakan untuk menerangkan simulasi hukuman tatatertib berdasarkan kes yang sedang atau telah diambil tindakan agar dapat diuruskan dengan teratur dan jelas.

KKM buat julung kalinya telah menyertai dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada sektor awam dan sektor swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus serta inisiatif pengurusan anti rasuah dalam organisasi masing-masing. Ia menjadi penanda aras yang membolehkan organisasi mengukur keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan integriti dalam organisasi, sistem pengurusan berfokuskan kepada tadbir urus terbaik serta sistem kawalan dalaman bagi mengekang berlakunya rasuah dalam organisasi. Sebanyak 154 organisasi telah menyertai anugerah ini yang terdiri daripada 95 agensi awam dan 59 agensi swasta.



Imej 15.1 Audit AIGA 2023

KKM telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada 15 November 2023 sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan integriti dan menzahirkan komitmen KKM untuk bebas daripada gejala rasuah serta salah guna kuasa. Sesi lafaz IBR KKM secara hibrid ini telah diketuai oleh Ketua Setiausaha bersama pengurusan tertinggi dan warga KKM serta disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Majlis ini turut dihadiri oleh Menteri dan Timbalan Menteri Kesihatan.



Imej 15.2 IBR KKM

Bagi mempromosi dan membudayakan integriti dalam kalangan warga KKM, Unit Integriti turut menghebahkan mesej integriti kepada semua warga KKM melalui 14 siri poster mesej integriti dan video pendek. Di samping itu, Unit Integriti turut menganjurkan tiga (3) siri Program Bicara Integriti seperti berikut:

- i. Program Pemerkasaan Integriti Siri 1/2023: Keperibadian Unggul Budaya Integriti: Eksklusifkan Dirimu oleh Penceramah Selebriti, Amin Idris dan Perunding Imej Profesional, Rudy Ludinata
- ii. Bicara Integriti Siri 2/2023: Nilai Hijrah dan Minda Merdeka oleh Imam Muda Asyraf
- iii. Bicara Eksekutif Siri 3/2023: *Managing Integrity* oleh Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed



Imej 15.3 Program Bicara Integriti Siri 1, 2 dan 3

Unit Integriti telah menjalankan aktiviti pemantauan pematuhan pengisytiharan harta penjawat awam di KKM secara berkala termasuk membentangkan status pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam mesyuarat yang melibatkan ketua jabatan. Pada tahun 2023, KKM telah berjaya mencapai KPI 100% pengisytiharan harta melibatkan 259,737 pegawai. Sebanyak tujuh (7) semakan pematuhan di lima (5) jabatan telah dilaksanakan dan didapati sebanyak 26 tadbir urus baik yang diamalkan di semua jabatan tersebut dan 18 syor penambahbaikan untuk tindakan jabatan yang berkenaan.

SPRM bertanggungjawab untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam setiap tiga (3) tahun. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Risiko dalam konteks penarafan ini merangkumi faktor-faktor kecenderungan berlakunya kesalahan rasuah berdasarkan ciri-ciri organisasi. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana KKM telah ditarafkan sebagai risiko tinggi. Berdasarkan data yang diperoleh daripada pihak SPRM bagi tempoh 2020-2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak KKM, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati KKM dikategorikan sebagai risiko sederhana.



BAB 16

PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

MDA merupakan sebuah badan berkanun persekutuan di bawah KKM yang memainkan peranan dalam memastikan peranti perubatan yang dipasarkan di Malaysia adalah selamat dan berkesan serta mencegah kemasukan peranti perubatan yang tidak memenuhi standard.

Melalui penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737] dan peraturan-peraturan di bawahnya, MDA melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam daripada berisiko terdedah dengan penggunaan peranti perubatan yang tidak diiktiraf serta menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan industri peranti perubatan.

PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN DAN PELESENAN ESTABLISMENT

Pada 2023, MDA telah menerima dan memproses sebanyak 18,136 permohonan pendaftaran peranti perubatan. Jumlah permohonan yang diterima mengikut bulan dan jenis permohonan seperti dalam **Jadual 16.1**.

Sebanyak 9,153 permohonan baharu telah diterima pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, permohonan yang telah diluluskan dan diberi sijil pendaftaran peranti perubatan ialah 9,650. Perbezaan ini disebabkan jumlah permohonan yang diluluskan adalah termasuk permohonan baharu yang diterima pada hujung tahun 2022.

MDA juga telah menerima dan memproses sebanyak 4,322 permohonan pendaftaran semula peranti perubatan. Walau bagaimanapun, sebanyak 5,981 permohonan telah diproses dan sijil pendaftaran semula telah dikeluarkan. Sebanyak 4,661 permohonan yang melibatkan perubahan notifikasi peranti perubatan telah diproses dan diterima, dimana sebanyak 4,202 permohonan notifikasi perubahan diluluskan.

Jadual 16.1 Permohonan Pendaftaran Peranti Perubatan Diterima dan Diluluskan Tahun 2023

Bulan	Permohonan Diterima			Permohonan Diluluskan		
	Pendaftaran Baharu	Pendaftaran Semula	Notifikasi Perubahan	Pendaftaran Baharu	Pendaftaran Semula	Notifikasi Perubahan
Januari	683	498	363	512	493	340
Februari	623	462	349	583	425	167
Mac	764	503	386	465	484	453
April	745	398	319	676	572	351
Mei	847	416	436	1,675	1,322	356
Jun	751	393	421	926	548	441
Julai	820	313	383	1,193	596	409
Ogos	868	291	412	932	415	401
September	629	343	361	597	298	291
Oktober	879	260	481	788	329	352
November	719	255	390	561	265	313
Disember	825	190	360	742	234	328
Jumlah	9,153	4,322	4,661	9,650	5,981	4,202
Jumlah Keseluruhan	18,136			19,833		

Pada 2023, MDA telah menerima sebanyak 2,350 permohonan pelesenan establismen bagi pelbagai jenis permohonan. Kelulusan permohonan yang telah berjaya dikeluarkan adalah sebanyak 2,437. Jumlah permohonan yang berkaitan dengan aktiviti pelesenan seperti dalam **Jadual 16.2**.

Jadual 16.2 Permohonan Berkaitan Aktiviti Perlesenan Establismen Tahun 2023

Jenis Permohonan	Permohonan Diterima	Permohonan Diluluskan
Permohonan Lesen Baharu	567	685
Permohonan Pembaharuan Lesen	764	712
Permohonan Pindaan Major	263	244
Permohonan Pindaan Minor	163	158
Pertukaran Hak Milik	497	559
Permohonan Penyerahan Semula Lesen	38	42
Permohonan Penarikan Balik Lesen	58	37
Jumlah	2,350	2,437

PENGUATKUASAAN

Pencapaian bagi aktiviti penguatkuasaan adalah seperti dalam **Jadual 16.3**.

Jadual 16.3 Aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2023

Aktiviti	Pencapaian
Bilangan risikan & siasatan dan pemeriksaan premis & individu bagi mengesahkan aduan ketidakpatuhan Akta 737	443
Bilangan aduan yang diterima dan dinilai	126
Bilangan aduan yang ditangani sehingga selesai	243
Bilangan serbuan yang dijalankan	8
Bilangan notis gantung lesen yang dikeluarkan	17
Bilangan kertas siasatan yang berjaya didaftarkan di Bahagian Pendakwaan, Pejabat Peguam Negara	2

MEDIA DAN PERHUBUNGAN AWAM

Dalam usaha MDA untuk memastikan orang awam mempunyai kesedaran dalam memilih peranti perubatan yang berdaftar, MDA terus mempergiatkan usaha dengan memperkasakan penyampaian maklumat kepada orang awam melalui media massa, platform media sosial dan penganjuran program kesedaran seperti dalam **Jadual 16.4**.

Jadual 16.4 Program Promosi dan Kesedaran MDA Tahun 2023

Lokasi	Tarikh
Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu	25 Mei 2023
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	21 Jun 2023
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak	24 Julai 2023
Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang	2 Ogos 2023
Hospital Queen Elizabeth II, Sabah	25 September 2023
Hospital Melaka, Melaka	25 Oktober 2023
Hospital Umum Sarawak, Sarawak	30 November 2023

Kerjasama yang diberikan oleh pihak media dalam membuat liputan semua program dan operasi serbuan MDA pada 2023 amat membantu dalam meningkatkan dan mempromosikan imej MDA dalam kalangan rakyat Malaysia.

Antara program yang mendapat liputan media adalah seperti dalam **Jadual 16.5**.

Jadual 16.5 Liputan Media Tahun 2023

Liputan Media	Aktiviti	Tarikh Terbitan/ Siaran
Akhbar		
Berita Harian	Program bersama Pihak Industri	7 Jun 2023
Berita Harian, <i>News Straits Times</i> (NST), Utusan Malaysia dan <i>The Star</i>	Operasi Serbuan	14 Jun 2023
Berita Harian dan Sinar Harian	Operasi Serbuan	14 Julai 2023
<i>The Star</i> dan BERNAMA	Majlis Tandatanganan bersama Kementerian	6 September 2023
Utusan Malaysia, <i>The Star</i> , Berita Harian dan Harian Metro	Operasi Serbuan	5 Oktober 2023
Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia, <i>Sin Chew Daily</i> dan <i>Makkal Osai</i>	Operasi Serbuan	16 November 2023
Sinar Harian dan <i>The Sun Daily</i>	Penjelasan Isu tentang Kit Ujian Kendiri COVID-19	23 Disember 2023
Radio		
BERNAMA Radio	Temubual	27 Mac 2023
Traxx FM	Temubual	8 Mei 2023
BERNAMA Radio	Temubual	6 November 2023
Televisyen		
BERNAMA TV (<i>News</i>)	Temubual	27 Mac 2023
Apa Khabar Malaysia (BERNAMA)	Temubual	30 Mac 2023
Buletin Utama (TV3), Astro Awani, 999 (TV3)	Temubual	14 Jun 2023
Buletin TV9	Temubual	16 November 2023


BAB
17

**MAJLIS
PELANCONGAN
KESIHATAN MALAYSIA
(MHTC)**

PENGENALAN

Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah menerajui pelbagai inisiatif yang bertujuan menarik pelancong kesihatan untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan mereka bagi rawatan perubatan. Inisiatif ini termasuk mesyuarat kerajaan dengan kerajaan (G2G), aktiviti perniagaan kepada pengguna (B2C), pemeteraian MoU, lawatan suai kenal media dan lain-lain. Penyertaan aktif hospital ahli MHTC memainkan peranan penting dalam menjayakan aktiviti ini, yang sejajar dengan matlamat yang digariskan dalam Pelan Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025.

Usaha dan aktiviti bersepadu yang dilaksanakan sepanjang 2023 menghasilkan peningkatan ketara dalam bilangan pelancong penjagaan kesihatan yang melawat Malaysia. Pada tahun 2023, Malaysia menerima lebih daripada 1.3 juta pelancong kesihatan yang mendapatkan pelbagai rawatan, daripada pemeriksaan perubatan am kepada prosedur pencegahan dan kuratif. Kemasukan pelancong kesihatan ini menyumbang lebih RM2.2 bilion kepada pendapatan industri kesihatan. Pencapaian ini mencatatkan rekod baharu bagi industry yang melepasi kemuncak pra-pandemik pada 2019 sebanyak RM1.7 bilion seperti dalam **Rajah 17.1**.



Rajah 17.1 Jumlah Pendapatan Industri Pelancongan Kesihatan 2023

Nota:

Prestasi terkini 2023 adalah berdasarkan pengumpulan data pada 25 Mac 2024 dengan kadar purata maklum balas kumulatif sebanyak 80%; proses semak silang data 2023 masih berjalan

Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)

Sejak dilancarkan pada 2021, Pelan Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025 telah bertindak sebagai rangka kerja panduan untuk semua inisiatif, rancangan atau aktiviti yang dijalankan oleh MHTC. Setiap pelan diselaraskan dengan tiga (3) teras pelan tindakan: ekosistem perjalanan penjagaan kesihatan, jenama penjagaan kesihatan Malaysia dan pasaran. Teras ini memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi pelan tindakan untuk menyampaikan pengalaman penjagaan kesihatan Malaysia terbaik menjelang 2025.

Sepanjang tahun 2023, MHTC telah menjalankan pelbagai aktiviti yang dikategorikan kepada tiga (3) bidang utama iaitu kedudukan pasaran, penjenamaan & kesedaran dan ekosistem aktif.

KEDUDUKAN PASARAN

Bagi kategori kedudukan pasaran, aktiviti yang dijalankan tertumpu kepada meletakkan MHTC dalam pasaran yang telah dikenal pasti. Aktiviti tersebut termasuk:

- i. Empat (4) *Malaysia Healthcare Expo (MHX)* yang dijalankan di sekitar Indonesia (Jakarta, Surabaya, Bandung dan Makassar) disertai oleh 79 hospital dan tiga (3) badan pelancongan negeri dan acara itu mendapat lebih 4,400 petunjuk dengan anggaran pendapatan sebanyak RM11.5 juta kepada hospital ahli MHTC
- ii. Lima (5) Acara MH (*MHConnect*, *MHConsult*, *MHExchange*, *MH Business Forum* dan *MH Week*) di tiga (3) pasaran dengan lebih 90 *leads*
- iii. Menyertai lapan (8) acara perdagangan antarabangsa di Indonesia, Bangladesh, China, Hong Kong, Myanmar dan Oman
- iv. Menembusi pasaran baharu melalui lawatan kerja Diplomasi Kesihatan Dua Hala bersama Menteri Kesihatan ke Doha, Qatar untuk pelancongan kesihatan melalui G2G (rawatan di luar negara & simposium perubatan)
- v. Sesi libat urus di sembilan (9) negara yang melibatkan kedutaan, suruhanjaya tinggi dan kementerian luar
- vi. Menandatangani 20 MoU merentasi lima (5) pasaran
- vii. Bekerjasama dengan 150 ejen di 12 negara
- viii. Menjalankan 35 kempen digital dan memperoleh lebih daripada 27,000 petunjuk unik baharu



Imej 17.1 Aktiviti di bawah Kedudukan Pasaran

Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)

KESEDARAN JENAMA

MHTC telah menjalankan inisiatif dan acara untuk mendorong jenama *Malaysia Healthcare* serta mewujudkan kesedaran untuk jenama itu. Aktiviti dan hasil adalah seperti berikut:

- i. Meneruskan kempen *Experience Malaysia Healthcare* di peringkat serantau dan global
- ii. Menghasilkan lebih daripada 2,600 kandungan yang memperoleh lebih daripada 70 juta impresi
- iii. Menyertai sembilan (9) sesi perkongsian tempatan dan antarabangsa
- iv. Menyertai 40 sesi bersama media tempatan dan antarabangsa
- v. Menerima lebih daripada 15,000 sebutan jenama melalui berita dalam talian dan media sosial
- vi. Menerima lebih daripada 10,000 liputan berita khusus MHTC di pelbagai negara.
- vii. Menyertai dan menerima four (4) anugerah dan pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa
- viii. Menerima lebih daripada 400 penyertaan untuk Anugerah Media Perjalanan Perubatan MHTC 2023



Imej 17.2 Aktiviti di bawah Kesedaran Jenama

Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)

EKOSISTEM AKTIF

Bagi memastikan ekosistem terhubung dengan baik dan bertenaga, MHTC telah menjalankan beberapa aktiviti dengan pelbagai pemegang taruh dan rakan kongsi:

- i. Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan memperkenalkan empat (4) lorong pilihan dan kaunter imigresen untuk pelancong kesihatan
- ii. Pengenalan dua (2) perkhidmatan pemudahan baharu; *Medical Companion Services* dan *AirAsia Ride*
- iii. Pengumuman empat (4) finalis program *Flagship Medical Tourism Hospital*
- iv. Pelancaran rasmi Portal Sehenti (Fasa 1) bersama 84 hospital, 644 doktor dan 129 pakej penjagaan kesihatan disediakan
- v. Pelancaran projek rintis hidup persaraan aktif (*active retirement living*) bersama empat (4) kediaman kesejahteraan bersepadu dan pemadanan enam (6) hospital ahli

- vi. Menganjurkan 13 lawatan ke hospital di empat (4) negara sebagai penanda aras hospital
- vii. Meluluskan lebih daripada 240 permohonan eVISA sejak pengaktifannya pada suku ke-4 2022
- viii. Membangunkan 16 Pakej Kesihatan dan Kesejahteraan Premium bagi Warga Emas bersama sembilan (9) hospital, enam (6) hotel dan empat (4) pusat kesihatan
- ix. Merekrut lima (5) Ahli Gabungan baharu



Imej 17.3 Aktiviti di bawah Ekosistem Aktif

Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)

AKTIVITI DI PASARAN

MHTC menganjurkan inisiatif proaktif merentas pasaran yang disasarkan, termasuk Bangladesh, China, Hong Kong, Indochina (Myanmar, Kemboja dan Vietnam), Indonesia dan Timur Tengah. Usaha ini dirancang dengan teliti untuk meningkatkan kehadiran *Malaysia Healthcare* dan meningkatkan impaknya dalam landskap penjagaan kesihatan global.



Imej 17.4 Aktiviti di Pasaran China & Hong Kong

Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)



BAB
18

PROTECTHEALTH

PENGENALAN

ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth) ditubuhkan pada 19 Disember 2016 sebagai anak syarikat milik penuh ProtectHealth Malaysia (PHM) di bawah KKM. ProtectHealth berperanan bagi menyelaras, mentadbir dan mengurus inisiatif yang berkaitan dengan pembiayaan perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti yang diamanahkan oleh KKM. PHM dan ProtectHealth ditubuhkan dengan dua (2) mandat seperti yang diluluskan oleh Jemaah Menteri iaitu:




Pembiayaan Kesihatan Negara



Pembeli Strategik: Perkongsian Awam–Swasta & Mengurangkan Kos Penjagaan Kesihatan

ProtectHealth beroperasi berlandaskan nilai terasnya iaitu **ACTRITE**:



ProtectHealth adalah pelaksana skim dalam program penjagaan kesihatan yang diamanahkan oleh KKM seperti **Rajah 18.1**.



**Skim Perubatan
MADANI**



**Skim Peduli
Kesihatan untuk
Kumpulan B40**



**Program
Penglibatan
Pengamal
Perubatan Swasta
dan NGO dalam
PICK**



**Penyedia Sistem
bagi Skim
Perlindungan
Insurans Kesihatan
Pekerja Asing
(SPIKPA)**

Rajah 18.1 Program ProtectHealth

Sumber: ProtectHealth

PROGRAM DAN PENCAPAIAN

SKIM PEDULI KESIHATAN UNTUK KUMPULAN B40 (PEKA B40)

PeKa B40 adalah inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan tumpuan khusus kepada penyakit tidak berjangkit (NCD).

ProtectHealth telah melaksanakan Skim PeKa B40 sejak 15 April 2019 dan selaras dengan objektif mengukuhkan perkongsian awam-swasta. Sehingga 31 Disember 2023, ProtectHealth telah bekerjasama dengan lebih 4,800 fasiliti kesihatan dengan pecahan seperti dalam **Rajah 18.2**.

3,513	1,002	230	148
Klinik Perubatan Am Swasta (GP)	Klinik Kesihatan KKM	Makmal Swasta	Hospital KKM

Rajah 18.2 Kerjasama ProtectHealth

Sumber: ProtectHealth

Kumpulan sasaran adalah daripada golongan B40, khususnya penerima Sumbangan Tunai Rahmah dan pasangan mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas. PeKa B40 memberikan empat (4) manfaat seperti dalam **Rajah 18.3**.

			
Saringan Kesihatan PERCUMA	Bantuan Alat Perubatan (sehingga RM20,000)	Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (RM1,000)	Insentif Tambang Pengangkutan (sehingga RM1,000)

Rajah 18.3 Manfaat PeKa B40

Sumber: ProtectHealth

PENCAPAIAN PEKA B40

Pada tahun 2023, PeKa B40 telah merekodkan beberapa pencapaian antaranya:




Figure 18.4 Penerima PeKa B40 yang Telah Disaring Tahun 2022-2023

Sumber: ProtectHealth

- i. Berjaya mengenal pasti sekurang-kurangnya 42.90% kes-kes baru NCD.
- ii. Sebanyak 340,257 saringan kesihatan (Manfaat 1) dijalankan iaitu peningkatan sebanyak 5.65% dari tahun 2022.
- iii. Sebanyak 31,281 Alat Perubatan (Manfaat 2) telah diluluskan, manakala 2,637 Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (Manfaat 3) diluluskan dan 8,134 permohonan Insentif Tambang Pengangkutan (Manfaat 4) telah diluluskan.

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah melalui inisiatif berterusan seperti sesi libat urus bersama pengamal perubatan swasta dan klinik kesihatan, program outreach, kolaborasi strategik bersama agensi kerajaan, swasta dan NGO serta promosi di media sosial.



Imej 18.1 PeKa B40 Outreach Programmes 2023

Sumber: ProtectHealth

SKIM PERUBATAN MADANI (SPM)

SPM yang dilancarkan sebagai projek perintis bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di hospital, terutamanya di Zon Hijau Jabatan Kecemasan hospital KKM serta bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap rawatan sakit ringan.

Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dalam kalangan B40 boleh mendapatkan rawatan di GP yang berdaftar di bawah SPM. Terdapat tiga (3) kategori penerima manfaat SPM dengan had nilai rawatan seperti dalam **Rajah 18.5**.



Isi Rumah Berkeluarga

RM250



**Warga Emas
(Tanpa Pasangan)**

RM125



Bujang

RM75

Rajah 18.5 Penerima Manfaat SPM

Sumber: ProtectHealth

Skim ini telah mula dilancarkan pada 15 Jun 2023 di sepuluh (10) daerah (WP Kuala Lumpur, Gombak, Hulu Langat, Petaling, Klang, Johor Bahru, Kinta, Timur Laut, Kota Kinabalu dan Kuching) dengan memberi fokus untuk mencapai objektifnya iaitu mengurangkan kesesakan pesakit di fasiliti KKM. Skim ini telah diperluas ke sebelas (11) daerah lagi (Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Pasir Mas, Kota Setar, Kuala Muda, Seremban, Kuantan, Melaka Tengah, Perlis dan Seberang Perai Tengah) pada 8 Ogos 2023 sebagai Fasa Kedua. SPM kemudiannya telah diperluas ke seluruh negara pada 19 September 2023, iaitu Fasa Ketiga. Selepas fasa perintis tahun 2023, kajian ke atas skim ini menunjukkan bahawa kadar penggunaan manfaat tertumpu kepada sepuluh (10) daerah di Fasa 1. Hasil kajian dan kemampuan pembiayaan kewangan semasa kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan skim ini hanya di sepuluh (10) daerah tersebut mulai tahun 2024.

PENCAPAIAN SPM

Sehingga 31 Disember 2023, SPM telah merekodkan pencapaian yang memberangsangkan seperti dalam **Rajah 18.6**.



1,590,118

Jumlah Rawatan



1,210,701

Jumlah Pesakit



852,996

Jumlah Isi Rumah



40,000

Rawatan Tertinggi
dalam Sehari




87%

Tuntutan diproses
secara Automasi dan
Machine Learning



99%

Rawatan di Klinik
Swasta tanpa
Rujukan ke Fasiliti
KKM



Rajah 18.6 Jumlah Lawatan SPM

Sumber: ProtectHealth

Terdapat peningkatan yang ketara pada penghujung bulan Disember atas beberapa faktor seperti papan iklan, radio, *Info on Wheels@JAPEN*, kempen kesedaran dan sesi libat urus serta *walkabout* di lapangan, selain peningkatan akses melalui penglibatan GP yang proaktif. SPM terbukti berjaya dalam membantu mengurangkan kesesakan di fasiliti KKM khususnya di Zon Hijau Hospital KKM. Bagi jumlah lawatan bagi tempoh jam 8 pagi hingga 6 petang, data menunjukkan sebanyak 1,112,906 lawatan telah dibuat, manakala bagi tempoh 6 petang hingga 8 pagi pula sebanyak 515,436 lawatan telah dibuat.

Hal ini menunjukkan keberhasilan SPM dalam menyediakan rawatan untuk masalah kesihatan ringan dalam tempoh 24 jam termasuk di dalam tempoh waktu bekerja dan di luar waktu bekerja yang mana secara tidak langsung membantu mengurangkan beban klinik dan hospital awam di seluruh negara.

Bagi memastikan kelancaran program SPM dan selari dengan inisiatif pendigitalan, ProtectHealth telah membangunkan sistem *Primary Care Information System* (PRIMIS) yang mesra pengguna bagi memudahkan pengamal perubatan swasta merekodkan data pesakit selain ianya mampu menjadi gudang data kesihatan yang akan berkembang masa akan datang. Selain itu, aplikasi Perubatan MADANI bagi memudahkan pengguna untuk memeriksa kelayakan mereka, mengetahui klinik yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan SPM, memeriksa baki kelayakan mereka dan pengesahan identiti *One-Time Password* (OTP).

Usaha pendigitalan adalah aspirasi pendigitalan kerajaan dan KKM dalam menambahbaik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kepada pengguna serta memudahkan urusan pesakit.



HALA TUJU

ProtectHealth berdedikasi dalam menyokong usaha KKM mengubah landskap penjagaan kesihatan, memastikan responsif terhadap keperluan segera dan kemampuan dalam jangka masa panjang. Aspek kecekapan dan kebolehpayaan sentiasa dititikberatkan dalam membina dan membawa ProtectHealth ke aras yang lebih tinggi.

Pembelian Strategik, Teknologi Digital, Pembiayaan Kesihatan, Pengurusan Tuntutan, Audit Perubatan dan Pembangunan Manfaat adalah antara kepakaran yang ProtectHealth telah dicapai dan berterusan dibangunkan dalam melaksanakan mandat dan program yang diamanahkan dengan sebaiknya.

Pada tahun 2024, ProtectHealth komited untuk terus mempertingkatkan penyampaian dan perkhidmatan melalui beberapa inisiatif baru dan penambahbaikan inisiatif sedia ada seperti:

- i. PeKa B40 2.0
- ii. Skim Perubatan MADANI 2.0
- iii. Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital
- iv. Saringan Kanser Serviks (saringan HPV)
- v. *Wellness Programme*
- vi. SPIKPA
- vii. Advokasi Kesihatan

BAB
19

**MAJLIS
PERUBATAN
MALAYSIA (MPM)**

PENDAHULUAN

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan pada 1 Julai 2017 setelah pindaan dibuat ke atas Akta Perubatan 1971 yang diwartakan pada tahun 2012 bertujuan untuk mengawal selia amalan perubatan di Malaysia. MPM bertanggungjawab untuk mendaftar pengamal perubatan seperti yang dimandatkan dalam Akta bagi memastikan standard etika perubatan, pendidikan dan standard amalan yang tertinggi demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion melalui pentadbiran Akta Perubatan yang adil dan berkesan.

Fungsi MPM di bawah peruntukan Seksyen 4, Akta Perubatan 1971 adalah:

- i. Mendaftar pengamal perubatan
- ii. Mengawal selia amalan perubatan

Objektif MPM adalah:

- i. Memastikan penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 & Peraturan-peraturan Perubatan 2017
- ii. Memastikan penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti disediakan untuk negara, melalui:
 - a. Pendaftaran pengamal perubatan
 - b. Mengawal selia tatakelakuan dan etika Pengamal Perubatan Berdaftar
 - c. Akreditasi program perubatan

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN

Pengamal perubatan mestilah berdaftar dengan MPM untuk mengamal perubatan secara sah di Malaysia. Majlis akan memastikan pengamal perubatan yang berdaftar mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan untuk memberikan rawatan yang selamat dan berkesan kepada orang awam.

- i. Pendaftaran Sementara (di bawah Seksyen 12 dan 13 Akta) membenarkan pengamal berkelayakan yang baharu dalam bidang perubatan untuk menjalani latihan siswazah di bawah seliaan.
- ii. Pendaftaran Penuh (di bawah Seksyen 14 Akta) membenarkan pengamal perubatan untuk mengamal tanpa seliaan. Berikut merupakan dua (2) jenis pendaftaran penuh:
 - a. Tanpa syarat (di bawah Seksyen 14(1) Akta): Tiada sekatan dan syarat dikenakan selepas tamat perkhidmatan wajib.
 - b. Bersyarat (di bawah Seksyen 14(2A) dan 14(3) Akta): Pendaftaran tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan, setelah berunding dengan Majlis. Pengamal dibenarkan untuk mengamal mengikut tempat amalan, skop amalan dan tempoh masa yang ditentukan.
- iii. Pendaftaran Pakar (di bawah Seksyen 14A, 14B dan 14C Akta) diperlukan oleh Pengamal Perubatan Pakar untuk mendaftar pakar selepas pindaan Akta Perubatan berkuat kuasa. Seorang pakar perubatan yang tidak berdaftar dalam pendaftaran pakar tidak dibenarkan untuk mengamal dalam bidang kepakaran tertentu.

- iv. Perakuan Amalan Sementara (TPC) (di bawah Seksyen 16 Akta) dikeluarkan bagi membolehkan pendaftaran kepada pengamal perubatan warga asing yang ingin mengamalkan perubatan di Malaysia yang biasanya untuk mengajar, menjalankan penyelidikan, menghadiri program pascasiswazah, menjalani latihan sangkutan klinikal atau latihan *fellowship*.
- v. *Letter of Good Standing* (LOGS) diperlukan untuk tujuan pendaftaran dengan majlis perubatan luar negara atau badan pendaftaran profesional.
- vi. Perakuan Amalan Tahunan (APC) (di bawah Seksyen 20(1) Akta) mesti diperolehi bagi semua Pengamal Perubatan Berdaftar penuh untuk mengamalkan secara sah di Malaysia.

Jadual 19.1 di bawah merupakan ringkasan pendaftaran yang diluluskan oleh MPM bagi tahun 2023.

Jadual 19.1 Permohonan Pendaftaran MPM yang Diluluskan di bawah Akta Perubatan bagi Tahun 2023

Jenis Permohonan	Jumlah
Pendaftaran Sementara	3,247
Pendaftaran Penuh Tanpa Syarat Seksyen 14(1) di bawah Akta	4,014
Pendaftaran Penuh Bersyarat Seksyen 14(2A) di bawah Akta	7
Pendaftaran Penuh Bersyarat Seksyen 14(3) di bawah Akta	295
Pendaftaran Pakar Seksyen 14C di bawah Akta	1,252
Perakuan Amalan Sementara Seksyen 16(1) di bawah Akta	173
<i>Letter of Good Standing</i>	1,291
Perakuan Amalan Tahunan Seksyen 20(1) di bawah Akta	71,353

Sumber: Malaysian Medical Council (MMC)

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN (ADUAN)

Akta Perubatan 1971 (Akta Lama) dan Akta Perubatan 1971 meliputi bidang kuasa salah laku pengamal perubatan yang berdaftar di Malaysia. Terdapat enam (6) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (PIC) yang dibentuk di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta Lama). Manakala, di bawah Akta Perubatan 1971, terdapat lima (5) PIC.

Berikut merupakan jumlah aduan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta Lama) dan Akta Perubatan 1971 bagi tahun 2023 (**Jadual 19.2**):

Jadual 19.2 Statistik Aduan yang Disanksi kepada PIC di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta Lama) & Akta Perubatan 1971 Tahun 2023

Akta \ PIC	PIC I/1	PIC II/2	PIC III/3	PIC IV/4	PIC V/5	PIC VI	Jumlah
Akta Perubatan 1971 (Akta Lama)	4	3	8	6	5	2	28
Akta Perubatan 1971	14	17	67	16	7	-	121
Jumlah	18	20	75	22	12	2	149

Source: Malaysian Medical Council (MMC)

LAPORAN KEWANGAN

Laporan kewangan MPM telah disediakan bagi tahun berakhir 2023 adalah seperti berikut:

- Jumlah keuntungan MPM dalam Tahun Taksiran (YA) 2023 adalah RM5,749,624.34 iaitu lebih rendah daripada YA 2022 dengan perbezaan sebanyak RM494,999.62
- Pendapatan MPM daripada peruntukan Geran Kerajaan pada YA 2023 adalah bersamaan dengan YA 2022 iaitu sebanyak RM2,000,000.00
- Jumlah perbelanjaan MPM pada YA 2023 adalah lebih tinggi daripada YA 2022 dengan perbezaan sebanyak RM1,519,536.82

HALA TUJU

MPM juga berperanan sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab untuk mengawal selia tatakelakuan dan etika Pengamal Perubatan Berdaftar dan Akta berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Majlis yang diamanahkan sebagai penjaga Profesion Perubatan Malaysia memikul tugas yang berat untuk mengawal selia profesion bagi mencapai kepuasan pelanggan secara telus dan cekap.

Dalam proses menuju ke arah pendigitalan, MPM telah menubuhkan Jawatankuasa Kualiti dan Audit dikelolakan di bawah Unit Pengurusan Kualiti dan Audit bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dilaksanakan di MPM. Selaras dengan keperluan MS ISO 9001:2015, MPM telah memulakan projek dokumentasi yang terdiri daripada dokumentasi dalaman merangkumi proses kerja di bawah MPM dan dokumentasi luaran yang melibatkan pemegang taruh. Usaha ini membolehkan MPM memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada semua Pengamal Perubatan Berdaftar di Malaysia.

BAB
20

**CLINICAL
RESEARCH
MALAYSIA
(CRM)**


CLINICAL RESEARCH MALAYSIA (CRM)

CRM ialah Organisasi Pengurusan Penyelidikan Dipercayai Global yang ditubuhkan oleh KKM pada tahun 2012. Organisasi ini mengutarakan prinsip Kemanusiaan, Kestabilan, dan Kemampunan dalam mengutamakan penyelesaian kajian klinikal global dan membolehkan ekosistem penyelidikan klinikal berkembang maju di negara ini. Pada terasnya, CRM bertekad untuk membawa penyelidikan klinikal yang menangani keperluan pesakit yang tidak dapat dipenuhi dan mengolah penjagaan kesihatan Malaysia.

CRM menguruskan kajian klinikal yang ditaja dengan aspek Speed, Quality dan Reliability melalui kecemerlangan operasi dan bekerja dengan pemegang taruh untuk menyediakan perkhidmatan sokongan penyelidikan klinikal yang menyeluruh. Diperakui dengan kedua-dua MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS), dan selaras dengan peraturan antarabangsa, nilai teras dan tatakelakuan organisasi adalah terpahat di seluruh CRM. Kekuatan organisasi ini terletak pada warga CRM di mana visi kami adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penyelidikan klinikal pilihan di rantau Asia.

PENCAPAIAN


Sebanyak 2-3% penyelidikan tajaan global dijalankan setiap tahun di Asia Tenggara, di mana Malaysia menduduki di kedudukan kedua selepas Singapura di dalam rantau ini dari segi bilangan penyelidikan klinikal baru yang ditaja industri. Penyelidikan ditaja di Malaysia juga telah meningkat setiap tahun dengan jumlah 276 kajian yang diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Perubatan (JEPP) di bawah KKM dan Lembaga Kajian Institusi/Jawatankuasa Etika Berkecuali (IRB/IEC) pada tahun 2023. Ini merupakan tahun keempat penyelidikan ditaja menunjukkan peningkatan secara berturut sejak 2020, mencatat jumlah tertinggi kajian tajaan baharu selain melebihi 25% daripada sasaran yang dijangkakan. Dalam pada itu, lebih daripada 65% penyelidikan ditaja ini dijalankan di fasiliti KKM, termasuk hospital awam dan klinik kesihatan seperti dalam **Rajah 20.1**.



Rajah 20.1 Bilangan Penyelidikan Ditaja dari 2018-2023

Sumber: Clinical Research Malaysia

CRM secara konsisten mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang disasarkan dan berjaya memperolehi peratusan tambahan. Nilai pelaburan sebanyak RM137,694,810 juta yang diperoleh melalui Perjanjian Penyelidikan Klinikal (CTA) telah dilaksanakan pada 2023. Hasil perjanjian ini telah menyumbang kepada RM1.16 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) untuk industri penyelidikan klinikal Malaysia sejak tahun 2012. Selain tu, pekerja mahir dalam penyelidikan klinikal di dalam negara juga telah berkembang hasil daripada syarikat biofarmaseutikal global terkemuka yang memilih Malaysia sebagai pusat operasi kajian klinikal di rantau ini.



Rajah 20.2 Kad Skor Penyelidikan Klinikal dari 2019-2023

Sumber: Clinical Research Malaysia


CRM telah mencapai semua KPI dengan lebih pendapatan berjumlah RM3,904,752 (**Jadual 20.1**).

Jadual 20.1 Pencapaian KPI CRM Tahun 2023

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Pencapaian	Perbezaan Kadar daripada Sasaran (%)
KPI 1: Penyelidikan Ditaja (SR)	220 Penyelidikan Baharu	276 Penyelidikan Baharu	+25.45
KPI 2: SR di fasiliti KKM	135 Penyelidikan Baharu	188 Penyelidikan Baharu	+39.26
KPI 3: Pendapatan CRM	RM21,230,000	RM25,134,752	+18.39
KPI 4: Perbelanjaan CRM	RM22,366,873	RM22,340,263	-0.12
KPI 5: PKN (Nilai CTA)	RM133,000,000	RM137,694,810	+3.53

Sumber: Clinical Research Malaysia


CRM juga berfungsi sebagai *Site Management Organisation* (SMO) untuk penyelidikan ditaja yang dijalankan di fasiliti KKM, terutamanya melalui perkhidmatan Study Coordinators. Seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 20.3**, bilangan *Study Coordinators* (SC) CRM telah meningkat setiap tahun bagi menyokong keperluan SR yang meningkat. Pada tahun 2023, CRM merekod lebih 180 SC di seluruh negara, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 11% berbanding 2022. Peranan utama CRM SC adalah untuk membantu penyelidik dalam pelbagai aktiviti kajian. Salah satu tanggungjawab penting ialah memudahkan usaha merekrut pesakit dalam penyelidikan klinikal yang dijalankan.



Rajah 20.3 Bilangan Study Coordinators di CRM dari 2018-2023

Sumber: Clinical Research Malaysia

CRM komited untuk menarik lebih banyak penyelidikan ditaja ke Malaysia dengan penglibatan berterusan bersama pihak berkepentingan industri, termasuk syarikat *Contract Research Organisation* (CRO) serta syarikat farmaseutikal, bioteknologi dan peranti perubatan. Ini adalah bagi mengembangkan pengaruh negara dalam penyelidikan klinikal global (**Rajah 20.4**). Selain daripada itu, platform media sosial CRM memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran, dengan lebih 59 juta *visits* dan *impressions* yang dicatatkan pada 2023. Ia menunjukkan peningkatan yang ketara daripada tahun sebelumnya.



Rajah 20.4 Peningkatan Bilangan Penaja dan CRO dari 2018-2023

Sumber: Clinical Research Malaysia

KETERLIHATAN GLOBAL

Di samping itu, CRM juga telah menjalankan beberapa perbincangan dengan pihak pengurusan tertinggi daripada beberapa syarikat biofarmaseutikal terkemuka global semasa mesyuarat antarabangsa, yang telah membawa kepada perkembangan ketara dalam penyelidikan klinikal di Malaysia, terutamanya dalam kajian fasa awal.

Jadual 20.2 Penglibatan Global CRM pada Tahun 2023

Pembentangan di Arena Antarabangsa	Kolaborasi
Drug Information Association (DIA) China 2023 di Suzhou pada 16-19 Jun 2023	Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara AstraZeneca Sdn. Bhd. bersama CRM dan Hospital Umum Sarawak
Drug Information Association (DIA) Asia 2023 di Beijing pada 13 September 2023	CRM memperbaharui kolaborasi bersama IQVIA dalam <i>Prime & Partner program</i> . Malaysia juga dianugerahkan <i>Certificate of Achievement</i> sebagai tapak yang berprestasi tinggi di bawah program ini
Forum REACTA 2023 di Chiba University, Japan pada 16-17 November 2023	CRM merasmikan kolaborasi baharu dengan Marken, bagi mengembangkan inisiatif untuk menjalankan <i>decentralised clinical trials</i>
Clinical Research Governance (CRGo) World Conference & International Clinical Trial Center Network (ICN) Symposium 2023 di Hong Kong pada 29 November 2023	CRM menyertai program <i>Global Partner Consultation</i> yang dianjurkan oleh Princess Margaret Cancer Centre di Kanada. Turut hadir bersama ialah Dr. Ros Suzanna, Ketua Kepakaran KKM dalam Onkologi dan Radioterapi

Sumber: Clinical Research Malaysia

PROJEK REALISASI FASA 1 (P1RP) 2.0

Pada tahun 2023, CRM menandatangani perjanjian biasiswa pendidikan dengan KKM dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Di dalam perjanjian ini, dua (2) pegawai NPRA akan ditaja untuk mengikuti program Sarjana Farmakologi Klinikal di King's College London. Ini sejajar dengan P1RP 2.0 CRM, yang memberi tumpuan bagi meningkatkan lagi keupayaan Malaysia dalam fasa awal penyelidikan. Tambahan pula, Dr. Voon Pei Jye dari Hospital Umum Sarawak telah menjalankan penyelidikan *First-In-Human* (FIH) di Malaysia, yang merupakan terapi penyelidikan *first-in-class* untuk pesakit yang mempunyai *advanced solid tumour*. Dapatan kajian ini telah dibentangkan di *International Conference 2023* yang dianjurkan oleh *European Organisation for Research and Treatment of Cancer* (EORTC), *National Cancer Institute* (NCI) dan *American Association for Cancer Research* (AACR) di Boston.

AKTIVITI CRM

Antara program utama yang menjadi tumpuan pada tahun 2023 ialah persidangan *CRM Trial Connect 2023*, yang telah mengatasi kejayaan tahun sebelumnya sebagai acara utama di Malaysia yang bertumpu pada penyelidikan klinikal global. Acara yang dijalankan selama dua (2) hari dihadiri tetamu kehormat, penceramah dan peserta daripada pelbagai sektor komuniti penyelidikan klinikal dari Malaysia dan arena antarabangsa. Seramai 530 peserta daripada 105 organisasi telah menghadiri persidangan ini.


Tambahan pula, CRM kekal komited dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran SC dan penyelidik dengan menjalankan pelbagai aktiviti, sesi latihan dan bengkel. Inisiatif ini dilakukan untuk memastikan peningkatan yang berterusan dalam kualiti penyampaian percubaan klinikal sekaligus mengukuhkan komitmen CRM terhadap kecemerlangan dalam penyelidikan klinikal.

Jadual 20.3 Program CRM Tahun 2023

Latihan/Aktiviti	Kekerapan
I AM AWARE <i>Roadshows</i>	7
Bengkel <i>Good Clinical Practice Refresher</i>	4
<i>Nurturing New Talents in Sponsored Research</i>	4
Bengkel <i>Patient Recruitment and Retention</i>	4
Latihan untuk Meningkatkan Prestasi <i>Study Coordinators</i> (TIPS)	2
Bengkel <i>Regulatory Inspection</i>	2
Bengkel <i>Protocol Compliance</i>	2
Latihan untuk Meningkatkan Prestasi <i>Study Coordinators</i> (TIPS): Latih Jurulatih	1
Dialog bersama Penyelidik	1

HALA TUJU

Melangkah ke hadapan pada tahun 2024, CRM terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam operasi dengan mengutamakan Kemanusiaan, Kestabilan dan Kemampanan. CRM komited untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penyelidikan klinikal pilihan di Asia dan mencapai matlamat pada 2033.



Rajah 20.5 CRM KPI 2023-2033

Sumber: Clinical Research Malaysia



GLOSARI

GLOSARI

4IR	Revolusi Perindustrian Keempat	AKM	Aspirasi Keluarga Malaysia
AADK	Anti-Dadah Kebangsaan	ALPH	Ahli Lembaga Pelawat Hospital
ABMS	<i>Anti-Bribery Management System</i>	ALPHP	Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri
ACD	Pengesanan Kes Aktif	AMR	Kerintangan Antimikrobial
ACDOM	<i>Asian Chief Dental Officers' Meeting</i>	AMS	<i>Antimicrobial Stewardship</i>
ACP	<i>Advanced Competency Programme</i>	ANC	Penjagaan Antenatal
ADB	<i>Asian Development Bank</i>	ANMS	Agenda Nasional Malaysia Sihat
ADSSR	Keselamatan Dadah dan Kebergantungan Diri ASEAN	AOSI	<i>Area Of Special Interest</i>
AED	Defibrilator Luaran Automatik	AP-HSAF	<i>Asia Pacific Health Security Action Framework</i>
AEFI	Kesan Advers Susulan Imunisasi	APC	<i>Anugerah Perkhidmatan Cemerlang</i>
AEHIN	<i>Asia ehealth Information Network</i>	APC	Sijil Perakuan Amalan Tahunan
AFAS	<i>ASEAN Framework Agreement on Services</i>	APEC	<i>Asia-Pacific Economic Cooperation</i>
AFP	<i>Acute Flaccid Paralysis</i>	APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
AFSRF	Perjanjian Rangka Kerja Peraturan Keselamatan Makanan ASEAN	APPL	<i>Approved Product Purchased List</i>
AGC	Jabatan Peguam Negara	APSP	Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit
AGE	<i>Acute Gastroenteritis</i>	APSP	Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit
AHA Centre	Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan Pengurusan Bencana ASEAN	ARAC	Pusat Penilaian Risiko Keselamatan Makanan ASEAN
AHMM	Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN	ARC	Pendaftaran dan Pembaharuan Sijil Amalan Tahunan
AHS	Tinjauan Kesihatan Remaja	ARCH	Pasukan Projek Memperkuh Kapasiti Serantau ASEAN Mengenai Pengurusan Kesihatan Bencana
AI	Kecerdasan Buatan	ASD	<i>Autism Spectrum Disorder</i>
AIGA	Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah	ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
AIKKM	Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia	ASEAN EOC	Pusat Operasi Kecemasan ASEAN
AIPSA	Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam	ASO	Audit Surveilans Optik
AIRC	Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi	ATM	Angkatan Tentera Malaysia
AJCCD	<i>ASEAN Joint Coordinating Committee on Dental Practitioners</i>	ATT	Tetanus Toxoid
AJCCM	<i>ASEAN Joint Coordinating Committee on Medical Practitioners</i>	AVEG	<i>ASEAN Veterinary Epidemiology Group</i>
AKI	Anugerah Khas Inovasi	BA	Bahagian Akaun
		BAC	<i>Business Advisory Council</i>

BAKAS	Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling	BPKK	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
BAP	Bahagian Amalan Perubatan	BPL	Bahagian Pengurusan Latihan
BAPF	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi	BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BBM	Beban Berganda Malpemakanan	BPP	Bahagian Perkembangan Perubatan
BCG	<i>Bacillus Calmette–Guérin</i>	BPTK	Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
BDHA	Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa	BSKB	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
BDPSF	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi	BSM	Bahagian Sumber Manusia
BEMS	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal	BSMM	Bulan Sabit Merah Malaysia
Bengkel IR	Bengkel <i>Implementation Research</i>	BSSK	Borang Saringan Status Kesihatan Remaja
BER	<i>Beyond Economic Repair</i>	BTM	Teknikal Dua Hala
BFHI	Inisiatif Hospital Rakan Bayi	BUR	<i>Biennial Update Report</i>
BGRC	Pusat Penyelidikan Biokimia & Genomik	C-HAT	Cara Hidup Anda Terbaik
BI	Behavioural Insights	C&P	<i>Credentialing and Privileging</i>
BKj	Bahagian Kejururawatan	C4H	Komunikasi untuk Kesihatan
BKKM	Bahagian Keselamatan Kualiti Makanan	CAB	Badan Penilaian Pematuhan
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan	CAD	Cawangan Audit Dalam
BKP	Bahagian Kawalan Penyakit	CaRC	Pusat Penyelidikan Kanser
BKPS	Bahagian Kesihatan Pergigian Sarawak	CAU	Unit Audit Klinikal
BKRP	Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan	CBBP	Cuti Belajar Bergaji Penuh
BLFM	Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia	CBSG	Cuti Belajar Separuh Gaji
BLS	<i>Basic Life Support</i>	CBTG	Cuti Belajar Tanpa Gaji
BMI	<i>Body Mass Index</i>	CCE	Pusat Epidemiologi Klinikal
BMSS	Bulan Malaysia Sihat Sejahtera	CCG	<i>Core Country Group</i>
BOR	Kadar Penggunaan Katil	CCT	Pusat Percubaan Klinikal
BPF	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi	CCTI	Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser
BPH	<i>Benign Prostatic Hyperplasia</i>	CDC	<i>Complement-Dependent Cytotoxicity</i>
BPK	Bahagian Pembangunan Kompetensi	CDC	<i>Centers for Disease Control and Prevention</i>
BPK	Bahagian Pendidikan Kesihatan	CDO	<i>Chief Dental Officers</i>
BPKA	Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam	CDO	Ketua Pegawai Digital
BPKj	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan	CDR	Kadar Kematian Kasar
		CEA	Analisa Keberkesanan Kos
		CenSSIS	<i>Central Sterile Supply Service Information System</i>
		CFR	Kadar Kematian Kes
		CGSO	Ketua Pejabat Keselamatan Kerajaan

CHUPP	Program Imunisasi <i>Catch-Up</i> Pneumokokal	CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
CKAPS	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta	CSSU	<i>Central Sterile Services Unit</i>
CKD	<i>Chronic Kidney Disease</i>	DALY	<i>Disability-Adjusted Life Years</i>
CLS	Perkhidmatan Pembersihan	DBDI	Diagnosis Tingkah Laku Diabetes
CME	<i>Continuing Medical Education</i>	DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
CML	Cawangan Medico Legal	DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
CMPTK	Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari	DCEV	<i>Death and Critically Ill Emergency Visits</i>
COMBI	Komunikasi untuk Perubahan Tingkahlaku	DDMS	Sistem Pengurusan Dokumen Digital
COP	<i>Conference of the Parties</i>	DE	<i>Diabetes Educators</i>
COPD	Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik	DEC	<i>Diethylcarbamazine</i>
COPPA-DTP	COPPA untuk Akreditasi Program Diploma Terapi Pergigian	DevOps	<i>Development and Operations</i>
COPPA-PG Dental	Jawatankuasa Kod Amalan bagi Akreditasi Program Kepakaran Pergigian	DHRI	Unit Penyelidikan & Inovasi Kesihatan Digital
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan	DKICT	Dasar Keselamatan ICT
CPF	<i>Country Programme Framework</i>	DKMK	Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan
CPG	Garis Panduan Amalan Klinikal	DKPK	Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan
CPP	Cawangan Perundangan Perubatan	DKUA	Duta Kenali Ubat Anda
CPPKP	Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Kesihatan Pergigian	DNDi	<i>Drugs for Neglected Diseases Initiative</i>
CPPPP	Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan	DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
CPR	Resusitasi Kardio-Pulmonari	DOTS	<i>Direct Observed Treatment Short Course</i>
CPRC	Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis	DRL	<i>Diagnostic Reference Level</i>
CPTPP	<i>Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership</i>	DT	<i>Diphtheria & Tetanus</i>
CRC	Pusat Penyelidikan Klinikal	DTP	Diploma Terapi Pergigian
CRC SGH	Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Umum Sarawak	DTS	Depoh Tahanan Sementara
CRCs	Pusat Penyelidikan Klinikal	DUN	Dewan Undangan Negara
CRE	<i>Carbapenem-Resistant Enterobacterales</i>	DUNas	Dasar Ubat Negara
CRM	<i>Clinical Research Malaysia</i>	e-IR	Sistem Pelaporan Insiden
CSO	<i>Civil Society Organization</i>	E&P	Entomologi dan Pest
		EA	<i>Enterprise Architecture</i>
		EBS	<i>Event Based Surveillance</i>
		eCML	Sistem Maklumat Cawangan Medico Legal
		eDentist	Sistem Pengurusan Pegawai Pergigian
		eHousemen	Sistem Pengurusan Pegawai Perubatan Siswazah
		EHRC	Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar

EHRI	<i>Enviromental Health Risk Inventory System</i>	FETN	<i>Field Epidemiology Training Network</i>
EHU	Unit Kesihatan Persekitaran	FMS	Perkhidmatan Pengurusan Fasilitas
EI	Penyiasatan Entomologi	FOA	<i>Food and Agriculture Organization</i>
EIA	Penilaian Kesan Alam Sekitar	FOMEMA	Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam	FoSIM	<i>Food Safety Information System of Malaysia</i>
EMR	<i>Electronic Medical Record</i>	FPP	Pesakit Bayar Penuh
eNCDC	Sistem Elektronik Pusat Kawalan Penyakit Negara	FRD	<i>Fire and Rescue Department</i>
EnPHC	<i>Enhanced Primary Health Care</i>	FUKKM	Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia
EOC	Pusat Operasi Kecemasan	FWBD	<i>Food Water Borne Disease</i>
eP	ePerolehan	FWMES	Konsesi Perkhidmatan Pengawasan dan Penyeliaan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing
ePakar	Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Lulusan Kepakaran	G2B	<i>Government-to-Business</i>
ePharmacist	Sistem Pengurusan Pegawai Farmasi	G2G	Kerajaan-ke-Kerajaan
ePlacement	Sistem Penempatan Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi	GAC	Hal Ehwal Global Kanada
EPO	<i>Erythropoietin</i>	GAMA	<i>Global Action for Measurement of Adolescent Health</i>
EPSA	E-Pembelajaran Sektor Awam	GATS	<i>Global Adults Tobacco Survey</i>
EPU	Unit Perancang Ekonomi	GBT	<i>Global Benchmarking Tool</i>
EQA	<i>External Quality Assurance</i>	GCP	<i>Good Clinical Practice</i>
ERIA	<i>Economic Research Institute for ASEAN and East Asia</i>	GDM	<i>Gestational Diabetes Mellitus</i>
ESP	<i>Electronic Service Provider</i>	GEG	Generasi Penamat
ESP-SPIKPA	<i>Electronic Service Provider for SPIKPA</i>	GEAR	<i>Generational Endgame Advocacy Roadshow</i>
ESPV	<i>Environmental Surveillance for Polio Virus</i>	GFS	Sistem Bekalan Air Paip Gravitasi
eTAMS	Sistem Kehadiran Berkomputer	GHED	<i>Global Health Expenditure Database</i>
EU-ABC	<i>EU-ASEAN Business Council</i>	Gi-RET 2.0	Sistem Gabungan Reten Perkhidmatan Kesihatan Pergigian
EVALI	<i>E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury</i>	GIS	Sistem Maklumat Geografi
EWAR	<i>Early Warning Alert and Response</i>	GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
FA	Akreditasi Penuh	GMEC	Jawatankuasa Governans, Pemantauan & Penilaian
FAO	<i>Food and Agriculture Organization</i>	GMP	<i>Manufacturing Practice Good</i>
FCD	Pangkalan Data Komposisi Makanan Malaysia	GP	Pengamal Perubatan Am
FCTC	<i>Framework Convention on Tobacco Control</i>	GSC	<i>Global Service Centre</i>
FEMS	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasilitas		

GWG	<i>Gestational Weight Gain</i>	HTAR	Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Hb	Hemoglobin	HTJ	Hospital Tunku Ja'afar
HCD	Permintaan Jagaan Kesihatan	HUSM	Hospital Universiti Sains Malaysia
HCTM	Hospital Canselor Tuanku Muhriz	HWKKS	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah
HEADSS	<i>Home, Education/Employment, Peer Group Activities, Sexuality and Suicide Depression</i>	HWMS	Perkhidmatan Pengurusan Sisa Kesihatan
HEK	Seksyen Hal Ehwal Korporat	HWP	Kertas Putih Kesihatan
HePiLI	Program Promosi Kesihatan di Institusi Pendidikan	IAEA	<i>International Atomic Energy Agency</i>
HER	Pemakanan Sihat Wanita	IAQ	Kualiti Udara Dalamaman
HFMD	Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut	IBR	Ikrar Bebas Rasuah
HIA	Penilaian Impak Persekitaran	ICD-10	<i>International Statistical Classification of Disease 10th Revision</i>
HIE	<i>Health Information Exchange</i>	ICD-11	<i>International Classification Of Diseases 11th Version</i>
HIRARC	<i>Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control</i>	ICESCO	<i>Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
HIS@KKM	<i>Hospital Information System di KKM</i>	ICHI	<i>International Classification of Health Interventions</i>
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>	ICR	Institut Penyelidikan Klinikal
HKL	Hospital Kuala Lumpur	ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
HLA	<i>Human Leukocyte Antigen</i>	IDA	Anemia Akibat Kekurangan Zat Besi
HLP	Hadiah Latihan Persekutuan	IDCMR	<i>International Dental Collaboration of the Mekong River Region</i>
HLS	Hospital Latihan Siswazah	IDFR	Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negara
HMeI	Hospital Melaka	IDRC	Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit
HMI	Hospital Mesra Ibadah	IFitEr	Program Pengurusan Berat Badan I Fit Eat Right
HMRC	Pusat Penyelidikan Perubatan Herba	IGG	Ikon Gigi
HOS	Ketua-ketua Perkhidmatan	IHR	Peraturan Kesihatan Antarabangsa
HPV	<i>Human Papilloma Virus</i>	IHSR	Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
HRMIS	<i>Human Resource Management Information System</i>	IIM	Institut Integriti Malaysia
HRPB	Hospital Raja Permaisuri Bainun	IIR	Penyelidikan Iniatif Penyelidik
HSA	Hospital Sultanah Aminah	IIUM	International Islamic University Malaysia
HSI	Hospital Sultan Ismail		
HSIS	Hospital Sultan Idris Shah		
HSSWG	<i>Healthcare Sectoral Services Working Group</i>		
HTA	Hospital Tuanku Azizah		
HTA	<i>Health Technology Assessment</i>		
HTAA	Hospital Tengku Ampuan Afzan		
HTAi	<i>Health Technology Assessment International</i>		
HTAN	Hospital Tuanku Ampuan Najihah		

IKN	Institut Kanser Negara	ISN	Institut Sukan Negara
IKS	Industri Kecil & Sederhana	ISPOR	<i>The Professional Society for Health Economics and Outcomes Research</i>
IKU	Institut Kesihatan Umum	ISR	Penyelidikan Tajaan Industri
ILI	Influenza-Like-Illness	IT	Information Technology
ILKEM	Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia	ITCC	Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekodan Klinikal
ILKKM	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia	ITEC	<i>Indian Technical and Economic Cooperation</i>
ILO	International Labour Organisation	IVM	Pengurusan Vektor Bersepadu
ILPL	Institut Latihan Pengangkutan Laut	JAC	Jawatankuasa Penasihat Jepun
ILSI	International Life Science Institute	JAKM	Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia
IMR	Kadar Kematian Bayi	JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
IMR	Institut Penyelidikan Perubatan	JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
IMU	International Medical University	JAS	Jabatan Alam Sekitar
INAHTA	<i>International Network of Agencies for Health Technology Assessment</i>	JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
INB	Badan Perundingan Antara Kerajaan	JDN	Jabatan Digital Negara
INB7	<i>7th Intergovernmental Negotiating Body for The Pandemic Accord</i>	JDPKK	Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan
INFOODS	Rangkaian Antarabangsa Sistem Data Makanan	JDR	Bantuan Bencana Jepun
INTAN	National Institute of Public Administration	JEPP	Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Perubatan
IoT	Internet of Things	JFK	Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19
IP	Kesedaran Harta Intelek	JICA	Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun
IPC	<i>Infection Prevention Control</i>	JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
IPK	Institut Pengurusan Kesihatan	JKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
IPKKM	Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia	JKK BBMCK	Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak
IPT	Institusi Pengajian Tinggi	JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam	JKNS	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
IPTK	Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan	JKP PS 2022	Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik 2022
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	JKPB	Jawatankuasa Penyiasatan Bebas
IPU	Indeks Pencemaran Udara		
IR	Sinaran Mengion		
IRB/IECs	Lembaga Penyelidikan Institut/ Jawatankuasa Etika Bebas		
IRS	<i>Indoor Residual Spraying</i>		
ISMS	<i>Information Security Management System</i>		

JKPF	Jawatankuasa Penggunaan Fasilitas	KPI	Petunjuk Prestasi Utama
JKPPT	Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah	KPJKS	Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta
JKR	Jabatan Kerja Raya	KPK	Ketua Pengarah Kesihatan
JKTAP	Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Pergigian	KPKT	Kementerian Kemajuan @ Kerajaan Tempatan
JKTBP KP	Jawatankuasa Teknikal Bersama Penilaian Program Kepakaran Pergigian	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JKWAICT	Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	KPS	Klinik Pergigian Sekolah
JLN	<i>Joint Learning Network</i>	KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
JM	Jururawat Masyarakat	KSP RMK-12	Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12
JMOIR	<i>Joint Multisectorial Outbreak Investigation and Response Guidelines</i>	KWAICT	Kumpulan Wang Amanah ICT
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT	KWC	Kumpulan Wang COVID-19
JPJ	<i>Jabatan Pengangkutan Jalan</i>	KZM	Kekurangan Zat Makan
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	LCP	<i>Letter of Credentialing and Privileging</i>
JSM	Jabatan Standard Malaysia	LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
JTA	Jabatan Tenaga Atom	LEED	<i>Leadership in Energy and Environmental Design</i>
JTI	Jawatankuasa Teknikal Projek ICT	LHR	<i>Lifetime Health Record</i>
JTSA	Jawatankuasa Pemandu ICT Sektor Awam	LIMS	<i>Laboratory Information Management System</i>
JU	Jurulatih Utama	LIS@KKM	<i>Laboratory Information System</i>
K1M	Klinik 1Malaysia	LJPM	Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia
KBM	Khidmat Berhenti Merokok	LLIN	<i>Long Lasting Insecticide Net</i>
KD	Klinik Desa	LLS	Perkhidmatan Linen dan Dobi
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar	LMV	<i>Landscape Map Viewpoint</i>
KIK	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif	LOI	<i>Letter of Intent</i>
KK	Klinik Kesihatan	LPHE	Lembaga Pembantu Hospital Estet
KKIA	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	LPKKM	Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia	LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara
KKom	Klinik Komuniti	LTBI	Jangkitan TB Laten
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	MAHEO	Persatuan Promosi Kesihatan Malaysia
KOSPEN	Komuniti Sihat Pembina Negara	MaHTAS	Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	MAKNA	Majlis Kanser Negara
		MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan`

MAP	<i>Monitoring, Awareness and Product</i>	MHTC	Majlis Perlancongan Kesihatan Malaysia
MAPSU	Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung	MIID	Institut Penyakit Berjangkit Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	MINDEF	Kementerian Pertahanan
MAS	Mesyuarat Saintifik Tahunan Persatuan Artroskopi Malaysia	MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MB	<i>Multibacillary/ Multibacillary Leprosy</i>	MKAK	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
MBOD	<i>Malaysian Burden of Disease and Injury</i>	MKN	Majlis Keselamatan Negara
MC	Klinik Bergerak	MKSP	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
MCD	<i>Medically Certified Death</i>	MMA	Persatuan Perubatan Malaysia
MCH	Kesihatan Ibu dan Anak	MMR	Nisbah Kematian Ibu Bersalin
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	MNHA	Malaysia National Health Accounts
MDA	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	MoA	Memorandum Perjanjian
MDA	Persatuan Doktor Pergigian Malaysia	MOA	Persatuan Ortopedik Malaysia
MDA	<i>Mass Drug Administration</i>	MOC	Majlis Optik Malaysia
MDC	Majlis Pergigian Malaysia	MOF	Ministry of Finance
MDR-TB	Kerintangan Ubatan Anti-Tuberkulosis	MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MDSA	Persatuan Pelajar Pergigian Malaysia	MOU	Memorandum Persefahaman
MDT	<i>Multi-Disciplinary Team</i>	MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
ME	Minggu Epid	MPKBM	Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia
MED4IRN	Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara	MPKP	Minggu Promosi Kesihatan Pergigian
MEET	<i>Medical Equipment Enhancement Tenure</i>	MPM	Majlis Perubatan Malaysia
MENANG	Menangani Kesakitan Kronik	Mpox	<i>Monkeypox</i>
MERS-CoV	<i>Middle East respiratory syndrome coronavirus</i>	MPSG	Malaysian Patient Safety Goals
MeSH	<i>Medical Subject Headings</i>	MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MeSTI	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri	MQC	Jawatankuasa Kelayakan Perubatan
MHMO	Persatuan Holistik dan Herba Malaysia	MQSH	<i>Malaysian Society for Quality in Health</i>
MHPS	<i>Malaysian Healthcare Practitioners' System</i>	MR	<i>Measles & Rubella</i>
MHPSS	Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial	MRA	<i>Mutual Recognition Agreement</i>
		MS-ISO	<i>Malaysian Standards-International Organization for Standardization</i>
		MSCR	Daftar Sel Stem Malaysia
		MSN	Persatuan Neurosains Malaysia
		MTAC	<i>Medication Therapy Adherence Clinic</i>

MTL	Monsun Timur Laut	NIH	Institut Kesihatan Negara
MTPMA63	Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963	NIID	<i>National Institute of Infectious Diseases</i>
MyAP-AMR	<i>Malaysian National Action Plan on Antimicrobial Resistance</i>	NIP	Program Imunisasi Kebangsaan
MyHDW	<i>Malaysian Health Data Warehouse</i>	NIR	Sinaran tak Mengion
MyNNJ	Aplikasi Pengendalian Perawatan Bayi Kuning	NLM	<i>National Library of Medicine</i>
MyVAS	<i>Malaysia's Virtual-Health Assistant System</i>	NLSP	<i>National Laboratory Strategic Plan</i>
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara	NMCD	Kematian yang Tidak Disahkan Secara Perubatan
NATCM	<i>National Administration of Traditional Chinese Medicine</i>	NMIBC	Non-Muscle-Invasive Bladder Cancer
NBR	<i>National Diabetes Registry</i>	NMR	Kadar Kematian Neonatal
NC	<i>National Communication</i>	NMRC	Pusat Penyelidikan Pemakanan, Metabolisme dan Kardiovaskular
NCC	<i>National Credentialing Committee</i>	NNA	<i>National Nursing Audit</i>
NCCR	Persidangan Penyelidikan Klinikal Kebangsaan	NNIA	<i>National Nursing Indicator Approach</i>
NCD	Penyakit Tidak Berjangkit	NOHRI	<i>National Oral Health Research Initiative</i>
NCDC	Pusat Kawalan Penyakit Negara	NOHSA	Kajian Kesihatan Mulut bagi Orang Dewasa
NCEMH	Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan	NORN	<i>National Operating Room Audit</i>
NCERT	<i>National Cell Ethics Research and Therapy Committee</i>	NPANM	Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia
NCGM	<i>National Centre for Global Health and Medicine</i>	NPEV	Non-Polio Enterovirus
NCORT	<i>National Committee on Resuscitation Training</i>	NPQH	<i>National Policy for Quality in Healthcare</i>
NEHAP	<i>National Environmental Health Action Plan</i>	NPRA	Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan
NERCIM	<i>Network of Ethics Committees in Malaysia</i>	NRRC	<i>Nuclear and Radiological Regulatory Commission</i>
NFP	<i>National Focal Point</i>	NSC	<i>Nuclear Security Culture</i>
NGO	Badan Bukan Kerajaan	NSFPOR	<i>National Strategic Framework for Prevention of Malaria Re-establishment</i>
NHA	<i>National Health Accounts</i>	NSP-NCD	Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit
NHF	<i>National Health Financing</i>	NSPDPC	Pelan Strategi Kebangsaan bagi Kawalan dan Pencegahan Denggi
NHIA	<i>National Health Insurance Administration</i>	NSPOA	Pelan Strategik Kebangsaan Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli
NHMS	Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi	NSR	<i>National Specialist Register</i>
NHSI	Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan	NTD	Penyakit Tropika Terabai
NICU	<i>Neonatal Intensive Care Unit</i>		

NTIS	<i>National Technology and Innovation Sandbox</i>	PDPK	Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan
NTM	Mycobacterium bukan tuberkulosis	PDRM	Polis Diraja Malaysia
NTP	<i>National Training of Paediatric Palliative Provider</i>	PDU	Pasukan Doktor Udara
O&G	Obstetrik & Ginekologi	PEFL	Program Elimination Limfatik Filiariasis
OA	Orang Asli	PEFLK	Program Eliminasi Limfatik Filariasis
OAHS	Tinjauan Kesihatan Orang Asli	PEKA	Perlindungan Kesihatan Alam Sekitar
OB	<i>Outcomed Based Budget</i>	PeKa B40	Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40
OCR	<i>Outbreak and Crisis Response</i>	PEP-SDR	<i>Post Exposure Prophylaxis - Single Dose Rifampicin</i>
OCRCC	<i>Oral Cancer Research and Coordinating Center</i>	PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
OHD	Doktor Kesihatan Pekerjaan	PERSPSA	Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam
OHS	<i>Online Healthcare Service</i>	PFA	<i>Psychological First Aid</i>
OHS	<i>Online Healthcare Services</i>	PFAS	<i>Per-And Polyfluoroalkyl Substances</i>
RegLab	<i>Regulatory Lab</i>	PFH	Hospital Bebas Kesakitan
OHU	Unit Kesihatan Pekerjaan	PFI	Inisiatif Kewangan Swasta
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam	PFK	<i>Health Facility Planning</i>
OKU	Orang Kurang Upaya	PHC	<i>Primary Healthcare</i>
OOP	<i>Out-of Pocket</i>	PHCorp	<i>ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.</i>
ORS	<i>Outdoor Residual Spray</i>	PHEIC	Darurat Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa
ORS	<i>Oral Rehydration Salt</i>	PHM	<i>ProtectHealth Malaysia</i>
ORS	<i>Office of Radiological Security</i>	PHPN	Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta
OTMS	<i>Operating Theater Management System</i>	PHRL	Makmal Rujukan Kesihatan Awam
OTP	<i>One-Time Password</i>	PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
P&P	Penyelidikan & Pembangunan	PIBKS	Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta
P&ST	Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	PICC	<i>Pharmacy Intergrated Community Care</i>
P5VS	Sakit sebagai Tanda Vital ke-5	PICK	Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan
PACS	<i>Picture Archiving and Communication System</i>	PICKids	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak
PB	<i>Paucibacillary/ Paucibacillary Leprosy</i>	PID	Penyakit Kurang Daya Tahan Primer
PBKD	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah	PIK	Pusat Informatik Kesihatan
PBOA	Pasukan Bergerak Orang Asli		
PBTT	Pihak Berkuasa Tatatertib		
PCF	<i>Program Community Feeding</i>		
PCR	Pemanjangan Rantai Polimerase		
PD	<i>Protocol Deviation</i>		
PDM 2020	Panduan Diet Malaysia 2020		
PDN	Pusat Darah Negara		

PJH	Pusat Jagaan Harian	PPSp	Penjagaan Spiritual Pesakit
PKBM	Perkhidmatan Berhenti Merokok	PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah	PPTA	Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam
PKKM	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan	PPV	Pemberian Vaksinasi
PKMR	Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja	PPW	Program Penempatan Wajib
PKN	Pendapatan Kasar Negara	PR	<i>Public Relations</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan	PRC	Republik Rakyat China
PKP KKM	Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia	PrEP	Prophylaxis Pra-Pendedahan
PMA	Pintu Masuk Antarabangsa	PRESMA	Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia
PMCC	Princess Margaret Cancer Centre	PRIMIS	<i>Primary Care Information System</i>
PMM 2020	Piramid Makanan Malaysia 2020	PRIS	<i>Patient Registry Information System</i>
PMO	Jabatan Perdana Menteri	ProKEM	Program Keselamatan Makanan
PNC	Penjagaan Posnatal	PS 2022	Pelan Strategik 2022
PNN	Penjagaan Postnatal	PSH	Perkhidmatan Sokongan Hospital
POA	<i>Plan of Action</i>	PSK	Perkhidmatan Sokongan Klinik
POC	<i>Proof of Concept</i>	PSP	Pegawai Sains Pemakanan
POCT	<i>Point of Care Testing</i>	PSP KKM	Pelan Strategik Pendigitalan KKM
POMR	<i>Perioperative Mortality Review</i>	2021 - 2025	2021 - 2025
POR	Pencegahan Kemasukan Semula Malaria	PT&K	Perubatan Tradisional & Komplementari
PPC	Penjagaan Pra-Kehamilan	PTI	Perubatan Tradisional India
PPC	Pakej Penjagaan COVID-19	PTJ	Pusat Tanggungjawab
PPCMA	Pakej Penjagaan COVID-19 Di Bawah Program Madani Afiat	PTM	Program Transformasi Minda
PPD	Perkhidmatan Perawatan Domisiliari	PTPKWE	Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2023 - 2030
PPE	<i>Personal Protective Equipment</i>	PUU	Penasihat Undang-undang
PPF	Program Perkhidmatan Farmasi	QA	Jaminan Kualiti
PPj	Perbadanan Purtajaya	QAP	Program Penjaminan Kualiti
PPKHT 2004	Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004	RAS	<i>Reimbursable Advisory Services</i>
PPKK	Panel Penasihat Klinik Pergigian	RBAR	Rumah Bebas Asap Rokok
PPKZM	Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan	RCC	<i>Research Consultant Clinic</i>
PPP	Penolong Pegawai Perubatan	RCTs	<i>Randomised Control Trials</i>
PPP	Kerjasama Awam Swasta	RIS	Penyata Impak Peraturan
PPPB	Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar	RIS@KKM	<i>Radiology Information System</i>
PPR	Projek Perumahan Rakyat	RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
PPS	Pegawai Perubatan Siswazah	RP 4	<i>Rolling Plan 4</i>
PPS	Pusat Pemindahan Sementara	RR-TB	<i>Rifampicin-resistant TB</i>
		RRT	Pengujian Secara Rawak
		RRT	Pasukan Tindak Cepat
		RRTF 2.0	Pasukan Bertindak Pantas COVID-19 Kebangsaan

RTEDM	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
RTM	<i>Replacement Through Maintenance</i>
RUU KAM	Rang Undang-Undang Kualiti Air Minum
SAE	<i>Serious Adverse Events</i>
SAR	Mencari dan Menyelamat
Saraubat	Unit Penilaian Teknikal Saraan Ubat
SB	Sektor Biomedikal
SBDR	Sektor Biostatistik & Data Repositori
SC	<i>Study Coordinator</i>
SCH	<i>Steering Committee on Health</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SDRC	Pusat Diagnostik Khas
SEBH	Sektor Evidence Based Health
SEP	<i>Single Entry Point</i>
SHENA	<i>Safety, Health and Environment National Authority</i>
SIP	Sektor Inspektorat dan Perundangan
SIS	<i>Sharps Injury Surveillance</i>
SiSPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SJAM	St. John Ambulance of Malaysia
SJTK	Sistem Janji Temu Klinik
SME	<i>Subject Matter Expert</i>
SMIS	<i>Special Management Information System</i>
SMRP	Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan
SOMHD	Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Pembangunan Kesihatan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SP	Program Lestari
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPFK	Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan
SPFP	Sistem Pengurusan Fail Peribadi
SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
SPK	Sistem Pengurusan Kualiti

SPKAKP	Sektor Peraturan Kesihatan Antarabangsa & Kesihatan Pengembaraan
SPM	Skim Perubatan MADANI
SPPBI	Sistem Permohonan Perolehan Barangan Import
SPPD	Sistem Pengurusan Pesakit Dalam
SPRA	Seksyen Pengurusan Respons Awam
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPUB	Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu
SQA	Jaminan Kualiti Perisian
SRC	Pusat Sumber Khas
SSAC	<i>State System of Accounting and Control</i>
SSDL	Makmal Standard Dosimetri Sekunder
SSI	Jangkitan Luka Pembedahan
SSP	<i>Site Security Plan</i>
SSPP	Soal Selidik Pengalaman Pelanggan
STAR	Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam
STBP	Sistem Tabung Bantuan Perubatan
STI	<i>Sexually Transmitted Infection</i>
STM	Sektor Teknologi Maklumat
STR	Sumbangan Tunai Rahmah
T&C	Pengujian & Pentauliahan
TAC	Jawatankuasa Penasihat Teknikal
TB	Tuberkulosis
TC	<i>Technical Cooperation</i>
TCI	Perubatan Tradisional, Komplementari, dan Integratif
TCM	<i>Traditional Chinese Medicine</i>
Tdap	tetanus-difteria-pertussis
TDP	Program Pembangunan Bakat
TEH	Perbelanjaan Kesihatan Negara
TGP	<i>Talent Grooming Programme</i>
THA	<i>Total Hip Arthroplasty</i>
THIS	<i>Total Hospital Information System</i>

TKA	<i>Total Knee Arthroplasty</i>	USA	United States of America
ToT	<i>Training of Trainer</i>	USM	Universiti Sains Malaysia
TPC	<i>Teleprimary Care</i>	USP	Unit Sumber Perubatan
TPC-OHCIS	<i>Teleprimary Care – Oral Health Clinical Information System</i>	UTAR	Tunku Abdul Rahman University
TPOS	<i>Terminal Point-of-Sale</i>	VA	<i>Verbal Autopsy</i>
TPS	Perakuan Pengamalan Sementara	VAS	Perkhidmatan Nilai Tambah
TPT	<i>Tuberculosis Preventive Treatment</i>	VC	Virtual Clinic
TR	<i>Technology Review</i>	VeDa	Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Malaysia
TSA	<i>Technical Specific Adhere</i>	VLDS	<i>Virtual Library Discovery Services Portal</i>
TWG	<i>Technical Working Group</i>	VOI	<i>Variant of Interest</i>
UAE	Emiriah Arab Bersatu	VPD	<i>Vaccine Preventable Disease</i>
UAT	<i>User Acceptance Testing</i>	VUM	<i>Variant Under Monitoring</i>
UHC	Universal Health Coverage	WASH	<i>Water, Sanitation and Hygiene</i>
UKHSA	United Kingdom Health Security Agency	WB	<i>World Bank</i>
UKI	Unit Kolaborasi dan Inovasi	WBG	<i>World Bank Group</i>
UKK	Unit Komunikasi Korporat	WEF	<i>World Economic Forum</i>
UKKP	Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	WGIHR	Kumpulan Kerja Peraturan Kesihatan Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia	WGS	<i>Whole Genome Sequencing</i>
UKU	Unit Kualiti Udara	WHA	Persidangan Kesihatan Sedunia
UM	Universiti Malaya	WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
UM3	Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga	WHO CA+	Pertubuhan Kesihatan Sedunia Perjanjian Konvensyen
UMeHU	Unit UM eHealth	WHOC	Pusat Kolaborasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia
UMP	Sistem Temu Janji Ubat Melalui Pos	WKK	Wakil Kesihatan Kampung
UNFCCC	<i>United Nations Framework on Climate Change</i>	WMO	Operasi Nyamuk Wolbachia
UNGA	Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	WOAH	<i>World Organisation for Animal Health</i>
UNHCR	<i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>	WOHD	<i>World Oral Health Day</i>
UNICEF	United Nations Children's Fund	WOPAD	<i>World Physical Activity Day</i>
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negara	WoW	<i>Wellness on Wheels</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia	WP	Wilayah Persekutuan
		WPR	<i>Western Pacific Region</i>
		WPSD	Hari Keselamatan Pesakit Sedunia

JAWATANKUASA EDITORIAL

KETUA EDITOR

Dr. Noriza binti Abdullah
Dr. Mohd Hafiz bin Ab Gani
Dr. Ahmad Aqram bin Rusli

EDITOR

Dr. Shahidah Adillah binti Shith
Dr. Mohammad Fadli bin Kharie
En. Zuraidy bin Haji Zainal Abidin
Dr. Zulhairi bin Mohamad
Dr. Ismat binti Mohd. Sulaiman
Dr. Nafisah binti Mazlan
Pn. Sabariah binti Salim
Cik Syahron Helmy binti Abdullah Halim
Pn. Maizatil Elina binti Abdul Hamid
Dr. Mohammad Naufal bin Nordin
Dr. Hammad Fahli bin Sidek
Dr. Erwyn Ooi Chin Wei
Dr. Ahmad Soufi bin Ahmad Fuad
En. Azman bin Ahmad
Pn. Maimunah binti A. Rahman
En. Rushdi bin Mohamad Khir
Pn. Rosmiyawati binti Anwar
Pn. Haina@Norwizana binti Isa

EDITOR LUAR

Dr. Wan Ahmad Syazani bin Mohamed
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)

En. Affandi bin Omar
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)

En. Firdaus bin Mohd Idris
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Blok E1, E3, E6, E7 & E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya, Malaysia

Tel: 03 8000 8000 | Faks: 03 8888 6187
www.moh.gov.my

